

KAEDAH-KAEDAH BURSA MALAYSIA SECURITIES BERHAD

ISI KANDUNGAN

BAB 1	TAKRIF DAN PERUNTUKAN YANG BERKAITAN
	Bahagian A TAKRIF DAN TAFSIRAN
Kaedah	1.01 Takrif
	1.02 Tafsiran
	Bahagian B PEMAKAIAN DAN KESAN KAEDAH-KAEDAH INI
	1.03 Kaedah-kaedah Bursa
	1.04 Kesan Mengikat Kaedah-kaedah
	1.05 Waad untuk mematuhi Kaedah-kaedah
	1.06 Bank Pelaburan
	Bahagian C PERUNTUKAN PERALIHAN
	1.07 Peruntukan peralihan berhubung dengan Tarikh Penukaran
	1.08 Peruntukan peralihan berhubung dengan Kaedah-kaedah Lama
	Bahagian D NOTIS
	1.09 Notis
	Bahagian E NOTIS DATA PERIBADI
	1.10 Notis Data Peribadi
	Bahagian F CUKAI BARANGAN DAN PERKHIDMATAN
	1.11 [Dipotong]
	Bahagian G KERAHSIAAN
	1.12 Kerahsiaan Dapatan
BAB 2	PENTADBIRAN
	Bahagian A KUASA BURSA
Kaedah	2.01 Pelaksanaan Kuasa
	2.02 Ketidapkakaian Bab 15
	2.03 Kesahan Tindakan
	2.04 Kuasa Syarikat Pemegangan Bursa

- 2.05 Keputusan Bursa Dan Hak Rayuan
2.06 Pihak Yang Terjejas Oleh Tindakan Yang Diambil Oleh Bursa

BAHAGIAN B PERLINDUNGAN KEPENTINGAN AWAM, KLIEN DAN BURSA

- 2.07 Kuasa Terus

Bahagian C SITUASI DARURAT

- 2.08 Keadaan Yang Membolehkan Bursa Boleh Mengambil Tindakan
2.09 Tindakan

Bahagian D DAFTAR

- 2.10 [*Dipotong*]

Bahagian E LIABILITI DAN TANGGUNG RUGI

- 2.11 Pengecualian Liabiliti Bursa

BAHAGIAN F PENDEDAHAN MAKLUMAT

- 2.12 Pendedahan Maklumat Berkaitan Dengan Organisasi Peserta

BAB 3 ORGANISASI PESERTA DAN ORANG BERDAFTAR

- Bahagian A ORGANISASI PESERTA**
- Kaedah**
- 3.01 Kriteria Kelayakan
3.02 Tatacara Permohonan
3.03 Rayuan Bagi Penolakan Mendaftar
3.04 Perubahan Status
3.05 Penyertaan
3.06 Obligasi Berterusan
3.07 Peletakan Jawatan
3.08 Fi
3.09 Liabiliti Berterusan

Bahagian B ORANG BERDAFTAR

- 3.10 Obligasi Untuk Mendaftar
3.11 Tatacara Pendaftaran
3.12 Rayuan Untuk Penolakan Mendaftar
3.13 Larangan Melaksanakan Fungsi Sehingga Didaftarkan
3.14 Obligasi

3.15	Obligasi Berterusan
3.16	Tugas Menguruskan Konflik Kepentingan
3.17	Notis Pemberhentian
3.18	Kekosongan Orang Berdaftar
3.19	Dikeluarkan Daripada Daftar
3.20	Fi Pendaftaran
3.21	Liabiliti Berterusan

Bahagian C KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

3.22	Obligasi
3.23	Penglibatan Dalam Perniagaan Lain

Bahagian D KETUA

3.24	Bilangan Minimum Ketua
3.25	Penglibatan Dalam Perniagaan Lain

Bahagian E KETUA NIAGA

3.26	Kehendak
3.27	Kriteria Kelayakan
3.28	Obligasi
3.29	Pelaporan

Bahagian F KETUA OPERASI

3.30	Kehendak
3.31	Kriteria Kelayakan
3.32	Obligasi
3.33	Pelaporan

Bahagian G KETUA PEMATUHAN

3.34	Kehendak
3.35	Kriteria Kelayakan
3.36	Obligasi
3.37	Pelaporan
3.38	Pelaporan Pelanggaran Atau Ketidakteraturan
3.39	Pelaporan Perkara Pematuhan

Bahagian H PENGARAH

3.40	Kehendak
------	----------

- 3.41 Obligasi
- 3.42 Penglibatan Dalam Perniagaan Lain
- 3.43 Peruntukan Anggaran

Bahagian I WAKIL PENIAGA

- 3.44 Kategori
- 3.45 Kehendak
- 3.46 Kriteria Kelayakan
- 3.47 Obligasi Wakil Peniaga
- 3.48 Skop Aktiviti
- 3.49 Saraan
- 3.50 Pengagihan Aset
- 3.51 Pergerakan Wakil Peniaga
[Dipotong]
- 3.52 Pelantikan Semula
- 3.53 Pemindahan

Bahagian J PERLINDUNGAN AWAM, PELANGGAN DAN KEPENTINGAN BURSA

- 3.54 [Dipotong]

BAB 4 PENGGERAK PASARAN DAN PAKAR DERIVATIF

Kaedah Bahagian A PENDAFTARAN PENGGERAK PASARAN

- 4.01 Kriteria Kelayakan
- 4.02 Tatacara Permohonan
- 4.03 Obligasi Berterusan

Bahagian B OBLIGASI PENGGERAK PASARAN

- 4.04 Bidaan Dan Harga Tawaran
- 4.05 Akaun Dagangan Ditetapkan Dan Akaun Sekuriti Ditetapkan
- 4.06 Pelaksanaan Oleh Penggerak Pasaran

Bahagian C PAKAR DERIVATIF

- 4.07 Umum
- 4.08 Tatacara Permohonan
- 4.09 Obligasi Berterusan
- 4.10 Akaun Perdagangan Dan Akaun Sekuriti Tertentu

4.11 Pelaksanaan Pakar Derivatif

Bahagian D PELETAKAN JAWATAN

4.12 Peletakan Jawatan

4.13 Penamatan, Penggantungan Atau Sekatan Aktiviti Penggerak
Pasaran Atau Pakar Derivatif

4.14 Liabiliti Berterusan

Bahagian E PENJUALAN SINGKAT YANG DIBENARKAN

4.15 Umum

4.16 Memulakan Penjualan Singkat Yang Dibenarkan

4.17 Pelaksanaan

4.18 Penggantungan Penjualan Singkat Yang Dibenarkan

4.19 Penyerahan Dan Penyelesaian

4.20 Tindakan Oleh Bursa

4.21 Am

BAB 5 PERJALANAN URUSAN

Kaedah Bahagian A KEHENDAK-KEHENDAK UMUM

5.01 Standard Pengendalian

5.02 Konflik Kepentingan Dan Pengurusan Risiko

5.03 Struktur, Kawalan Dalaman, Polisi Dan Tatacara

5.04 Rekod

5.05 Tempat Perniagaan

5.06 Pengiklanan

5.07 Komunikasi Dalam Organisasi Peserta

5.08 Pertikaian

5.09 Pernyataan, Maklumat Dan Laporan Kepada Bursa

5.10 Mata Wang

5.11 Pengasingan Sekuriti Klien

Bahagian B SUMBER

5.12 Prestasi Aktiviti Perniagaan Yang Betul

5.13 Kakitangan

5.14 Kerani Perdagangan

Bahagian C KLIEN

5.15 Maklumat Pelanggan Dan Pembukaan Akaun Pelanggan

- 5.16 Berurus Niaga Dengan Pelanggan
- 5.16A Akaun Budi Bicara

Bahagian D PENYUMBERLUARAN

- 5.17 Pengaturan Untuk Penyumberluaran
- 5.18 Bank Pelaburan

Bahagian E KEPERLUAN INSURANS

- 5.19 Keperluan Untuk Mengambil Polisi Insurans
- 5.20 Pemberitahuan Tuntutan

BAB 6 ORGANISASI DAN STRUKTUR ORGANISASI PESERTA

- Bahagian A PERNIAGAAN DIBENARKAN BAGI ORGANISASI PESERTA**
- Kaedah** 6.01 Perniagaan Dibenarkan

Bahagian B PEJABAT CAWANGAN

- 6.02 Permohonan
- 6.03 Penubuhan Pejabat Cawangan
- 6.04 [Dipotong]
- 6.05 [Dipotong]

Bahagian C FUNGSI PEJABAT BELAKANG

- 6.06 Sistem Dan Operasi Pejabat Belakang

Bahagian D FUNGSI PEMATUHAN

- 6.07 Fungsi Pematuhan
- 6.08 Kebertanggungjawaban
- 6.09 Pelaporan

Bahagian E PENGURUSAN RISIKO ORGANISASI PESERTA

- 6.10 Fungsi pengurusan risiko
- 6.11 Komposisi Jawatankuasa Pengurusan Risiko

Bahagian F AUDIT DALAMAN ORGANISASI PESERTA

- 6.12 Fungsi Audit Dalaman
- 6.13 Komposisi Jawatankuasa Audit

6.14 Skop Audit Dalaman

6.15 Pelaporan

Bahagian G PRESTASI JAWATANKUASA PENGURUSAN RISIKO DAN JAWATANKUASA AUDIT YANG BERFUNGSI PADA ARAS KUMPULAN

6.16 Jawatankuasa Pengurusan Risiko Dan Jawatankuasa Audit

6.17 Bank Pelaburan

BAB 7 PERNIAGAAN DALAM SEKURITI

	Bahagian A	PERNIAGAAN DALAM SEKURITI
Kaedah	7.01	Am
	7.02	Sebut Harga Dan Perdagangan Dalam Sekuriti
	7.03	Bertindak Sebagai Prinsipal
	7.04	Perdagangan Proprietari
	7.05	Akaun Perdagangan
	7.06	Kerosakan Atau Kepincangan Fungsi
	7.07	Lien Ke Atas Sekuriti
	7.08	Pelaporan Pertikaian Dagangan
	7.09	Bursa Saham Yang Diiktiraf
	7.10	Berniaga Dengan Atau Penciptaan Pasaran Lain
	Bahagian B	TRANSAKSI LUAR KUNCI KIRA-KIRA
	7.11	[Dipotong]
	7.12	[Dipotong]
	7.13	[Dipotong]
	Bahagian C	SEKURITI BERTANDA
	7.14	Sekuriti Bertanda
	Bahagian D	MEMBORONG SIMPAN
	7.15	Perisytiharan
	Bahagian E	AKTIVITI PEMBROKERAN SAHAM ISLAM
	7.16	Kelulusan Bursa
	Bahagian F	PINJAMAN DAN PEMINJAMAN SEKURITI
	7.17	Takrif
	7.18	Am

7.19	Garis Panduan Dan Sistem Dalaman
7.20	Permulaan Aktiviti Pinjaman Dan Peminjaman Sekuriti
7.21	[Dipotong]
7.22	Akaun Yang Ditetapkan
7.23	[Dipotong]
7.24	Tindakan Oleh Bursa

Bahagian G TRANSAKSI OLEH PEKERJA, WAKIL PENIAGA, WAKIL PERDAGANGAN DAN PENGARAH

7.25	[Dipotong]
7.26	Pemberitahuan
7.27	[Dipotong]
7.28	Takrif

Bahagian H PEMBIAYAAN

7.29	Jenis Pembiayaan Dibenarkan
7.30	Pembiayaan Margin
7.31	Pembiayaan Budi Bicara
7.32	Jenis Pembiayaan Yang Lain
7.33	Pembiayaan Perbadanan yang Berhubungan

Bahagian I PENJUALAN DAN PEMBELIAN SEKURITI ISLAM – TRANSAKSI TERUNDING

7.34	Takrif
7.35	Am
7.36	Garis Panduan Dan Sistem Dalaman
7.37	Permulaan Aktiviti ISSBNT
7.38	Akaun Yang Ditetapkan
7.39	Tindakan Oleh Bursa

Bahagian J DANA DAGANGAN BURSA LEVERAJ DAN SONGSANG

7.40	Perdagangan Dalam Dana Dagangan Bursa Leveraj Dan Songsang
------	--

BAB 8 PERDAGANGAN

	Bahagian A SISTEM DAGANGAN AUTOMATIK
Kaedah	8.01 Am
	8.02 Hari Perdagangan, Sesi Perdagangan Dan Waktu Perdagangan

8.03	Status Perdagangan
8.04	Memasukkan Pesanan
8.05	Pesanan
8.06	Jenis Pesanan
8.07	Syarat Kesahan
8.08	Padanan Pesanan
8.09	Pindaan Kontrak
8.10	Pembatalan Kontrak
8.11	Prosedur Berkenaan Dengan Pembatalan Kontrak Di Bawah Kaedah 8.10(1)(B) Atau (D)
8.12	Prosedur Berkenaan Dengan Pembatalan Kontrak Di Bawah Kaedah 8.10(1)(C)
8.12A	Pelarasan Harga Kontrak
8.12B	Tindakan Terhadap Organisasi Peserta
8.12C	Tanggung Rugi
8.13	Had Harga Statik
8.13A	Had Harga Dinamik
8.13B	Had Harga Akhir
8.14	Transaksi Persetujuan Bersama Atas Pasaran

Bahagian B AKSES PASARAN TERUS

8.15	Takrif
8.16	Am
8.17	Saringan Risiko Automatik
8.18	Klien
8.19	Pesanan DMA
8.20	Tindakan Oleh Bursa

Bahagian C PENJUALAN SINGKAT DIKAWAL SELIA

8.21	Takrif
8.22	Penjualan Singkat Dikawal Selia
8.23	Permulaan Penjualan Singkat Dikawal Selia
8.24	[Dipotong]
8.25	Akaun Perdagangan Bertanda Dan Akaun Sekuriti
8.26	Pelaksanaan
8.27	Nota Kontrak Untuk Penjualan Singkat Dikawal Selia
8.28	Larangan Terhadap Pindaan Kontrak

8.29	Penyerahan Dan Penyelesaian
8.30	Pelaporan Oleh Organisasi Peserta
8.31	Penggantungan Penjualan Singkat Dikawal Selia
8.32	Tindakan Oleh Bursa

Bahagian D PENJUALAN SINGKAT INTRAHARI

8.33	Takrif
8.34	Penjualan Singkat Intrahari
8.35	Permulaan Penjualan Singkat Intrahari
8.36	Pelaksanaan
8.37	Penggantungan Penjualan Singkat Intrahari
8.38	Penggantungan Berikutan Kejatuhan Harga
8.39	Penyerahan Dan Penyelesaian
8.40	Pelaporan Oleh Organisasi Peserta
8.41	Tindakan Oleh Bursa

Bahagian E PENGGANTUNGAN PERDAGANGAN

8.42	Penggantungan Perdagangan
------	---------------------------

BAB 9 PENYERAHAN DAN PENYELESAIAN

Kaedah	Bahagian A AM
	9.01 Skop
	9.02 Pusat Penjelasan
	Bahagian B PENYERAHAN SEKURITI
	9.03 Kontrak Asas Sedia
	9.04 Sekuriti Dengan Pelbagai Sebut Harga
	Bahagian C KONTRAK GAGAL BAGI LOT DAGANGAN
	9.05 Belian Paksa Tanpa Notis
	9.06 Prosedur Belian Paksa
	9.07 Penyelesaian Tunai
	Bahagian D KONTRAK GAGAL LOT GANJIL
	9.08 Penyelesaian Tunai

Bahagian E	PENYELESAIAN PEMBAYARAN
9.09	Penyelesaian Antara Organisasi Peserta Dengan Pelanggan
9.10	Kontra
9.11	Tolak Selesai

Bahagian F	JUALAN KELUAR
9.12	Kemungkiran Pembayaran
9.13	Notis Tidak Diperlukan

Bahagian G	TUNTUTAN DAN KELAYAKAN YANG TIMBUL DARIPADA KEGAGALAN PENYERAHAN
9.14	Sekuriti Ditransaksikan Berasaskan “Dengan Kelayakan”
9.15	Sekuriti Ditransaksikan Berasaskan “Tanpa Kelayakan”
9.16	Jualan Hak

Bahagian H	BELIAN PAKSA ATAS PERMINTAAN
9.17	Belian Paksa Atas Permintaan

BAB 10 TRANSAKSI URUSNIAGA TERUS

Bahagian A	AM
Kaedah	10.01 Am
	10.02 Larangan
	10.03 Penyerahan Dan Penyelesaian
	10.04 Jualan Keluar
Bahagian B	CARA TRANSAKSI URUS NIAGA TERUS
	10.05 Perjalanan Transaksi Urus Niaga Terus
	10.06 Pelaporan Transaksi Urus Niaga Terus
	10.07 Ketepatan Pelaporan
	10.08 Hari Perdagangan, Sesi Perdagangan Dan Waktu Perdagangan
	10.09 Harga Sekuriti
Bahagian C	HARI PERTAMA PERDAGANGAN BAGI SEKURITI YANG DIKELUARKAN DARIPADA PEMBERHENTIAN ATAU PENGGANTUNGAN PERDAGANGAN, PENYENARAIAN DAN PENYEBUTAN PERDAGANGAN SERTA PERDAGANGAN TANPA KELAYAKAN ATAU SELEPAS TINDAKAN KORPORAT
	10.10 Pelaporan Transaksi Urus Niaga Terus

Bahagian D	PINDAAN DAN PEMBATALAN TRANSAKSI URUS NIAGA TERUS
10.11	Pindaan Dan Pembatalan
Bahagian E	KEGAGALAN UNTUK MENYERAHKAN ATAU MEMBUAT PEMBAYARAN BAGI TRANSAKSI URUS NIAGA TERUS
10.12	Tindakan Oleh Bursa
Bahagian F	LEVI SURUHANJAYA SEKURITI
10.13	Tuntutan

BAB 11 KOMISEN DAN FI DAN CAJ LAIN

Bahagian A	TAKRIF
Kaedah	11.01 Takrif
Bahagian B	KOMISEN
	11.02 Kadar
	11.03 Larangan Kontrak Bersih
Bahagian C	FI DAN CAJ LAIN
	11.04 Levi oleh Suruhanjaya
	11.05 Fi Penjelasan

BAB 12 KEPERLUAN PERAKAUNAN, AUDIT DAN PELAPORAN KEWANGAN

Bahagian A	AKAUN DAN PELAPORAN KEWANGAN
Kaedah	12.01 Akaun
	12.02 Penyata Kewangan
Bahagian B	AUDIT BERKANUN
	12.03 Audit Tahunan Berkanun
Bahagian C	PENGGANTUNGAN FAEDAH DAN PERUNTUKAN HUTANG LAPUK DAN RAGU
	12.04 Arahan-arahan
	12.05 [Dipotong]
Bahagian D	TRANSAKSI LUAR KUNCI KIRA-KIRA
	12.06 Bank Pelaburan

12.07	Rekod Transaksi Luar Kunci Kira-Kira
12.08	Pelaporan Transaksi Luar Kunci Kira-Kira

BAB 13 KEHENDAK MODAL

	Bahagian A	AM
Kaedah	13.01	Bank Pelaburan
	13.02	Takrif
	Bahagian B	KEPERLUAN MODAL
	13.03	Modal Berbayar Minimum Dan Dana Pemegang Syer Minimum Yang Tidak Terjejas Oleh Kerugian
	Bahagian C	KEHENDAK KECUKUPAN MODAL
	13.04	Obligasi Organisasi Peserta
	13.05	Obligasi Bank Pelaburan
	Bahagian D	MODAL CAIR
	13.06	Prinsip Umum
	13.07	Pengiraan Modal cair
	Bahagian E	RISIKO OPERASI
	13.08	Prinsip Umum
	13.09	Pengiraan Kehendak Risiko Operasi
	13.10	Kehendak Risiko Operasi Minimum
	13.11	Kehendak Perbelanjaan Tahunan
	13.12	Pelarasan
	Bahagian F	KEDUDUKAN RISIKO
	13.13	Prinsip Umum
	13.14	Kehendak Risiko Kedudukan Bagi Ekuiti Dan Instrumen Derivatif Dagangan Bursa
	13.15	Kehendak Risiko Kedudukan Bagi Sekuriti Hutang
	13.16	Kehendak Risiko Kedudukan Bagi Instrumen Lain
	Bahagian G	RISIKO KAUNTERPARTI
	13.17	Prinsip Umum
	13.18	Pengiraan Kehendak Risiko Kaunterparti
	13.19	Instrumen Luar Biasa
	13.20	Cagaran

- 13.21 Perlindungan Nilai
- 13.22 Kehendak Risiko Kaunterparti Tambahan

Bahagian H RISIKO PENDEDAHAN BESAR

- 13.23 Prinsip Umum
- 13.24 Pendedahan Terhadap Klien Tunggal Atau Kaunterparti
- 13.25 Pendedahan Langsung Terhadap Sekuriti Hutang
- 13.26 Pendedahan Kepada Ekuiti Tunggal

Bahagian I RISIKO PENAJAJAMINAN

- 13.27 Prinsip Umum
- 13.28 Pengiraan
- 13.29 Daftar Komitmen Penajajaminan

Bahagian J NISBAH PENGGEARAN

- 13.30 Takrif
- 13.31 Nisbah Penggearingan

Bahagian K RISIKO PENCAIRAN

- 13.32 Pematuhan
- 13.33 Bank Pelaburan

BAB 14 PEMERIKSAAN DAN PENYIASATAN

- Bahagian A TAKRIF**
 - Kaedah** 14.01 Takrif
[Dipotong]
- Bahagian B PEMERIKSAAN**
 - 14.02 Hak Bursa Untuk Memeriksa
 - 14.03 [Dipotong]
 - 14.04 Pelaporan
 - 14.05 [Dipotong]
- Bahagian C PENYIASATAN**
 - 14.06 Kuasa Untuk Menyiasat
 - 14.07 [Dipotong]
- Bahagian D KERAHSIAAN**

14.08 Kerahsiaan Dapatan
[Dipotong]

BAB 15 TINDAKAN DISIPLIN

Kaedah	Bahagian A	KUASA DISIPLIN
	15.01	Am
	15.02	Kuasa Disiplin
	15.03	Prosedur
	15.04	Penyelesaian Yang Dipersetujui
	15.05	Permohonan Bagi Representasi Lisan
	15.06	Standard Pembuktian
	15.07	Tindakan Kumulatif Atau Penalti [Dipotong]
	15.08	Hak Lain
	Bahagian B	PELANGGARAN
	15.09	Kesalahan Peserta
	Bahagian C	PROSIDING DISIPLIN
	15.10	Notis Yang Diperlukan
	15.11	Gerak Balas Terhadap Notis Mohon
	15.12	Pemberitahuan Keputusan
	Bahagian D	PROSIDING SEGERA
	15.13	Skop
	15.14	Prosedur
	15.15	Tiada had
	Bahagian E	RAYUAN
	15.16	Hak Rayuan
	15.17	Notis Rayuan
	15.18	Pertimbangan Rayuan
	15.19	Pemberitahuan Keputusan Rayuan
	Bahagian F	KESAN TINDAKAN DISIPLIN
	15.20	Umum
	15.21	Tempoh Pembayaran Dan Kesan Tidak Membayar Denda
	15.22	Penguatkuasaan Penggantungan

BAB 16 PASARAN LEAP

Bahagian A AM

16.01 Pengenalan

Bahagian B KEHENDAK PASARAN LEAP

16.02 Pelabur Mahir

16.03 Pernyataan Pendedahan Risiko

16.04 Pembiayaan

16.05 Transaksi Urusniaga Terus

LAMPIRAN

LAMPIRAN 1 (Bab 7)	PERNYATAAN PENDEDAHAN RISIKO BAGI PINJAMAN SEKURITI [Dipotong]
LAMPIRAN 2 (Bab 7)	[Dipotong]
LAMPIRAN 3 (Bab 7)	PULANGAN BULANAN BAGI KEMUDAHAN KREDIT DIBERIKAN BERKAITAN DENGAN AKAUN MARGIN [Dipotong]
LAMPIRAN 4 (Babs 7 & 8)	PERISYTIHARAN PEMATUHAN BAGI JUALAN SINGKAT DIKAWAL SELIA DAN PINJAMAN DAN PEMINJAMAN SEKURITI [Dipotong]
LAMPIRAN 5 (Bab 4)	[Dipotong]
LAMPIRAN 6 (Bab 10)	PERISYTIHARAN BAGI TRANSAKSI URUS NIAGA TERUS [Dipotong]

JADUAL

JADUAL 1 (Bab 3)	SKOP AKTIVITI WAKIL PENIAGA
JADUAL 2 (Babs 7 & 9)	MASA PENYERAHAN DAN PENYELESAIAN BAGI TRANSAKSI PADA PASARAN
JADUAL 3 (Bab 10)	MASA PENYERAHAN DAN PENYELESAIAN BAGI TRANSAKSI PERNIAGAAN

JADUAL 4 (Bab 10)	HARGA SEKURITI YANG DITRANSAKSIKAN DALAM TRANSAKSI PERNIAGAAN TERUS
JADUAL 5 (Bab 10)	HARGA SEKURITI YANG DITRANSAKSIKAN DALAM TRANSAKSI PERNIAGAAN TERUS BAGI HARI PERTAMA PERDAGANGAN SEKURITI APABILA DIKELUARKAN DARIPADA PEMBERHENTIAN ATAU PENGGANTUNGAN DAGANGAN, DISENARAIKAN DAN DISEBUTKAN, DAN DARIPADA DAGANGAN TANPA KELAYAKAN ATAU SELEPAS TINDAKAN KORPORAT
JADUAL 6 (Bab 11)	KADAR KOMISEN
JADUAL 7 (Bab 11)	LEVI SC

BAB 1 TAKRIF DAN PERUNTUKAN YANG BERKAITAN

BAHAGIAN A TAKRIF DAN TAFSIRAN

1.01 Takrif

Istilah berikut mempunyai maksud yang disebut di bawah ini melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain.

Istilah	Maksud
ABFMY1	Dana Indeks Bon Malaysia AFB yang merupakan Dana Dagangan Bursa yang disenaraikan dan disebut di Bursa dan diberikan nama pendek saham ABFMY1.
Pasaran ACE	Pasaran saham Bursa yang dirujuk sebagai Pasaran ACE.
Garis Panduan Kemasukan	Garis panduan kemasukan untuk pendaftaran Organisasi Peserta, Orang Berdaftar, Penggerak Pasaran atau Pakar Derivatif, yang disediakan dalam laman web Syarikat Pemegang Bursa.
Keadaan Mudarat	<i>[Dipotong]</i>
Laporan tahunan	<i>[Dipotong]</i>
Sekuriti yang Diluluskan	Berhubung dengan Penjualan Singkat Dikawal Selia dan Penjualan Singkat Intra Hari, mana-mana sekuriti yang didagangkan di pasaran saham Bursa yang diisytiharkan sebagai sedemikian oleh Bursa di bawah Kaedah 8.22(5).
ATS	Sistem perdagangan sekuriti automatik dan berkomputer yang dibangunkan oleh Bursa.
Pengendali ATS	Berhubung dengan Organisasi Peserta, seorang Wakil Peniaga, Kerani Perdagangan atau Wakil Perdagangan yang dibenarkan sewajarnya oleh Organisasi Peserta untuk memasukkan pesanan ke dalam ATS, untuk mengubah suai dan membatalkan pesanan.
Peserta ISSBNT yang Dibenarkan	Suatu entiti yang diluluskan untuk mengendalikan ISSBNT di bawah Kaedah Pusat Penjelasan.
Penama Diberi Kuasa	Mempunyai erti yang sama sebagaimana dalam Akta Perindustrian Sekuriti (Depositori Pusat) dan Kaedah-kaedah Depositori.
Peserta SBL yang Dibenarkan	Pusat Penjelasan atau satu entiti yang diluluskan oleh Pusat Penjelasan untuk mengendalikan Pinjaman dan Peminjaman Sekuriti.
Perbadanan Bersekutu	Sebuah perbadanan yang disifatkan bersekutu dengan seseorang kerana orang tersebut, secara langsung atau tidak langsung, memegang tidak kurang daripada 20% dan tidak lebih daripada 50% modal saham terbitan perbadanan tersebut.

Bab 1 – Takrif dan Peruntukan yang Berkaitan

BAFIA	<i>[Dipotong]</i>
Harga Beli Terbaik	Harga pesanan pembelian tertinggi dalam buku pesanan ATS.
Pemunya Benefisial	Mempunyai erti yang sama sebagaimana yang diberikan dalam Akta Perindustrian Sekuriti (Depositori Pusat) dan Kaedah-kaedah Depositori.
Harga Jual Terbaik	Harga pesanan penjualan terendah dalam buku pesanan ATS.
Lot Dagangan	Berhubung dengan apa-apa sekuriti yang disebut dalam Senarai Rasmi, satu kumpulan sekuriti yang terdiri daripada bilangan unit yang sedemikian sebagaimana yang ditentukan oleh Bursa.
Lembaga Pengarah	Berhubung dengan sebuah Organisasi Peserta, Lembaga Pengarah bagi Organisasi Peserta tersebut.
Perisytiharan BOCA	Pengisytiharan tentang Kerjasama dan Pengawasan Pasaran Hadapan Antarabangsa dan Organisasi Penjelasan.
Buku	Mempunyai erti yang sama sebagaimana yang diberikan dalam Akta Pasaran Saham dan Perkhidmatan.
Tarikh Tutup Buku	Masa dan tarikh tertentu yang ditetapkan oleh Penerbit bagi tujuan menentukan kelayakan untuk dividen, faedah, sekuriti baharu atau pengagihan-pengagihan lain atau hak pemegang sekuriti Penerbit yang didagangkan di pasaran saham Bursa.
Pejabat Cawangan	Satu lokasi tetap yang ditentukan oleh Organisasi Peserta sebagai cawangannya di mana Organisasi Peserta menjalankan urusan berniaga dalam sekuriti.
Keperluan Kecukupan Modal	Keperluan kecukupan modal dalam Bab 13.
Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan	Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007.
Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal	Mempunyai erti yang sama sebagaimana yang diberikan dalam Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan.
Lesen Wakil Perkhidmatan Pasaran Modal	Mempunyai erti yang sama sebagaimana yang diberikan dalam Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan.
Bank Negara	Bank Negara Malaysia ditubuhkan di bawah Akta Bank Negara Malaysia 2009.
Depositori Pusat	Sebuah depositori pusat yang ditubuhkan di bawah Akta Perindustrian Sekuriti (Depositori Pusat) dan termasuk mana-mana depositori pusat asing sebagaimana yang ditentukan oleh Bursa.
Ketua Pegawai Eksekutif	Mempunyai erti yang sama seperti “Ketua Eksekutif” dalam Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan.
Akaun Penjelasan	Sebuah akaun perdagangan yang dibuka atas nama Organisasi Peserta dan digunakan oleh Organisasi Peserta bagi memudahkan pengumpulan pesanan yang diberikan oleh klien, untuk membeli atau menjual sekuriti dalam kuantiti tertentu

Bab 1 – Takrif dan Peruntukan yang Berkaitan

pada Hari T.

Pusat Penjelasan	BURSA MALAYSIA SECURITIES CLEARING SDN. BHD. atau mana-mana pusat penjelasan lain yang ditetapkan oleh Bursa untuk tujuan penjelasan dan penyelesaian Kontrak dan Transaksi Urus Niaga Terus.
Kaedah-kaedah Pusat Penjelasan	Berhubung dengan Pusat Penjelasan, Kaedah-kaedah Pusat Penjelasan dan apa-apa pindaan yang boleh dibuat dari semasa ke semasa.
Klien	Seseorang yang untuknya akaun perdagangan dicadangkan untuk dibuka atau telah pun dibuka oleh Organisasi Peserta di bawah Kaedah-kaedah ini.
Harga Tutup	“harga tutup” bagi Transaksi Atas Pasaran sebagaimana yang ditentukan oleh Bursa.
Suruhanjaya	Suruhanjaya Sekuriti Malaysia yang ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Sekuriti Malaysia.
Wakil Peniaga Berkomisen	Seorang Wakil Peniaga yang diambil bekerja oleh Organisasi Peserta tanpa berasaskan gaji.
Buku Panduan Pelesenan Suruhanjaya	Buku Panduan Pelesenan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya menurut Seksyen 377 Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan.
Akta Syarikat	Akta Syarikat 2016.
Sekuriti Konstituen	Mana-mana sekuriti yang dimasukkan ke dalam Senarai Rasmi yang membentuk bakul atau sebahagian daripada bakul sekuriti yang diperlukan untuk menghasilkan satu unit ETF dan/atau menjadi asas bagi satu unit ETF.
Kontrak	Satu kontrak untuk transaksi penjualan atau pembelian sekuriti yang dibuat di pasaran saham Bursa sebagaimana yang dikehendaki dalam Kaedah 8.08(3).
Tarikh Kontrak	Berhubung dengan Kontrak untuk menjual atau membeli bagi Transaksi Atas Pasaran, hari apabila pesanan untuk menjual atau membeli dipadankan dalam ATS.
Nota Kontrak	Mempunyai erti yang sama sebagaimana yang diberikan dalam Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan.
Tarikh Perubahan	Mempunyai erti yang sama sebagaimana yang diberikan dalam Akta Demutualisasi.
Tindakan Korporat	Apa-apa tindakan yang diambil oleh Penerbit berhubung dengan atau yang timbul daripada sekuriti Penerbit termasuk pembayaran dividen, pengeluaran saham bonus serta hak dan kepentingan lain yang dikaitkan dengan apa-apa sekuriti, penstrukturan semula modal dan penyatuan saham.
Kaunterparti	Seseorang atau Klien yang dengannya atau untuknya Organisasi Peserta melaksanakan, atau berniat untuk melaksanakan, apa-apa urusan berniaga dalam sekuriti.

Perdagangan Harian	<i>[Dipotong]</i>
Wakil Peniaga	Pemegang Lesen Wakil Perkhidmatan Pasaran Saham untuk urus niaga dalam sekuriti.
Akta Demutualisasi	Akta Demutualisasi (Bursa Saham Kuala Lumpur) 2003.
Depositori	BURSA MALAYSIA DEPOSITORY SDN BHD atau mana-mana syarikat lain yang diluluskan oleh Menteri untuk bertindak sebagai depositori pusat di bawah Akta Perindustrian Sekuriti (Depositori Pusat).
Kaedah-kaedah Depositori	Berhubung dengan Depositori, kaedah-kaedah Depositori dan apa-apa pindaan yang boleh dibuat dari semasa ke semasa.
Bursa Derivatif	BURSA MALAYSIA DERIVATIVES BERHAD.
Kaedah-kaedah Bursa Derivatif	Kaedah-kaedah Bursa Derivatif dan apa-apa pindaan yang boleh dibuat dari semasa ke semasa.
Pakar Derivatif	Seseorang yang ditetapkan di bawah Bahagian C Bab 4, yang berdaftar dengan Bursa.
Akaun DF	Satu akaun yang dibuka oleh seorang Klien sebuah Organisasi Peserta, yang membenarkan Klien tersebut menggunakan Pembiayaan Budi Bicara yang dirujuk dalam Kaedah 7.31.
Pemegang Akaun DF	Seorang Klien yang mempunyai Akaun DF dengan sebuah Organisasi Peserta.
Transaksi Urus Niaga Terus	Satu kontrak untuk penjualan dan pembelian sekuriti yang diurusniagakan di pasaran saham Bursa, yang dibuat di luar ATS tetapi tidak termasuk ISSBNT.
Akses Pasaran Terus (DMA)	Proses yang membolehkan pesanan untuk membeli atau menjual sekuriti, atau pengubahsuaian atau pembatalan pesanan itu, dimasukkan untuk pelaksanaan dalam ATS oleh seorang Klien tanpa apa-apa campur tangan atau pemasukan data oleh Wakil Peniaga.
Arahan-arahan	<p>Arahan, kaedah-kaedah atau garis panduan yang dikeluarkan oleh Bursa dengan apa-apa jua nama yang disebut untuk atau berkaitan dengan mana-mana Kaedah-kaedah ini dan apa-apa pindaan yang boleh dibuat dari semasa ke semasa, termasuk:</p> <ul style="list-style-type: none">(a) apa-apa keputusan atau kehendak yang dibuat atau dikenakan oleh Bursa menurut apa-apa perbuatan atau perkara yang dilakukan di bawah Kaedah-kaedah ini;(b) apa-apa terma atau syarat yang dikenakan menurut apa-apa perbuatan atau perkara yang dilakukan di bawah Kaedah-kaedah ini; dan(c) apa-apa kehendak yang dikenakan oleh Bursa untuk operasi dan pengurusan pasaran saham dan kemudahan Bursa secara teratur.
Pengarah	Mempunyai erti yang sama sebagaimana yang diberikan dalam Akta Syarikat.

Bab 1 – Takrif dan Peruntukan yang Berkaitan

Akaun Budi Bicara	Suatu akaun untuk dagangan yang dilaksanakan oleh Organisasi Peserta bagi pihak Klien menurut suatu perkiraan apabila Klien memberi kuasa kepada Organisasi Peserta untuk berdagang bagi pihak Klien atas dasar budi bicara.
Pembiayaan Budi Bicara	Suatu pembiayaan yang diberikan oleh Organisasi Peserta kepada Klien di bawah Kaedah 7.31.
Klien DMA	Seseorang yang dibenarkan untuk memasukkan pesanan DMA di bawah Kaedah 8.18.
Dokumen	Mempunyai erti yang sama sebagaimana yang diberikan dalam Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan.
Deposit Sekuriti DR	<p>Apa-apa wang tunai, jaminan bank, sekuriti atau apa-apa bentuk jaminan lain yang boleh diterima oleh Organisasi Peserta yang didepositkan dengan Organisasi Peserta:</p> <p>(a) bagi menjamin obligasi Wakil Peniaga terhadap Organisasi Peserta di bawah perjanjian yang membentangkan pengaturan antara Organisasi Peserta dengan Wakil Peniaga; atau</p> <p>(b) sebagai jaminan bagi pembayaran balik semua wang yang dihutang atau mungkin masih dihutang oleh Wakil Peniaga atau Klien Wakil Peniaga tersebut kepada Organisasi Peserta, yang timbul daripada atau yang berkaitan dengan transaksi dalam sekuriti.</p>
Wakil Peniaga Dwi-Lesen	<i>[Dipotong]</i>
Tarikh Kuat kuasa	<i>[Dipotong]</i>
Dana Pemegang Syer Efektif	Dana pemegang syer terakhir Organisasi Peserta yang telah diaudit tolak kerugian tidak diaudit.
Kemudahan Akses Elektronik	<i>[Dipotong]</i>
Broker 1+1	Mempunyai erti yang sama sebagaimana yang diberikan dalam Buku Panduan Pelesenan Suruhanjaya.
Sekuriti yang Layak	Apa-apa sekuriti sebagaimana yang ditetapkan oleh Pusat Penjelasan sebagai layak untuk Pinjaman dan Peminjaman Sekuriti menurut Kaedah-Kaedah Pusat Penjelasan.
Ekuiti	Berhubung dengan Pembiayaan Margin, jumlah Margin dan sekuriti yang dibeli dan dibawa dalam Akaun Margin Klien.
Dana Dagangan Bursa berasaskan Ekuiti	<i>[Dipotong]</i>
Bursa	BURSA MALAYSIA SECURITIES BERHAD.
Syarikat Pemegang Bursa	BURSA MALAYSIA BERHAD.
Bon Dagangan Bursa (ETB)	Sukuk atau sekuriti hutang yang disenaraikan dan disebut untuk

Bab 1 – Takrif dan Peruntukan yang Berkaitan

	perdagangan di Bursa.
Dana Dagangan Bursa (ETF)	Mempunyai erti yang sama sebagaimana yang diberikan dalam Garis Panduan Dana Dagangan Bursa.
Penama Diberi Kuasa Terkecuali	Mempunyai erti yang sama sebagaimana yang diberikan dalam Kaedah-kaedah Depositori.
FDSS	Sistem penyampaian dan penyelesaian tetap yang dibangunkan oleh Bursa bagi menetapkan dan mengawal selia hari dan masa untuk penyampaian dan penyelesaian sekuriti yang didagangkan atau dilaporkan di pasaran saham Bursa.
Kontrak Hadapan	Satu kontrak bagi penyerahan sekuriti pada masa depan pada harga dan tarikh yang telah ditentukan terlebih dahulu.
FSA	Akta Perkhidmatan Kewangan 2013.
Pengurusan Kumpulan Wang	<i>[Dipotong]</i>
Wakil Pengurus Kumpulan Dana	<i>[Dipotong]</i>
Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST)	<i>[Dipotong]</i>
Kumpulan	Mempunyai erti yang sama sebagaimana yang diberikan dalam Buku Panduan Pelesenan Suruhanjaya.
Garis Panduan bagi Wakil Pemasaran	Garis Panduan Suruhanjaya untuk Wakil Pemasaran.
Garis Panduan Dana Dagangan Bursa	Garis Panduan Suruhanjaya tentang Dana Dagangan Bursa.
Garis Panduan Bank Pelaburan	Garis Panduan Bank Pelaburan yang dikeluarkan secara bersama oleh Bank Negara dan Suruhanjaya.
Garis Panduan berkenaan dengan Perilaku Pasaran dan Amalan Perniagaan bagi Syarikat Pembrokeran Saham dan Wakil Berlesen	Garis Panduan Suruhanjaya berkenaan dengan Perilaku Pasaran dan Amalan Perniagaan bagi Syarikat Pembrokeran Saham dan Wakil Berlesen.
Garis Panduan Perkhidmatan Luar	<i>[Dipotong]</i>
Garis Panduan bagi Orang Berdaftar (Wakil Berdaftar)	<i>[Dipotong]</i>
Potongan Nilai (<i>Haircut</i>)	Pemotongan jumlah tertentu daripada nilai cagaran yang dirujuk dalam Kaedah 7.18(4)(a)(ii);
Ketua-ketua	Berhubung dengan Organisasi Peserta, orang yang menjadi Ketua Niaga, Ketua Operasi dan Ketua Pematuhan dan "Ketua" bererti mana-mana satu daripada Ketua-ketua ini.
Ketua Pematuhan	Seseorang yang dilantik oleh Organisasi Peserta di bawah

Bab 1 – Takrif dan Peruntukan yang Berkaitan

	Kaedah 3.34(1).
Ketua Niaga	Seseorang yang dilantik oleh Organisasi Peserta di bawah Kaedah 3.26(1).
Ketua Operasi	Seseorang yang dilantik oleh Organisasi Peserta di bawah Kaedah 3.30(1).
Kontrak Serta-merta	<i>[Dipotong]</i>
Pendapatan	Berhubung dengan Sekuriti yang Layak atau Sekuriti ISSBNT yang Layak, apa-apa keuntungan, dividen atau pengagihan lain dalam apa-apa jua bentuk, masing-masing berkenaan dengan Sekuriti yang Layak atau Sekuriti ISSBNT yang Layak.
Kepentingan dalam Sekuriti	Mempunyai erti yang sama sebagaimana yang diberikan dalam Akta Pasaran Saham dan Perkhidmatan.
Garis Panduan Dalaman untuk Penjualan Singkat yang Dibenarkan	Garis panduan bertulis yang digubal oleh Penggerak Pasaran atau seorang Pakar Derivatif yang menentukan dasar dalaman, prosedur, kawalan dan kehendak Penggerak Pasaran atau Pakar Derivatif tentang pematuhan kepada undang-undang dan Kaedah-kaedah ini berhubung dengan aktiviti Penjualan Singkat Dibenarkan.
Penjualan Singkat Intra Hari	Penjualan singkat bagi Sekuriti yang Diluluskan yang dilaksanakan menurut Bahagian D Bab 8.
Wakil Pencadang	<i>[Dipotong]</i>
ETF Songsang	Mempunyai erti yang sama sebagaimana yang diberikan dalam Garis Panduan Dana Dagangan Bursa.
Bank Pelaburan	Sebuah bank pelaburan yang dirujuk di bawah Garis Panduan Bank Pelaburan dan diterima sebagai Organisasi Peserta di bawah Kaedah 3.02.
IOSCO MMOU	Memorandum Persefahaman Pelbagai Hala bagi Pertubuhan Antarabangsa Suruhanjaya Sekuriti (<i>The International Organisation of Securities Commissions Multilateral Memorandum of Understanding</i>).
Penjualan dan Pembelian Sekuriti Islam - Transaksi Terunding atau ISSBNT	Mempunyai erti yang sama sebagaimana yang diberikan dalam Kaedah-kaedah Pusat Penjelasan.
Perjanjian ISSBNT	Suatu perjanjian untuk tujuan ISSBNT.
Sekuriti ISSBNT yang Layak	Apa-apa sekuriti sebagaimana yang boleh ditentukan oleh Pusat Penjelasan sebagai layak untuk ISSBNT menurut Kaedah-Kaedah Pusat Penjelasan.
Penerbit	Mempunyai erti yang sama sebagaimana yang diberikan dalam Akta Pasaran Saham dan Perkhidmatan.
Harga Terakhir	Harga dagangan terakhir bagi suatu Transaksi Atas Pasaran.

Bab 1 – Takrif dan Peruntukan yang Berkaitan

Pasaran LEAP	Pasaran saham Bursa yang dirujuk sebagai Pasaran LEAP.
ETF Leveraj	Mempunyai erti yang sama sebagaimana yang diberikan dalam Garis Panduan tentang Dana Dagangan Bursa.
Institusi Berlesen	<i>[Dipotong]</i>
Kehendak-kehendak Penyenaraian	Kaedah-kaedah yang mengawal penyenaraian sekuriti dan pengawalseliaan Penerbit tersenarai dalam pasaran saham Bursa.
Harga Had Terendah	Harga paling rendah daripada Harga Rujukan yang dengannya sekuriti boleh didagangkan, sebagaimana ditetapkan oleh Bursa.
Pasaran Utama	Pasaran saham Bursa yang dirujuk sebagai Pasaran Utama.
Margin	Amaun agregat bagi wang tunai dan cagaran yang didepositkan ke dalam Akaun Margin Klien tetapi tidak termasuk sekuriti yang dibeli dan dibawa dalam Akaun Margin Klien.
Akaun Margin	Akaun yang disenggarakan oleh Klien dengan Organisasi Peserta untuk Pembiayaan Margin.
Pembiayaan Margin	Satu bentuk pembiayaan yang diberikan oleh Organisasi Peserta kepada Klien di bawah Kaedah 7.30.
Sekuriti Margin	Berhubung dengan Pinjaman dan Peminjaman Sekuriti, manamana Sekuriti yang Layak yang dibawa dalam Akaun Margin seorang Klien.
Hari Pasaran	Hari apabila pasaran saham Bursa dibuka untuk perdagangan dalam sekuriti, yang boleh termasuk Cuti Peristiwa.
Penggerak Pasaran	Seseorang yang melaksanakan Pembuatan Pasaran.
Pembuatan Pasaran	Perbuatan memasukkan harga bidaan dan tawaran dalam buku pesanan yang disenggara dalam ATS bagi Sekuriti yang Ditentukan berdasarkan kehendak yang ditetapkan oleh Bursa.
Wakil Pemasaran	Mempunyai erti yang sama sebagaimana yang diberikan dalam Garis Panduan bagi Wakil Pemasaran.
Syarikat Anggota	Sebuah Organisasi Peserta yang pernah menjadi ahli Syarikat Pemegang Bursa sebelum demutualisasi Syarikat Pemegang Bursa di bawah Akta Demutualisasi.
Modal Berbayar Minimum	Berhubung dengan Organisasi Peserta, modal berbayar minimum yang ditetapkan dalam Kaedah 13.03.
Dana Pemegang Syer Minimum	Berhubung dengan Organisasi Peserta, dana pemegang saham minimum yang tidak terjejas oleh kerugian yang dinyatakan dalam Kaedah 13.03.
Menteri	Menteri yang bertanggungjawab terhadap kewangan di Malaysia.
Kedudukan Singkat Bersih	Berhubung dengan Sekuriti yang Diluluskan, kuantiti Sekuriti

Bab 1 – Takrif dan Peruntukan yang Berkaitan

yang Diluluskan yang dijual singkat pada Hari Pasaran menurut Bahagian C Bab 8 tetapi tidak ditutup pada hari yang sama.

Kaedah-kaedah Baharu	<i>[Dipotong]</i>
Broker Bukan Universal	Sebuah Organisasi Peserta yang bukan Broker Universal dan termasuk Broker Bukan Universal yang Layak dan Broker Skim Khas.
Lot Ganjil	Berhubung dengan mana-mana sekuriti yang disebut dalam Senarai Rasmi, apa-apa bilangan sekuriti sedemikian yang kurang daripada bilangan sekuriti yang ditentukan oleh Bursa sebagai Lot Dagangan.
Luar Kunci Kira-Kira	<p>Termasuk:</p> <ul style="list-style-type: none">(a) amaun belum dipanggil bagi sekuriti, opsyen, liabiliti luar jangka lain dan komitmen modal (sama ada terjamin atau tidak)(b) semua aset yang disandarkan sebagai sekuriti, pembelian hadapan atau kontrak jualan (selain dalam sekuriti);(c) derivatif dan komitmen lain yang secara kontraknya membuatkan Organisasi Peserta berkewajipan untuk melaksanakan tindakan tertentu yang diurusniagakan di luar ATS; <p>tetapi tidak termasuk penajajaminan atau penajajaminan kecil yang perlu dilaporkan di bawah Keperluan Kecukupan Modal.</p>
Senarai Rasmi	<p>Senarai sekuriti yang:</p> <ul style="list-style-type: none">(a) telah dimasukkan oleh Bursa dan belum dikeluarkan oleh Bursa; atau(b) disebut dan didagangkan di Bursa, <p>atau kedua-duanya.</p>
Kaedah-kaedah Lama	<i>[Dipotong]</i>
Transaksi Atas Pasaran	Satu transaksi yang dimuktamadkan secara padanan automatik pesanan-pesanan yang dimasukkan ke dalam buku pesanan yang disenggarakan dalam ATS di bawah Kaedah-kaedah 8.08 atau suatu Transaksi Persetujuan Bersama atas Pasaran di bawah Kaedah 8.14.
Transaksi Persetujuan Bersama atas Pasaran	<p>Padanan satu pesanan pembelian dengan satu pesanan penjualan pada harga dan kuantiti yang sama yang dibuat oleh Organisasi Peserta yang sama dengan memasukkan dan melaksanakan pesanan pembelian dan penjualan secara serentak ke dalam ATS di bawah Kaedah 8.14 antara:</p> <ul style="list-style-type: none">(a) dua Klien daripada Organisasi Peserta yang sama; atau(b) sebuah Organisasi Peserta dan Kliennya.

Bab 1 – Takrif dan Peruntukan yang Berkaitan

Harga Buka	“Harga buka” bagi Transaksi Atas Pasaran sebagaimana yang ditetapkan oleh Bursa.
Baki Belum Jelas	Jumlah yang terhutang oleh Klien dalam Akaun Margin Klien yang timbul daripada transaksi Klien dalam sekuriti yang didagangkan dalam pasaran saham Bursa atau Bursa Saham yang Diiktiraf, termasuk semua caj komisen, faedah, perbelanjaan dan semua perbelanjaan lain yang berkaitan sebelum ditolak apa-apa wang tunai yang didepositkan oleh Klien sebagai Margin.
Penyertaan	Menjadi sebuah Organisasi Peserta Bursa.
Peniaga Peserta	Mempunyai erti yang sama sebagaimana yang diberikan dalam Garis Panduan Dana Dagangan Bursa.
Organisasi Peserta	Sebuah syarikat yang menjalankan urusan perdagangan dalam sekuriti dalam pasaran saham Bursa dan diterima sebagai Organisasi Peserta di bawah Kaedah 3.02 dan termasuk semua Pejabat Cawangan Organisasi Peserta.
Penjualan Singkat yang Dibenarkan	Penjualan singkat Sekuriti PSS yang dijalankan menurut Bahagian E Bab 4.
Pejabat Utama	Pejabat prinsipal yang diluluskan oleh Suruhanjaya sebagai pejabat prinsipal Organisasi Peserta. Bagi Bank Pelaburan, pejabat prinsipal yang diluluskan oleh Bank Negara sebagai pejabat prinsipal Bank Pelaburan.
Akaun Proprietari	Satu akaun perdagangan yang dibuka oleh Organisasi Peserta untuk dagangannya sendiri.
Pedagang Harian Proprietari	<i>[Dipotong]</i>
Sekuriti PSS	Apa-apa sekuriti yang didagangkan di pasaran saham Bursa yang ditentukan oleh Bursa untuk tujuan Penjualan Singkat yang Dibenarkan di bawah Kaedah 4.15(1).
Kontrak Siap Sedia	Satu Kontrak dengan tarikh dan masa penyampaian dan penyelesaian bagi pembelian dan penjualan sekuriti yang didagangkan di pasaran saham Bursa adalah sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual 2.
Bursa Saham yang Diiktiraf	Bursa saham asing yang diiktiraf oleh Bursa sebagai Bursa Saham yang Diiktiraf.
Rekod	Mempunyai erti yang sama sebagaimana yang diberikan dalam Akta Pasaran Saham dan Perkhidmatan.
Rekod Pendeposit-pendeposit	Mempunyai erti yang sama sebagaimana yang diberikan dalam Kaedah-kaedah Depositori.
Harga Rujukan	(a) Melainkan bagi situasi yang ditetapkan dalam perenggan (b) di bawah, Harga Terakhir sekuriti: (i) pada hari perdagangan sebelumnya; atau

Bab 1 – Takrif dan Peruntukan yang Berkaitan

- (ii) jika tiada dagangan bagi sekuriti sedemikian dilaksanakan pada hari perdagangan sebelumnya, hari perdagangan terakhir apabila dagangan dilaksanakan; atau
 - (b) jika dalam 2 sesi dagangan berturutan bagi 1 Hari Pasaran, tiada perdagangan dilakukan untuk sekuriti tertentu:
 - (i) Harga Had Tertinggi semasa pasaran ditutup, jika terdapat pesanan untuk membeli pada Harga Had Tertinggi semasa penutupan kedua-dua sesi perdagangan dan Harga Had Atas adalah lebih besar daripada Harga Rujukan terakhir; atau
 - (ii) Harga Had Terendah semasa pasaran ditutup, jika terdapat pesanan untuk menjual pada Harga Had Terendah semasa penutupan kedua-dua sesi perdagangan dan Harga Had Bawah adalah kurang daripada Harga Rujukan terakhir; atau
 - (c) bagi sekuriti yang disebut tiada hak, sebagaimana yang ditentukan oleh Bursa; atau
 - (d) bagi sekuriti yang telah diluluskan oleh Bursa untuk disenaraikan dan disebut dalam Senarai Rasmi, pada hari pertama penyenaian dan sebutannya, harga terbitan atau harga tawaran sekuriti tersebut atau apa-apa harga lain yang ditentukan oleh Bursa; atau
 - (e) dalam apa-apa keadaan lain, sebagaimana yang ditentukan oleh Bursa.
- Daftar Senarai yang disimpan oleh Bursa berkenaan dengan Organisasi Peserta, Orang Berdaftar dan orang lain sebagaimana yang ditentukan oleh Bursa.
- Orang Berdaftar Seseorang yang ditetapkan di bawah Kaedah 3.10, yang berdaftar dengan Bursa.
- Wakil Berdaftar Seorang pemegang Lesen Wakil Perkhidmatan Pasaran Saham bagi menjalankan urusan niaga dalam derivatif.
- Penjualan Singkat Dikawal Selia Penjualan singkat bagi Sekuriti yang Diluluskan yang dilaksanakan menurut Bahagian C Bab 8, dan "Penjualan Singkat Dikawal Selia" ertinya jualan yang berkaitan dengan perkara yang sama.
- Orang yang Berkaitan termasuk Orang Berdaftar, ejen dan kakitangan Organisasi Peserta.
- Klien-klien Runcit Klien bagi Organisasi Peserta yang menjalankan Dagangan Runcit sebagaimana yang ditakrifkan dalam Kaedah 11.01.
- Perbadanan yang Berhubungan Mempunyai erti yang sama sebagaimana yang diberikan dalam Akta Syarikat.
- Wakil Peniaga Bergaji Seorang Wakil Peniaga yang diambil bekerja oleh Organisasi

Bab 1 – Takrif dan Peruntukan yang Berkaitan

	Peserta berasaskan gaji.
Perjanjian SBL	Suatu perjanjian untuk tujuan Pinjaman dan Peminjaman Sekuriti.
Akaun Sekuriti	Mempunyai erti yang sama sebagaimana yang diberikan dalam Akta Perindustrian Sekuriti (Depositori Pusat).
Pinjaman dan Peminjaman Sekuriti atau SBL	Pinjaman atau peminjaman sekuriti menurut Bahagian F Bab 7.
Akta Suruhanjaya Sekuriti Malaysia	Akta Suruhanjaya Sekuriti Malaysia 1993.
Akta Perindustrian Sekuriti (Depositori Pusat)	Akta Perindustrian Sekuriti (Depositori Pusat) 1991.
Undang-Undang Sekuriti	Sebagaimana yang ditakrifkan dalam Akta Suruhanjaya Sekuriti Malaysia 1993.
penyedia perkhidmatan	Mempunyai erti yang sama sebagaimana yang diberikan dalam Buku Panduan Pelesenan Suruhanjaya.
Kontrak Niaga Hadapan Saham Tunggal	Satu kontrak niaga hadapan saham tunggal yang didagangkan di Bursa Derivatif.
Pelabur Mahir	Seseorang yang termasuk dalam mana-mana satu kategori pelabur yang dinyatakan dalam Bahagian 1, Jadual 6 atau 7 Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan.
Broker Skim Khas	Mempunyai erti yang sama sebagaimana yang diberikan dalam Buku Panduan Pelesenan Suruhanjaya.
Sekuriti yang Ditentukan	Sekuriti yang ditentukan oleh Bursa sebagai tersedia untuk Pembuatan Pasaran. <i>[Rujuk Arahan No. 4-001]</i>
Broker Kendiri	Sebuah Organisasi Peserta yang belum mematuhi Kerangka Dasar Suruhanjaya untuk Penggabungan Industri Pasaran Saham sebagaimana yang ditetapkan dalam Buku Panduan Pelesenan Suruhanjaya.
Kontrak Opsyen Saham	Suatu kontrak opsyen saham yang didagangkan di Bursa Derivatif.
Subkontraktor	<i>[Dipotong]</i>
Cuti Peristiwa	Satu hari yang diisytiharkan sebagai cuti umum di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur yang tidak diwartakan sebagai hari cuti umum pada permulaan tahun kalendar.
T	Hari apabila suatu Transaksi Atas Pasaran dilaksanakan dalam ATS, atau suatu Transaksi Perniagaan Terus dilaporkan kepada Bursa, mengikut mana-mana yang berkenaan.
Kaedah-kaedah ini	Kaedah-kaedah Bursa Malaysia Securities Berhad dan apa-apa pindaan yang boleh dibuat dari semasa ke semasa.

Bab 1 – Takrif dan Peruntukan yang Berkaitan

Tik	Perubahan minimum yang dibenarkan dalam harga sekuriti, sebagaimana yang ditetapkan oleh Bursa.
Jumlah Kedudukan Singkat	Berhubung dengan Sekuriti yang Diluluskan, jumlah kuantiti Sekuriti Diluluskan yang dijual singkat menurut Bahagian C Bab 8.
Baki Boleh Dagang	(a) Sekuriti yang ditetapkan sebagai “sekuriti bebas” dalam Akaun Sekuriti penjual; atau (b) Sekuriti yang genap masa untuk diserahkan kepada Akaun Sekuriti penjual menurut Kontrak pembelian yang berbaki.
Kerani Perdagangan	Seorang kerani perdagangan yang dirujuk dalam Kaedah 5.14.
Peserta Perdagangan	Pemegang Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal bagi menjalankan urus niaga dalam derivatif.
Wakil Perdagangan	Mempunyai erti yang sama sebagaimana yang diberikan dalam Buku Panduan Pelesenan Suruhanjaya.
Broker Universal	Sebuah Organisasi Peserta yang: (a) bergabung dengan atau memperoleh tiga (3) atau lebih Syarikat Ahli atau Organisasi Peserta atau kedua-duanya; (b) memenuhi keperluan kriteria kelayakan yang ditetapkan oleh Suruhanjaya sehingga memuaskan Suruhanjaya; dan (c) telah diluluskan secara bertulis oleh Suruhanjaya untuk menjadi Broker Universal.
Harga Had Tertinggi	Harga tertinggi daripada Harga Rujukan yang dengannya sekuriti boleh didagangkan sebagaimana yang ditetapkan oleh Bursa.
VWAP	Harga Purata Wajaran Jumlah Dagangan bagi sekuriti tertentu yang dikira seperti yang berikut: $\frac{\text{Jumlah nilai sekuriti yang diurusniagakan dalam satu tempoh tertentu ("tempoh tersebut")}}{\text{Jumlah bilangan sekuriti yang diurusniagakan dalam tempoh tersebut}}$

1.02 Tafsiran

- (1) Melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain, istilah-istilah atau ungkapan-ungkapan yang ditakrifkan dalam Akta-akta di bawah, apabila digunakan dalam Kaedah-Kaedah ini akan mempunyai erti yang sama sebagaimana yang terdapat dalam Akta-akta berikut:
- (a) Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan;
 - (b) Akta Perindustrian Sekuriti (Depositori Pusat);
 - (c) Akta Suruhanjaya Sekuriti Malaysia; atau

(d) Akta Syarikat.

- (2) Selain perkara di atas, istilah-istilah dan ungkapan-ungkapan lain yang tertentu juga telah ditakrifkan dalam Bab masing-masing. Takrifan sedemikian hanya terpakai untuk istilah dan ungkapan yang terkandung dalam Bab masing-masing serta Arahan-arahan yang dikeluarkan menurut Kaedah-kaedah dalam setiap Bab itu.
- (3) Istilah dan ungkapan yang ditakrifkan dalam Kaedah 1.01 juga terpakai bagi mana-mana Arahan atau amalan terbaik, melainkan jika ditakrifkan sebaliknya dalam Arahan atau amalan terbaik tersebut.
- (4) Rujukan kepada satu statut ialah rujukan kepada statut tersebut yang diubah suai, digubal semula atau digabungkan dan termasuk peraturan-peraturan, kaedah atau instrumen perundangan lain yang dibuat di bawah statut tersebut.
- (5) Rujukan kepada kaedah, arahan, garis panduan atau kehendak Bursa, Syarikat Pemegang Bursa, Depositori, Pusat Penjelasan, Suruhanjaya atau Bank Negara atau pihak lain yang relevan adalah rujukan kepada kaedah, arahan, garis panduan atau kehendak tersebut yang dipinda, ditambah, digabungkan atau digantikan.
- (6) Perkataan yang membawa maksud tunggal adalah termasuk yang membawa maksud jamak dan begitu juga sebaliknya.
- (7) Rujukan kepada satu orang termasuk sebuah firma, perkongsian dan perbadanan.
- (8) Rujukan kepada penulisan termasuk apa-apa cara bagi mewakili atau menghasilkan semula huruf-huruf, angka-angka atau tanda-tanda dalam bentuk yang boleh dilihat.
- (9) Rujukan kepada “RM” atau “Ringgit Malaysia” ialah rujukan kepada mata wang Malaysia.
- (10) Jika satu perkataan atau frasa ditakrifkan dalam Kaedah-kaedah ini, apa-apa bentuk tatabahasa yang lain berkenaan dengan perkataan atau frasa tersebut mempunyai erti yang bersamaan dengannya.
- (11) Rujukan kepada satu kaedah, bab, jadual atau lampiran ialah rujukan kepada kaedah-kaedah, bab, jadual dan lampiran yang berkaitan dalam Kaedah-kaedah ini.
- (12) Tajuk dan Tajuk kecil dimasukkan untuk memudahkan rujukan sahaja dan tidak mempengaruhi pentafsiran dan pengertian Kaedah-kaedah.
- (13) Rujukan kepada satu hari atau bulan adalah kepada satu hari kalendar atau bulan kalendar.
- (14) Rujukan kepada waktu dalam satu hari adalah rujukan kepada masa di Malaysia.
- (15) Rujukan kepada “gantung” atau “penggantungan” berkaitan dengan dagangan sekuriti, termasuk “dilarang”, “diganggu”, “dirizab”, “digantung” atau “dibekukan”, jika konteksnya membenarkan.

[Baki halaman ini sengaja dibiarkan kosong]

BAHAGIAN B PEMAKAIAN DAN KESAN KAEDAH-KAEDAH INI

1.03 Kaedah-kaedah Bursa

Kaedah-kaedah ini mesti dibaca bersama-sama dengan:

- (a) Arahan-arahan;
- (b) Undang-Undang Sekuriti; dan
- (c) mana-mana undang-undang atau kehendak-kehendak lain bagi mana-mana pihak berkuasa yang berkaitan yang terpakai untuk Organisasi Peserta atau Orang Berdaftar.

1.04 Kesan Mengikat Kaedah-kaedah

Kaedah-kaedah ini mengikat ke atas Organisasi Peserta dan Orang Berdaftar mengikut cara yang dinyatakan dalam:

- (a) seksyen 354(2) Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan; dan
- (b) Kaedah 1.05.

1.05 Waad untuk mematuhi Kaedah-kaedah

Kaedah-kaedah ini mempunyai kesan kontrak antara:

- (a) Bursa dengan Organisasi Peserta, apabila setiap Organisasi Peserta berwaad dengan Bursa untuk mematuhi Kaedah-kaedah ini dan Arahan-arahan, serta melaksanakan obligasi yang dimaksudkan oleh Kaedah-kaedah ini dan Arahan-arahan untuk dikenakan ke atas Organisasi Peserta, mengikut cara sebagaimana yang ditetapkan oleh Kaedah-kaedah ini dan Arahan-arahan; dan
- (b) Bursa dengan Orang Berdaftar, apabila setiap Orang Berdaftar berwaad dengan Bursa untuk mematuhi Kaedah-kaedah ini dan Arahan-arahan, serta melaksanakan obligasi yang dimaksudkan oleh Kaedah-kaedah ini dan Arahan-arahan untuk dikenakan ke atas Orang Berdaftar, mengikut cara sebagaimana yang ditetapkan oleh Kaedah-kaedah ini dan Arahan-arahan.

1.06 Bank Pelaburan

Jika suatu peruntukan dalam Kaedah-kaedah ini dinyatakan sebagai tidak terpakai kepada Bank Pelaburan atau Orang Berdaftar bagi Bank Pelaburan, kehendak-kehendak yang berkaitan dalam Garis Panduan Bank Pelaburan dan mana-mana kehendak lain yang ditentukan oleh Bank Negara tentang perkara tersebut ("Garis Panduan dan Kehendak yang Berkaitan") akan terpakai.

[Baki halaman ini sengaja dibiarkan kosong]

BAHAGIAN C PERUNTUKAN PERALIHAN

1.07 Peruntukan peralihan berhubung dengan Tarikh Penukaran

[Dipotong]

1.08 Peruntukan peralihan berhubung dengan Kaedah-kaedah Lama

[Dipotong]

[Baki halaman ini sengaja dibiarkan kosong]

BAHAGIAN D NOTIS

1.09 Notis

- (1) Bursa akan menghantar semua notis yang perlu dihantar di bawah Kaedah-kaedah ini secara bertulis:
 - (a) ke alamat atau nombor faksimile (atau kedua-duanya) penerima yang terdapat dalam rekod Bursa; atau
 - (b) menggunakan apa-apa cara pemberian notis lain yang difikirkan sesuai oleh Bursa termasuk mel elektronik, kaedah elektronik lain dan pengiklanan dalam surat khabar.
- (2) Suatu notis yang diberikan di bawah Kaedah-kaedah ini dianggap sebagai diterima:
 - (a) jika serahan tangan, pada masa penghantarserahan;
 - (b) jika dihantar melalui pos di dalam Semenanjung Malaysia, pada Hari Pasaran ketiga selepas pengeposan;
 - (c) jika dihantar melalui mel udara ke Sabah, Sarawak atau ke luar Malaysia, pada Hari Pasaran kelima selepas pengeposan;
 - (d) jika dihantar melalui kurier, pada Hari Pasaran kedua selepas penghantaran;
 - (e) jika dihantar melalui faksimile atau kaedah elektronik lain, pada masa penghantaran; dan
 - (f) jika disiarkan dalam mana-mana media awam, pada masa penerbitannya.
- (3) Semua notis kepada Bursa mesti dibuat secara bertulis melainkan jika dinyatakan sebaliknya.

[Baki halaman ini sengaja dibiarkan kosong]

BAHAGIAN E NOTIS DATA PERIBADI

1.10 Notis Data Peribadi

- (1) Mana-mana orang yang memberikan atau telah memberikan data peribadi kepada Bursa atau Syarikat Pemegangan Bursa menurut atau berhubung dengan Kaedah-kaedah ini hendaklah membaca dan menyedari akan pemberitahuan yang berkaitan berhubung dengan Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 (“PDPA”) yang tersedia di laman web Syarikat Pemegangan Bursa di www.bursamalaysia.com (“Notis Data Peribadi”).
- (2) Jika data peribadi yang diberikan ialah data individu yang lain (“subjek data”), orang yang memberikan data tersebut mestilah telah memberitahu subjek data secara bertulis akan Notis Data Peribadi sebelum memberikan data peribadi itu melainkan jika:
 - (a) seksyen 41 PDPA terpakai; atau
 - (b) Bursa menetapkan sebaliknya berkaitan dengan PDPA.
- (3) Bagi tujuan Kaedah-kaedah 1.10, “data peribadi” hendaklah mempunyai erti yang sama sebagaimana yang diberikan dalam seksyen 4 PDPA.

[Baki halaman ini sengaja dibiarkan kosong]

BAHAGIAN F CUKAI BARANG DAN PERKHIDMATAN

1.11 Cukai Barang dan Perkhidmatan

[Dipotong]

[Baki halaman ini sengaja dibiarkan kosong]

BAHAGIAN G KERAHSIAAN

1.12 Kerahsiaan Dapatan

Jika suatu dapatan atau hasil daripada mana-mana pemeriksaan atau penyiasatan, atau testimoni atau dokumentasi berkaitan dengan prosiding disiplin atau rayuan di bawah Kaedah-kaedah ini didedahkan kepada Organisasi Peserta atau Orang yang Berkaitan oleh Bursa atau mana-mana pihak lain, Organisasi Peserta dan Orang yang Berkaitan mesti mengekalkan kerahsiaan dapatan dan hasil daripada mana-mana pemeriksaan atau penyiasatan, atau testimoni atau dokumentasi berkaitan dengan prosiding disiplin atau rayuan dan tidak boleh mendedahkan dapatan atau hasil tersebut kepada mana-mana orang kecuali:

- (b) Suruhanjaya, mana-mana pegawai Suruhanjaya yang diberi kuasa atau mana-mana pihak berkuasa atau agensi kerajaan yang menyiasat; atau
- (c) jika perlu, untuk mendapatkan nasihat guaman atau pakar berhubung dengan pemeriksaan, penyiasatan, prosiding disiplin atau rayuan, dengan syarat bahawa pendedahan tersebut adalah terhad kepada orang yang berkaitan dan kerahsiaan paling ketat diamalkan.

[Bab Tamat]

BAB 2 PENTADBIRAN

BAHAGIAN A KUASA BURSA

2.01 Pelaksanaan Kuasa

- (1) Tertakluk kepada peruntukan Undang-Undang Sekuriti, Bursa boleh melaksanakan kuasanya mengikut apa-apa cara dan menurut apa-apa terma sebagaimana yang dianggap perlu atau suai manfaat.
 - (2) Kuasa Bursa termasuk:
 - (a) membuat kaedah-kaedah baharu;
 - (b) menambah kepada, memansuhkan, menguatkuasakan, mengetepikan atau mengubah suai pematuhan dengan mana-mana Kaedah-kaedah ini atau Arahan-arahan;
 - (c) mentadbir, mengurus dan menggubal dasar-dasar berkaitan dengan Kaedah-kaedah ini;
 - (d) mengeluarkan Arahan-arahan bagi tujuan atau berkaitan dengan mana-mana Kaedah-kaedah ini;
 - (e) mentafsir dengan muktamad mana-mana peruntukan dalam Kaedah-kaedah ini dan mana-mana Arahan-arahan dengan mengambil kira semangat, niat, tujuan dan inti pati Kaedah-kaedah dan Arahan-arahan berkenaan;
 - (f) berikutan dapatan daripada mana-mana pemeriksaan atau penyiasatan ke atas sesuatu Organisasi Peserta atau Orang Berdaftar, menghendaki Organisasi Peserta atau Orang Berdaftar mengambil tindakan yang sesuai terhadap kakitangan atau ejen Organisasi Peserta atau Orang Berdaftar, jika kakitangan atau ejen tersebut telah menyebabkan Organisasi Peserta atau Orang Berdaftar melanggar Kaedah-kaedah ini atau Arahan-arahan;
 - (g) *[Dipotong]*
 - (h) memberikan, menggantung, mengubah, atau membatalkan hak mana-mana Organisasi Peserta atau Orang Berdaftar;
 - (i) mengenakan terma dan syarat berkaitan dengan apa-apa keputusan, kelulusan, atau perbuatan yang dilakukan oleh Bursa berhubung dengan Kaedah-kaedah ini pada bila-bila masa dan kemudiannya, pada bila-bila masa, membatalkan, mengetepikan, mengubah atau meminda terma dan syarat tersebut;
 - (j) menguatkuasakan arahan yang diberikan oleh Suruhanjaya;
 - (k) menghendaki Organisasi Peserta atau Orang Berdaftar untuk menyenggara dan menyediakan laporan, maklumat, Dokumen, Buku dan Rekod kepada Bursa berhubung dengan apa-apa perkara di bawah Kaedah-kaedah ini atau Arahan-arahan;
- [Rujuk Arahan-arahan No. 2.01(2)-002, 2.01(2)-003, 2.01(2)-004 dan 2.01(2)-005]*
- (l) merujuk apa-apa perbuatan atau perlakuan Organisasi Peserta atau Orang Berdaftar kepada suatu pihak berkuasa yang berkenaan;

- (m) mengenakan caj, fi, dan penalti bagi pembayaran lewat atau kegagalan membayar fi, caj atau apa-apa amaun lain yang kena dibayar kepada Bursa;
- (n) melantik satu jawatankuasa, jawatankuasa kecil, pegawai Bursa atau satu ejen untuk melaksanakan kuasa Bursa di bawah Kaedah-kaedah ini, jika berkenaan;
- (o) menjalankan audit kesediaan ke atas Organisasi Peserta atau menghendaki Organisasi Peserta menjalankan audit kesediaannya sendiri, dengan skop, kriteria dan cara yang ditentukan oleh Bursa;

[Rujuk Arahan No. 2.01(2)-006]

- (p) mengambil apa-apa tindakan lanjut, tambahan atau berbangkit menurut keputusan atau tindakan awal yang diambil oleh Bursa, Suruhanjaya, Pusat Penjelasan atau Depositori berhubung dengan Organisasi Peserta atau Orang Berdaftar;
 - (q) menjalankan semua kuasa lain yang seumpamanya sebagaimana perlu untuk tujuan memantau pematuhan dan penguatkuasaan Kaedah-kaedah ini dan Arahan-arahan; dan
 - (r) menjalankan apa-apa kuasa dan mengambil apa-apa tindakan (termasuk tindakan pencegahan atau tindakan awal) yang pada pendapat Bursa adalah perlu untuk pewujudan atau penyenggaraan satu pasaran yang teratur dan saksama.
- (3) Pelaksanaan apa-apa kuasa tertentu yang diberikan kepada Bursa dalam mana-mana peruntukan lain dalam Kaedah-kaedah ini tidak menjejaskan atau mengetepikan pelaksanaan apa-apa kuasa oleh Bursa di bawah Kaedah 2.01(2).
 - (4) Jika mana-mana peruntukan dalam Kaedah-kaedah ini memberikan kuasa, membenarkan atau membolehkan Bursa melakukan atau menguatkuasakan pelaksanaan apa-apa perbuatan atau perkara, maka Bursa mempunyai semua kuasa atau hak tersebut sebagaimana yang perlu atau yang semunasabahnya bersampingan dengan peruntukan yang membolehkan Bursa melakukan atau menguatkuasakan pelaksanaan perbuatan atau perkara tersebut.
 - (5) Sebuah Organisasi Peserta dan Orang Berdaftar mesti mematuhi dan melaksanakan apa-apa Arahan-arahan yang dikeluarkan oleh Bursa dalam menjalankan kuasanya di bawah Kaedah-kaedah ini.

2.02 Ketidapkakaian Bab 15

- (1) Prosiding disiplin yang ditetapkan dalam Bab 15 tidak terpakai bagi mana-mana tindakan yang diambil di bawah Kaedah 2.01(2)(r) atau terhadap apa-apa tindakan yang diuraikan di bawah Kaedah-kaedah ini atau Arahan-arahan sebagai diambil secara “terus” oleh Bursa (“**Kaedah-kaedah yang Berkaitan**”).
- (2) Dalam mengambil apa-apa tindakan di bawah Kaedah-kaedah yang Berkaitan, Bursa tidak perlu memberikan peluang untuk didengar terlebih dahulu kepada Organisasi Peserta atau Orang Berdaftar.
- (3) Jika satu tindakan diambil di bawah Kaedah-kaedah yang Berkaitan, sebuah Organisasi Peserta atau Orang Berdaftar boleh membuat representasi kepada Bursa agar menghentikan tindakan yang diambil. Bursa boleh, selepas mempertimbangkan representasi yang dibuat, menghentikan tindakan yang diambil atau mengambil apa-apa tindakan lain yang dianggap perlu dalam keadaan tersebut. Walau bagaimanapun, menghentikan tindakan sedemikian tidak boleh ditafsirkan sebagai pengabaian atau kesilapan di pihak Bursa dalam mengambil tindakan tersebut di bawah Kaedah-kaedah yang Berkaitan pada mulanya.

- (4) Keputusan Bursa selepas mempertimbangkan representasi yang dibuat adalah muktamad dan mengikat Organisasi Peserta atau Orang Berdaftar.

2.03 Kesahan Tindakan

- (1) Apa-apa pindaan kepada Kaedah-kaedah atau Arahan-arahan ("**Pindaan tersebut**") tidak menjejaskan:
 - (a) hak terakru Bursa dan obligasi terakru Organisasi Peserta dan Orang Berdaftar di bawah Kaedah-kaedah ini atau Arahan-arahan yang berkuat kuasa sebelum Pindaan tersebut; dan
 - (b) apa-apa syarat, aku janji, keputusan, penepian, perbuatan atau perkara yang dikenakan ke atas atau diberikan oleh atau dilakukan oleh Organisasi Peserta dan Orang Berdaftar sebelum Pindaan tersebut.
- (2) Apa-apa tindakan yang dicadangkan hendak diambil atau dalam proses hendak diambil atau telah diambil oleh Bursa berkaitan dengan apa-apa peruntukan Kaedah-kaedah ini atau Arahan-arahan yang berkuat kuasa sebelum Pindaan tersebut, tidak akan menjadi tidak sah disebabkan Pindaan tersebut walaupun jika tindakan di atas diambil pada atau selepas tarikh kuat kuasa Pindaan tersebut.
- (3) Bursa boleh menggunakan kaedah-kaedah, prosedur dan penalti sebagaimana yang terpakai sebelum, pada atau selepas tarikh kuat kuasa Pindaan tersebut, sebagaimana yang dianggap wajar berhubung dengan perkara berikut:
 - (a) tindakan disiplin yang dimulakan sebelum tarikh kuat kuasa Pindaan tersebut;
 - (b) rayuan yang dibuat sebelum tarikh kuat kuasa Pindaan tersebut; atau
 - (c) rayuan yang dibuat pada atau selepas tarikh kuat kuasa Pindaan tersebut berhubung dengan tindakan disiplin yang dimulakan atau diambil sebelum tarikh kuat kuasa Pindaan.

2.04 Kuasa Syarikat Pemegangan Bursa

- (1) Jika mana-mana peruntukan Kaedah-kaedah ini memberikan hak atau kuasa kepada Bursa untuk melakukan apa-apa perbuatan atau perkara, peruntukan sedemikian akan disifatkan telah memberikan hak atau kuasa kepada Syarikat Pemegangan Bursa untuk melakukan perbuatan atau perkara sedemikian bagi pihak Bursa.
- (2) Organisasi Peserta, Orang Berdaftar dan mana-mana orang lain yang kepadanya Kaedah-kaedah ini ditujukan, mesti mematuhi, menuruti atau melaksanakan apa-apa tindakan Syarikat Pemegangan Bursa menurut Kaedah 2.04(1).

2.05 Keputusan Bursa dan Hak Rayuan

- (1) Apa-apa keputusan Bursa, termasuk keputusan bagi rayuan, adalah muktamad dan mengikat.
- (2) Seseorang hanya boleh membuat rayuan terhadap apa-apa tindakan atau keputusan yang diambil atau dibuat oleh Bursa di bawah Kaedah-kaedah ini atau Arahan-arahan jika hak untuk merayu diperuntukkan secara nyata di bawah peruntukan-peruntukan yang berkaitan dalam Kaedah-kaedah ini.

- (3) Bursa boleh mengesahkan, mengubah atau mengetepikan keputusan terhadap mana-mana rayuan yang dibuat.

2.06 Pihak yang terjejas oleh tindakan yang diambil oleh Bursa

Organisasi Peserta dan Orang Berdaftar mesti memastikan bahawa proksi, ejen, penama atau orang lain yang bertindak bersama-sama Organisasi Peserta, Orang Berdaftar atau Klien Organisasi Peserta mematuhi apa-apa arahan yang dikeluarkan oleh Bursa kepada Organisasi Peserta dan Orang Berdaftar.

[Baki halaman ini sengaja dibiarkan kosong]

BAHAGIAN B PERLINDUNGAN KEPENTINGAN AWAM, KLIEN DAN BURSA

2.07 Kuasa Terus

Bursa boleh secara terus mengambil apa-apa tindakan yang difikirkan patut oleh Bursa terhadap Organisasi Peserta atau Orang Berdaftar untuk melindungi kepentingan Klien, pihak awam atau Bursa jika Bursa berpendapat bahawa:

- (a) cara Organisasi Peserta atau Orang Berdaftar mengendalikan perniagaan Organisasi Peserta memudaratkan atau berkemungkinan memudaratkan Klien, pihak awam atau Bursa;
- (b) Organisasi Peserta atau Orang Berdaftar telah melakukan satu perbuatan atau pengabaian yang memudaratkan atau berkemungkinan memudaratkan Klien, pihak awam atau Bursa;
- (c) kedudukan kewangan atau reputasi Organisasi Peserta atau Orang Berdaftar mempunyai kesan memudaratkan atau berkemungkinan memudaratkan Klien, pihak awam atau Bursa.

[Rujuk Arahan No. 2.07-001]

[Baki halaman ini sengaja dibiarkan kosong]

BAHAGIAN C SITUASI DARURAT

2.08 Keadaan yang membolehkan Bursa mengambil tindakan

Bursa boleh melaksanakan kuasa darurat apabila terdapat sebab yang munasabah untuk mempercayai bahawa mana-mana keadaan yang berikut atau keadaan yang serupa dengan keadaan yang berikut wujud:

- (a) satu situasi yang mengancam, atau mungkin mengancam, integriti atau kecairan mana-mana kaunter dalam pasaran saham atau bagi pasaran saham;
- (b) satu situasi yang mengancam, atau mungkin mengancam, integriti kewangan Bursa atau Organisasi Pesertanya;
- (c) suatu manipulasi atau cubaan memanipulasikan, atau mewujudkan keadaan memborong simpan, dalam mana-mana sekuriti sebagaimana yang dihuraikan di bawah Bahagian C dan Bahagian D Bab 7;
- (d) apa-apa faktor dalaman atau luaran yang berkemungkinan mempunyai kesan langsung dan memudaratkan terhadap Bursa;
- (e) satu situasi apabila operasi Bursa terjejas dengan teruk dan memudaratkan disebabkan berlakunya apa-apa kejadian besar seperti kebakaran, gangguan bekalan elektrik atau kepincangan fungsi komputer; atau
- (f) apa-apa keadaan lain yang berkemungkinan mendatangkan kesan memudaratkan terhadap operasi pasaran yang teratur dan saksama.

2.09 Tindakan

- (1) Apabila ditentukan oleh Bursa di bawah Kaedah 2.08 bahawa suatu situasi darurat wujud atau telah timbul, Bursa boleh, tanpa menjejaskan keluasan makna kuasa tersebut, mengarahkan agar semua atau mana-mana tindakan berikut diambil untuk meremеди situasi tersebut:
 - (a) menggantung mana-mana peruntukan Kaedah-kaedah ini atau membuat atau mengenakan peraturan sementara yang baharu ("**Peraturan Darurat**") untuk memastikan kewujudan atau kesinambungan suatu pasaran yang teratur dan saksama.
 - (b) menggantung perdagangan di pasaran saham Bursa;
 - (c) menggantung perdagangan dalam mana-mana sekuriti di pasaran saham Bursa;
 - (d) mengubah suai Hari Pasaran atau waktu perdagangan;
 - (e) mengenakan keperluan kewangan yang lebih tinggi ke atas Organisasi Peserta;
 - (f) menggantung hak perdagangan Peserta Organisasi;
 - (g) apa-apa tindakan lain yang dianggap sesuai.

- (2) Semua Peraturan Darurat yang dibuat dan dikenakan oleh Bursa adalah mengikat semua Organisasi Peserta, Orang Berdaftar dan kakitangan bagi tempoh sedemikian serta menurut terma dan syarat yang ditetapkan oleh Bursa.

[Baki halaman ini sengaja dibiarkan kosong]

BAHAGIAN D DAFTAR

2.10

[Dipotong]

[Baki halaman ini sengaja dibiarkan kosong]

BAHAGIAN E LIABILITI DAN TANGGUNG RUGI

2.11 Pengecualian Liabiliti Bursa

Tanpa menjejaskan apa-apa imuniti atau pembelaan yang tersedia kepada orang yang berikut melalui statut atau dalam undang-undang, semua orang yang berikut, disebabkan atau berhubung dengan apa-apa yang dilakukan atau tidak dilakukan, tidak bertanggung terhadap apa-apa pernyataan sedemikian yang dibuat atau tidak dibuat oleh orang tersebut atau bagi pihak orang tersebut dengan suci hati berkaitan dengan pelepasan atau pelaksanaan atau pelepasan atau pelaksanaan yang dimaksudkan bagi apa-apa fungsi atau kewajipan, atau pelaksanaan atau pelaksanaan yang ingin dibuat bagi apa-apa kuasa di bawah Kaedah-kaedah ini atau mana-mana undang-undang yang terpakai atau berkenaan dengan apa-apa keputusan yang dibuat atau tindakan penguatkuasaan yang diambil atau penyiaran notis berhubung dengan apa-apa tindakan penguatkuasaan, sama ada yang menyebabkan apa-apa kehilangan keuntungan, kos, ganti rugi atau yang merosakkan reputasi atau selainnya:

- (a) Bursa atau Syarikat Pemegangan Bursa;
- (b) mana-mana orang yang bertindak bagi pihak Bursa atau Syarikat Pemegangan Bursa, termasuk:
 - (i) mana-mana ahli lembaga Bursa atau Syarikat Pemegangan Bursa atau mana-mana ahli bagi mana-mana jawatankuasa atau jawatankuasa kecil Bursa atau Syarikat Pemegangan Bursa;
 - (ii) mana-mana pegawai Bursa atau Syarikat Pemegangan Bursa; atau
 - (iii) mana-mana ejen bagi, atau mana-mana orang yang bertindak di bawah arahan Bursa atau Syarikat Pemegangan Bursa.

[Baki halaman ini sengaja dibiarkan kosong]

BAHAGIAN F PENDEDAHAN MAKLUMAT

2.12 Pendedahan maklumat berkaitan dengan Organisasi Peserta

- (1) Bursa boleh, jika dianggapnya wajar, mendedahkan apa-apa maklumat termasuk apa-apa maklumat sulit berhubung dengan Organisasi Peserta dan Orang Berdaftar atau Klien bagi Organisasi Peserta:
 - (i) kepada Suruhanjaya, Depositori, Pusat Penjelasan atau mana-mana badan atau pihak berkuasa lain yang berkaitan (di dalam Malaysia atau di luar Malaysia) sebagaimana yang dianggap patut oleh Bursa; atau
 - (ii) kepada mana-mana pihak sebagaimana yang dianggap patut oleh Bursa bagi tujuan penyiasatan, penguatkuasaan atau kedua-duanya oleh Bursa.
- (2) Bursa boleh menerbitkan atau mendedahkan maklumat yang berikut kepada Organisasi Peserta atau mana-mana orang lain sebagaimana yang dianggap patut oleh Bursa:
 - (i) tanpa mengenal pasti Klien bagi Organisasi Peserta yang dikaitkan dengan maklumat berkenaan, jumlah atau nilai Transaksi Atas Pasaran dan Transaksi Perniagaan Terus yang diurusniagakan oleh semua atau mana-mana atau setiap Organisasi Peserta atau Penggerak Pasaran; atau
 - (ii) apa-apa tindakan yang diambil oleh Bursa di bawah Kaedah-kaedah ini terhadap Organisasi Peserta atau Orang Berdaftar.

[Rujuk Arahan No. 2.12(2)-001]

[Bab Tamat]

BAB 3

ORGANISASI PESERTA DAN ORANG BERDAFTAR

BAHAGIAN A ORGANISASI PESERTA

3.01 Kriteria Kelayakan

Untuk layak diterima masuk sebagai sebuah Organisasi Peserta, pemohon mestilah:

- (a) sebuah syarikat yang diperbadankan di Malaysia dan jika syarikat tersebut mempunyai perlembagaan yang menyatakan tujuan syarikat, maka salah satu tujuan pemohon adalah untuk menjalankan urusan berniaga dalam sekuriti;
- (b) memegang Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal yang sah untuk berniaga dalam sekuriti;
- (c) apabila diterima masuk sebagai Organisasi Peserta, memenuhi semua kehendak kewangan yang dinyatakan dalam Bab 13 Kaedah-kaedah ini;
- (d) mempunyai kemudahan dan kakitangan yang mencukupi untuk menjalankan urusan perdagangan dalam sekuriti dengan cepat, berkesan dan teratur di pasaran saham Bursa;
- (e) apabila diterima masuk sebagai Organisasi Peserta, mendaftarkan semua Orang Berdaftar dengan Organisasi Peserta di bawah Kaedah-kaedah ini; dan
- (f) mematuhi kehendak-kehendak lain seumpamanya sebagaimana yang boleh ditetapkan oleh Bursa dari semasa ke semasa.

3.02 Prosedur permohonan

(1) Untuk menjadi sebuah Organisasi Peserta, pemohon mesti:

- (a) memohon kepada Bursa menurut kehendak-kehendak yang ditentukan oleh Bursa; dan

[Rujuk Arahan No. 3-001]

- (b) memenuhi kriteria kelayakan yang dinyatakan dalam Kaedah 3.01.

(2) Bursa boleh menerima atau menolak permohonan untuk menjadi Organisasi Peserta.

(3) Tanpa mengambil kira sama ada pemohon memenuhi kriteria kelayakan di bawah Kaedah 3.01 atau tidak, Bursa boleh menolak permohonan untuk menjadi Organisasi Peserta jika:

- (a) pemohon tidak memberikan maklumat berhubung dengan permohonan sebagaimana yang dikehendaki oleh Bursa;
- (b) apa-apa maklumat atau dokumen yang diberikan oleh pemohon kepada Bursa adalah palsu atau mengelirukan;
- (c) pemohon gagal mematuhi apa-apa kehendak lain dalam Undang-undang Sekuriti, Kaedah-kaedah ini dan Arahan-arahan;
- (d) pemohon merupakan subjek bagi penyiasatan atau prosiding yang melibatkan dakwaan fraud atau ketidakjujuran, sama ada di dalam atau di luar Malaysia;
- (e) penerimaan masuk pemohon tidak memberikan manfaat kepada pasaran saham yang teratur dan saksama; atau

- (f) Bursa berpandangan bahawa penerimaan masuk pemohon boleh menjejaskan penggunaan optimum kemudahan Bursa, dengan mengambil kira pengurusan risiko dan apa-apa pertimbangan yang lain.
- (4) Jika Bursa menerima permohonan pemohon untuk menjadi Organisasi Peserta, pemohon akan diterima masuk sebagai Organisasi Peserta dan nama pemohon akan dimasukkan dalam Daftar.
- (5) Bursa akan mengkategorikan Organisasi Peserta seperti yang berikut:
 - (a) Bank Pelaburan;
 - (b) Broker Universal;
 - (c) Broker Skim Khas;
 - (d) Broker 1 + 1; atau
 - (e) Broker Kendiri.

3.03 Rayuan terhadap Keengganan untuk Mendaftar

Jika Bursa menolak permohonan untuk menjadi Organisasi Peserta, pemohon boleh membuat rayuan secara bertulis kepada Bursa dalam masa 14 hari selepas pemohon diberitahu tentang keputusan Bursa.

3.04 Perubahan status

Jika Organisasi Peserta mengubah status Organisasi Peserta daripada satu kategori kepada kategori yang lain berdasarkan pengkategorian yang ditetapkan di bawah Kaedah 3.02(5), Organisasi Peserta mesti memberitahu Bursa mengikut cara yang ditentukan oleh Bursa.

[Rujuk Arahan No. 3-001]

3.05 Penyertaan

- (1) Apabila diterima masuk sebagai Organisasi Peserta, sebuah Organisasi Peserta boleh:
 - (a) mempunyai akses kepada pasaran atau kemudahan yang diwujudkan, disenggarakan atau dikendalikan oleh Bursa, tertakluk kepada Kaedah-kaedah ini dan Arahan-arahan; dan
 - (b) memerikan organisasi sebagai Organisasi Peserta Bursa;
- (2) Sesebuah Organisasi Peserta tidak dibenarkan untuk memindahkan Penyertaannya dalam Bursa kepada mana-mana orang lain.
- (3) Sesebuah Organisasi Peserta akan dengan serta-merta terhenti daripada menikmati akses kepada pasaran atau kemudahan yang disenggarakan oleh Bursa sebagaimana yang diperihalkan dalam Kaedah 3.05(1)(a) jika Organisasi Peserta:
 - (a) digantung;
 - (b) tidak lagi memegang Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal untuk berniaga dalam sekuriti atau Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal untuk berniaga dalam sekuriti telah digantung;

- (c) ingkar dalam membuat bayaran atau menunaikan obligasi Organisasi Peserta kepada Pusat Penjelasan yang timbul daripada pembelian atau penjualan sekuriti di pasaran saham Bursa; atau
 - (d) tidak lagi menjadi Organisasi Peserta.
- (4) Sesebuah Organisasi Peserta mesti dengan serta-merta memberitahu Bursa apabila menyedari kewujudan hal keadaan yang dinyatakan dalam Kaedah 3.05(3)(b).

3.06 Obligasi Berterusan

Sepanjang tempoh Penyertaan Organisasi Peserta, Organisasi Peserta mesti:

- (a) terus memenuhi kriteria kelayakan yang dinyatakan dalam Kaedah 3.01;
- (b) mematuhi dan melaksanakan kehendak-kehendak Undang-undang Sekuriti dan Suruhanjaya;
- (c) mematuhi dan melaksanakan Kaedah-kaedah ini dan Arahan-arahan sama ada atau tidak peruntukan tersebut ditujukan secara khusus kepada Organisasi Peserta dan apa-apa janji yang diberikan kepada Bursa sama ada sebelum atau selepas diterima masuk sebagai Organisasi Peserta;
- (d) memastikan bahawa perlembagaannya, jika ada, mematuhi atau selaras dengan Kaedah-kaedah ini dan Arahan-arahan;
- (e) mendaftarkan alamat perniagaan Pejabat Utamanya dengan Bursa dan tidak menukar alamat perniagaan tersebut tanpa mendapat kelulusan bertulis daripada Bursa terlebih dahulu;
- (f) memberitahu Bursa tentang apa-apa perubahan kepada alamat berdaftar Organisasi Peserta dalam masa 7 hari selepas perubahan;
- (g) memberitahu Bursa tentang apa-apa perubahan pada nama sebagaimana yang didaftarkan oleh Bursa, dalam masa 7 hari selepas perubahan;
- (h) tidak membuat pelikuidasian secara sukarela atau memohon apa-apa perintah di bawah Seksyen 366 Akta Syarikat tanpa mendapat kelulusan bertulis daripada Bursa terlebih dahulu; dan
- (i) mematuhi peruntukan Kaedah-kaedah Pusat Penjelasan dan Depositori Pusat.

3.07 Peletakan Jawatan

- (1) Jika Organisasi Peserta berhasrat untuk meletak jawatan, Organisasi Peserta mestilah:
- (a) memberikan notis bertulis sekurang-kurangnya 30 hari kepada Bursa dengan menyatakan cadangan tarikh peletakan jawatan;
 - (b) memastikan Bursa berpuas hati bahawa Organisasi Peserta telah mengambil, atau akan mengambil, langkah-langkah yang wajar dan mencukupi sebelum cadangan tarikh peletakan jawatan untuk penggulungan yang teratur bagi urusan perdagangan dalam sekuritinya di pasaran saham Bursa termasuklah berupaya untuk memenuhi semua obligasinya terhadap Bursa dan Kliennya; dan
 - (c) berhenti melakukan transaksi dalam rangka masa yang ditetapkan oleh Bursa.
- (2) Bursa boleh menerima atau menolak peletakan jawatan Organisasi Peserta.

- (3) Jika peletakan jawatan tersebut diterima, Bursa akan memberitahu semua Organisasi Peserta yang lain tentang tarikh kuat kuasa peletakan jawatan.
- (4) Nama Organisasi Peserta yang meletak jawatan akan dikeluarkan daripada Daftar pada tarikh kuat kuasa peletakan jawatan.

3.08 Fi

- (1) Sesebuah Organisasi Peserta mesti membayar kepada Bursa semua fi dan caj yang ditetapkan oleh Bursa mengikut cara dan dalam tempoh yang ditentukan oleh Bursa.
- (2) Sesebuah Organisasi Peserta yang sengaja tidak membayar apa-apa fi atau caj kepada Bursa dalam rangka masa yang ditetapkan oleh Bursa akan menerima tuntutan pembayaran secara bertulis. Jika amaun yang kena dibayar tidak dibayar dalam tempoh yang ditentukan dalam tuntutan bertulis tersebut, Bursa boleh terus menggantung, menamatkan atau mengambil apa-apa tindakan lain yang dianggap sesuai oleh Bursa terhadap Organisasi Peserta dan akan memberitahu Organisasi Peserta yang berkenaan.

3.09 Liabiliti berterusan

- (1) Bekas Organisasi Peserta boleh dikenakan tindakan disiplin bagi apa-apa pelanggaran Kaedah-kaedah ini dan semua Arahan lain yang dikeluarkan oleh Bursa, yang dilakukan sepanjang tempoh menjadi Organisasi Peserta.
- (2) Bekas Organisasi Peserta mesti menyimpan semua rekodnya selama sekurang-kurangnya 7 tahun dari tarikh pemberhentian dan mengemukakan rekod tersebut kepada Bursa dalam bentuk yang dapat dibaca apabila diminta.
- (3) Semua peruntukan dalam Kaedah-kaedah ini akan terus terpakai berhubung dengan bekas Organisasi Peserta setakat yang dikehendaki untuk menguatkuasakan Kaedah-kaedah 3.09(1) dan 3.09(2).

[Baki halaman ini sengaja dibiarkan kosong]

BAHAGIAN B ORANG BERDAFTAR

3.10 Obligasi untuk mendaftar

Sesebuah Organisasi Peserta mesti mendaftarkan orang berikut dengan Bursa:

- (a) Ketua Pegawai Eksekutif;
- (b) Pengarah;
- (c) Ketua Niaga;
- (d) Ketua Operasi;
- (e) Ketua Pematuhan; dan
- (f) Wakil Peniaga.

3.11 Prosedur pendaftaran

- (1) Untuk mendaftarkan seseorang di bawah Kaedah 3.10, sesebuah Organisasi Peserta mesti:
 - (a) menyerahkan dokumen yang berkaitan kepada Bursa menurut kehendak-kehendak yang ditetapkan oleh Bursa; dan
 - (b) membuat penyerahan hanya berhubung dengan seseorang yang memenuhi kriteria kelayakan berkaitan yang terpakai untuk kategori Orang Berdaftar yang berkaitan sebagaimana yang ditetapkan dalam Kaedah-kaedah ini.
- (2) Bursa boleh menerima atau menolak penyerahan dokumen untuk pendaftaran sebagai Orang Berdaftar.
- (3) Tanpa mengambil kira sama ada atau tidak Orang Berdaftar memenuhi kriteria kelayakan yang berkaitan di bawah Kaedah-kaedah ini, Bursa boleh menolak penyerahan dokumen untuk pendaftaran sebagai Orang Berdaftar jika:
 - (a) maklumat berhubung dengan penyerahan sebagaimana yang dikehendaki oleh Bursa tidak diberikan;
 - (b) apa-apa maklumat atau dokumen yang diberikan kepada Bursa adalah palsu atau mengelirukan;
 - (c) Orang Berdaftar yang dicadangkan gagal mematuhi mana-mana kehendak lain dalam Undang-undang Sekuriti, Kaedah-kaedah ini dan Arah-anarahan;
 - (d) Orang Berdaftar yang dicadangkan itu merupakan subjek bagi penyiasatan atau prosiding yang melibatkan dakwaan fraud atau ketidakjujuran, sama ada di dalam atau di luar Malaysia;
 - (e) kelakuan Orang Berdaftar bukan untuk kepentingan pasaran saham yang teratur dan saksama.

[Rujuk Arah-anarahan No. 3-001]

3.12 Rayuan terhadap Keengganan untuk Mendaftar

Jika Bursa menolak penyerahan untuk pendaftaran di bawah Kaedah ini, Organisasi Peserta boleh membuat rayuan secara bertulis kepada Bursa dalam masa 14 hari selepas Organisasi Peserta itu diberitahu tentang keputusan Bursa.

3.13 Larangan melaksanakan fungsi sehingga didaftarkan

- (1) Kaedah ini tidak terpakai bagi Pengarah dan Ketua Pegawai Operasi.
- (2) Tiada seorang pun boleh melaksanakan fungsi Orang Berdaftar bagi Organisasi Peserta melainkan jika telah didaftarkan sedemikian dengan Bursa.

3.14 Obligasi

Sepanjang tempoh pendaftaran sebagai Orang Berdaftar, Orang Berdaftar mesti:

- (a) terus memenuhi kriteria kelayakan yang terpakai bagi Orang Berdaftar tersebut;
- (b) mematuhi dan melaksanakan kehendak-kehendak Undang-undang Sekuriti dan Suruhanjaya;
- (c) mematuhi dan melaksanakan Kaedah-kaedah ini dan Arahan-arahan dan apa-apa janji yang diberikan kepada Bursa sama ada sebelum atau selepas pendaftaran sebagai Orang Berdaftar;
- (d) mengamalkan sikap profesional, tahap integriti dan urus niaga yang adil;
- (e) menjalankan kemahiran, ketelitian dan ketekunan yang wajar;
- (f) bertindak dengan jujur untuk kepentingan Klien dan Organisasi Peserta;
- (g) menjalankan kewajipan Orang Berdaftar mengikut cara yang menyumbang kepada penyenggaraan pasaran saham yang teratur dan saksama;
- (h) melaksanakan kewajipan Orang Berdaftar dengan berkesan semasa berkhidmat;
- (i) tidak bertindak mengikut cara yang boleh menjejaskan fungsi dan kedudukan Orang Berdaftar;
- (j) mematuhi Kaedah-kaedah Pusat Penjelasan dan Depositori Pusat; dan
- (k) mematuhi dan menguatkuasakan struktur, dasar, prosedur dan kawalan dalaman yang dilaksanakan oleh Organisasi Peserta; menurut Kaedah 5.03.

3.15 Obligasi berterusan

- (1) Orang Berdaftar tidak boleh:
 - (a) menyebabkan, membantu atau bersubahat dalam pelanggaran Kaedah-kaedah ini atau Arahan-arahan oleh Organisasi Peserta; atau
 - (b) membenarkan, sama ada dengan sengaja atau jika Orang Berdaftar mempunyai cara yang munasabah untuk mendapatkan apa-apa maklumat, Organisasi Peserta melakukan pelanggaran Kaedah-kaedah ini atau Arahan-arahan.

- (2) Orang Berdaftar mesti melaksanakan semua usaha wajar sedemikian untuk mengelakkan perlakuan pelanggaran Kaedah-kaedah ini atau Arahan-arahan oleh Organisasi Peserta, sebagaimana yang sepatutnya dilakukan oleh Orang Berdaftar, dengan mengambil kira sifat fungsi Orang Berdaftar dalam Organisasi Peserta dan bagi semua hal keadaan yang berkaitan.

3.16 Kewajipan menguruskan percanggahan kepentingan

Orang Berdaftar mesti mengenal pasti dan menguruskan apa-apa percanggahan kepentingan yang mungkin atau benar-benar wujud berhubung dengan penunaian obligasi dan fungsi di bawah Undang-undang Sekuriti, Kaedah-kaedah ini dan Arahan-arahan.

3.17 Notis pemberhentian

Organisasi Peserta mesti memberitahu Bursa dalam masa 14 hari dari tarikh kuat kuasa Orang Berdaftar itu berhenti daripada memegang jawatan yang berkaitan.

3.18 Kekosongan Orang Berdaftar

- (1) Kaedah 3.18 ini hanya terpakai bagi Ketua Niaga, Ketua Operasi dan Ketua Pematuhan.
- (2) Jika berlakunya kekosongan jawatan orang yang diperihalkan dalam Kaedah 3.18(1), Organisasi Peserta mesti mengisi kekosongan tersebut dalam masa 6 bulan dari tarikh berlakunya kekosongan.
- (3) Buat sementara waktu, Organisasi Peserta mesti mengenal pasti seseorang dan menghendaki orang tersebut memikul tanggungjawab secara sementara bagi melaksanakan fungsi jawatan yang dikosongkan. Organisasi Peserta mesti memastikan orang tersebut:
- (a) mempunyai pengalaman yang berkaitan dan kekananan untuk menjalankan fungsi yang berkaitan;
 - (b) mematuhi Kaedah-kaedah ini dan Arahan-arahan kecuali kehendak untuk mendapatkan kelulusan Suruhanjaya untuk lantikan bagi jawatan berkaitan yang dikosongkan; dan
 - (c) menjalankan fungsi tersebut sahaja untuk tempoh yang tidak melebihi enam (6) bulan.
- (4) Organisasi Peserta mesti memberitahu Bursa tentang orang yang memikul tanggungjawab bagi fungsi jawatan yang dikosongkan.

3.19 Dikeluarkan daripada Daftar

- (1) Seorang Orang Berdaftar akan terus terhenti daripada menjadi orang yang didaftarkan di bawah Kaedah-kaedah ini jika Orang Berdaftar tersebut:
- (a) menjadi tidak siaman;
 - (b) menjadi bankrap, sama ada di dalam atau di luar Malaysia;
 - (c) tidak lagi memegang Lesen Wakil Perkhidmatan Pasaran Modal jika Orang Berdaftar itu dikehendaki memegang lesen sedemikian di bawah Kaedah-kaedah ini;
 - (d) disabitkan bersalah, sama ada di dalam atau di luar Malaysia, untuk suatu kesalahan yang melibatkan fraud atau ketidakjujuran atau keganasan atau sabitan tersebut melibatkan dapatan bahawa dia melakukan fraud atau berkelakuan tidak jujur; atau
 - (e) disabitkan bersalah bagi suatu kesalahan di bawah Undang-undang Sekuriti.

- (2) Sesebuah Organisasi Peserta dan Orang Berdaftar mesti dengan serta-merta memberitahu Bursa apabila menyedari kewujudan mana-mana hal keadaan di atas.

3.20 Fi pendaftaran

Sesebuah Organisasi Peserta mesti membayar kepada Bursa semua fi dan caj yang ditetapkan oleh Bursa untuk pendaftaran Orang Berdaftar mengikut cara dan dalam tempoh yang ditentukan oleh Bursa.

[Rujuk Arahan No. 3-001]

3.21 Liabiliti berterusan

Seseorang bekas Orang Berdaftar akan terus tertakluk kepada tindakan disiplin bagi apa-apa kemungkiran Kaedah-kaedah ini dan Arahan-arahan yang dilakukan semasa tempoh orang tersebut menjadi Orang Berdaftar dan semua peruntukan di bawah Kaedah-kaedah ini mesti terus terpakai berhubung dengan bekas Orang Berdaftar setakat yang diperlukan untuk menguatkuasakan Kaedah 3.21.

[Baki halaman ini sengaja dibiarkan kosong]

BAHAGIAN C KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

3.22 Obligasi

- (1) Sepanjang tempoh pendaftaran sebagai Ketua Pegawai Eksekutif, tertakluk kepada Kaedah 3.22(2), Ketua Pegawai Eksekutif mesti bertanggungjawab terhadap:
 - (a) semua aktiviti Organisasi Peserta yang berhubung dengan perniagaan perdagangan dalam sekuriti di pasaran saham Bursa; dan
 - (b) pematuhan Kaedah-kaedah ini dan Arahan-arahan oleh Organisasi Peserta.
- (2) Tertakluk kepada Kaedah-kaedah ini, Ketua Pegawai Eksekutif yang juga didaftar sebagai Ketua Niaga hanya boleh bertanggungjawab terhadap aktiviti perdagangan dalam sekuriti sementara CEO yang juga didaftar sebagai Ketua Operasi mestilah tidak bertanggungjawab terhadap aktiviti perdagangan dalam sekuriti.

3.23 Pelibatan dalam perniagaan lain

- (1) Seorang Ketua Pegawai Eksekutif tidak boleh terlibat atau memegang apa-apa kepentingan dalam mana-mana perniagaan lain melainkan jika:
 - (a) jawatan pengarah atau perlantikan adalah bersifat bukan eksekutif;
 - (b) tidak ada percanggahan kepentingan atau percanggahan kewajipan dengan jawatannya sebagai Ketua Pegawai Eksekutif bagi Organisasi Peserta;
 - (c) keterlibatan atau kepentingan tidak melanggar syarat Lesen Wakil Perkhidmatan Pasaran Modal (jika berkenaan); dan
 - (d) Ketua Pegawai Eksekutif telah mendapat kelulusan daripada Organisasi Peserta terlebih dahulu.
- (2) Bagi maksud Kaedah-kaedah ini, “pelibatan dalam mana-mana perniagaan” termasuklah menjadi pengarah atau pemegang debentur dalam mana-mana entiti.

[Baki halaman ini sengaja dibiarkan kosong]

BAHAGIAN D KETUA

3.24 Bilangan Minimum Ketua

Sebuah Organisasi Peserta mesti mempunyai sekurang-kurangnya tiga (3) orang Ketua, iaitu Ketua Niaga, Ketua Operasi dan Ketua Pematuhan. Tidak ada orang lain selain Ketua-ketua ini yang dibenarkan untuk melaksanakan fungsi masing-masing sebagai Ketua-ketua sebagaimana yang ditetapkan dalam Kaedah-kaedah ini.

3.25 Pelibatan dalam perniagaan lain

- (1) Seorang Ketua Organisasi Peserta tidak boleh terlibat atau memegang apa-apa kepentingan dalam mana-mana perniagaan lain melainkan jika:
 - (a) jawatan pengarah atau pelantikan adalah bersifat bukan eksekutif;
 - (b) tidak ada percanggahan kepentingan atau percanggahan kewajipan dengan jawatannya sebagai Ketua Organisasi Peserta;
 - (c) keterlibatan atau kepentingan tidak melanggar syarat Lesen Wakil Perkhidmatan Pasaran Modal (jika berkenaan); dan
 - (d) Ketua tersebut telah mendapat kelulusan daripada Organisasi Peserta terlebih dahulu.
- (3) Bagi maksud Kaedah-kaedah ini, “pelibatan dalam mana-mana perniagaan” termasuklah menjadi pengarah atau pemegang debentur dalam mana-mana entiti.

[Baki halaman ini sengaja dibiarkan kosong]

BAHAGIAN E KETUA NIAGA

3.26 Kehendak

- (1) Sebuah Organisasi Peserta mesti melantik sekurang-kurangnya 1 Ketua Niaga.
- (2) Sebuah Organisasi Peserta yang melantik lebih daripada 1 Ketua Niaga mesti:
 - (a) dengan jelas menggariskan dan mendokumenkan bidang dan skop tanggungjawab setiap Ketua Niaga pada masa lantikan sebagai Ketua Niaga dan jika terdapat apa-apa perubahan dalam bidang dan skop tanggungjawab, Organisasi Peserta tersebut mesti mengemas kini dokumentasi yang berkaitan dengan sewajarnya; dan
 - (b) memastikan setiap bidang perniagaan Organisasi Peserta yang berhubung dengan dagangan dalam sekuriti jatuh di bawah tanggungjawab sekurang-kurangnya 1 Ketua Niaga.
- (3) Semua Ketua Niaga sebuah Organisasi Peserta secara bersama bertanggungjawab terhadap apa-apa bidang yang berhubung dengan perdagangan dalam sekuriti yang belum ditugaskan oleh Organisasi Peserta untuk berada di bawah tanggungjawab mana-mana Ketua Niaga.

3.27 Kriteria kelayakan

Seorang Ketua Niaga yang dilantik oleh sebuah Organisasi Peserta mesti memenuhi kehendak-kehendak yang berikut:

- (a) diluluskan oleh Suruhanjaya sebagai Ketua Niaga;
- (b) memegang Lesen Wakil Perkhidmatan Pasaran Modal untuk berniaga dalam sekuriti; dan
- (c) berdaftar dengan Bursa sebagai Ketua Niaga.

3.28 Obligasi

Sepanjang tempoh pendaftaran sebagai Ketua Niaga, Ketua Niaga mesti:

- (a) terus memenuhi kriteria kelayakan sebagaimana yang ditetapkan dalam Kaedah 3.27;
- (b) bertanggungjawab terhadap aktiviti Organisasi Peserta yang berhubung dengan perdagangan dalam sekuriti; dan
- (c) menyelia dan mematuhi secara berterusan Kaedah-kaedah dan Arahan-arahan oleh Organisasi Peserta, Orang Berdaftar, pekerja dan ejen tentang perkara yang berhubung dengan dagangan dalam sekuriti.

3.29 Pelaporan

- (1) Seorang Ketua Niaga mesti melapor terus kepada Lembaga Pengarah Organisasi Peserta.
- (2) Kaedah 3.29(1) tidak terpakai bagi Ketua Niaga sebuah Bank Pelaburan.

BAHAGIAN F KETUA OPERASI

3.30 Kehendak

- (1) Sebuah Organisasi Peserta mesti melantik sekurang-kurangnya 1 Ketua Operasi.
- (2) Sebuah Organisasi Peserta yang melantik lebih daripada 1 Ketua Operasi mesti:
 - (a) dengan jelas menggariskan dan mendokumenkan bidang dan skop tanggungjawab setiap Ketua Operasi pada masa lantikan sebagai Ketua Operasi dan jika terdapat apa-apa perubahan dalam bidang dan skop tanggungjawab, Organisasi Peserta tersebut mesti mengemas kini dokumentasi yang relevan dengan sewajarnya; dan
 - (b) memastikan setiap bidang perniagaan Organisasi Peserta yang berhubung dengan dagangan dalam sekuriti jatuh di bawah tanggungjawab sekurang-kurangnya 1 Ketua Operasi.
- (3) Semua Ketua Operasi sebuah Organisasi Peserta secara bersama bertanggungjawab terhadap apa-apa bidang yang berhubung dengan dagangan dalam sekuriti yang belum ditugaskan oleh Organisasi Peserta untuk berada di bawah tanggungjawab mana-mana Ketua Operasi.

3.31 Kriteria kelayakan

Seorang Ketua Operasi yang dilantik oleh sebuah Organisasi Peserta mesti memenuhi kehendak yang berikut:

- (a) diluluskan oleh Suruhanjaya sebagai Ketua Operasi;
- (b) tidak memegang Lesen Wakil Perkhidmatan Pasaran Modal; dan
- (c) berdaftar dengan Bursa sebagai Ketua Operasi.

3.32 Obligasi

Sepanjang tempoh pendaftaran sebagai Ketua Operasi, Ketua Operasi mesti:

- (a) terus memenuhi kriteria kelayakan sebagaimana yang ditetapkan dalam Kaedah 3.31;
- (b) bertanggungjawab terhadap aktiviti operasi Organisasi Peserta yang berhubung dengan dagangan sekuriti; dan
- (c) menyelia dan mematuhi secara terus Kaedah-kaedah dan Arahan-arahan oleh Organisasi Peserta, Orang Berdaftar, kakitangan dan ejen tentang perkara yang berhubung dengan aktiviti operasi Organisasi Peserta.

3.33 Pelaporan

- (1) Seorang Ketua Operasi mesti melapor terus kepada Lembaga Pengarah Organisasi Peserta.
- (2) Kaedah 3.33(1) tidak terpakai bagi Ketua Operasi sebuah Bank Pelaburan.

BAHAGIAN G KETUA PEMATUHAN

3.34 Kehendak

- (1) Sebuah Organisasi Peserta mesti melantik sekurang-kurangnya 1 Ketua Pematuhan.
- (2) Sebuah Organisasi Peserta yang melantik lebih daripada 1 Ketua Pematuhan mesti:
 - (a) dengan jelas menggariskan dan mendokumenkan bidang dan skop tanggungjawab setiap Ketua Pematuhan pada masa lantikan sebagai Ketua Pematuhan dan jika terdapat apa-apa perubahan dalam bidang dan skop tanggungjawab, Organisasi Peserta tersebut mesti mengemas kini dokumentasi yang relevan dengan sewajarnya; dan
 - (b) memastikan setiap bidang yang berhubung dengan fungsi pematuhan yang dirujuk dalam Kaedah 3.36(b) jatuh di bawah tanggungjawab sekurang-kurangnya 1 Ketua Pematuhan.
- (3)
 - (a) Jika Organisasi Peserta menyumberluarkan fungsi pematuhan kepada Kumpulan di bawah Kaedah 5.17, Organisasi Peserta mesti memastikan bahawa:
 - (i) Kumpulan tersebut melantik sekurang-kurangnya 1 pegawai pematuhan yang khusus yang mesti bertanggungjawab memastikan fungsi pematuhan Organisasi Peserta sebagaimana yang dinyatakan dalam Kaedah 3.36 dilaksanakan; dan
 - (ii) pegawai pematuhan yang berdedikasi tersebut adalah berdaftar dengan Bursa menurut Bahagian G Bab 3 ini.
 - (b) Sekiranya Organisasi Peserta menyumberluarkan fungsi pematuhan kepada Kumpulan dan telah mematuhi Kaedah 3.34(3)(a), Organisasi Peserta boleh memilih untuk tidak melantik Ketua Pematuhan.
 - (c) Peruntukan dalam Bahagian G Bab 3 ini adalah terpakai bagi pegawai pematuhan yang khusus seolah-olah pegawai pematuhan yang khusus tersebut ialah Ketua Pematuhan melainkan dinyatakan sebaliknya.
- (4) Semua Ketua Pematuhan sebuah Organisasi Peserta secara bersama bertanggungjawab terhadap apa-apa fungsi pematuhan yang merujuk Kaedah 3.36(b) yang belum ditugaskan oleh Organisasi Peserta untuk berada di bawah tanggungjawab mana-mana Ketua Pematuhan.

3.35 Kriteria kelayakan

Seorang Ketua Pematuhan yang dilantik oleh sebuah Organisasi Peserta mesti memenuhi kehendak yang berikut:

- (a) diluluskan oleh Suruhanjaya sebagai Ketua Pematuhan;
- (b) tidak memegang Lesen Wakil Perkhidmatan Pasaran Modal; dan
- (c) berdaftar dengan Bursa sebagai Ketua Pematuhan.

3.36 Obligasi

Sepanjang tempoh pendaftaran sebagai Ketua Pematuhan, Ketua Pematuhan mesti:

- (a) terus memenuhi kriteria kelayakan sebagaimana yang ditetapkan dalam Kaedah 3.35;

- (b) menyelia dan menjalankan pemeriksaan dan penilaian yang betul untuk memantau dan memastikan pematuhan menyeluruh oleh Organisasi Peserta, Orang Berdaftar dengan Organisasi Peserta, kakitangan dan ejen terhadap Undang-undang Sekuriti, Kaedah-kaedah ini dan Arahan-arahan; dan

[Rujuk Arahan No. 3.36-001]

- (c) memastikan perkara yang berhubung dengan pematuhan oleh Organisasi Peserta, Orang Berdaftar dengan Organisasi Peserta, kakitangan dan ejen terhadap Undang-undang Sekuriti, Kaedah-kaedah ini dan Arahan-arahan dikemukakan kepada Lembaga Pengarah Organisasi Peserta atau dalam hal Bank Pelaburan, Ketua Pematuhan dikehendaki melapor kepada Lembaga Pengarah atau jawatankuasa, sebagaimana dinyatakan di bawah Garis Panduan Bank Pelaburan.

[Rujuk Arahan No. 3.36-002 dan Amalan Terbaik No. 3.36-001]

3.37 Pelaporan

[Dipotong]

3.38 Pelaporan pelanggaran atau ketidakteraturan

[Dipotong]

3.39 Pelaporan perkara pematuhan

[Dipotong]

[Baki halaman ini sengaja dibiarkan kosong]

BAHAGIAN H PENGARAH

3.40 Kehendak

Sebuah Organisasi Peserta mesti mendaftarkan Pengarah Organisasi Peserta dengan Bursa.

3.41 Obligasi

Sepanjang tempoh pendaftaran sebagai Pengarah, Pengarah mesti bertanggungjawab terhadap:

- (a) semua aktiviti Organisasi Peserta;
- (b) pematuhan dengan Kaedah-kaedah ini, Arahan dan Undang-undang Sekuriti oleh Organisasi Peserta dan Orang Berdaftar dengan Organisasi Peserta, kakitangan dan ejen; dan
- (c) memenuhi syarat kelayakan Suruhanjaya atau yang ditetapkan oleh Bank Negara (bagi Pengarah Bank Pelaburan).

3.42 Pelibatan dalam perniagaan lain

- (1) Seorang Pengarah Organisasi Peserta tidak boleh terlibat atau memegang apa-apa kepentingan dalam mana-mana perniagaan lain melainkan jika:
 - (a) tidak ada percanggahan kepentingan atau percanggahan kewajipan dengan jawatannya sebagai Pengarah Organisasi Peserta;
 - (b) keterlibatan atau kepentingan tersebut tidak melanggar syarat Lesen Wakil Perkhidmatan Pasaran Modal (jika berkenaan); dan
 - (c) Pengarah tersebut telah mendapat kelulusan daripada Organisasi Peserta terlebih dahulu.
- (2) Bagi maksud Kaedah ini, “pelibatan dalam mana-mana perniagaan” termasuklah menjadi pengarah atau pemegang debentur dalam mana-mana entiti.

3.43 Peruntukan anggapan

- (1) Seorang Pengarah Organisasi Peserta yang, sebaik sahaja sebelum Tarikh Penukaran, menjadi seorang ahli Syarikat Induk Bursa, disifatkan sebagai Orang Berdaftar selepas Tarikh Penukaran sehinggalah Pengarah tersebut berhenti menjadi Orang Berdaftar menurut Kaedah-kaedah ini dan mesti terus terikat dengan Kaedah-kaedah ini dan Arahan-arahan.
- (2) Sesuatu rujukan kepada seorang Pengarah dalam kapasiti Pengarah itu yang sebelumnya sebagai ahli Syarikat Induk Bursa dalam apa-apa aku janji, perisytiharan, tanggung rugi atau dokumen lain akan ditafsirkan sebagai rujukan kepada Pengarah itu dalam kapasitinya sebagai Orang Berdaftar.

[Baki halaman ini sengaja dibiarkan kosong]

BAHAGIAN I WAKIL PENIAGA

3.44 Kategori

Kategori Wakil Peniaga ialah:

- (a) Wakil Peniaga Berkomisen; dan
- (b) Wakil Peniaga Bergaji;
- (c) *[Dipotong]*

3.45 Kehendak

- (1) Sebuah Organisasi Peserta mesti mendaftarkan Wakil Peniaga bagi Organisasi Peserta dengan Bursa.
- (2) *[Dipotong]*

3.46 Kriteria kelayakan

- (1) Seorang Wakil Peniaga yang dilantik oleh Organisasi Peserta mesti memenuhi kehendak yang berikut:
 - (a) memegang Lesen Wakil Perkhidmatan Pasaran Modal untuk berniaga dalam sekuriti; dan
 - (b) berdaftar dengan Bursa sebagai Wakil Peniaga berdasarkan kategori dalam Kaedah 3.44.
- (2) *[Dipotong]*

3.47 Obligasi Wakil Peniaga

- (1) Sepanjang tempoh pendaftaran Wakil Peniaga dengan Bursa, Wakil Peniaga mesti:
 - (a) terus memenuhi kriteria kelayakan yang dinyatakan dalam Kaedah 3.46;
 - (b) bekerja atau terlibat untuk bertindak bagi pihak 1 Organisasi Peserta sahaja;
 - (c) *[Dipotong]*;
 - (d) *[Dipotong]*
 - (e) berperwatakan baik dan bertindak dengan jujur untuk dan bagi pihak Organisasi Peserta dalam semua urusan niaga Wakil Peniaga;
 - (f) tidak menerima bayaran daripada Klien atau memegang apa-apa aset Klien atas nama Wakil Peniaga dan mesti memastikan Klien membuat pembayaran dan penyerahsmpunan aset secara terus kepada Organisasi Peserta;

[Rujuk Arahan No. 3.47(1)-001]

- (g) *[Dipotong]*:
 - (i) *[Dipotong]*;
 - (ii) *[Dipotong]*;
 - (iii) *[Dipotong]*
 - (iv) *[Dipotong]*
- (h) tidak menjalankan urusan berniaga dalam sekuriti di luar Pejabat Utama atau Pejabat Cawangan Organisasi Peserta melainkan jika Wakil Peniaga telah mendapat kelulusan daripada Organisasi Peserta terlebih dahulu;

[Rujuk Arahan No. 3.47(1)-002]

- (i) jika Wakil Peniaga berdagang bagi pihak Klien, mengesahkan dengan betul identiti Klien dan ketulenan permohonan;
 - (j) *[Dipotong]*
 - (k) tidak melaksanakan perdagangan untuk Klien Organisasi Peserta atau klien bagi seorang pemegang Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal untuk berniaga dalam derivatif, jika Wakil Peniaga menjalankan perdagangan propietari untuk Organisasi Peserta dan begitu juga sebaliknya;
 - (l) tidak, tanpa kebenaran yang wajar, menggunakan butiran akaun orang lain; dan
 - (m) tidak menggunakan apa-apa akaun yang dibayar atau sekuriti yang didepositkan oleh Klien:
 - (i) untuk mana-mana orang yang tidak berhak; atau
 - (ii) untuk pembayaran ke dalam suatu akaun lain selain akaun perdagangan Klien tersebut.
- (2) Wakil Peniaga hanya boleh terlibat dalam apa-apa aktiviti perniagaan yang lain atau memegang kepentingan dalam mana-mana perniagaan yang lain jika:
- (a) Wakil Peniaga telah memperoleh kelulusan daripada Organisasi Peserta terlebih dahulu;
 - (b) keterlibatan atau kepentingan Wakil Peniaga tidak melanggar mana-mana syarat Lesen Wakil Perkhidmatan Pasaran Modal;
 - (c) Wakil Peniaga mematuhi kehendak-kehendak untuk terlibat dalam aktiviti terkawal tambahan sebagaimana yang dinyatakan dalam Buku Panduan Pelesenan Suruhanjaya, jika terlibat dalam aktiviti terkawal tambahan tersebut;
 - (d) jawatan pengarah atau pelantikan Wakil Peniaga adalah bersifat bukan eksekutif; dan
 - (e) tidak ada percanggahan kewajipan dengan jawatannya sebagai Wakil Peniaga bagi Organisasi Peserta.
- (3) Organisasi Peserta hanya boleh meluluskan permohonan Wakil Peniaga untuk terlibat atau memegang kepentingan dalam aktiviti lain atau mana-mana perniagaan yang lain jika, setelah menaksir dan menilai permohonan, Organisasi Peserta berpuas hati bahawa Wakil Peniaga mematuhi kehendak-kehendak dalam Kaedah-kaedah 3.47(2)(b), (c) (d) dan (e).
- (4) Dalam Kaedah 3.47:

- (a) “terlibat dalam aktiviti perniagaan yang lain atau memegang kepentingan dalam mana-mana perniagaan yang lain” merangkumi pelibatan dalam apa-apa aktiviti terkawal tambahan sebagai mematuhi kehendak-kehendak sebagaimana yang dinyatakan dalam Buku Panduan Pelesenan Suruhanjaya, atau menjadi pengarah atau pemegang debentur dalam mana-mana entiti;
 - (b) *[Dipotong]*
- (5) Seorang Wakil Peniaga adalah bertanggungjawab terhadap apa-apa kerugian yang timbul daripada kegagalan Wakil Peniaga untuk mengesahkan dengan betul identiti Klien dan ketulenan permohonan di bawah Kaedah 3.47(1)(i).

3.48 Skop aktiviti

Seorang Wakil Peniaga mesti mematuhi sekatan sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual 1 berhubung dengan skop aktiviti Wakil Peniaga.

3.49 Saraan

Seorang Wakil Peniaga tidak boleh berkongsi saraan atau komisen yang dibayar dengan mana-mana orang kecuali sebagaimana yang ditetapkan dalam Kaedah 11.02(3A).

3.50 Pengasingan aset

- (1) Sesebuah Organisasi Peserta mesti mengasingkan dan menjaga Deposit Sekuriti DR daripada:
 - (a) aset dan sekuriti Organisasi Peserta; dan
 - (b) sekuriti lain yang dipegang oleh Organisasi Peserta bagi pihak Klien Organisasi Peserta.
- (2) Sesebuah Organisasi Peserta mesti meletakkan semua Deposit Sekuriti DR tunai yang diterima oleh Organisasi Peserta dalam akaun amanah yang disenggara dengan bank berlesen atau bank pelaburan berlesen di bawah FSA.

3.51 Pergerakan Wakil Peniaga

[Dipotong]

3.52 Penamaan semula

- (1) Sesebuah Organisasi Peserta mesti memberitahu Bursa tentang penamaan semula Wakil Peniaga Berkomisen kepada Wakil Peniaga Bergaji atau sebaliknya dalam masa 14 hari dari tarikh kuat kuasa penamaan semula.
- (2) *[Dipotong]*
- (3) *[Dipotong]*

[Rujuk Arahan No. 3-001]

3.53 Pemindahan

- (1) Sesebuah Organisasi Peserta mesti memperoleh kelulusan Bursa untuk memindahkan pendaftaran seseorang yang Organisasi Peserta itu ingin menggaji atau mengambil bekerja sebagai Wakil Peniaga, yang:

Bab 3 – Organisasi Peserta dan Orang Berdaftar

- (a) digaji atau diambil bekerja oleh Organisasi Peserta yang lain sebagai Wakil Peniaga; atau
 - (b) tidak lebih daripada 6 bulan sebelum tarikh penggajian atau pengambilan bekerja yang dirancangan, digaji atau diambil bekerja oleh Organisasi Peserta yang lain sebagai Wakil Peniaga.
- (2) Untuk mendapatkan kelulusan bagi memindahkan pendaftaran seorang Wakil Peniaga, Organisasi Peserta mesti:
- (a) memohon kepada Bursa mengikut cara yang ditetapkan oleh Bursa;
 - (b) membayar fi pemindahan yang ditetapkan oleh Bursa; dan
 - (c) dalam hal keadaan yang dinyatakan dalam Kaedah 3.53(1)(a), mengemukakan surat pelepasan daripada Organisasi Peserta yang menggaji atau mengambil Wakil Peniaga itu bekerja.
- (3) Sebuah Organisasi Peserta mesti memberikan surat pelepasan kepada Wakil Peniaga yang meminta surat sedemikian dalam rangka masa yang munasabah melainkan jika Wakil Peniaga tersebut:
- (a) melakukan pelanggaran material bagi mana-mana Kaedah-kaedah ini atau Arahan-arahan; atau
 - (b) mempunyai hutang piutang sebanyak RM50,000 atau lebih kepada Organisasi Peserta.

Jika terdapat pertikaian sama ada suatu pelanggaran tertentu membentuk pelanggaran material atau tidak terhadap Kaedah-kaedah ini atau Arahan-arahan, Bursa akan menentukan pertikaian sedemikian. Keputusan Bursa tentang perkara ini adalah muktamad dan mengikat.

[Rujuk Arahan No. 3-001]

[Baki halaman ini sengaja dibiarkan kosong]

BAHAGIAN J

MELINDUNGI KEPENTINGAN AWAM, KLIEN DAN BURSA

3.54 Kuasa Bursa

[Dipotong]

[Bab Tamat]

BAB 4 PENGGERAK PASARAN DAN PAKAR DERIVATIF

BAHAGIAN A PENDAFTARAN PENGGERAK PASARAN

4.01 Kriteria kelayakan

- (1) Pemohon yang berhasrat memohon untuk menjadi Penggerak Pasaran untuk Sekuriti Tertentu mestilah sebuah entiti yang memenuhi mana-mana satu syarat yang berikut:
 - (a) sebuah Organisasi Peserta;
 - (b) sebuah bank berlesen, atau bank pelaburan berlesen di bawah FSA, dengan bank pelaburan berlesen tersebut bukan juga sebuah Organisasi Peserta;
 - (c) sebuah Perbadanan yang Berhubungan dengan (a) atau (b) di atas, yang ditubuhkan di bawah Akta Syarikat dan memiliki:
 - (i) dana pemegang saham minimum sebanyak RM2,000,000.00; dan
 - (ii) sekurang-kurangnya dua (2) orang kakitangan dengan sekurang-kurangnya lima (5) tahun pengalaman dalam yang berikut:
 - (aa) berdagang dalam sekuriti sebagai Wakil Peniaga atau berniaga dalam derivatif sebagai Wakil Berdaftar;
 - (bb) berdagang dalam instrumen berkaitan perbendaharaan bagi institusi kewangan;
 - (cc) berdagang dalam sekuriti sebagai peniaga di Bursa Saham Yang Diiktiraf; atau
 - (dd) berdagang dalam derivatif sebagai peniaga Bursa Ditentukan sebagaimana yang ditakrifkan dalam Kaedah-Kaedah Bursa Derivatif;
 - (d) sebuah perbadanan asing yang memenuhi syarat yang berikut:
 - (i) mempunyai modal berbayar setara dengan RM2,000,000.00;
 - (ii) mempunyai pengalaman yang relevan dalam pembuatan pasaran dalam pasaran sekuriti atau derivatif selama sekurang-kurangnya tiga (3) tahun; dan
 - (iii) adalah dikawal selia oleh mana-mana satu yang berikut:
 - (aa) bursa sekuriti atau derivatif yang berada dalam bidang kuasa dengan pengawal selianya ialah penandatanganan kepada Perisytiharan mana-mana IOSCO, MMOU atau BOCA; atau
 - (bb) seorang pengatur yang merupakan penandatanganan bagi Perisytiharan IOSCO MMOU atau BOCA masing-masing;
 - (e) sebuah Perbadanan yang Berhubungan (d) di atas, diperbadankan di bawah Akta Syarikat dan memenuhi syarat yang berikut:
 - (i) mempunyai modal berbayar minimum sebanyak RM2,000,000.00;
 - (ii) mempunyai sekurang-kurangnya dua (2) orang kakitangan dengan sekurang-kurangnya tiga (3) tahun pengalaman dalam pembuatan pasaran; dan

- (iii) perbadanan asing yang merupakan Perbadanan yang Berhubungan dengannya mempunyai sekurang-kurangnya tiga (3) tahun pengalaman dalam pembuatan pasaran.
- (2) Selain daripada kehendak-kehendak dalam Kaedah 4.01(1), seorang pemohon yang ingin menjadi Penggerak Pasaran hendaklah juga memenuhi kehendak-kehendak yang berikut:
- (a) mempunyai kemudahan dan kakitangan yang mencukupi untuk menjalankan perniagaan Pembuatan Pasaran dengan cepat, berkesan dan teratur; dan
 - (b) mempunyai program penyeliaan dan sistem kawalan dalaman yang berkaitan dengan:
 - (i) perniagaan Pembuatan Pasaran;
 - (ii) pelaksanaan pengurusan risiko;
 - (iii) pengurusan konflik kepentingan; dan
 - (iv) pematuhan terhadap Kaedah-kaedah ini.

4.02 Tatacara Permohonan

- (1) Pemohon yang hendak memohon menjadi Penggerak Pasaran untuk suatu Sekuriti yang Ditetapkan mesti memohon kepada Bursa menurut kehendak-kehendak Bursa dan mematuhi apa-apa kehendak-kehendak yang boleh dikenakan oleh Bursa.

[Rujuk Arahan No. 4-001]

- (2) Tanpa mengambil kira sama ada pemohon memenuhi kriteria kelayakan di bawah Bahagian A Bab 4 ini atau tidak, Bursa boleh menolak permohonan untuk mendaftar menjadi Penggerak Pasaran dalam keadaan yang dianggap sesuai oleh Bursa.

4.03 Obligasi Berterusan

Sepanjang tempoh pendaftaran sebagai Penggerak Pasaran, Penggerak Pasaran hendaklah:

- (a) terus memenuhi kriteria kelayakan yang dinyatakan di bawah bahagian A Bab 4 ini;
- (b) dengan serta-merta memberitahu Bursa akan:
 - (i) apa-apa perubahan yang akan membatalkannya sebagai Penggerak Pasaran berdasarkan Bahagian A Bab 4 ini, atau apabila menyedari berlakunya apa-apa keadaan yang dinyatakan dalam Kaedah 4.13(2);
 - (ii) apa-apa perubahan dalam tempat perniagaan Penggerak Pasaran; dan
 - (iii) perubahan nama Penggerak Pasaran; dan
- (c) mematuhi dan memberi kesan terhadap Kaedah-kaedah dan Arahan-arahan ini sekiranya relevan.

[Baki halaman ini sengaja dibiarkan kosong]

BAHAGIAN B OBLIGASI PENGGERAK PASARAN

4.04 Bidaan dan Harga Tawaran

- (1) Penggerak Pasaran bagi suatu Sekuriti yang Ditetapkan mesti memasukkan bidaan dan harga tawaran ke dalam buku pesanan dalam ATS untuk tujuan pembelian dan penjualan Sekuriti Tertentu seperti yang berikut:
 - (a) dengan jumlah minimum sebagaimana yang ditetapkan oleh Bursa;
 - (b) dalam cakupan maksimum yang dibenarkan oleh Bursa; dan
 - (c) dalam tidak kurang daripada kuantiti minimum yang dibenarkan oleh Bursa.
- (2) Penggerak Pasaran boleh dikecualikan daripada memasukkan bidaan dan tawaran harga sebagaimana dikehendaki di bawah Kaedah 4.04(1) dalam keadaan yang disifatkan sesuai atau dibenarkan oleh Bursa.

[Rujuk Arahan No. 4-001]

4.05 Akaun Dagangan Ditetapkan dan Akaun Sekuriti Ditetapkan

Penggerak Pasaran mesti melaksanakan semua aktiviti Pembuatan Pasaran menerusi akaun dagangan dan Akaun Sekuriti yang ditetapkan khusus untuk aktiviti Pembuatan Pasaran berdasarkan terma yang ditetapkan masing-masing oleh Bursa dan Depositori.

[Rujuk Arahan No. 4-001]

4.06 Pelaksanaan oleh Penggerak Pasaran

- (1) Penggerak Pasaran hanya boleh menjalankan aktiviti Penggerak Pasaran bagi kedudukan proprietarinya dan bukan untuk Klien atau Perbadanan yang Berhubungan dengannya.
- (2) Penggerak Pasaran boleh menjalankan Jualan Singkat yang Dibenarkan sebagaimana yang ditetapkan di bawah Bahagian E Bab 4 ini semasa memenuhi obligasinya di bawah Kaedah 4.04(1).
- (3) Jika Penggerak Pasaran bukan Organisasi Peserta, Penggerak Pasaran tersebut hendaklah memasukkan bidaan dan harga tawaran ke dalam buku pesanan dalam ATS menerusi sebuah Organisasi Peserta.
- (4) Penggerak Pasaran hendaklah memberitahu Bursa dengan serta-merta jika tidak berupaya memenuhi obligasi Penggerak Pasaran atas apa-apa sebab sekalipun dan kemudian, apabila berupaya menyambung obligasi Penggerak Pasarannya di bawah Kaedah 4.04(1).
- (5) Penggerak Pasaran hendaklah mengelakkan apa-apa tindakan atau amalan yang berkemungkinan untuk:
 - (a) membawa kepada gambaran yang palsu atau mengelirukan sebagai memperdagangkan secara aktif dalam apa-apa sekuriti di pasaran saham Bursa atau gambaran yang palsu atau mengelirukan berkenaan dengan pasaran itu bagi, atau mengenai harga, mana-mana sekuriti tersebut; atau
 - (b) secara langsung atau tak langsung sama dengan manipulasi pasaran saham,

dan mestilah tidak terlibat dalam apa-apa operasi oleh yang lain yang akan memberikan hasil yang sama.

[Baki halaman ini sengaja dibiarkan kosong]

BAHAGIAN C PAKAR DERIVATIF

4.07 Umum

- (1) Penggerak Pasaran yang dilantik oleh Bursa Derivatif, berkaitan dengan Kontrak Niaga Hadapan Saham Tunggal atau Kontrak Opsyen Saham boleh memohon kepada Bursa untuk menjadi Pakar Derivatif.
- (2) Jika Penggerak Pasaran dalam Kaedah 4.07(1) ialah perbadanan asing, badan ini hendaklah dikawal selia oleh mana-mana yang berikut:
 - (a) Bursa sekuriti atau derivatif yang berada dalam bidang kuasa dengan pengaturnya ialah penandatanganan bagi Perisytiharan IOSCO MMOU atau Perisytiharan masing-masing; atau
 - (b) pengatur yang merupakan penandatanganan bagi Perisytiharan IOSCO MMOU atau BOCA masing-masing.
- (3) Pakar Derivatif boleh menjalankan Jualan Singkat yang Dibenarkan ke atas sekuriti sandaran bagi Kontrak Niaga Hadapan Saham Tunggal atau Kontrak Opsyen Saham yang merupakan Sekuriti yang Diluluskan sebagaimana yang ditetapkan di bawah Bahagian E Bab 4, sebagai sebahagian daripada aktiviti pembuatan pasarannya.

4.08 Tatacara Permohonan

- (1) Pemohon yang ingin menjadi Pakar Derivatif hendaklah memohon kepada Bursa menurut syarat Bursa dan mematuhi apa-apa syarat sebagaimana yang dikenakan oleh Bursa.

[Rujuk Arahan No. 4-001]

- (2) Bursa boleh menolak permohonan untuk mendaftar sebagai Pakar Derivatif dalam keadaan yang dianggap sesuai oleh Bursa.

4.09 Obligasi berterusan

Sepanjang tempoh pendaftaran sebagai Pakar Derivatif, Pakar Derivatif hendaklah:

- (a) kekal berterusan sebagai Penggerak Pasaran dengan Bursa Derivatif berkaitan dengan Kontrak Niaga Hadapan Saham Tunggal atau Kontrak Opsyen Saham.
- (b) dengan serta-merta memberitahu Bursa:
 - (i) apabila menyedari berlakunya apa-apa keadaan yang dinyatakan dalam Kaedah 4.13(2);
 - (ii) apa-apa perubahan tempat perniagaan Pakar Derivatif; dan
 - (iii) perubahan nama Pakar Derivatif; dan
- (c) mematuhi dan memberi kesan terhadap Kaedah-kaedah dan Arahan-arahan ini, sekiranya berkaitan.

4.10 Akaun dagangan dan akaun sekuriti tertentu

Pakar Derivatif hendaklah membuka akaun dagangan dan Akaun Sekuriti yang tertentu berdasarkan terma yang masing-masing ditetapkan oleh Bursa dan Depositori.

[Rujuk Arahan No. 4-001]

4.11 Pelaksanaan Pakar Derivatif

- (1) Jika Pakar Derivatif bukan Organisasi Peserta, Pakar Derivatif tersebut hendaklah melaksanakan Jualan Singkat Dibenarkan menerusi sebuah Organisasi Peserta.
- (2) Pakar Derivatif hendaklah mengelakkan apa-apa tindakan atau amalan yang berkemungkinan:
 - (a) membawa kepada gambaran yang palsu atau mengelirukan sebagai memperdagangkan secara aktif dalam apa-apa sekuriti di pasaran saham Bursa atau gambaran yang palsu atau mengelirukan berkenaan dengan pasaran itu bagi, atau mengenai harga, mana-mana sekuriti tersebut; atau
 - (b) secara langsung atau tak langsung menyebabkan manipulasi pasaran saham,dan tidak seharusnya terlibat dalam apa-apa operasi oleh pihak lain yang mungkin mempunyai hasil yang sama.

[Baki halaman ini sengaja dibiarkan kosong]

BAHAGIAN D PELETAKAN JAWATAN

4.12 Peletakan Jawatan

- (1) Jika Penggerak Pasaran atau Pakar Derivatif ingin meletakkan jawatan, Penggerak Pasaran atau Pakar Derivatif mestilah memberikan notis bertulis kepada Bursa memberitahu akan niatnya untuk meletakkan jawatan tidak kurang dari 30 hari sebelum tarikh cadangan peletakan jawatan.
- (2) Bursa boleh menerima peletakan jawatan Penggerak Pasaran atau Pakar Derivatif tertakluk kepada apa-apa syarat.

4.13 Penamatan, Penggantungan atau Sekatan Aktiviti Penggerak Pasaran atau Pakar Derivatif

- (1) Bursa boleh terus menggantung, menamatkan atau menghalang aktiviti Penggerak Pasaran atau Pakar Derivatif jika:
 - (a) Penggerak Pasaran atau Pakar Derivatif gagal memenuhi mana-mana kehendak masing-masing dalam Bahagian A atau Bahagian C Bab 4 ini; atau
 - (b) Penggerak Pasaran melanggar obligasinya di bawah Kaedah 4.04(1) secara berterusan bagi tempoh yang ditentukan oleh Bursa.
- (2) Pendaftaran Penggerak Pasaran atau Pakar Derivatif di bawah Kaedah-kaedah ini akan teruk terhenti jika:
 - (a) Penggerak Pasaran atau Pakar Derivatif telah mengalami penggulungan sama ada secara sukarela atau selainnya;
 - (b) penama bagi perkiraan sukarela korporat, pengurus kehakiman, penerima dan pengurus, atau pelikuidasi (termasuklah pelikuidasi sementara) telah dilantik untuk Penggerak Pasaran atau Pakar Derivatif;
 - (c) Pakar Derivatif tidak lagi memenuhi syarat dalam Kaedah 4.09(a); atau
 - (d) Penggerak Pasaran atau Pakar Derivatif disabitkan atas apa-apa kesalahan di dalam atau di luar Malaysia yang melibatkan ketakjujuran atau fraud atau tindakan disiplin telah diambil terhadapnya kerana pelanggaran melibatkan ketakjujuran atau fraud.

4.14 Liabiliti Berterusan

- (1) Penggerak Pasaran atau Pakar Derivatif yang telah meletakkan jawatan atau yang pendaftarannya ditamatkan oleh Bursa, kekal dipertanggungjawabkan terhadap tindakan disiplin bagi apa-apa pelanggaran Kaedah-kaedah atau Arahan-arahan yang dilakukan semasa tempoh sebagai Penggerak Pasaran atau Pakar Derivatif.
- (2) Semua peruntukan dalam Kaedah-kaedah ini akan terus terpakai berkaitan dengan bekas Penggerak Pasaran atau bekas Pakar Derivatif setakat yang dikehendaki untuk memberikan kesan terhadap Kaedah 4.14(1).

[Baki halaman ini sengaja dibiarkan kosong]

BAHAGIAN E JUALAN SINGKAT YANG DIBENARKAN

4.15 Umum

- (1) Penggerak Pasaran atau Pakar Derivatif boleh menjalankan Jualan Singkat Dibenarkan ke atas sekuriti yang berikut dalam cara yang ditentukan dalam Bahagian E Bab 4 ini:
 - (a) Penggerak Pasaran bagi ETF –ETF dan Sekuriti Konstituen;
 - (b) Penggerak Pasaran bagi waran terstruktur – sekuriti asas bagi waran terstruktur yang merupakan Sekuriti Diluluskan;
 - (c) Pakar Derivatif– sekuriti sandaran bagi Kontrak Niaga Hadapan Saham Tunggal atau Kontrak Opsyen Saham yang merupakan Sekuriti Diluluskan.
- (2) Penggerak Pasaran atau Pakar Derivatif hendaklah melaksanakan Jualan Singkat Dibenarkan menurut Kaedah 4.15(1) di atas dengan cara Transaksi Pada Pasaran sahaja.
- (3) Melainkan diberikan selainnya dalam Bahagian E Bab 4, semua peruntukan lain dalam Kaedah-kaedah ini terpakai bagi Jualan Singkat Dibenarkan, seolah-olah merupakan jualan biasa sekuriti.

4.16 Memulakan Jualan Singkat Dibenarkan

- (1) Penggerak Pasaran atau Pakar Derivatif boleh memulakan Jualan Singkat Dibenarkan hanya jika Penggerak Pasaran atau Pakar Derivatif telah:
 - (a) mewujudkan Garis Panduan Dalaman bagi Jualan Singkat Dibenarkan;
 - (b) mengadakan sistem dan infrastruktur yang termasuklah sistem pejabat pentadbiran dan peralatan yang beroperasi dan mempunyai semua fungsi, keperluan dan kawalan yang relevan bagi menjalankan Jualan Singkat Dibenarkan menurut Bahagian E Bab 4 ini; dan
 - (c) memberitahu Bursa bahawa Penggerak Pasaran atau Pakar Derivatif akan menjalankan Jualan Singkat Dibenarkan dan menyerahkan perisytiharan bertulis dalam bentuk sebagaimana yang ditentukan oleh Bursa, dua (2) hari sebelum Hari Pasaran untuk memulakan Jualan Singkat Dibenarkan tersebut.

[Rujuk Arahan No. 4-001]

- (2) Berkaitan dengan Penggerak Pasaran bagi ETF yang ingin menjual secara singkat unit ETF atau Sekuriti Seinduk menurut Jualan Singkat Dibenarkan, Penggerak Pasaran bagi ETF hendaklah membuat suatu perjanjian untuk meminjam unit ETF atau Sekuriti Seinduk tersebut bagi penyelesaian Jualan Singkat Dibenarkan.

4.17 Pelaksanaan

- (1) Penggerak Pasaran atau Pakar Derivatif yang ingin menjual secara singkat Sekuriti PSS menurut Jualan Singkat Dibenarkan hendaklah mematuhi mana-mana yang berikut sebelum pelaksanaan perintah untuk menjual secara singkat:
 - (a) Sekuriti PSS tersebut yang hendak dijual secara singkat telah dipinjam menerusi SBL atau dibeli menerusi ISSBNT, mengikut mana-mana yang berkaitan; atau
 - (b) suatu pengesahan telah diperolehi daripada Peserta SBL Dibenarkan atau Peserta ISSBNT Dibenarkan, mengikut mana-mana yang berkaitan, bahawa Sekuriti PSS yang dijual singkat tersedia untuk Penggerak Pasaran atau Pakar Derivatif untuk digunakan bagi penyelesaian jualan.

- (2) Kaedah 4.17(1) tidak terpakai bagi pesanan untuk menjual singkat unit ETF atau Sekuriti Seinduk menurut Jualan Singkat Dibenarkan.
- (3) Semua Jualan Singkat Dibenarkan hendaklah dilaksanakan dalam akaun dagangan dan Akaun Sekuriti ditentukan yang ditetapkan dalam Kaedah 4.05 atau Kaedah 4.10.

[Rujuk Arahan No. 4-001]

- (4) Penggerak Pasaran atau Pakar Derivatif hendaklah mendapatkan dan mengekalkan dokumen yang sepatutnya selama sekurang-kurangnya tujuh (7) tahun untuk tujuan memenuhi keperluan Bursa apabila diminta, bahawa Penggerak Pasaran atau Pakar Derivatif telah mematuhi syarat Kaedah-kaedah 4.16(2), 4.17(1) dan 4.17(3).
- (5) Penggerak Pasaran atau Pakar Derivatif tidak seharusnya melaksanakan Jualan Singkat Dibenarkan apabila diarahkan dengan jelas oleh Bursa, semasa tempoh apabila Sekuriti PSS telah diisytiharkan, dan kekal sebagai, Sekuriti Ditetapkan di bawah Bahagian C Bab 7.
- (6) Melainkan ditentukan sebaliknya oleh Bursa, sekiranya sekuriti asas waran terstruktur, Kontrak Niaga Hadapan Saham Tunggal atau Kontrak Opsyen Saham tidak lagi diisytiharkan sebagai Sekuriti Diluluskan, Penggerak Pasaran atau Pakar Derivatif boleh terus melakukan Jualan Singkat Dibenarkan bagi sekuriti asas tersebut sehingga tarikh tamat tempoh bagi waran terstruktur, atau sehingga bulan terakhir kontrak yang tersenarai bagi dagangan Kontrak Niaga Hadapan Saham Tunggal atau Kontrak Opsyen Saham, mengikut mana-mana yang berkaitan.

4.18 Penggantungan Jualan Singkat Dibenarkan

Tanpa menjejaskan Kaedah 4.20, Bursa boleh menggantung apa-apa kemasukan pesanan ke dalam buku pesanan dalam ATS bagi apa-apa Jualan Singkat Dibenarkan selanjutnya akan Sekuriti PSS, jika kuantiti kedudukan singkat total bagi suatu Sekuriti PSS mencetuskan nilai ambang sedemikian sebagaimana yang ditentukan oleh Bursa.

[Rujuk Arahan No. 8-002]

4.19 Penyerahan dan Penyelesaian

Kaedah-kaedah yang berkaitan dengan penyerahan dan penyelesaian di bawah Bab 9 terpakai bagi Jualan Singkat Dibenarkan dalam cara yang sama sebagaimana terpakai bagi jualan biasa.

4.20 Tindakan oleh Bursa

- (1) Bursa boleh mengambil apa-apa tindakan yang disebut satu persatu di bawah Kaedah 4.20(2) secara terus terhadap Penggerak Pasaran, Pakar Derivatif bagi Orang Berdaftar, yang berkaitan dengan Jualan Singkat Dibenarkan jika:
 - (a) berlaku pelanggaran atau kemungkinan pelanggaran mana-mana peruntukan dalam Bahagian E Bab 4 ini; atau
 - (b) pelaksanaan Jualan Singkat Dibenarkan berkemungkinan menyebabkan berlakunya apa-apa kesalahan di bawah Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan.
- (2) Menurut Kaedah 4.20(1) Bursa boleh mengambil mana-mana satu atau lebih tindakan yang berikut:
 - (a) mengarahkan Jualan Singkat Dibenarkan oleh Penggerak Pasaran, Pakar Derivatif, atau Orang Berdaftar selanjutnya untuk digantung atau dihentikan;
 - (b) mengenakan had ke atas kedudukan singkat total yang boleh dipegang oleh Penggerak Pasaran, Pakar Derivatif atau Orang Berdaftar;

- (c) mengenakan sekatan atau syarat ke atas Jualan Singkat Dibenarkan yang dijalankan oleh Penggerak Pasaran, Pakar Derivatif, atau Orang Berdaftar; atau
- (d) apa-apa tindakan lain yang disifatkan sesuai oleh Bursa.

4.21 Umum

Apabila Bursa mengeluarkan Arahan-arahan untuk mengubah suai penggunaan Kaedah-kaedah dalam Bab 4, maka dengan berbuat demikian, Bursa boleh mengenakan terma dan syarat bagi pematuhan oleh Penggerak Pasaran atau Pakar Derivatif, sekiranya disifatkan perlu atau sesuai.

[Bab Tamat]

BAB 5 PERJALANAN URUSAN

BAHAGIAN A KEHENDAK-KEHENDAK UMUM

5.01 Standard pengendalian

Sesebuah Organisasi Peserta dan Orang Berdaftar mesti, dalam mengendalikan perniagaan Organisasi Peserta:

- (a) patuh kepada prinsip adil dan saksama dan bertindak dengan kemahiran, ketelitian dan ketekunan yang wajar dengan memberikan perhatian yang sewajarnya terhadap integriti pasaran;
- (b) bukan melalui apa-apa tindakan atau peninggalan melakukan apa-apa sahaja yang boleh menyebabkan atau mendatangkan kesan terhadap pasaran sehinggakan tidak teratur dan adil.

[Rujuk Arahan No. 5-001]

5.02 Konflik kepentingan dan pengurusan risiko

Sesebuah Organisasi Peserta hendaklah mempunyai susunan yang memadai untuk menguruskan:

- (a) semua konflik kepentingan yang mungkin timbul dalam pelaksanaan perniagaan Organisasi Peserta; dan
- (b) semua risiko yang mungkin timbul dalam pelaksanaan perniagaan Organisasi Peserta.

[Rujuk Arahan No. 5-001]

5.03 Struktur, kawalan dalaman, polisi dan prosedur

- (1) Sesebuah Organisasi Peserta mesti mempunyai struktur, kawalan dalaman dan polisi dan prosedur bertulis yang digubal untuk:
 - (a) memudahkan penyeliaan aktiviti dan pengendalian perniagaan Organisasi Peserta dan pelaksanaan Orang Berdaftar, pekerja-pekerja dan ejen-ejen Organisasi Peserta;
 - (b) mengenal pasti, memantau dan menguruskan konflik kepentingan dan risiko yang mungkin timbul dalam pelaksanaan perniagaan Organisasi Peserta;
 - (c) mencapai pematuhan dengan Kaedah-kaedah, Arahan-arahan dan Undang-undang Sekuriti; dan
 - (d) menyediakan perlindungan pelabur.

(dirujuk secara bersama dalam Kaedah-kaedah ini sebagai “Polisi dan Prosedur”).

[Rujuk Arahan No. 5-001]

- (2) Sesebuah Organisasi Peserta mesti mempertimbangkan semua faktor yang relevan dalam menentukan kecukupan dan keberkesanan Polisi dan Prosedur termasuklah:

- (a) saiz perniagaan Organisasi Peserta;
 - (b) kedudukan kewangan Organisasi Peserta;
 - (c) kepelbagaian operasi;
 - (d) jumlah, saiz dan kekerapan transaksi;
 - (e) tahap risiko yang berkaitan dengan setiap bidang operasi; dan
 - (f) jumlah kawalan oleh pengurusan kanan Organisasi Peserta bagi operasi hari ke hari.
- (3) Sesebuah Organisasi Peserta mesti mendokumenkan dengan betul dan sentiasa menyemak semula dan mengemas kini Polisi dan Prosedur Organisasi Peserta dengan mengambil kira apa-apa perubahan yang boleh berlaku dalam keperluan pengawalseliaan.
- (4) Sesebuah Organisasi Peserta mesti menyebarkan dengan betul dan menerapkan dengan berkesan dan menguatkuasakan Polisi dan Prosedur dalam Organisasi Peserta, dan apa-apa pengemaskinian terhadap Polisi dan Prosedur sedemikian.

[Rujuk Arahan-arahan No. 5-002 and 5.03-001]

5.04 Rekod

- (1) Sesebuah Organisasi Peserta mesti menyimpan rekod yang tersusun bagi membuktikan pematuhan terhadap keperluan-keperluan dalam Kaedah-kaedah ini, dan apabila dikehendaki dengan jelas di bawah mana-mana peruntukan Kaedah-kaedah atau Arahan-arahan ini.

[Rujuk Arahan No. 5-001]

- (2) Rekod yang ditentukan di bawah Kaedah 5.04(1) mestimustilah disenggarakan oleh Organisasi Peserta selama tempoh yang ditentukan di bawah undang-undang relevan di Malaysia atau dengan ketiadaan undang-undang sedemikian, bagi tempoh tidak kurang dari tujuh (7) tahun.

5.05 Tempat perniagaan

Sesebuah Organisasi Peserta mesti mempunyai:

- (a) tempat perniagaan yang dilengkapi dengan mencukupi dan teratur untuk pengendalian perniagaan Organisasi Peserta; dan
- (b) susunan keselamatan dan kecemasan yang mencukupi untuk pengendalian perniagaan berterusan dengan gangguan minimum.

[Rujuk Arahan No. 5.05-001]

5.06 Pengiklanan

Pengiklanan atau publisiti sesebuah Organisasi Peserta yang berkaitan dengan perniagaan Organisasi Peserta mestimustilah:

- (a) tepat dan tidak mengelirukan atau kabur;
- (b) tidak mengandungi tuntutan yang tidak boleh disahkan;

- (c) tidak berkecenderungan membawa nama buruk kepada Bursa atau Perbadanan Berkaitan dengan Bursa atau mana-mana Organisasi Peserta lain; dan
- (d) mengandungi pernyataan pendedahan risiko yang mencukupi.

5.07 Komunikasi dalam Organisasi Peserta

Sesebuah Organisasi Peserta mesti dengan serta-merta menyebarkan Kaedah-kaedah, Arahan-arahan dan keperluan-keperluan yang Bursa dan Suruhanjaya keluarkan kepada semua Orang Berdaftar bagi Organisasi Peserta dan pekerja yang relevan.

5.08 Pertikaian

- (1) Apa-apa pertikaian antara pihak-pihak yang dirujuk dalam Kaedah 5.08(7) ini boleh dibawa kepada Bursa, melalui notis bertulis oleh mana-mana pihak dalam pertikaian ("Notis Pertikaian").
- (2) Pihak-pihak dalam pertikaian yang diberitahu kepada Bursa di bawah Kaedah 5.08(1) mestilah tidak menggunakan tribunal luar atau mahkamah undang-undang untuk penentuan bagi pertikaian sedemikian dalam masa 30 hari dari tarikh penerimaan Notis Pertikaian daripada Bursa.
- (3) Jika tiada maklum balas daripada Bursa dalam masa 30 hari dari tarikh penerimaan Notis Pertikaian daripada Bursa, pihak-pihak dalam pertikaian ini boleh menggunakan tribunal luar atau mahkamah undang-undang untuk menentukan pertikaian sedemikian.
- (4) Jika Bursa memilih untuk bertindak dalam mana-mana pertikaian sedemikian, Bursa akan memberitahu pihak tersebut atau pihak-pihak dalam pertikaian dalam masa 30 hari dari tarikh penerimaan Notis Pertikaian daripada Bursa.
- (5) Apabila bertindak dalam mana-mana pertikaian, Bursa boleh melantik sama ada satu (1) atau (3) penimbang tara untuk menghakamkan pertikaian jika pihak-pihak dalam pertikaian gagal mencapai persetujuan untuk penyelesaian perkara yang dipertikaikan.
- (6) Mana-mana penimbang tara yang dilantik oleh Bursa di bawah Kaedah 5.08(5) akan menghakamkan perkara yang dipertikaikan menurut peruntukan Akta Timbang Tara 2005. Award oleh penimbang tara sedemikian adalah muktamad dan mengikat ke atas pihak-pihak dalam pertikaian tersebut.
- (7) Untuk tujuan Kaedah 5.08 ini:
 - (a) "pertikaian" bermaksud suatu pertikaian yang timbul daripada mana-mana perkara yang dikawal oleh Kaedah-kaedah atau Arahan-arahan ini, antara atau melibatkan:
 - (i) Peserta-peserta Pasaran; atau
 - (ii) Peserta-peserta Pasaran dengan Bursa.
 - (b) "Peserta-peserta Pasaran" bermaksud Organisasi Peserta, Wakil Peniaga atau keduanya.

5.09 Pernyataan, maklumat dan laporan kepada Bursa

- (1) Sesebuah Organisasi Peserta dan Orang Berdaftar mestimemastikan bahawa apa-apa pernyataan, maklumat atau dokumen yang diserahkan kepada Bursa sama ada sebelum atau

selepas pendaftaran sebagai sebuah Organisasi Peserta atau Orang Berdaftar berkaitan dengan mana-mana perkara di bawah Kaedah-kaedah atau Arahan-arahan ini adalah:

- (a) jelas, tidak kabur dan tepat;
 - (b) tidak terdapat ketinggalan yang material; dan
 - (c) tidak palsu atau mengelirukan.
- (2) Jika apa-apa pernyataan, maklumat atau dokumen yang diterima oleh Bursa daripada atau bagi pihak Organisasi Peserta atau Orang Berdaftar melanggar keperluan-keperluan dalam Kaedah 5.09(1), Organisasi Peserta dan Orang Berdaftar yang relevan akan dipertanggungjawabkan terhadap pelanggaran sedemikian, tanpa mengambil kira bahawa apa-apa pernyataan, maklumat atau dokumen tersebut ditandatangani atau diserahkan oleh seseorang selain daripada Orang Berdaftar tersebut.
- (3) Sesebuah Organisasi Peserta atau Orang Berdaftar tidak melakukan pelanggaran Kaedah 5.09(1) di atas jika Organisasi Peserta atau Orang Berdaftar boleh membuktikan bahawa:-
- (a) semua enkuiri yang munasabah dalam keadaan tersebut telah dibuat; dan
 - (b) selepas membuat enkuiri sedemikian, Organisasi Peserta atau Orang Berdaftar yang relevan mempunyai alasan yang munasabah dan boleh dipercayai, sehingga semasa pengemukaan, penyerahan atau pendedahan pernyataan, maklumat atau dokumen kepada Bursa, bahawa pernyataan, maklumat atau dokumen sememangnya memenuhi keperluan-keperluan Kaedah 5.09(1).
- (4) Sesebuah Organisasi Peserta atau Orang Berdaftar mesti dengan serta-merta memberitahu Bursa jika Organisasi Peserta atau Orang Berdaftar menyedari bahawa apa-apa pernyataan, maklumat atau dokumen yang diberikan kepada Bursa mungkin tidak memenuhi syarat Kaedah 5.09(1).

5.10 Mata Wang

- (1) Melainkan dinyatakan sebaliknya, semua Kaedah-kaedah yang mempunyai rujukan kepada nilai RM yang berkaitan dengan transaksi dalam sekuriti, akan juga terpakai bagi semua transaksi dalam sekuriti yang didominasi dalam mata wang asing. Bagi memakai Kaedah-kaedah ini, nilai mata wang asing mesti ditukarkan kepada nilai RM.
- (2) Melainkan dinyatakan sebaliknya, semua wang yang kena dibayar kepada Organisasi Peserta daripada Bursa atau daripada Organisasi Peserta kepada Bursa menurut Kaedah-kaedah atau Arahan-arahan ini adalah dalam RM termasuklah apabila wang yang kena dibayar berkaitan dengan transaksi dalam sekuriti didominasi dalam mata wang asing.

5.11 Pengasingan Sekuriti Pelanggan

Sesebuah Organisasi Peserta mesti memastikan bahawa semua sekuriti yang dimiliki oleh Pelanggan yang dipegang dalam jagaan selamat menurut perkhidmatan kustodi yang diberikan oleh Organisasi Peserta, adalah dipegang oleh syarikat penamanya yang merupakan anak syarikat milik penuh dan Nomini Diberi Kuasa menurut Kaedah-kaedah Depositori.

[Baki halaman ini sengaja dibiarkan kosong]

BAHAGIAN B SUMBER

5.12 Prestasi aktiviti perniagaan yang betul

- (1) Sesebuah Organisasi Peserta mesti mempunyai sumber yang mencukupi dan berkesan bagi prestasi aktiviti perniagaan yang betul bagi Organisasi Peserta.
- (2) Sesebuah Organisasi Peserta bertanggungjawab terhadap kualiti, kebolehpercayaan, dan integriti semua sistem yang digunakan oleh Organisasi Peserta dalam perniagaan Organisasi Peserta dalam sekuriti di pasaran saham Bursa.

5.13 Kakitangan

Sesebuah Organisasi Peserta mesti hanya menggaji atau melibatkan Orang Berdaftar, kakitangan dan ejen yang sesuai dan betul dengan kemahiran dan pengalaman yang sesuai berkaitan dengan kedudukan dan tanggungjawab yang dipegang mereka.

[Rujuk Arahan No.5-001]

5.14 Kerani Perdagangan

- (1) Sesebuah Organisasi Peserta atau Wakil Peniaga boleh melantik seorang Kerani Perdagangan untuk membantu Organisasi Peserta atau Wakil Peniaga memasukkan pesanan ke dalam ATS dan menjalankan tugas pentadbiran dan perkeranian.
- (2) Sesebuah Organisasi Peserta dan Wakil Peniaga yang melantik Kerani Dagangan mesti memastikan Kerani Pergangan tersebut:
 - (a) tidak mewakili diri sendiri sebagai Wakil Peniaga atau menjalankan fungsi Wakil Peniaga;

[Rujuk Arahan No. 5-001]

- (b) mengamalkan sikap profesional, standard integriti dan urus niaga yang adil;
 - (c) menerapkan kemahiran, jagaan dan usaha yang betul; dan
 - (d) bertindak dengan jujur dan untuk kepentingan Pelanggan dan Organisasi Peserta.
- (3) Sesebuah Organisasi Peserta mesti menyimpan rekod setiap Kerani Perdagangan yang dilantik atau dilibatkan oleh Organisasi Peserta atau Wakil Peniaga.
- (4) Sesebuah Organisasi Peserta dan Wakil Peniaga yang melantik Kerani Perdagangan bertanggungjawab terhadap semua perbuatan dan peninggalan oleh Kerani Perdagangan.

[Baki halaman ini sengaja dibiarkan kosong]

BAHAGIAN C KLIEN

5.15 Maklumat Pelanggan dan pembukaan akaun Pelanggan

- (1) Sebelum sesebuah Organisasi Peserta membuka akaun dagangan untuk Pelanggan, Organisasi Peserta mestimestilah:
 - (a) mendapatkan semua maklumat yang penting tentang Pelanggan, yang relevan dengan perkhidmatan yang hendak diberikan; dan
 - (b) mengesahkan identiti Pelanggan dan ketulenan permohonan untuk membuka satu akaun dagangan dengan Organisasi Peserta.

[Rujuk Arahan-arahan No. 5-001 and 5.15-001]

- (2) Jika Pelanggan menjelaskan bahawa Pelanggan berdagang bagi pihak orang yang lain, Organisasi Peserta boleh membuka akaun dagangan untuk Pelanggan hanya jika:
 - (a) Pelanggan ialah Nomini Diberi Kuasa atau Nomini Diberi Kuasa Dikecualikan, dan
 - (b) Organisasi Peserta membawa kepada perhatian Pelanggan, akan obligasi Pelanggan di bawah Kaedah 5.15(8).

[Rujuk Arahan No. 5.15-001]

- (3) Sesebuah Organisasi Peserta mestilah membuat satu perjanjian bertulis dengan Pelanggan. Perjanjian bertulis ini mestilah menyatakan terma dan syarat bagi pengendalian akaun dagangan Pelanggan dan mestilah termasuk obligasi Pelanggan untuk mematuhi Kaedah-kaedah dan Arahan-arahan ini, sama ada Kaedah-kaedah dan Arahan-arahan ini terpakai secara langsung atau tak langsung terhadap Pelanggan.
- (4) Sesebuah Organisasi Peserta mesti merekodkan dan menyenggara maklumat relevan yang terkini tentang Pelanggan Organisasi Peserta, akaun dagangan mereka dan dagangan yang dilaksanakan dalam akaun dagangan mereka. Untuk mengelakkan keraguan, dagangan yang dilaksanakan dalam akaun dagangan Pelanggan menurut Kaedah ini termasuklah dagangan yang dilaksanakan di pasaran saham Bursa atau Bursa Saham Yang Diikiraf.

[Rujuk Arahan No. 5-001]

- (5) Sesebuah Organisasi Peserta mesti dengan jelas mengenal pasti Akaun Sekuriti di mana sekuriti yang muncul daripada semua urus niaga dalam akaun dagangan mesti dikreditkan ke dalam atau didebitkan daripada akaun tersebut.
- (6) Sesebuah Organisasi Peserta mesti mendapatkan pengesahan dan aku janji bertulis Pelanggan bahawa Pemilik Benefisial sekuriti dalam akaun dagangan dan Akaun Sekuriti adalah sama melainkan Pelanggan ialah Pemunya Benefisial sekuriti dalam akaun dagangan dan Akaun Sekuriti tersebut.
- (7) Jika pemegang Akaun Sekuriti bukanlah Pelanggan tersebut, Organisasi Peserta mesti mendapatkan daripada Pelanggan, kebenaran dan keizinan bertulis daripada pemegang Akaun Sekuriti yang membenarkan perkara yang berikut:
 - (a) melaksanakan apa-apa kemasukan ke dalam Akaun Sekuriti yang timbul daripada apa-apa dagangan yang dilaksanakan dalam akaun dagangan Pelanggan; dan
 - (b) pelaksanaan apa-apa hak oleh Organisasi Peserta, Bursa atau Pusat Penjelasan bagi sekuriti yang dipegang dalam Akaun Sekuriti, yang timbul daripada apa-apa dagangan yang dilaksanakan dalam akaun dagangan Pelanggan.

- (8) Jika diminta oleh Bursa, Organisasi Peserta mesti meminta Pelanggan untuk mendedahkan (dan Pelanggan mesti mendedahkan) maklumat dan dokumen yang berkaitan dengan apa-apa urusan niaga dalam sekuriti yang berkaitan dengan akaun dagangan Pelanggan.
- (9) Maklumat yang dirujuk dalam Kaedah 5.15(8) termasuklah, maklumat sama ada dalam apa-apa urusan niaga dalam akaun dagangan Pelanggan adalah dijalankan bagi pihak orang lain dan dalam keadaan sedemikian, nama, dan butiran mencukupi diperlukan untuk mengenal pasti orang sedemikian. Jika orang tersebut bukan Pemilik Benefisial sekuriti, Pelanggan mesti juga dikehendaki untuk mendapatkan butiran Pemilik Benefisial bagi sekuriti tersebut.

5.16 Berurus niaga dengan Pelanggan

- (1) Sesebuah Organisasi Peserta dan Orang Berdaftar mesti bertindak:
 - (a) dengan kemahiran, ketelitian dan ketekunan yang wajar;
 - (b) jujur dan adil; dan
 - (c) demi kepentingan Pelanggan Organisasi Peserta.

[Rujuk Arahan-arahan No. 4-001 and 5-001]

- (2) Sesebuah Organisasi Peserta dan Orang Berdaftar mesti membuat pendedahan yang mencukupi bagi risiko, faedah dan konflik kepentingan kepada Pelanggan dalam Organisasi Peserta dan urusan niaga Orang Berdaftar dengan Pelanggan.

[Rujuk Arahan-arahan No. 5-001 and 5-002]

- (3) Sesebuah Organisasi Peserta mesti mengemukakan semua komunikasi dan dokumen berkaitan dengan urusan Pelanggan terus kepada Pelanggan melainkan Pelanggan telah memberikan kebenaran secara bertulis bagi komunikasi dan dokumen tersebut dihantar kepada pihak ketiga.
- (4) Sesebuah Organisasi Peserta mesti bertanggungjawab terhadap dan melindungi aset Pelanggan dengan mencukupi.

[Rujuk Arahan No. 5-001]

- (5) Sesebuah Organisasi Peserta mesti, berkaitan dengan aduan daripada Pelanggan (sama ada bertulis atau sebaliknya), yang berkaitan dengan perniagaan Organisasi Peserta:
 - (a) menangani aduan tepat pada masanya dan dalam cara yang sesuai; dan
 - (b) mengambil langkah untuk menyasat dan bertindak balas dengan serta-merta terhadap aduan tersebut.

[Rujuk Arahan No. 5-001]

- (6) Sesebuah Organisasi Peserta dan Orang Berdaftar mesti melindungi kerahsiaan maklumat Pelanggan yang ada dalam simpanan Organisasi Peserta melainkan:
 - (a) Pelanggan membenarkan pendedahan maklumat secara bertulis;
 - (b) undang-undang menghendaki pendedahan maklumat tersebut;
 - (c) Bursa atau mana-mana badan atau pihak berkuasa relevan yang lain (sama ada di dalam atau di luar Malaysia) memerlukan pendedahan maklumat tersebut;

- (d) maklumat sudah tersedia untuk pihak awam; atau
 - (e) maklumat tersebut adalah dalam bentuk ringkasan atau himpunan maklumat yang dinyatakan dalam cara tertentu yang tidak membolehkan maklumat berkaitan dengan mana-mana Pelanggan tertentu dipastikan daripada maklumat tersebut.
- (7) Bursa boleh mengarahkan sesebuah Organisasi Peserta mengelakkan daripada berdagang untuk mana-mana Pelanggan dalam mana-mana keadaan yang berikut:
- (a) berkaitan dengan suatu permintaan yang dibuat di bawah Kaedah 5.15(8), sehinggalah maklumat dan dokumen yang diminta telah diberikan oleh Pelanggan atau apabila Pelanggan enggan memberikan perkara yang sama; atau
 - (b) sekiranya suatu perbuatan atau peninggalan oleh Pelanggan berkaitan dengan atau yang timbul daripada apa-apa transaksi dalam sekuriti menyebabkan, membantu atau memudahkan berlakunya pelanggaran Kaedah-kaedah atau Arahan-arahan ini.

5.16A Akaun Budi Bicara

Apabila mengendalikan Akaun Budi Bicara, sebuah Organisasi Peserta atau Wakil Peniaga mesti mematuhi yang berikut:

- (a) Garis Panduan berkenaan dengan Perjalanan Pasaran dan Amalan Perniagaan bagi Syarikat Pembrokeran Saham dan Wakil Berlesen; dan
- (b) kehendak-kehendak Bursa yang ditentukan yang berkaitan dengan Akaun Budi Bicara.

(Rujuk Arahan-arahan No. 2.01 (2)-006, 3.36-001 dan 5-001).

[Baki halaman ini sengaja dibiarkan kosong]

BAHAGIAN D PENYUMBERLUARAN

5.17 Pengaturan untuk Penyumberluaran

- (1) Sesebuah Organisasi Peserta yang menyumberluarkan fungsinya mesti mematuhi Kaedah-kaedah ini, Buku Panduan Pelesenan Suruhanjaya dan apa-apa Arahan-arahan yang mungkin dikeluarkan oleh Bursa tentang perkara ini.
- (2) Sesebuah Organisasi Peserta mesti memastikan yang penyedia perkhidmatan mematuhi Kaedah-kaedah yang terpakai bagi fungsi yang disumberluarkan dalam cara sebagaimana yang dikehendaki oleh Organisasi Peserta.
- (3) Sesebuah Organisasi Peserta terus bertanggungjawab bagi semua fungsi yang disumberluarkan dan akan dipertanggungjawabkan terhadap apa-apa perbuatan dan peninggalan di pihak penyedia perkhidmatan yang mengakibatkan pelanggaran Kaedah-kaedah ini.

5.18 Bank Pelaburan

Kaedah 5.17 tidak terpakai bagi Bank Pelaburan.

[Baki halaman ini sengaja dibiarkan kosong]

BAHAGIAN E KEPERLUAN INSURANS

5.19 Keperluan untuk mengambil polisi insurans

- (1) Sesebuah Organisasi Peserta mesti mengambil dan menyenggara pada sepanjang masa suatu polisi insurans yang memadai setelah mengambil kira:
 - (a) sifat dan tahap perniagaan Organisasi Peserta sebagaimana yang dibenarkan di bawah Lesen Perkhidmatan Pasaran Saham dan polisi Suruhanjaya, bagi aktiviti yang dibenarkan untuk syarikat broker saham, yang terkandung dalam Buku Panduan Pelesenan Suruhanjaya; dan
 - (b) tanggungjawab dan risiko yang diambil atau yang boleh diambil oleh Organisasi Peserta berkaitan dengan aktiviti sedemikian.
- (2) Sesebuah Organisasi Peserta boleh menyenggara polisi insurans di atas di Peringkat Kumpulan.
- (3) Sesebuah Organisasi Peserta mesti memberitahu Bursa bahawa polisi insurans telah disediakan.

[Rujuk Arahan No. 5-001]

5.20 Pemberitahuan tuntutan

Sesebuah Organisasi Peserta mesti memberitahu Bursa akan apa-apa tuntutan atau tuntutan berpotensi terhadap polisi insurans yang dirujuk dalam Kaedah 5.19(1) dalam masa dua (2) Hari Pasaran dari tarikh Organisasi Peserta menyedari akan tuntutan atau tuntutan yang berpotensi tersebut.

[Bab tamat]

BAB 6 ORGANISASI DAN STRUKTUR ORGANISASI PESERTA

BAHAGIAN A PERNIAGAAN DIBENARKAN BAGI ORGANISASI PESERTA

6.01 Perniagaan Dibenarkan

- (1) Sesebuah Organisasi Peserta yang berhasrat menjalankan apa-apa perniagaan lain selain daripada dagangan dalam sekuriti di pasaran saham Bursa mestimesti mematuhi syarat yang relevan yang dikenakan oleh Suruhanjaya atau Bank Negara, mengikut mana-mana yang berkenaan ("Perniagaan Dibenarkan").
- (2) Sesebuah Organisasi Peserta mesti memberitahu Bursa sebelum permulaan Perniagaan Dibenarkan.
- (3) Bursa mungkin menghendaki Organisasi Peserta untuk mengambil langkah sebagaimana yang difikirkan sesuai oleh Bursa untuk menguruskan risiko berpotensi atau konflik kepentingan yang timbul daripada pelaksanaan kedua-dua Perniagaan Dibenarkan dan perniagaan dagangan dalam sekuriti Organisasi Peserta di pasaran saham Bursa.

[Baki halaman ini sengaja dibiarkan kosong]

BAHAGIAN B PEJABAT CAWANGAN

6.02 Permohonan

Pejabat Cawangan sebuah Organisasi Peserta membentuk sebahagian perniagaan Organisasi Peserta dan oleh yang demikian, semua peruntukan dalam Kaedah-kaedah ini terpakai bagi Pejabat Cawangan.

6.03 Penubuhan Pejabat Cawangan

Sesebuah Organisasi Peserta boleh menubuhkan dan mengendalikan sebuah Pejabat Cawangan jika Organisasi Peserta tersebut memastikan:

- (a) pengasingan tugas yang sewajarnya di Pejabat Cawangan;
- (b) Pejabat Cawangan tersebut mempunyai papan tanda menunjukkan nama Organisasi Peserta; dan
- (c) Pejabat Cawangan tersebut menyenggarakan rekod terkini bagi alamat semua Pejabat-pejabat Cawangan.

6.04 Aktiviti Dibenarkan di Pejabat Cawangan dan Kemudahan Capaian Elektronik

[Dipotong]

6.05 Penukaran

[Dipotong]

[Baki halaman ini sengaja dibiarkan kosong]

BAHAGIAN C FUNGSI PEJABAT BELAKANG

6.06 Sistem dan operasi pejabat belakang

- (1) Sesebuah Organisasi Peserta mesti mengendalikan sistem dan operasi pejabat belakangnya sendiri sama ada di Ibu Pejabat atau di mana-mana Pejabat Cawangan melainkan jika sistem dan operasi pejabat belakang tersebut telah disumberluarkan menurut Bahagian D Bab 5.
- (2) Sesebuah Organisasi Peserta mesti mempunyai sistem dan operasi pejabat belakang yang berupaya untuk:
 - (a) membuat pelaporan dan pemindahan data yang tepat pada masanya dari Pejabat Cawangan ke Ibu Pejabat;
 - (b) membuat penyelarasan harian ke atas semua rekod di Ibu Pejabat dan Pejabat Cawangan; dan
 - (c) membuat penyelarasan ke atas semua transaksi yang dilaksanakan oleh Pejabat Cawangan.
- (3) *[Dipotong]*

[Baki halaman ini sengaja dibiarkan kosong]

BAHAGIAN D FUNGSI PEMATUHAN

6.07 Fungsi pematuhan

Setiap Organisasi Peserta mesti menjalankan fungsi pematuhan untuk memantau pematuhan terhadap Kaedah-kaedah, Arahan-arahan dan Undang-undang Sekuriti ini dan untuk memberikan nasihat tentang semua keperluan yang relevan yang perlu dipatuhi oleh Organisasi Peserta, dalam menjalankan perniagaan Organisasi Peserta.

[Rujuk Arahan No. 6.07(1)-001]

6.08 Kebertanggungjawaban

- (1) Sesebuah Organisasi Peserta dan Lembaga Pengarah Organisasi Peserta bertanggungjawab dan dipertanggungjawabkan terhadap pematuhan Kaedah-kaedah, Arahan-arahan dan Undang-undang Sekuriti ini oleh Organisasi Peserta, Orang Berdaftar bagi Organisasi Peserta, pekerja dan ejen.
- (2) Jika terdapat pelanggaran Kaedah-kaedah, Arahan-arahan atau Undang-undang Sekuriti ini, Organisasi Peserta dan Lembaga Pengarah Organisasi Peserta dipertanggungjawabkan terhadap pelanggaran tersebut sama ada atau tidak pelanggaran sedemikian dilakukan atau disebabkan oleh Orang Berdaftar bagi Organisasi Peserta, pekerja atau ejen.

[Rujuk Arahan No. 6.08-001]

6.09 Pelaporan

- (1) Sesebuah Organisasi Peserta mesti dengan serta-merta melaporkan perkara yang berikut secara bertulis kepada Bursa, apabila menyedari atau apabila Organisasi Peserta mempunyai sebab untuk mempercayai kejadian sedemikian sedang berlaku atau telah berlaku:
 - (a) apa-apa perkara dalam Kaedah 3.38(1) yang belum dilaporkan kepada Bursa; atau apa-apa pelanggaran mana-mana Kaedah-kaedah atau Arahan-arahan ini oleh Orang Berdaftar yang digaji atau diambil bekerja oleh Organisasi Peserta;
 - (b) Organisasi Peserta telah melanggar mana-mana Kaedah-kaedah atau Arahan-arahan ini;
 - (c) Organisasi Peserta adalah tertakluk kepada apa-apa tindakan penguatkuasaan atau disiplin oleh Suruhanjaya atau mana-mana pihak berkuasa pengawalseliaan; atau
 - (d) keupayaan Organisasi Peserta untuk melaksanakan apa-apa obligasi Organisasi Peserta di bawah Kaedah-kaedah atau Arahan-arahan ini mungkin terjejas.
- (2) Orang Berdaftar mesti dengan serta-merta melaporkan yang berikut secara bertulis kepada Bursa, apabila menyedari atau apabila Orang Berdaftar mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa kejadian sedemikian sedang berlaku atau telah berlaku:
 - (a) apa-apa perkara dalam Kaedah 3.38(1) yang belum dilaporkan kepada Bursa atau apa-apa pelanggaran mana-mana Kaedah-kaedah atau Arahan-arahan ini oleh Organisasi Peserta, dengan Orang Berdaftar tersebut digaji atau diambil bekerja oleh Organisasi Peserta tersebut atau oleh Orang Berdaftar lain yang digaji atau diambil bekerja oleh Organisasi Peserta;
 - (b) Orang Berdaftar telah melanggar mana-mana Kaedah-kaedah atau Arahan-arahan;

**Bab 6 – Organisasi dan Struktur
Organisasi Peserta**

- (c) Orang Berdaftar tertakluk kepada mana-mana penguatkuasaan atau tindakan disiplin oleh Suruhanjaya atau mana-mana badan pengawalseliaan berwibawa yang lain; atau
- (d) keupayaan Orang Berdaftar untuk melaksanakan apa-apa obligasi Orang Berdaftar di bawah Kaedah-kaedah atau Arahan-arahan ini boleh terjejas.

[Baki halaman ini sengaja dibiarkan kosong]

BAHAGIAN E PENGURUSAN RISIKO ORGANISASI PESERTA

6.10 Fungsi pengurusan risiko

- (1) Sesebuah Organisasi Peserta mesti memastikan pelepasan fungsi pengurusan risiko yang betul untuk tujuan yang ditetapkan di bawah Kaedah 5.03(1)(b) dan mengambil tindakan untuk mengurangkan risiko sedemikian.
- (2) Sesebuah Organisasi Peserta mesti menubuhkan jawatankuasa pengurusan risiko yang berfungsi menguruskan dan memantau pelaksanaan fungsi pengurusan risiko bagi Organisasi Peserta (“Jawatankuasa Pengurusan Risiko”).

[Rujuk Arahan No. 6.10(2)-001]

- (3) Sesebuah Organisasi Peserta mesti memastikan bahawa fungsi pengurusan risiko dilaporkan kepada Jawatankuasa Pengurusan Risiko.
- (4) Jika fungsi pengurusan risiko disumberluarkan di bawah Bahagian D Bab 5 atau jika Jawatankuasa Pengurusan Risiko ditubuhkan atau disenggarakan di peringkat Kumpulan menurut Bahagian G Bab 6, Organisasi Peserta mesti memastikan bahawa fungsi yang disumberluarkan atau Jawatankuasa Pengurusan Risiko yang ditubuhkan atau disenggarakan di peringkat Kumpulan mematuhi semua peruntukan dalam Kaedah-kaedah dan Arahan-arahan ini, yang berkaitan dengan fungsi pengurusan risiko dan Jawatankuasa Pengurusan Risiko.

6.11 Komposisi Jawatankuasa Pengurusan Risiko

- (1) Organisasi Peserta tersebut mesti memastikan bahawa Jawatankuasa Pengurusan Risiko terdiri daripada orang yang berkelayakan, tiada konflik kepentingan dalam pelepasan fungsi mereka sebagai ahli Jawatankuasa Pengurusan Risiko dan secara bersama mempunyai kemahiran dan pengalaman yang relevan untuk menjalankan fungsi Jawatankuasa Pengurusan Risiko tersebut.
- (2) Organisasi Peserta tersebut mesti memastikan bahawa majoriti ahli Jawatankuasa Pengurusan Risiko bukanlah orang yang mempunyai lesen Wakil Peniaga.

[Baki halaman ini sengaja dibiarkan kosong]

BAHAGIAN F AUDIT DALAMAN ORGANISASI PESERTA

6.12 Fungsi audit dalaman

- (1) Sesebuah Organisasi Peserta mesti menubuhkan dan menyenggara suatu fungsi audit dalaman yang bebas daripada semua fungsi Organisasi Peserta yang lain:
 - (a) memeriksa, menilai dan menasihati Organisasi Peserta tentang:
 - (i) keberkesanan dan keefisienan operasi Organisasi Peserta, termasuklah sistem dalaman dan kawalan;
 - (ii) kebolehpercayaan dan integriti maklumat kewangan dan pengendalian Organisasi Peserta, termasuklah pelaporan maklumat sedemikian;
 - (iii) pematuhan terhadap Kaedah-kaedah dan undang-undang yang berkaitan dengan perniagaan Organisasi Peserta;
 - (iv) pematuhan terhadap polisi dan tatacara yang relevan yang digubal oleh Organisasi Peserta; dan
 - (v) kecukupan dan keberkesanan semua bidang lain dalam perniagaan Organisasi Peserta yang relevan untuk pencapaian, objektif dan obligasi Organisasi Peserta;
 - (b) melaporkan kepada Lembaga Pengarah atau jawatankuasa yang dipilih oleh Lembaga Pengarah tentang dapatan pemeriksaan dan penilaian bidang yang disebutkan dalam Kaedah 6.12(1)(a);
 - (c) membuat cadangan yang sesuai bagi langkah pembedahan yang perlu diambil atau penambahbaikan (jika ada) berdasarkan dapatan di atas; dan
 - (d) mengesahkan sama ada cadangan yang dibuat di atas telah dilaksanakan oleh Organisasi Peserta.
- (2) Sesebuah Organisasi Peserta mesti menubuhkan dan menyenggara suatu Jawatankuasa Audit, sama ada dengan sendiri atau di peringkat Kumpulan menurut Bahagian G Bab 6 ("Jawatankuasa Audit"), dan yang fungsinya mesti termasuk fungsi yang sedemikian sebagaimana yang ditetapkan oleh Bursa. Jawatankuasa Audit bertanggungjawab untuk memantau dan menyelia semua perkara berkaitan dengan pelepasan fungsi audit dalaman Organisasi Peserta tersebut.

[Rujuk Arahan No. 6.12(2)-001]

- (3) Sesebuah Organisasi Peserta mesti memastikan semua perkara yang berkaitan dengan audit dalaman dilaporkan kepada Jawatankuasa Audit.
- (4) Jika fungsi audit dalaman disumberluarkan di bawah Bahagian D Bab 5 atau sekiranya Jawatankuasa Audit ditubuhkan atau disenggarakan di peringkat Kumpulan menurut Bahagian G Bab 6, Organisasi Peserta mesti memastikan bahawa fungsi yang disumberluarkan atau Jawatankuasa Audit yang ditubuhkan atau disenggarakan di peringkat Kumpulan mematuhi semua peruntukan dalam Kaedah-kaedah dan Arahan-arahan ini, yang berkaitan dengan fungsi audit dalaman dan Jawatankuasa Audit.

6.13 Komposisi Jawatankuasa Audit

Organisasi Peserta mesti memastikan Jawatankuasa Audit terdiri daripada orang yang berkecakapan, tiada konflik kepentingan dalam pelepasan fungsi mereka sebagai ahli

Jawatankuasa Audit, dan secara bersama mempunyai kemahiran yang relevan dan pengalaman untuk menjalankan fungsi Jawatankuasa Audit tersebut.

6.14 Skop audit dalaman

- (1) Sesebuah Organisasi Peserta mesti mengenal pasti dengan jelas bahagian dalam perniagaan Organisasi Peserta yang hendak dinilai untuk tujuan penunaian fungsi audit dalamannya di bawah Kaedah-kaedah ini. Bidang ini mesti sejajar dengan fungsi yang dinyatakan dalam Kaedah 6.12(1)(a) dan mesti termasuk:
 - (a) prestasi pengurusan Organisasi Peserta;
 - (b) keberkesanan dan keefisienan komunikasi antara pekerja dengan penyelia;
 - (c) kejelasan, keberkesanan dan keefisienan polisi dan tatacara bertulis dalam pengagihan tanggungjawab dan tugas dan kaedah pelaporan;
 - (d) kecukupan polisi dan tatacara latihan pekerja;
 - (e) keberkesanan dan keefisienan polisi dan tatacara yang berkaitan dengan kawalan kredit dan pengurusan risiko;
 - (f) maklumat kewangan dan operasi yang dijana dan cara yang digunakan untuk mengenal pasti, mengukur, mengelaskan dan melaporkan maklumat sedemikian;
 - (g) kawalan dan tatacara dalaman yang direka khusus untuk mengesan atau mengelakkan pelanggaran;
 - (h) sistem maklumat dan maklumat tentang perkara lain berkaitan teknologi;
 - (i) semua aspek pengendalian perniagaan Organisasi Peserta;
 - (j) rekod kewangan dan perakaunan dan laporan tentang Organisasi Peserta yang mengandungi maklumat relevan yang tepat, boleh dipercayai, tepat pada masanya, lengkap dan disediakan dengan mematuhi standard perakaunan yang diluluskan; dan
 - (k) pengendalian Organisasi Peserta yang berkaitan dengan aktiviti urus niaganya.
- (2) Sesebuah Organisasi Peserta boleh menentukan skop audit dalamannya berdasarkan penilaian risiko yang dilakukan oleh Organisasi Peserta dalam bidang yang dicakupi di bawah Kaedah 6.14(1).
- (3) Sesebuah Organisasi Peserta mesti, apabila berkaitan dengan penilaian risiko yang dilaksanakannya:
 - (a) menghasilkan kaedah penilaian risiko bertulis yang jelas yang hendak digunakan apabila menilai risiko dalam bidang yang dicakupi di bawah Kaedah 6.14(1); dan
 - (b) mengenal pasti dengan jelas dan mendokumenkan hasil penilaian risiko bidang yang di atas.
- (4) Sesebuah Organisasi Peserta mesti memastikan audit dalaman dilaksanakan ke atas organisasi sendiri pada masa sedemikian sebagaimana yang dianggap perlu, dengan sentiasa tertakluk kepada jumlah minimum satu (1) audit dalaman dalam setiap tahun kalendar berdasarkan penilaian dalam Kaedah-kaedah 6.14(2) dan 6.14(3).
- (5) Apabila selesai audit dalaman, Organisasi Peserta mesti memastikan laporan bertulis ke atas dapatan audit dalaman disediakan dan dibentangkan kepada Jawatankuasa Audit. Laporan

bertulis ini mesti mengandungi cadangan-cadangan atau tindakan-tindakan pembetulan yang perlu diambil, jika ada.

- (6) Sesebuah Organisasi Peserta mesti memastikan apa-apa dapatan besar atau fraud yang ditemui semasa audit dalaman yang boleh menjejaskan kedudukan kewangan atau operasi Organisasi Peserta dilaporkan kepada Lembaga Pengarah dan pihak pengurusan dengan serta-merta.

6.15 Pelaporan

- (1) *[Dipotong]*
- (2) Jawatankuasa Audit mesti memberikan kepada Lembaga Pengarah Organisasi Peserta, antara lain, laporan audit, pelan tindakan atau apa-apa langkah pembetulan yang diambil untuk menangani apa-apa ketidakpatuhan atau ketidakaturan yang dinyatakan dalam laporan audit.
- (3) Sesebuah Organisasi Peserta mesti menyerahkan satu salinan minit mesyuarat Jawatankuasa Audit dan satu salinan laporan audit, termasuklah pelan tindakan atau apa-apa langkah pembetulan yang perlu diambil untuk menangani apa-apa ketidakpatuhan atau ketaknalaran yang dinyatakan dalam laporan audit, kepada Bursa dalam masa 30 hari dari tarikh minit tersebut diterima oleh, dan laporan audit dibentangkan kepada Lembaga Pengarah Organisasi Peserta.
- (4) Jawatankuasa Audit mesti melaporkan kepada Lembaga Pengarah Organisasi Peserta akan apa-apa perkara yang ditetapkan di bawah Kaedah 6.14(1), yang berkaitan dengan Organisasi Peserta, tentang semua perkara yang berkaitan dengan fungsi Jawatankuasa Audit termasuklah fungsi sedemikian sebagaimana yang ditetapkan oleh Bursa.

[Baki halaman ini sengaja dibiarkan kosong]

**BAHAGIAN G PRESTASI JAWATANKUASA PENGURUSAN RISIKO DAN JAWATANKUASA
AUDIT YANG BERFUNGSI PADA PERINGKAT KUMPULAN**

6.16 Jawatankuasa Pengurusan Risiko dan Jawatankuasa Audit

Sesebuah Organisasi Peserta boleh mempunyai Jawatankuasa Pengurusan Risiko atau Jawatankuasa Audit sendiri yang ditubuhkan atau disenggarakan di peringkat Kumpulan jika Organisasi Peserta boleh mematuhi Kaedah 2.01(2)(k) setakat memberikan atau memastikan pemberian kepada Bursa, laporan, maklumat, Dokumen, Buku dan Rekod yang berkaitan dengan jawatankuasa tersebut dan keputusan dan pertimbangan jawatankuasa tersebut, apabila diminta oleh Bursa.

6.17 Bank Pelaburan

Kaedah 6.16 tidak terpakai bagi Bank Pelaburan.

[Bab Tamat]

BAB 7 PERNIAGAAN DALAM SEKURITI

BAHAGIAN A PERNIAGAAN DALAM SEKURITI

7.01 Am

- (1) Peruntukan dalam Kaedah 7.01 ini adalah terpakai bagi Transaksi Atas Pasaran dan Transaksi Perniagaan Terus sama ada yang diurusniagakan di Lot Dagangan atau Lot Ganjil melainkan jika dinyatakan selainnya secara khusus.
- (2) Sambungan Organisasi Peserta kepada ATS untuk tujuan perdagangan dalam sekuriti di pasaran saham Bursa mestilah menerusi suatu titik capaian yang diluluskan oleh Bursa.
- (3) Organisasi Peserta mestilah, pada setiap masa, mengambil semua langkah keselamatan yang munasabah untuk mengelakkan akses yang tidak dibenarkan ke dalam ATS.
- (4) Organisasi Peserta tidak boleh, tanpa mendapat kelulusan bertulis daripada Bursa terlebih dahulu:
 - (a) membangunkan atau membenarkan pembangunan apa-apa bentuk sistem elektronik yang berupaya menghalakan perintah secara terus daripada Klien-klien ke dalam ATS; atau
 - (b) menyambungkan kepada:
 - (i) ATS atau mana-mana bahagian ATS, secara langsung atau secara tidak langsung, apa-apa peranti, peralatan atau kemudahan untuk apa-apa tujuan; atau
 - (ii) mana-mana peranti, peralatan atau kemudahan yang telah diluluskan oleh Bursa untuk disambungkan kepada ATS atau mana-mana bahagian ATS, dengan apa-apa peranti, peralatan atau kemudahan tambahan.
- (5) Organisasi Peserta tidak boleh menjalankan apa-apa transaksi dalam sekuriti berasaskan “Kontrak Hadapan”.
- (6) Semua rekod yang disenggarakan oleh Bursa berhubung dengan apa-apa dagangan atau apa-apa perkara yang dimasukkan atau ditunjukkan dalam ATS akan kekal sebagai bukti kebenaran perkara tersebut mengatasi semua Rekod lain yang disenggarakan oleh Organisasi Peserta.

7.02 Sebut harga dan perdagangan dalam sekuriti

- (1) Semua sekuriti yang diterima untuk sebut harga di pasaran saham Bursa akan didagangkan:
 - (a) berdasarkan dagangan dan pengelasan sebagaimana yang ditentukan oleh Bursa;
 - (b) dalam mata wang yang dinyatakan dalam sebut harga sekuriti tersebut;
 - (c) dalam Lot Dagangan dan Lot Ganjil;
 - (d) berdasarkan penjelasan dan penyelesaian sekuriti yang dibawa menurut FDSS sebagaimana yang ditetapkan di bawah Jadual 2 dan 3; dan

- (e) “berasaskan tanpa kelayakan” (tanpa dividen, tanpa bonus, tanpa faedah, terbitan tanpa hak, tanpa semua, tanpa tawaran) dalam 1 Hari Pasaran sebelum Hari Tutup Buku atau apa-apa tempoh lain sebagaimana yang ditentukan oleh Bursa.
- (2) Organisasi Peserta yang berhasrat membeli atau menjual sekuriti yang didagangkan di pasaran saham Bursa sama ada untuk akaun Organisasi Peserta itu sendiri atau untuk Klien, mesti melaksanakan transaksi:
 - (a) sebagai Transaksi Atas Pasaran;
 - (b) Transaksi Perniagaan Terus; atau
 - (c) ISSBNT.
- (2A) *[Dipotong]*
- (3) Penyerahan dan penyelesaian sekuriti yang timbul daripada Transaksi Atas Pasaran atau Transaksi Perniagaan Terus akan dilakukan menurut Kehendak-kehendak Pusat Penjelasan dengan cara masukkan ke dalam catatan buku dalam Akaun Sekuriti.
- (4) Organisasi Peserta hanya boleh menjual sekuriti dalam Lot Ganjil jika sekuriti tersebut ditentukan sebagai “sekuriti bebas” dalam Akaun Sekuriti penjual yang disenggarakan dengan Organisasi Peserta sebelum masukan pesanan ke dalam ATS.

7.03 Bertindak sebagai prinsipal

- (1) Organisasi Peserta disifatkan bertindak sebagai prinsipal bagi semua pesanan dan dagangan yang dimasukkan dan dilaksanakan dalam ATS walaupun jika pesanan atau dagangan tersebut dimasukkan bagi akaun Klien mereka.
- (2) Organisasi Peserta, tidak boleh berdagang dalam sekuriti dengan Klien, sebagai prinsipal sebagaimana yang ditakrifkan dalam Seksyen 97(2) Akta Pasaran Saham dan Perkhidmatan, tanpa memberitahu Klien.

7.04 Perdagangan Proprietari

- (1) Organisasi Peserta tidak boleh membenarkan Wakil Peniaga Bergaji yang melaksanakan perdagangan proprietari untuk Organisasi Peserta, turut mengurus niaga untuk Klien Organisasi Peserta atau klien bagi pemegang Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal untuk urus niaga dalam derivatif.
- (2) Organisasi Peserta boleh membenarkan Wakil Peniaga Bergaji, yang melaksanakan perdagangan proprietari untuk Organisasi Peserta, menjalankan perdagangan proprietari untuk Perbadanan yang Berhubungan bagi Organisasi Peserta.
- (3) *[Dipotong]*

7.05 Akaun perdagangan

- (1) Organisasi Peserta hanya boleh membuka dan mengendalikan jenis akaun perdagangan yang berikut:
 - (a) Akaun Proprietari atas nama Organisasi Peserta;

- (b) Akaun Penama Dibenarkan atas nama Organisasi Peserta atau syarikat milik penuh penama; dan
- (c) Akaun Klien atas nama Klien masing-masing.

[Rujuk Arahan-arahan No. 7.05(1)-001 dan 7.05(1)-002]

- (2) Organisasi Peserta mesti mematuhi kehendak-kehendak sedemikian sebagaimana yang ditentukan oleh Bursa berkaitan dengan akaun perdagangan yang dikendalikannya.

[Rujuk Arahan-arahan No. 7.05(2)-001 dan 7.05(2)-002]

7.06 Kerosakan atau kepincangan fungsi

- (1) Organisasi Peserta dan Wakil Peniagaanya tidak boleh mengambil kesempatan daripada situasi yang timbul disebabkan kerosakan, kepincangan fungsi atau ralat dalam ATS (dilakukan oleh Bursa atau oleh Organisasi Peserta lain) atau dalam mana-mana sistem, perkhidmatan atau kemudahan Bursa yang lain (“Kepincangan Fungsi atau Ralat Sistem”).
- (2) Organisasi Peserta yang mengalami Kepincangan Fungsi atau Ralat Sistem mesti memberitahu Bursa dengan serta-merta.
- (3) Organisasi Peserta mesti mengambil semua langkah yang perlu dan sesuai untuk mengurangkan apa-apa kerugian yang mungkin timbul daripada Kepincangan Fungsi atau Ralat Sistem sebaik sahaja Organisasi Peserta menyedari atau sepatutnya mengetahui berlakunya Kepincangan Fungsi atau Ralat Sistem.

[Rujuk Arahan No. 7.06-001]

7.07 Lien ke atas sekuriti

- (1) Organisasi Peserta boleh, bagi wang yang terhutang kepada Organisasi Peserta oleh Klien untuk apa-apa pembelian sekuriti, mempunyai lien ke atas semua sekuriti lain dengan kedudukan kredit bagi akaun Klien pada masa itu (termasuklah akaun perdagangan, Akaun Sekuriti dan apa-apa akaun lain, mengikut mana-mana yang berkenaan) yang disenggarakan dengan Organisasi Peserta, jika Klien bersetuju dengan terma tersebut secara bertulis.
- (2) Kehendak bagi persetujuan Klien sebagaimana yang ditetapkan dalam Kaedah 7.07(1) tidak terpakai dalam keadaan yang ditetapkan dalam Kaedah 7.07(3).
- (3) Menurut Seksyen 35(3) Akta Industri Sekuriti (Depositori Pusat), Organisasi Peserta mempunyai lien terhadap sekuriti yang dibeli oleh Klien yang belum dibayar.

7.08 Pelaporan pertikaian dagangan

Organisasi Peserta mesti segera melaporkan kepada Bursa semua pertikaian dagangan berkenaan dengan apa-apa transaksi sekuriti atau transaksi lain berhubung dengan urus niaga dalam sekuriti yang disertainya, termasuklah transaksi antara broker, yang melibatkan nilai RM1,000,000 atau lebih (sama ada amaun tersebut ialah amaun tunggal atau amaun agregat). Laporan tersebut mesti mengandungi butiran pertikaian dagangan, amaun yang dipersoalkan dan pihak-pihak yang terlibat dalam pertikaian tersebut.

7.09 Bursa Saham Yang Diiktiraf

Organisasi Peserta boleh berdagang dengan Bursa Saham Yang Diiktiraf sama ada untuk kedudukan proprietari Organisasi Peserta atau untuk akaun Klien.

[Rujuk Arahan No. 7.09-001]

7.10 Berniaga dengan atau mencipta pasaran lain

- (1) Organisasi Peserta tidak boleh, dalam apa-apa cara berniaga dengan atau mencipta apa-apa pasaran lain untuk transaksi dalam sekuriti atau kepentingan dalam sekuriti yang disebut dalam Senarai Rasmi Bursa, selain pasaran saham Bursa.
- (2) Organisasi Peserta tidak boleh membenarkan perniagaan dalam sekuriti yang disebut dalam Senarai Rasmi Bursa, sama ada untuk kepentingan Organisasi Peserta sendiri atau untuk Klien, jika urus niaga tersebut memudahkan urus niaga dalam mana-mana sekuriti atau kepentingan dalam sekuriti di luar pasaran saham Bursa, melainkan dibenarkan dengan jelas oleh Bursa.

[Baki halaman ini sengaja dibiarkan kosong]

BAHAGIAN B TRANSAKSI LUAR KUNCI KIRA-KIRA

7.11 *[Dipotong]*

7.12 *[Dipotong]*

7.13 *[Dipotong]*

[Baki halaman ini sengaja dibiarkan kosong]

BAHAGIAN C SEKURITI BERTANDA

7.14 Sekuriti Bertanda

- (1) Bursa boleh mengisytiharkan mana-mana sekuriti yang tersenarai sebagai Sekuriti Bertanda bagi apa-apa tempoh sebagaimana yang difikirkan sesuai oleh Bursa jika:
 - (a) berlaku manipulasi atau spekulasi berlebihan ke atas sekuriti tersenarai tersebut; atau
 - (b) diarahkan sedemikian oleh Suruhanjaya.
- (2) Bursa akan memberitahu Suruhanjaya akan niatnya untuk mengisytiharkan sekuriti tersenarai sebagai Sekuriti Bertanda di bawah Kaedah 7.14(1)(a).
- (3) Bursa boleh mengenakan mana-mana satu atau lebih syarat yang berikut bagi urusan niaga Sekuriti Bertanda:
 - (a) margin perlindungan untuk pembelian;
 - (b) Kontrak-kontrak Organisasi Peserta bagi Sekuriti Bertanda yang belum jelas pada bila-bila masa tidak melebihi 5% daripada modal berbayar Penerbit Sekuriti Bertanda atau apa-apa peratusan lain sebagaimana yang boleh diarahkan oleh Bursa dari semasa ke semasa;
 - (c) larangan ke atas apa-apa jualan Sekuriti Bertanda melainkan, sebelum jualan tersebut, penjual menjadikan Sekuriti Bertanda tersebut sebagai "sekuriti bebas" dalam Akaun Sekuriti yang akan digunakan untuk jualan semasa pembuatan Kontrak;
 - (d) larangan bagi penggunaan Pembiayaan Margin untuk membeli Sekuriti Bertanda; atau
 - (e) apa-apa syarat lain yang disifatkan sesuai oleh Bursa.
- (4) Apa-apa syarat yang dikenakan oleh Bursa di bawah Kaedah 7.14(3) terpakai bagi semua Kontrak belum jelas yang dibuat sebelum atau selepas tarikh apabila sekuriti sedemikian diisytiharkan sebagai Sekuriti Bertanda mulai dari tarikh perisytiharan sedemikian.
- (5) Bursa akan membuat perisytiharan yang dibuat di bawah Kaedah 7.14(1) untuk diketahui awam mengikut apa-apa cara sebagaimana yang ditentukan oleh Bursa.

[Baki halaman ini sengaja dibiarkan kosong]

BAHAGIAN D MEMBORONG SIMPAN

7.15 Perisytiharan

- (1) Bursa boleh mengisytiharkan situasi memborong simpan dalam mana-mana sekuriti tersenarai untuk apa-apa tempoh sebagaimana yang difikirkan sesuai oleh Bursa (“Sekuriti Terlibat”) jika:
 - (a) Bursa berpendapat bahawa satu kepentingan atau satu kumpulan tunggal telah memperoleh apa-apa kawalan bagi sekuriti tersebut sehinggakan sekuriti yang sama tidak boleh diperoleh untuk penyerahan melainkan pada harga dan berdasarkan terma yang ditentukan oleh kepentingan atau kumpulan tersebut;
 - (b) sebaliknya adalah lebih baik demi kepentingan pasaran yang teratur dan saksama; atau
 - (c) diarahkan oleh Suruhanjaya.
- (2) Apabila perisytiharan sedemikian dibuat, Bursa boleh mengenakan mana-mana satu atau lebih syarat yang berikut ke atas Sekuriti Terlibat:
 - (a) menangguhkan masa penyerahan Sekuriti Terlibat ke suatu masa yang ditetapkan oleh Bursa atau sehingga tindakan selanjutnya diambil oleh Bursa;
 - (b) melanjutkan masa penyerahan Sekuriti Terlibat;
 - (c) mengisytiharkan bahawa jika Sekuriti Terlibat tidak diserahkan bagi mana-mana Kontrak pada atau sebelum masa yang telah ditetapkan oleh Bursa bagi penyerahan sedemikian, maka Kontrak tersebut mesti diselesaikan bukan melalui penyerahan tetapi melalui pembayaran:
 - (i) perbezaan antara harga penyelesaian wajar dengan harga Kontrak oleh penjual kepada pembeli jika penjual membuat kontrak untuk menjual kepada pembeli pada harga yang lebih rendah daripada harga penyelesaian yang wajar;
 - (ii) perbezaan antara harga Kontrak dengan harga penyelesaian wajar oleh pembeli kepada penjual jika penjual membuat kontrak untuk menjual pada harga yang lebih tinggi daripada harga penyelesaian wajar;
 - (iii) perbezaan antara harga Kontrak dengan harga penyelesaian wajar oleh pembeli kepada penjual jika pembeli membuat kontrak untuk membeli daripada penjual pada harga yang lebih tinggi daripada harga penyelesaian wajar;
 - (iv) perbezaan antara harga penyelesaian wajar dengan harga Kontrak oleh penjual kepada pembeli jika pembeli membuat kontrak untuk membeli daripada penjual pada harga yang lebih rendah daripada harga penyelesaian wajar.
- (3) Harga penyelesaian wajar ditentukan oleh Bursa serta mengikat dan muktamad ke atas semua pihak bagi apa-apa Kontrak yang belum selesai.
- (4) Bursa mesti, sebelum menetapkan harga penyelesaian wajar, mendengar keterangan daripada mana-mana orang itu sebagaimana yang difikirkan perlu dan wajar menurut budi bicara mutlakny.

[Baki halaman ini sengaja dibiarkan kosong]

BAHAGIAN E AKTIVITI PEMBROKERAN SAHAM ISLAM

7.16 Kelulusan Bursa

- (1) Organisasi Peserta mesti mendapatkan kelulusan daripada Bursa terlebih dahulu sebelum menjalankan apa-apa aktiviti perdagangan berdasarkan prinsip Syariah Islam.
- (2) Bursa boleh memberikan kelulusan selepas mendapatkan nasihat Suruhanjaya.

[Rujuk Amalan Terbaik No. 7.16-001]

[Baki halaman ini sengaja dibiarkan kosong]

BAHAGIAN F PINJAMAN DAN PEMINJAMAN SEKURITI

7.17 Takrif

Bagi tujuan Bahagian F Bab 7 ini, istilah berikut mempunyai maksud yang disebut di bawah ini melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain:

Kehendak-kehendak Pusat Penjelasan	Kehendak-kehendak Pusat Penjelasan sebagaimana yang terkandung dalam Kaedah-kaedah Pusat Penjelasan dan mana-mana dokumen lain, dengan apa-apa jua nama yang disebutberhubung dengan pinjaman dan peminjaman sekuriti; dan
Transaksi Terunding SBL	Maksud yang sama sebagaimana yang diberikan kepada ungkapan tersebut dalam Kaedah-kaedah Pusat Penjelasan.

7.18 Am

- (1) Organisasi Peserta hanya boleh menjalankan aktiviti pinjaman dan peminjaman sekuriti jika:
 - (a) Organisasi Peserta diluluskan oleh Pusat Penjelasan untuk melaksanakan aktiviti pinjaman dan peminjaman;
 - (b) sekuriti tersebut ialah Sekuriti yang Layak; dan
 - (c) pinjaman dan peminjaman dilaksanakan menurut Kehendak-kehendak Pusat Penjelasan dan Bahagian F Bab 7 ini.
- (2) Organisasi Peserta hanya boleh melaksanakan Pinjaman dan Peminjaman Sekuriti, sama ada untuk Organisasi Peserta itu sendiri atau untuk Kliennya, bagi tujuan yang dibenarkan oleh Pusat Penjelasan.
- (3) Apa-apa dagangan jualan yang dilaksanakan oleh Organisasi Peserta yang akan diselesaikan dengan menggunakan sekuriti daripada peminjaman yang dibuat dengan melanggar Kaedah 7.18(2) disifatkan sebagai jualan singkat yang tidak dilaksanakan menurut Kaedah-kaedah ini.
- (4) Organisasi Peserta mesti memastikan bahawa jika Pinjaman dan Peminjaman Sekuriti melibatkan Klien:
 - (a) Peserta Perdagangan mesti, berhubung dengan Pinjaman dan Peminjaman Sekuriti yang lain daripada Transaksi Terunding SBL:
 - (i) menyempurnakan perjanjian bertulis dengan Kliennya berkenaan dengan Pinjaman dan Peminjaman Sekuriti dengan terma perjanjian bertulis itu mematuhi kehendak-kehendak sebagaimana yang ditetapkan oleh Bursa; dan
 - (ii) memastikan bahawa kolateral diserahkan simpan mengikut kehendak-kehendak sebagaimana yang ditetapkan oleh Bursa;

[Rujuk Arahan No. 7-001]

- (b) peminjaman Sekuriti Margin daripada Akaun Margin Klien mematuhi kehendak-kehendak sebagaimana yang ditetapkan oleh Bursa;

[Rujuk Arahan No. 7.18-001]

- (c) peminjaman Sekuriti yang Layak yang dipegang dalam jagaan Organisasi Peserta untuk Kliennya, mematuhi kehendak-kehendak sebagaimana yang ditetapkan oleh Bursa; dan

[Rujuk Arahan No. 7.18-001]

- (d) satu salinan pernyataan pendedahan risiko sebagaimana yang ditetapkan oleh Bursa diberikan kepada dan diakui penerimaannya oleh Klien Organisasi Peserta sebelum penyempurnaan apa-apa perjanjian bertulis untuk pinjaman Sekuriti yang Layak oleh Klien.

7.19 Garis Panduan dan Sistem Dalaman

- (1) Organisasi Peserta yang berhasrat untuk terlibat dalam aktiviti Pinjaman dan Peminjaman Sekuriti mesti merangka satu set garis panduan dalaman bagi Pinjaman dan Peminjaman Sekuriti sebagaimana yang dikehendaki oleh Bursa.
- (2) Organisasi Peserta mesti membangunkan, melaksanakan dan menyenggara:
 - (a) sistem dan prasarana termasuk sistem dan prasarana pejabat belakang, yang beroperasi dan mempunyai semua fungsi, keperluan dan kawalan berkaitan dalam keadaan teratur bagi menjalankan Pinjaman dan Peminjaman Sekuriti menurut Bahagian F Bab 7 ini dan kehendak-kehendak Pusat Penjelasan; dan
 - (b) semua dasar, prosedur, kawalan dan semua kehendak lain yang dinyatakan dalam garis panduan dalaman untuk Pinjaman dan Peminjaman Sekuriti.

[Rujuk Arahan No. 5-001]

7.20 Permulaan Aktiviti Pinjaman dan Peminjaman Sekuriti

Organisasi Peserta hanya boleh memulakan aktiviti Pinjaman dan Peminjaman Sekuriti jika telah menyerahkan perisytiharan bertulis dalam bentuk sebagaimana yang ditetapkan oleh Bursa tentang pematuhannya terhadap Kaedah 7.19 sekurang-kurangnya dua (2) Hari Pasaran sebelum memulakan aktiviti Pinjaman dan Peminjaman Sekuriti.

[Rujuk Arahan No. 7-001]

7.21 Pemeriksaan atau Audit oleh Bursa

[Dipotong]

7.22 Akaun yang Ditetapkan

- (1) Organisasi Peserta mesti memegang semua Sekuriti yang Layak yang dipinjam atau diberikan peminjaman menurut Pinjaman dan Peminjaman Sekuriti dalam Akaun Sekuriti yang ditetapkan dalam Kehendak-kehendak Pusat Penjelasan dan bukan dalam Akaun Sekuriti yang lain.

- (2) Jika Sekuriti yang Layak yang dipinjam dipegang dalam Akaun Sekuriti yang disenggarakan atas nama Organisasi Peserta dalam bidang kuasanya sebagai Penama Diberi Kuasa atau Penama Diberi Kuasa Terkecuali, Organisasi Peserta hanya boleh memegang Sekuriti yang Layak dalam Akaun Sekuriti tersebut untuk tempoh maksimum dua (2) Hari Pasaran dari tarikh Sekuriti yang Layak dikreditkan ke dalam Akaun Sekuriti.

7.23 [Dipotong]

7.24 Tindakan oleh Bursa

- (1) Bursa boleh terus mengambil mana-mana tindakan yang dinyatakan satu persatu di bawah Kaedah 7.24(2) terhadap mana-mana atau semua Organisasi Peserta atau Orang Berdaftar atau berhubung dengan mana-mana atau semua Sekuriti yang Layak jika:
- (a) berlaku pelanggaran atau terdapat kemungkinan berlakunya pelanggaran mana-mana peruntukan dalam Bahagian F ini; atau
 - (b) aktiviti Pinjaman dan Peminjaman Sekuriti boleh membawa kepada atau berkemungkinan membawa kepada berlakunya apa-apa kesalahan di bawah Akta Perkhidmatan dan Pasaran Modal.
- (2) Menurut Kaedah 7.24(1), tindakan yang berikut boleh diambil oleh Bursa terhadap mana-mana atau semua Organisasi Peserta atau Orang Berdaftar atau berhubung dengan mana-mana atau semua Sekuriti yang Layak:
- (a) mengarahkan Pinjaman dan Peminjaman selanjutnya bagi Sekuriti yang Layak oleh Organisasi Peserta atau Orang Berdaftar sama ada untuk Organisasi Peserta, atau mana-mana atau semua Klien, digantung atau dihentikan;
 - (b) mengenakan had ke atas jumlah bilangan atau jenis Sekuriti yang Layak yang boleh dipinjam atau diberikan peminjaman oleh Organisasi Peserta atau Orang Berdaftar sama ada untuk Organisasi Peserta atau mana-mana atau semua Kliennya; atau
 - (c) mengenakan sekatan atau syarat ke atas aktiviti Pinjaman dan Peminjaman Sekuriti yang dijalankan oleh Organisasi Peserta atau Orang Berdaftar sama ada untuk Organisasi Peserta atau mana-mana atau semua Kliennya.

[Baki halaman ini sengaja dibiarkan kosong]

BAHAGIAN G TRANSAKSI OLEH PEKERJA, WAKIL PENIAGA, WAKIL PERDAGANGAN DAN PENGARAH

7.25 *[Dipotong]*

7.26 Pemberitahuan

- (1) Tertakluk kepada pematuhan peruntukan tentang percanggahan kepentingan yang ditetapkan dalam Kaedah-kaedah 3.16 dan 5.02, seorang pekerja, Wakil Peniaga, Wakil Perdagangan atau Pengarah Organisasi Peserta yang berdagang dalam sekuriti untuk akaunnya sendiri mesti memberitahu Organisasi Peserta tentang dagangan tersebut secara bertulis atau dengan cara elektronik. Bagi tujuan Kaedah 7.26 ini, akaun Pengarah akan termasuk akaun yang dalamnya Pengarah tersebut mempunyai kepentingan langsung atau tidak langsung.
- (2) Apabila menerima pemberitahuan tersebut, Organisasi Peserta mesti mengambil langkah yang perlu bagi memastikan pematuhan obligasinya dalam menguruskan percanggahan kepentingan dan risiko di bawah Kaedah 5.02.

7.27 *[Dipotong]*

7.28 Takrif

Bagi tujuan Bahagian G Bab 7 ini, apabila terdapat perkataan “transaksi” atau “dagangan”, hendaklah termasuk transaksi atau dagangan dalam sekuriti yang dilaksanakan di pasaran saham Bursa atau Bursa Saham yang Diiktiraf.

[Baki halaman ini sengaja dibiarkan kosong]

BAHAGIAN H PEMBIAYAAN

7.29 Jenis Pembiayaan Dibenarkan

- (1) Organisasi Peserta hanya boleh menyediakan pembiayaan kepada:
 - (a) Klien, untuk langganan atau pembelian sekuriti sebagaimana yang dinyatakan di bawah Kaedah 7.29(2); dan
 - (b) Perbadanan yang Berhubungan sebagaimana yang dinyatakan dalam Kaedah 7.33.
- (2) Organisasi Peserta boleh menyediakan jenis pembiayaan yang berikut untuk langganan atau pembelian sekuriti:
 - (a) pembiayaan margin, sebagaimana yang diperuntukkan dalam Kaedah 7.30;
 - (b) pembiayaan budi bicara, sebagaimana yang diperuntukkan dalam Kaedah 7.31; dan
 - (c) apa-apa jenis pembiayaan lain, tertakluk kepada terma dan syarat yang ditetapkan dalam Kaedah 7.32.
- (3) Dalam Bahagian H Bab 7 ini, melainkan ditentukan selainnya oleh Bursa, 'sekuriti' bererti:
 - (a) terbitan baharu sekuriti yang akan diterbitkan oleh Penerbit untuk tujuan mendapatkan penyenaian dalam Senarai Rasmi Bursa; dan
 - (b) sekuriti yang disebut dan didagangkan di Bursa; dan
 - (c) untuk tujuan Pembiayaan Margin di bawah Kaedah 7.30, selain (a) dan (b) di atas, terbitan baharu sekuriti yang akan diterbitkan oleh Penerbit untuk tujuan mendapatkan penyenaian dalam Bursa Saham Teriktiraf, dan sekuriti yang disebut dan didagangkan di Bursa Saham yang Diiktiraf.

7.30 Pembiayaan margin

- (1) Organisasi Peserta boleh menawarkan Pembiayaan Margin kepada Kliennya untuk:
 - (a) langganan dan pembelian sekuriti; atau
 - (b) penebusan semua atau mana-mana Baki Belum Jelas dalam Akaun Margin Klien yang dipegang dengan Organisasi Peserta lain atau orang atau entiti yang diluluskan atau berlesen untuk menyediakan pembiayaan di bawah mana-mana undang-undang bertulis di Malaysia dan pemindahan seterusnya daripada Akaun Margin kepada Organisasi Peserta.
- (2) Organisasi Peserta boleh menawarkan Pembiayaan Margin kepada Kliennya untuk tujuan yang ditentukan di bawah Kaedah 7.30(1) untuk tempoh tiga (3) bulan sahaja, dengan pusingan, jika perlu.
- (3) *[Dipotong]*
- (4) Amaun Pembiayaan Margin yang boleh ditawarkan oleh Organisasi Peserta kepada mana-mana Klien tunggal tidak boleh melebihi 20% daripada Dana Pemegang Syer Efektifnya.

- (5) Yang berikut terpakai bagi pengiraan jumlah amaun Pembiayaan Margin yang diberikan kepada mana-mana Klien tunggal:
- (a) Jika Klien tunggal tersebut ialah seorang individu, maka apa-apa Pembiayaan Margin yang diberikan kepada individu tersebut, pasangan individu tersebut, perkongsian yang individu tersebut ialah rakan kongsi, mana-mana rakan kongsi individu tersebut, pasangan bagi rakan kongsi individu tersebut dan semua syarikat atau perbadanan yang individu tersebut mempunyai kawalan ke atasnya, disifatkan sebagai Pembiayaan Margin yang ditawarkan kepada Klien tunggal. Untuk perenggan (a) ini, seorang individu disifatkan melaksanakan “kawalan” ke atas suatu syarikat atau perbadanan jika individu atau pasangan individu tersebut secara berasingan atau berse sama:
 - (i) memegang, secara langsung atau secara tidak langsung, lebih daripada 50% saham syarikat atau perbadanan;
 - (ii) mempunyai kuasa untuk melantik, atau menyebabkan dilantik, sebahagian besar pengarah bagi syarikat atau perbadanan; atau
 - (iii) mempunyai kuasa untuk membuat, atau menyebabkan dibuat, keputusan berkenaan dengan urusan atau pentadbiran syarikat atau perbadanan, dan untuk melaksanakan keputusan atau menyebabkan keputusan dilaksanakan.
 - (b) Jika Klien tunggal ialah sebuah syarikat atau perbadanan, maka apa-apa Pembiayaan Margin yang ditawarkan kepada syarikat atau perbadanan, Perbadanan yang Berhubungan dan Perbadanan Bersekutu, disifatkan sebagai Pembiayaan Margin yang ditawarkan kepada Klien tunggal.
- (6) *[Dipotong]*
- (7) Organisasi Peserta mesti menilai apa-apa kolateral yang didepositkan oleh Klien ke dalam Akaun Margin dan apa-apa sekuriti yang dibeli dan dibawa ke dalam Akaun Margin mengikut cara sebagaimana yang ditentukan oleh Bursa.
- [Rujuk Arahan No. 7.30-001]*
- (8) Organisasi Peserta mesti membuat perjanjian bertulis dengan Kliennya untuk apa-apa Pembiayaan Margin yang ditawarkan kepada Klien.
- (9) Organisasi Peserta boleh menggadai janji, mencagarkan, menggadai, membuat hipotekasi atau memberikan pengaturan jaminan ke atas sekuriti dan kolateral Klien dalam Akaun Margin tanpa obligasi ke atas Organisasi Peserta untuk mengekalkan dalam pemilikan atau kawalannya sekuriti yang seumpamanya jika:
 - (i) agregat Nilai Pada Pasaran Semasa (sebagaimana ditakrifkan dalam Kaedah 13.02), nilai sekuriti dan kolateral Klien itu yang digadai janji, dicagarkan, digadai, dibuat hipotekasi atau diberikan pengaturan jaminan oleh Klien pada bila-bila masa tidak melebihi Baki Belum Jelas bagi Akaun Margin Klien; dan
 - (ii) Organisasi Peserta telah membuat suatu perjanjian dengan Klien yang membenarkan Organisasi Peserta berbuat demikian.
- (10) Organisasi Peserta boleh menggunakan mana-mana sekuriti dalam Akaun Margin Klien untuk Pinjaman dan Peminjaman Sekuriti sebagaimana yang diperuntukkan dalam Bahagian F Bab 7.
- (11) Organisasi Peserta tidak boleh membenarkan Ekuiti dalam mana-mana Akaun Margin Klien jatuh di bawah 130% daripada Baki Belum Jelas.

[Rujuk Arahan No. 7.30-001]

- (12) Jika Ekuiti dalam Akaun Margin Klien jatuh di bawah 130% daripada Baki Belum Jelas, Organisasi Peserta mesti mencairkan Akaun Margin Klien, termasuk sekuriti yang dibeli dan dibawa dalam akaun tersebut, supaya Ekuiti tersebut adalah sekurang-kurangnya 130% daripada Baki Belum Jelas melainkan jika Organisasi Peserta bersetuju dengan permohonan atau cadangan Klien di bawah Kaedah 7.30(13).
- (13) Organisasi Peserta tidak boleh mencairkan Akaun Margin Klien di bawah Kaedah 7.30(12) jika Organisasi Peserta bersetuju dengan:
 - (a) permohonan yang dibuat secara bertulis oleh Klien agar tidak mencairkan Akaun Marginnya; dan
 - (b) cadangan yang dibuat oleh Klien secara bertulis untuk menyelesaikan Baki Belum Jelas menurut terma dan syarat yang dipersetujui oleh Organisasi Peserta.
- (14) Tidak ada Pembiayaan Margin tambahan yang boleh ditawarkan kepada Klien berikutan kejadian yang dinyatakan dalam Kaedah 7.30(13).
- (15) Organisasi Peserta boleh mengenakan amaun Ekuiti yang lebih tinggi daripada yang ditetapkan dalam Kaedah 7.30(11) jika notis bertulis diberikan kepada Klien terlebih dahulu.
- (16) Organisasi Peserta tidak boleh menawarkan kemudahan kredit kepada Klien melampaui had diluluskan yang ditetapkan dalam perjanjian bertulis antara Organisasi Peserta dengan Kliennya.
- (17) Apabila menilai sama ada kemudahan kredit melebihi had diluluskan atau tidak, Organisasi Peserta mesti memasukkan semua caj, fi pusingan, faedah dan caj lain yang ditanggung oleh Klien, dengan tiada pembayaran sebenar dibuat oleh Klien, jika perbelanjaan sedemikian didebitkan untuk Baki Belum Jelas Klien dan dibiayai oleh Organisasi Peserta, sehinggalah pembayaran sebenar dibuat oleh Klien.
- (18) Untuk mengira nilai Ekuiti dalam Akaun Margin, sekuriti dan kolateral lain dalam akaun tersebut mesti dinilai berdasarkan penilaian yang ditentukan oleh Bursa dalam Kaedah 7.30(7). Semua transaksi yang dilakukan pada hari yang sama mesti digabungkan berdasarkan tarikh transaksi dan jumlah kos pembelian atau pendapatan bersih daripada jualan, termasuk apa-apa caj komisen, perbelanjaan faedah dan semua perbelanjaan lain yang berkaitan mesti diambil kira untuk pengiraan kehendak-kehendak Margin.
- (19)
 - (a) Organisasi Peserta mesti memohon Margin tambahan dan mengenakan potongan nilai ke atas apa-apa kolateral dan sekuriti yang dibeli dan dibawa dalam akaun Margin apabila berlakunya:
 - (i) perubahan dalam nilai sekuriti yang luar biasa cepatnya atau tidak menentu;
 - (ii) tiada pasaran aktif untuk sekuriti;
 - (iii) penggantungan sekuriti daripada perdagangan di pasaran; atau
 - (iv) tiada kemungkinan berlakunya pencairan sekuriti dengan serta-merta.
 - (b) Jika penggantungan yang dinyatakan dalam Kaedah 7.30(19)(a)(iii) berlaku lebih daripada dua (2) Hari Pasaran, maka potongan nilai mestilah 100%.
- (20) Klien hanya boleh mengeluarkan wang tunai daripada Akaun Marginnya dan mana-mana kolateral yang pada masa itu didepositkan ke dalam Akaun Marginnya dengan

syarat bahawa nilai Ekuiti dalam Akaun Margin tersebut tidak jatuh di bawah 130% daripada Baki Belum Jelas.

- (21) Organisasi Peserta mesti, tidak lewat daripada hari ke-10 setiap bulan, memberitahu Bursa dalam bentuk sebagaimana yang ditetapkan oleh Bursa, tentang Pembiayaan Margin yang ditawarkan kepada Klien secara bulanan.

[Rujuk Arahan No. 7.30-002]

7.31 Pembiayaan Budi Bicara

- (1) Tanpa mengambil kira Bahagian E Bab 9, Organisasi Peserta boleh membenarkan Klien yang membeli untuk membuat pembayaran bagi kedudukan pembeliannya yang belum jelas untuk Transaksi Atas Pasaran antara T+3 dengan T+7 (“Pembiayaan Budi Bicara”) jika:
- (a) Organisasi Peserta telah membenarkan Klien untuk membuka dan mengendalikan suatu Akaun DF selepas menilai kesesuaian Klien untuk diberikan kemudahan Pembiayaan Budi Bicara;
 - (b) Klien ialah Klien Runcit (dengan atau tanpa Akaun Margin);
 - (c) terma dan syarat bagi pembukaan dan pengendalian Akaun DF adalah secara bertulis dan dipersetujui oleh Klien; dan
 - (d) Klien telah memberitahu Organisasi Peserta tidak lewat dari T+2 bahawa Pembiayaan Budi Bicara diperlukan berhubung dengan Transaksi Atas Pasaran tertentu dan Organisasi Peserta menerima penggunaan Pembiayaan Budi Bicara bagi transaksi tersebut.
- (2) Jika Organisasi Peserta tidak menerima apa-apa pemberitahuan menurut Kaedah 7.31(1)(d), maka Organisasi Peserta boleh menyifatkan bahawa masa untuk pembayaran kedudukan pembelian yang belum jelas berhubung dengan suatu Transaksi Atas Pasaran yang dilakukan pada Tarikh Kontrak oleh Pemegang Akaun DF adalah menurut Bahagian E Bab 9.
- (3) Pemegang Akaun DF yang menggunakan Pembiayaan Budi Bicara mesti membuat penyelesaian kedudukan pembelian yang belum jelas untuk Transaksi Atas Pasaran tidak lewat dari 12:30 tengah hari pada T+7.
- (4) Jika Pemegang Akaun DF gagal membuat penyelesaian yang diperlukan di bawah Kaedah 7.31(3), Organisasi Peserta mesti memulakan jualan paksa pada bila-bila masa selepas 12:30 tengah hari pada T+7 tetapi tidak lewat dari T+8 tanpa memberikan notis kepada Klien. Walau bagaimanapun, Organisasi Peserta masih boleh menerima pembayaran daripada Klien pada bila-bila masa sebelum jualan paksa dilakukan.
- (5) Organisasi Peserta boleh membenarkan Pemegang Akaun DF menjual mana-mana sekuriti yang dibeli pada T, pada bila-bila masa selepas masa pembelian tetapi sebelum 12:30 tengah hari pada T+7. Jualan tersebut disifatkan sebagai jualan untuk menutup kedudukan pembelian dan penutupan sedemikian dirujuk sebagai “kontra”. Oleh itu, semua peruntukan dalam Kaedah 9.10 tentang kontra (kecuali peruntukan berkenaan dengan pemasaan bagi kontra) terpakai kepada Organisasi Peserta.
- (6) Organisasi Peserta boleh mengenakan fi ke atas Pemegang Akaun DF untuk penyediaan Pembiayaan Budi Bicara (“Fi DF”). Kadar Fi DF adalah atas dasar yang boleh dirundingkan sepenuhnya antara Organisasi Peserta dengan Pemegang Akaun DF. Organisasi Peserta boleh berkongsi fi DF dengan Wakil Peniaga.

- (7) Organisasi Peserta mesti memastikan bahawa sistem pejabat belakang Organisasi Peserta berupaya mengenal pasti semua Akaun DF yang dibuka dan semua Pembiayaan Budi Bicara yang diberikan kepada Klien.
- (8) Bursa boleh menetapkan apa-apa syarat lain untuk Pembiayaan Budi Bicara sebagaimana yang difikirkan sesuai oleh Bursa.

[Rujuk Arahan No. 7.31-001]

7.32 Jenis pembiayaan yang lain

Organisasi Peserta boleh menawarkan jenis pembiayaan yang lain kepada Kliennya sebagaimana yang dinyatakan dalam Kaedah 7.29(2)(c) jika:

- (a) terma pembiayaan tidak sama dengan terma Pembiayaan Margin atau Pembiayaan Budi Bicara;
- (b) pembiayaan tersebut mematuhi undang-undang, garis panduan atau arahan-arahan lain yang berkaitan yang mengawal selia pembiayaan sedemikian, jika berkenaan; dan
- (c) Organisasi Peserta menyerahkan maklumat tentang pembiayaan tersebut apabila diminta oleh Bursa.

7.33 Pembiayaan Perbadanan yang Berhubungan

- (1) Tertakluk kepada apa-apa sekatan atau larangan di bawah mana-mana undang-undang, Organisasi Peserta boleh menawarkan pembiayaan kepada mana-mana Perbadanan yang Berhubungan bagi Organisasi Peserta jika:
 - (a) Organisasi Peserta mempunyai pelaksanaan dasar dan prosedur yang berkesan untuk mengawal dan menguruskan pendedahan risiko apabila menjalankan apa-apa aktiviti pembiayaan;
 - (b) Organisasi Peserta menguruskan apa-apa percanggahan kepentingan yang mungkin timbul antara Organisasi Peserta dengan Perbadanan yang Berhubungan, dengan kepentingan Organisasi Peserta mestilah sentiasa mengatasi yang lain; dan
 - (c) Organisasi Peserta telah memastikan bahawa dasar dan prosedur dalam 7.33(1)(a):
 - (i) diendorskan sewajarnya oleh Lembaga Pengarah Organisasi Peserta;
 - (ii) termasuk kuasa dan had bagi pemberian pembiayaan kepada Perbadanan yang Berhubungan; dan
 - (iii) melarang mana-mana individu daripada dapat menggunakan kuasa membatalkanke atas peruntukan pembiayaan kepada Perbadanan yang Berhubungan.
- (2) Kaedah 7.33 tidak terpakai bagi Bank Pelaburan.

[Baki halaman ini sengaja dibiarkan kosong]

**BAHAGIAN I PENJUALAN DAN PEMBELIAN SEKURITI ISLAM – TRANSAKSI
TERUNDING**

7.34 Takrif

Bagi tujuan Bahagian I Bab 7 ini, istilah berikut mempunyai maksud yang disebut di bawah ini melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain:

Kehendak-kehendak Pusat Penjelasan	ISSBNT	Kehendak-kehendak Pusat Penjelasan sebagaimana yang terkandung dalam Kaedah-kaedah Pusat Penjelasan dan mana-mana dokumen lain, dengan apa-apa jua nama yang disebut, berhubung dengan ISSBNT.
---------------------------------------	--------	--

7.35 Am

- (1) Organisasi Peserta hanya boleh melaksanakan ISSBNT jika:
 - (a) Organisasi Peserta diluluskan oleh Pusat Penjelasan untuk melaksanakan suatu ISSBNT;
 - (b) sekuriti tersebut ialah Sekuriti ISSBNT yang Layak; dan
 - (c) ISSBNT dilaksanakan menurut Kehendak-kehendak Pusat Penjelasan dan Bahagian I Bab 7 ini.
- (2) Organisasi Peserta hanya boleh melaksanakan ISSBNT, sama ada untuk Organisasi Peserta itu sendiri atau untuk Kliennya, bagi tujuan yang dibenarkan oleh Pusat Penjelasan.
- (3) Apa-apa dagangan jualan yang dilaksanakan oleh Organisasi Peserta yang akan diselesaikan dengan menggunakan sekuriti daripada pembelian yang dibuat dengan melanggar Kaedah 7.35(2) disifatkan sebagai jualan singkat yang tidak dilaksanakan menurut Kaedah-kaedah ini.
- (4) Organisasi Peserta mesti memastikan bahawa jika ISSBNT melibatkan seorang Klien:
 - (a) jualan Sekuriti ISSBNT yang Layak yang dipegang dalam jagaan Organisasi Peserta untuk Kliennya, menurut suatu ISSBNT, mematuhi kehendak-kehendak sebagaimana yang ditetapkan oleh Bursa; dan
 - (b) satu salinan pernyataan pendedahan risiko sebagaimana yang ditetapkan oleh Bursa diberikan kepada dan diakui penerimaannya oleh Klien Organisasi Peserta sebelum penyempurnaan apa-apa perjanjian bertulis untuk pembelian di bawah ISSBNT.

[Rujuk Arahan No. 7-001]

7.36 Garis Panduan dan Sistem Dalaman

- (1) Organisasi Peserta yang berhasrat untuk terlibat dalam aktiviti ISSBNT mesti merangka satu set garis panduan dalaman untuk ISSBNT sebagaimana yang dikehendaki oleh Bursa.
- (2) Organisasi Peserta mesti membangunkan, melaksanakan dan menyenggara:
 - (a) sistem dan prasarana, termasuk sistem dan prasarana pejabat belakang, yang beroperasi dan mempunyai semua fungsi, keperluan dan kawalan berkaitan

dalam keadaan teratur bagi menjalankan ISSBNT menurut Bahagian I Bab 7 ini dan kehendak-kehendak Pusat Penjelasan; dan

- (b) semua dasar, prosedur, kawalan dan semua kehendak lain yang dinyatakan dalam garis panduan dalaman untuk ISSBNT.

[Rujuk Arahan No. 5-001]

7.37 Permulaan Aktiviti ISSBNT

Organisasi Peserta hanya boleh memulakan aktiviti ISSBNT jika telah menyerahkan perisytiharan bertulis dalam bentuk sebagaimana yang ditetapkan oleh Bursa tentang pematuhannya terhadap Kaedah 7.36 sekurang-kurangnya dua (2) Hari Pasaran sebelum memulakan aktiviti ISSBNT.

[Rujuk Arahan No. 7-001]

7.38 Akaun yang Ditetapkan

- (1) Organisasi Peserta mesti memegang semua Sekuriti ISSBNT yang Layak yang dijual atau dibeli menurut ISSBNT dalam Akaun Sekuriti yang ditetapkan dalam Kehendak-kehendak Pusat Penjelasan dan bukan dalam Akaun Sekuriti yang lain.
- (2) Jika Sekuriti ISSBNT yang Layak yang dibeli menurut ISSBNT dipegang dalam Akaun Sekuriti yang disenggarakan atas nama Organisasi Peserta dalam bidang kuasanya sebagai Penama Diberi Kuasa atau Penama Diberi Kuasa Terkecuali, Organisasi Peserta hanya boleh memegang Sekuriti ISSBNT yang Layak dalam Akaun Sekuriti tersebut untuk tempoh maksimum dua (2) Hari Pasaran dari tarikh Sekuriti ISSBNT yang Layak dikreditkan ke dalam Akaun Sekuriti tersebut.

7.39 Tindakan oleh Bursa

- (1) Bursa boleh terus mengambil mana-mana tindakan yang dinyatakan satu persatu di bawah Kaedah 7.39(2) terhadap mana-mana atau semua Organisasi Peserta atau Orang Berdaftar atau berhubung dengan mana-mana atau semua Sekuriti ISSBNT yang Layak jika:
 - (a) berlaku pelanggaran atau terdapat kemungkinan berlakunya pelanggaran mana-mana peruntukan dalam Bahagian I ini; atau
 - (b) aktiviti ISSBNT boleh membawa kepada atau berkemungkinan membawa kepada berlakunya apa-apa kesalahan di bawah Akta Perkhidmatan dan Pasaran Modal.
- (2) Menurut Kaedah 7.39(1), tindakan yang berikut boleh diambil oleh Bursa terhadap mana-mana atau semua Organisasi Peserta atau Orang Berdaftar atau berhubung dengan mana-mana atau semua Sekuriti ISSBNT yang Layak:
 - (a) mengarahkan penjualan atau pembelian selanjutnya Sekuriti ISSBNT yang Layak menurut ISSBNT oleh Organisasi Peserta atau Orang Berdaftar sama ada untuk Organisasi Peserta, atau mana-mana atau semua Klien, digantung atau dihentikan;
 - (b) mengenakan had ke atas jumlah bilangan atau jenis Sekuriti ISSBNT yang Layak yang boleh dibeli atau dijual oleh Organisasi Peserta atau Orang Berdaftar sama ada untuk Organisasi Peserta atau mana-mana atau semua Kliennya; atau

- (c) mengenakan sekatan atau syarat ke atas aktiviti ISSBNT yang dijalankan oleh Organisasi Peserta atau Orang Berdaftar sama ada untuk Organisasi Peserta atau mana-mana atau semua Kliennya.

[Baki halaman ini sengaja dibiarkan kosong]

BAHAGIAN J DANA DAGANGAN BURSA LEVERAJ DAN SONGSANG

7.40 Perdagangan dalam Dana Dagangan Bursa leveraj dan songsang

ETF leveraj atau ETF songsang (dirujuk secara bersama dalam Kaedah-kaedah ini sebagai “ETF L&I”) hanya dimaksudkan untuk perdagangan oleh pelabur yang memenuhi kriteria kelayakan dan kehendak-kehendak sedemikian sebagaimana yang ditetapkan oleh Bursa.

[Rujuk Arahan No. 7.40-001]

[Bab Tamat]

BAB 8 PERDAGANGAN

BAHAGIAN A SISTEM PERDAGANGAN AUTOMATIK

8.01 Am

Semua peruntukan dalam Bab ini hanya terpakai bagi Transaksi Atas Pasaran sama ada didagangkan dalam Lot Dagangan atau Lot Ganjil.

8.02 Hari perdagangan, sesi perdagangan dan waktu perdagangan

- (1) Perdagangan sekuriti akan dijalankan dalam sesi perdagangan, waktu perdagangan dan fasa perdagangan sebagaimana yang ditetapkan oleh Bursa.
- (2) Bursa boleh memutuskan untuk membuka pasaran bagi perdagangan dalam sekuriti pada hari Cuti Peristiwa.
- (3) Jika Bursa dibuka untuk perdagangan dalam sekuriti pada hari Cuti Peristiwa, maka Organisasi Peserta, Orang Berdaftar serta mana-mana orang lain yang kepadanya Kaedah-kaedah ini dan Arahan-arahan itu diarahkan mesti mematuhi dan melaksanakan Kaedah-kaedah ini dan Arahan-arahan itu pada hari tersebut.

8.03 Status perdagangan

- (1) Bursa boleh menetapkan waktu untuk pesanan berkenaan dengan sekuriti dimasukkan, diubah suai atau dibatalkan (“Status Perdagangan”).
- (2) Organisasi Peserta mesti melaksanakan Status Perdagangan.

8.04 Memasukkan Pesanan

- (1) Organisasi Peserta tidak boleh membenarkan mana-mana orang selain Pengendali ATS atau Klien DMA untuk memasukkan, mengubah suai atau membatalkan, pesanan dalam buku Pesanan dalam ATS.
- (2) Organisasi Peserta bertanggungjawab terhadap semua pesanan yang dimasukkan, diubah suai atau dibatalkan oleh Pengendali ATS atau Klien DMA dalam buku Pesanan dalam ATS.

8.05 Pesanan

- (1) Organisasi Peserta dan Pengendali ATS mesti mematuhi perkara yang berikut apabila memasukkan Pesanan ke dalam buku Pesanan dalam ATS:
 - (a) semua pesanan yang dimasukkan mesti mengandungi butiran atau maklumat sebagaimana yang ditetapkan oleh Bursa;
 - (b) bagi Lot Dagangan, kuantiti untuk pesanan tunggal sekuriti yang dimasukkan tidak boleh melebihi amaun yang ditetapkan oleh Bursa;
 - (c) harga suatu pesanan yang dimasukkan mesti berdasarkan saiz Tik atau gandaan saiz Tik; dan

- (d) apa-apa pesanan yang dimasukkan, kecuali yang berhubung dengan Transaksi Persetujuan Bersama Atas Pasaran, boleh diubah suai atau dibatalkan jika pengubahsuaian atau pembatalan itu dilakukan sebelum padanan pesanan dan bukan dengan niat untuk menghasilkan gambaran yang mengelirukan tentang aktiviti pasaran;
- (2) Organisasi Peserta dan Pengendali ATS mesti memasukkan pesanan ke dalam buku pesanan dalam ATS dengan betul dan tepat, terutamanya berhubung dengan kod saham, harga dan jumlah pesanan.
- (3) Organisasi Peserta mesti memastikan bahawa semua dagangan yang dilaksanakan dan dipadankan menurut Bahagian A Bab 8 diserahkan dan diselesaikan menurut Bab 9 Kaedah-kaedah ini.

8.06 Jenis Pesanan

Bursa akan menetapkan jenis pesanan yang boleh dimasukkan oleh Organisasi Peserta ke dalam ATS.

8.07 Syarat Kesahan

- (1) Bursa akan menetapkan tempoh bagi mana-mana pesanan yang dimasukkan ke dalam sistem kekal sah ("Syarat Kesahan").
- (2) Organisasi Peserta mesti menentukan Syarat Kesahan apabila memasukkan apa-apa pesanan ke dalam ATS.

8.08 Padanan Pesanan

- (1) Pesanan akan dipadankan berdasarkan algoritma padanan yang ditetapkan oleh Bursa.
- (2) Pesanan yang dimasukkan ke dalam ATS dan dipadankan menurut Kaedah 8.08(1) disifatkan dilaksanakan melainkan jika:
 - (a) hasil padanan pesanan menyebabkan pelanggaran had harga yang dirujuk dalam Kaedah-kaedah 8.13 dan 8.13A; dan
 - (b) dalam apa-apa keadaan sebagaimana yang dinyatakan dalam Kaedah-kaedah atau Arahan-arahan ini.
- (3) Organisasi Peserta dianggap telah memulakan Kontrak yang kukuh dan mengikat sebaik sahaja pesanan dipadankan dan dilaksanakan dalam ATS menurut Kaedah 8.08(1). Kontrak tersebut tidak boleh -
 - (a) dipinda melainkan sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Kaedah 8.09;
 - (b) dilaraskan harganya kecuali sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Kaedah 8.12A; atau
 - (c) dibatalkan kecuali dalam keadaan yang diperuntukkan di bawah Kaedah 8.10.

8.09 Pindaan Kontrak

Organisasi Peserta dan Wakil Peniagaanya boleh meminda Kontrak hanya jika:

- (a) pindaan adalah pada nombor Akaun Sekuriti;

- (b) pindaan disebabkan kesilapan;
- (c) pindaan tidak akan menyebabkan perubahan pihak asal yang membuat pesanan dan bagi pihak yang untuknya pesanan tersebut sepatutnya dilaksanakan, jika bukan disebabkan kesilapan itu; dan
- (d) pindaan dibuat dalam tempoh masa yang ditentukan oleh Bursa.

8.10 Pembatalan Kontrak

- (1) Bursa boleh membatalkan Kontrak atau sebahagian daripada Kontrak dalam mana-mana keadaan yang berikut:
 - (a) kesilapan pelaksanaan Kontrak, apabila Organisasi Peserta yang menjual dan membeli serta Klien masing-masing, jika berkenaan, bersetuju untuk membatalkan Kontrak tersebut dan Bursa telah menerima permintaan bagi pembatalan tersebut oleh Organisasi Peserta yang menjual dan Organisasi Peserta yang membeli;
 - (b) kesilapan pelaksanaan Kontrak akibat:
 - (i) kegagalan sistem atau kepincangan fungsi ATS atau dalam mana-mana sistem, perkhidmatan atau kemudahan Bursa yang lain; atau
 - (ii) kesilapan dalam masukan yang dibuat oleh Bursa dalam ATS;
 - (c) kesilapan pelaksanaan Kontrak akibat:
 - (i) kegagalan sistem atau kepincangan dalam sistem perdagangan, perkhidmatan atau kemudahan Organisasi Peserta; atau
 - (ii) masukan yang tidak dibenarkan untuk pesanan; dan
 - (d) jika pada pendapat Bursa, berlaku kesilapan pelaksanaan Kontrak yang boleh mendatangkan risiko ke atas sistem Pusat Penjelasan, jika Kontrak tidak dibatalkan oleh Bursa.
- (2) Apabila berlakunya mana-mana keadaan yang dinyatakan dalam Kaedah 8.10(1), Bursa boleh menggantung perdagangan di ATS atau mengambil apa-apa tindakan lain yang disifatkan sesuai oleh Bursa atau kedua-duanya.
- (3) Apa-apa pembatalan Kontrak atau sebahagian daripada Kontrak menurut Kaedah 8.10(1) akan berkuat kuasa pada hari apabila Kontrak tersebut disempurnakan dan tidak boleh ditarik balik.
- (4) Jika Organisasi Peserta tidak berpuas hati dengan pembatalan yang dibuat menurut Kaedah 8.10(1), Organisasi Peserta boleh memohon kepada Bursa untuk menyemak semula pembatalan. Permohonan untuk penyemakan semula mesti dibuat pada Hari Pasaran yang sama dengan pembatalan.
- (5) Tanpa menjejaskan hak Bursa di bawah Kaedah-kaedah ini dan undang-undang, Bursa boleh mengambil apa-apa tindakan yang disifatkannya sesuai berikutan penyemakan semula yang dinyatakan dalam Kaedah 8.10(4) kecuali tindakan untuk menarik balik pembatalan yang dibuat menurut Kaedah 8.10(1).
- (6) Bagi tujuan Kaedah-kaedah 8.10(1)(b) dan (d) dan Kaedah 8.11 di bawah, "Kontrak" boleh merangkumi apa-apa Kontrak lain yang mungkin telah dilaksanakan berikutan Kontrak yang disempurnakan secara silap.

- (7) Bagi tujuan Kaedah 8.10(1)(c) dan Kaedah 8.12, frasa di bawah mempunyai makna yang berikut:
- (a) “kegagalan sistem atau kepincangan fungsi atau kepincangan fungsi dalam sistem perdagangan, perkhidmatan atau kemudahan Organisasi Peserta” merujuk mana-mana satu atau lebih keadaan yang berikut:
 - (i) gangguan bekalan elektrik yang menyebabkan pemberhentian sistem pengurusan pesanan;
 - (ii) kerosakan perkakasan sistem pengurusan pesanan (termasuk pelayan aplikasi, pelayan pangkalan data dan peralatan rangkaian);
 - (iii) virus komputer atau perisian hasad dimasukkan ke dalam sistem pengurusan pesanan yang melumpuhkan sistem pengurusan pesanan atau serangan penafian perkhidmatan (DDOS) yang membanjiri lalu lintas rangkaian; dan
 - (iv) apa-apa keadaan lain sebagaimana yang boleh ditetapkan oleh Bursa; dan
 - (b) “kemasukan pesanan tidak dibenarkan” merujuk suatu pesanan yang dimasukkan atau menyebabkan supaya dimasukkan ke dalam sistem pengurusan pesanan Organisasi Peserta oleh seseorang yang memperoleh akses yang tidak dibenarkan kepada sistem tersebut dengan cara melemahkan ciri-ciri keselamatannya, atau apa-apa keadaan lain sebagaimana yang boleh ditetapkan oleh Bursa.

8.11 Prosedur berkenaan dengan pembatalan Kontrak di bawah Kaedah 8.10(1)(b) atau (d)

- (1) Bursa boleh melaksanakan mana-mana satu daripada kuasa yang berikut apabila berlakunya mana-mana keadaan yang dinyatakan dalam Kaedah 8.10(1)(b) atau (d):
- (a) dengan serta-merta memberitahu pasaran tentang Kontrak atau sebahagian daripada Kontrak yang mungkin dibatalkan;
 - (b) membatalkan Kontrak jika Bursa berpuas hati bahawa pembatalan dilakukan demi kepentingan pasaran yang teratur dan saksama; dan
 - (c) berkenaan dengan berlakunya keadaan yang ditetapkan dalam Kaedah 8.10(1)(d),
 - (i) membatalkan Kontrak atau sebahagian daripada Kontrak; dan
 - (ii) menghendaki kaunterparti Organisasi Peserta membayar kepada Organisasi Peserta apa-apa untung bersih yang terhasil daripada penjualan sekuriti itu sebagai usaha memudahkan penyelesaian Kontrak, jika kaunterparti Organisasi Peserta telah terlebih dahulu menjual mana-mana sekuriti yang dibeli di bawah Kontrak dan Bursa memutuskan untuk tidak membatalkan Kontrak atau mana-mana bahagian Kontrak itu.
- (2) Bursa akan dengan serta-merta memberitahu pasaran tentang perincian Kontrak atau sebahagian daripada Kontrak yang dibatalkan dan sebab bagi pembatalan tersebut.

8.12 Prosedur berkenaan dengan pembatalan Kontrak di bawah Kaedah 8.10(1)(c)

- (1) Organisasi Peserta boleh meminta Bursa untuk membatalkan Kontrak apabila berlaku mana-mana keadaan yang dinyatakan dalam Kaedah 8.10(1)(c) (Kontrak sedemikian dirujuk sebagai “Kontrak Silap Organisasi Peserta”) jika:
- (a) pesanan yang dimasukkan bagi Kontrak Silap Organisasi Peserta adalah untuk Lot Dagangan dan daripada jenis yang ditetapkan oleh Bursa;

- (b) pesanan yang dimasukkan bagi Kontrak Silap Organisasi Peserta dilaksanakan semasa fasa perdagangan yang ditetapkan oleh Bursa;
 - (c) Organisasi Peserta membuat permintaan kepada Bursa dalam suatu rangka masa sebagaimana yang ditetapkan oleh Bursa;
 - (d) kemungkinan kerugian perdagangan jika Kontrak Silap Organisasi Peserta tidak dibatalkan, tidak kurang daripada suatu amaun sebagaimana yang ditetapkan oleh Bursa; dan
 - (e) Kontrak Silap Organisasi Peserta atau Organisasi Peserta memenuhi terma lain seumpamanya sebagaimana yang boleh ditetapkan oleh Bursa.
- (2) Bursa boleh melaksanakan mana-mana satu atau lebih kuasa yang berikut, apabila menerima permintaan untuk membatalkan Kontrak Silap Organisasi Peserta:
- (a) dengan serta-merta memberitahu kaunterparti Organisasi Peserta bagi Kontrak Silap Organisasi Peserta tentang permintaan tersebut;
 - (b) membatalkan Kontrak Silap Organisasi Peserta atau sebahagian daripada Kontrak Silap Organisasi Peserta;
 - (c) menghendaki kaunterparti Organisasi Peserta membayar kepada Organisasi Peserta apa-apa untung bersih yang terhasil daripada penjualan sekuriti itu sebagai usaha memudahkan penyelesaian Kontrak Silap Organisasi Peserta, jika kaunterparti Organisasi Peserta telah terlebih dahulu menjual mana-mana sekuriti yang dibeli di bawah Kontrak Silap Organisasi Peserta dan Bursa memutuskan untuk tidak membatalkan Kontrak Silap Organisasi Peserta atau mana-mana bahagian Kontrak Silap Organisasi Peserta itu; dan
 - (d) mengambil apa-apa tindakan yang difikirkan sesuai sebagai ganti pembatalan.
- (3) Bursa akan memberitahu Organisasi Peserta dan kaunterparti Organisasi Peserta dengan serta-merta tentang keputusannya dan butiran Kontrak atau sebahagian daripada Kontrak yang akan dibatalkan, jika berkenaan.
- (4) Jika Bursa memutuskan untuk membatalkan Kontrak atau sebahagian daripada Kontrak, Bursa boleh memberitahu pasaran tentang keputusan tersebut.

8.12A Pelarasan Harga Kontrak

- (1) Organisasi Peserta boleh meminta Bursa melaraskan harga suatu Kontrak sekiranya berlaku kesilapan pelaksanaan Kontrak, jika:
- (a) pesanan yang dimasukkan bagi Kontrak tersebut adalah untuk Lot Dagangan dan daripada jenis yang ditetapkan oleh Bursa;
 - (b) pesanan yang dimasukkan bagi Kontrak tersebut dilaksanakan semasa fasa perdagangan sebagaimana yang ditetapkan oleh Bursa;
 - (c) harga apabila Kontrak itu dilaksanakan jatuh di luar cakupan yang ditetapkan oleh Bursa sebagai Julat Tanpa Pelarasan;
 - (d) Organisasi Peserta membuat permintaan kepada Bursa dalam suatu rangka masa sebagaimana yang ditetapkan oleh Bursa;
 - (e) kemungkinan kerugian perdagangan jika harga Kontrak tidak dilaraskan, tidak kurang daripada suatu amaun sebagaimana yang ditetapkan oleh Bursa; dan

- (f) Kontrak atau Organisasi Peserta memenuhi terma lain seumpamanya sebagaimana yang boleh ditentukan oleh Bursa.
- (2) Bursa boleh melaksanakan mana-mana satu atau lebih kuasa yang berikut, apabila menerima permintaan untuk melaraskan harga Kontrak:
 - (a) memberitahu kaunterparti mana-mana Organisasi Peserta bagi Kontrak tentang permintaan tersebut;
 - (b) memberitahu Pusat Penjelasan tentang permintaan tersebut; dan
 - (c) melaraskan harga Kontrak kepada harga paling hampir dalam Julat Tanpa Pelarasan atau mengambil apa-apa tindakan lain yang disifatkannya sesuai sebagai ganti pelarasan harga Kontrak.
- (3) Bagi mengelakkan keraguan, apa-apa pelarasan harga bagi Kontrak silap yang dibuat di bawah Kaedah 8.12A tidak akan dijalankan berhubung dengan mana-mana Kontrak lain yang mungkin telah dilaksanakan berikutan Kontrak silap tersebut yang disempurnakan oleh Organisasi Peserta.
- (4) Keputusan oleh Bursa tentang sama ada untuk melaraskan harga Kontrak akan dibuat pada hari Kontrak tersebut disempurnakan.
- (5) Bursa akan memberitahu Organisasi Peserta, kaunterparti Organisasi Peserta bagi Kontrak dan Pusat Penjelasan dengan serta-merta tentang keputusannya dan perincian Kontrak yang akan dilaraskan harganya, jika berkenaan.
- (6) Jika Bursa memutuskan untuk melaraskan harga Kontrak, Bursa boleh memberitahu pasaran tentang keputusan tersebut.

8.12B Tindakan terhadap Organisasi Peserta

Bursa boleh mengambil apa-apa tindakan terhadap Organisasi Peserta atau Pengendali ATS bagi apa-apa pelanggaran Kaedah-kaedah ini, walaupun jika Kontrak atau sebahagian daripada Kontrak telah dibatalkan masing-masing di bawah Kaedah 8.10 atau harga dilaraskan di bawah Kaedah 8.12A.

8.12C Tanggung rugi

Organisasi Peserta akan menanggung rugi dan terus menanggung rugi Bursa bagi atau terhadap apa-apa kerugian, ganti rugi, kos, perbelanjaan, liabiliti atau tuntutan yang dialami atau ditanggung oleh Bursa, sama ada secara langsung atau sebaliknya yang timbul daripada atau yang berkaitan dengan permintaan untuk pembatalan atau pelarasan harga yang dibuat masing-masing di bawah Kaedah 8.12 dan Kaedah 8.12A.

8.13 Had harga statik

- (1) Jika Organisasi Peserta memasukkan pesanan untuk Lot Dagangan pada harga lebih daripada Harga Had Tertinggi atau kurang daripada Harga Had Terendah, pesanan tidak akan diterima oleh ATS.
- (2) Jika Organisasi Peserta memasukkan Pesanan untuk Lot Ganjil pada harga lebih daripada Harga Had Tertinggi atau kurang daripada Harga Had Terendah bagi Lot Dagangan sebagaimana yang ditetapkan dalam Kaedah 8.13(1), pesanan tidak akan diterima oleh ATS.

- (3) Bursa boleh mengambil apa-apa tindakan yang disifatkannya sesuai jika padanan bagi suatu pesanan untuk Lot Dagangan atau Lot Ganjil dalam ATS menyebabkan pelanggaran Had Harga Tertinggi atau Had Harga Terendah.
- (4) Bursa boleh mengubah Had Harga Tertinggi dan Had Harga Terendah.
- (5) Jika Had Harga Tertinggi atau Had Harga Terendah dicapai pada Hari Pasaran dan diikuti oleh Had Harga Tertinggi atau Had Harga Terendah yang lain, mengikut mana-mana yang berkenaan pada Hari Pasaran yang berikutnya, maka Bursa boleh menggunakan Had Harga Tertinggi atau Had Harga Terendah mengikut mana-mana yang berkenaan bagi harga perdagangan terakhir sebagai Had Harga Tertinggi atau Had Harga Terendah untuk hari perdagangan berikutnya atau bagi apa-apa tempoh sebagaimana yang ditentukan oleh Bursa.
- (6) Jika harga perdagangan untuk Lot Dagangan bagi sekuriti tertentu telah dikekalkan pada Had Harga Tertinggi atau Had Harga Terendah menurut Kaedah 8.13(5), harga perdagangan untuk Lot Ganjil sekuriti tersebut akan juga dikekalkan pada harga tersebut bagi apa-apa tempoh sebagaimana yang ditentukan oleh Bursa.

8.13A Had harga dinamik

- (1) Bursa boleh menetapkan had harga tertinggi dan had harga terendah, pada dan dalam cakupan ini, sekuriti boleh didagangkan, yang terpakai dalam keadaan tertentu sebagaimana yang ditetapkan oleh Bursa ("Had Dinamik").
- (2) Apa-apa pesanan yang dimasukkan untuk Lot Dagangan pada harga di luar Had Dinamik akan dilaksanakan, apabila mungkin, pada harga yang setara dengan atau dalam julat Had Dinamik, dan baki kuantiti yang tidak dipadankan, jika ada, akan dibatalkan secara automatik oleh ATS.
- (3) Bursa boleh mengambil apa-apa tindakan yang disifatkannya sesuai jika suatu padanan bagi suatu Pesanan untuk Lot Dagangan dalam ATS menghasilkan pelanggaran Had Dinamik.
- (4) Bursa boleh mengubah Had Dinamik.

8.13B Had Harga Akhir

- (1) Bursa boleh menetapkan had harga tertinggi dan had harga terendah, pada dan dalam cakupan ini, pesanan boleh dimasukkan semasa fasa prapenutupan, yang terpakai dalam keadaan tertentu sebagaimana yang boleh ditetapkan oleh Bursa ("Had Harga Akhir").
- (2) Apa-apa pesanan yang dimasukkan untuk Lot Dagangan pada harga di luar Had Harga Akhir semasa fasa prapenutupan, tidak akan diterima oleh ATS.
- (3) Harga tutup berteori semasa fasa prapenutupan adalah pada, atau dalam cakupan Had Harga Akhir.
- (4) Bursa boleh mengambil apa-apa tindakan yang disifatkannya sesuai jika harga tutup berteori dikira secara salah semasa fasa prapenutupan kerana apa-apa sebab sekalipun, termasuklah pesanan yang dimasukkan melanggar Had Harga Akhir.
- (5) Bursa boleh mengubah Had Harga Akhir.

8.14 Transaksi Persetujuan Bersama Atas Pasaran

Organisasi Peserta yang ingin melaksanakan Transaksi Persetujuan Bersama Atas Pasaran mesti:

- (a) membenarkan penjualan dan pembelian pesanan daripada cawangan yang sama bagi Organisasi Peserta yang sama sahaja untuk dipadankan;
- (b) memastikan penjualan dan pembelian pesanan dimasukkan ke dalam ATS oleh Wakil Peniaga yang sama;
- (c) melaksanakan Transaksi Persetujuan Bersama Atas Pasaran semasa fasa perdagangan yang dinyatakan oleh Bursa sahaja;
- (d) memasukkan jenis pesanan untuk Transaksi Persetujuan Bersama Atas Pasaran yang dinyatakan oleh Bursa sahaja;
- (e) memastikan bahawa Transaksi Persetujuan Bersama Atas Pasaran dilaksanakan dalam cakupan had harga yang ditentukan oleh Bursa;
- (f) tidak melaksanakan Transaksi Persetujuan Bersama Atas Pasaran untuk Penjualan Singkat Dikawal Selia, Penjualan Singkat yang Dibenarkan dan Penjualan Singkat Intrahari ;
- (g) tidak melaksanakan Transaksi Persetujuan Bersama Atas Pasaran dalam Lot Ganjil;
- (h) tidak meminda atau memohon pembatalan Transaksi Persetujuan Bersama Atas Pasaran melainkan sebagaimana yang dibenarkan di bawah Kaedah-kaedah 8.09 dan 8.10; dan
- (i) tidak melaksanakan Transaksi Persetujuan Bersama Atas Pasaran untuk menutup kedudukan singkat bagi Penjualan Singkat Intrahari.

[Rujuk Arahan No. 8.14-001]

[Baki halaman ini sengaja dibiarkan kosong]

BAHAGIAN B AKSES PASARAN TERUS

8.15 Takrif

Bagi tujuan Bahagian B Bab 8, "Pesanan DMA" bererti pesanan Akses Pasaran Terus.

8.16 Am

(1) Organisasi Peserta boleh menyediakan Akses Pasaran Terus jika:

(a) Akses Pasaran Terus mematuhi syarat yang ditetapkan oleh Bursa; dan

[Rujuk Arahan No. 8-001]

(b) Akses Pasaran Terus hanya diberikan kepada orang yang mematuhi syarat yang ditetapkan dalam Kaedah 8.18.

(2) Bagi mengelakkan keraguan, selain peruntukan dalam Bahagian B Bab 8 ini, semua peruntukan lain dalam Kaedah-kaedah ini akan juga terpakai bagi Organisasi Peserta dan Orang Berdaftar apabila menyediakan Akses Pasaran Terus.

(3) Akses Pasaran Terus hanya perlu disediakan untuk pelaksanaan Transaksi Atas Pasaran dan bukan Transaksi Urus Niaga Terus.

[Rujuk Amalan Terbaik No. 8.16-001]

8.17 Saringan Risiko Automatik

Organisasi Peserta mesti mempunyai saringan risiko automatik untuk memeriksa atau menyaring Pesanan DMA sebelum Pesanan DMA dilaksanakan dalam ATS, untuk tujuan memastikan Pesanan DMA tidak menjejaskan keteraturan dan fungsi pasaran saham Bursa yang saksama.

[Rujuk Arahan No. 8-001]

8.18 Klien

(1) Organisasi Peserta mesti menyediakan Akses Pasaran Terus hanya untuk Klien dan orang yang dibenarkan oleh Klien untuk bertindak bagi pihak Klien yang mempunyai:

(a) pengetahuan tentang proses untuk memasukkan Pesanan DMA;

(b) pengetahuan tentang syarat Kaedah-kaedah ini berhubung dengan perdagangan di pasaran saham Bursa; dan

(c) pengetahuan tentang undang-undang yang berkaitan berhubung dengan perdagangan pasaran saham Bursa.

(2) Organisasi Peserta mesti menyempurnakan perjanjian bertulis dengan Klien yang untuknya Organisasi Peserta berhasrat menyediakan Akses Pasaran Terus, yang menumpukan kepada:

(a) tugas, obligasi serta hak Organisasi Peserta dan Klien berhubung dengan Akses Pasaran Terus; dan

(b) pematuhan Klien terhadap Kaedah-kaedah ini.

8.19 Pesanan DMA

- (1) Organisasi Peserta disifatkan sebagai yang utama berhubung dengan semua dagangan yang dilaksanakan menerusi Akses Pasaran Terus dan Bursa tidak akan mengiktiraf kepentingan mana-mana pihak ketiga.
- (2) Semua Pesanan DMA disifatkan sebagai pesanan yang diserahkan untuk pelaksanaan dalam ATS oleh Wakil Peniaga bagi pihak Klien.

[Rujuk Arahan No. 8-001]

8.20 Tindakan oleh Bursa

- (1) Bursa boleh terus mengambil mana-mana tindakan yang dinyatakan satu persatu di bawah Kaedah 8.20(2) terhadap mana-mana atau semua Organisasi Peserta atau Orang Berdaftar atau berhubung dengan mana-mana atau semua Akses Pasaran Terus jika:
 - (a) berlaku pelanggaran atau terdapat kemungkinan berlakunya pelanggaran mana-mana peruntukan dalam Bahagian B Bab 8; atau
 - (b) Akses Pasaran Terus boleh menyebabkan atau berkemungkinan menyebabkan berlakunya apa-apa pelanggaran di bawah Akta Perkhidmatan dan Pasaran Modal.
- (2) Menurut Kaedah 8.20(1), tindakan yang berikut boleh diambil oleh Bursa terhadap mana-mana atau semua Organisasi Peserta atau Orang Berdaftar atau berhubung dengan mana-mana atau semua Akses Pasaran Terus:
 - (a) mengarahkan Akses Pasaran Terus selanjutnya yang disediakan oleh Organisasi Peserta kepada mana-mana atau semua Klien dan orang yang dibenarkan oleh Klien, digantung atau dihentikan; atau
 - (b) mengenakan sekatan atau syarat ke atas Akses Pasaran Terus yang disediakan oleh Organisasi Peserta kepada mana-mana atau semua Klien dan orang yang dibenarkan oleh Klien.

[Baki halaman ini sengaja dibiarkan kosong]

BAHAGIAN C PENJUALAN SINGKAT DIKAWAL SELIA

8.21 Takrif

Bagi tujuan Bahagian C Bab 8 ini, perkataan 'Klien' merangkumi Organisasi Peserta jika Organisasi Peserta melaksanakan Penjualan Singkat Dikawal Selia untuk organisasi itu sendiri.

8.22 Penjualan Singkat Dikawal Selia

- (1) Organisasi Peserta boleh melaksanakan penjualan singkat jika penjualan singkat itu dijalankan menurut Bahagian C Bab 8 ini.
- (2) *[Dipotong]*
- (3) Semua peruntukan lain dalam Kaedah-kaedah ini terpakai bagi Penjualan Singkat Dikawal Selia seolah-olah penjualan singkat itu ialah penjualan sekuriti yang biasa.
- (4) Penjualan Singkat Dikawal Selia hanya boleh dijalankan untuk Sekuriti yang Diluluskan dengan cara Transaksi Atas Pasaran sahaja.
- (5) Bursa boleh mengisytiharkan mana-mana sekuriti yang memenuhi kriteria sedemikian sebagaimana yang ditetapkan oleh Bursa sebagai Sekuriti yang Diluluskan.

[Rujuk Arahan-arahan No. 8.22(5)-001 dan 8.22(5)-002]

- (6) Bursa boleh mengisytiharkan mana-mana sekuriti sebagai tidak lagi menjadi Sekuriti yang Diluluskan pada bila-bila masa jika:
 - (a) sekuriti tidak lagi memenuhi kriteria Sekuriti yang Diluluskan; atau
 - (b) dalam apa-apa keadaan lain yang difikirkan sesuai.
- (7) Bursa boleh menentukan untuk tidak mengisytiharkan mana-mana sekuriti sebagai Sekuriti yang Diluluskan walaupun sekuriti tersebut memenuhi kriteria bagi Sekuriti yang Diluluskan.
- (8) Bursa boleh mengubah kriteria bagi Sekuriti yang Diluluskan, dengan mendapat kelulusan daripada Suruhanjaya terlebih dahulu.

8.23 Permulaan Penjualan Singkat Dikawal Selia

Organisasi Peserta hanya boleh memulakan aktiviti Penjualan Singkat Dikawal Selia jika:

- (a) telah mengadakan garis panduan bagi Penjualan Singkat Dikawal Selia sebagaimana yang dikehendaki oleh Bursa;
- (b) telah mengadakan sistem dan prasarana termasuk sistem pejabat hadapan dan belakang yang beroperasi dan mempunyai semua fungsi, keperluan dan kawalan yang berkaitan untuk menjalankan Penjualan Singkat Dikawal Selia menurut Bahagian C Bab 8; dan
- (c) menyerahkan perisytiharan bertulis dalam bentuk sebagaimana yang ditetapkan oleh Bursa tentang pematuhannya terhadap Kaedah-kaedah 8.23(a) dan 8.23(b) sekurang-kurangnya dua (2) Hari Pasaran sebelum memulakan aktiviti Penjualan Singkat Dikawal Selia.

[Rujuk Arahan No. 8-002]

8.24 [Dipotong]

8.25 Akaun perdagangan bertanda dan Akaun Sekuriti

- (1) Organisasi Peserta mesti membuka akaun perdagangan berasingan yang dinamakan sebagai 'RSS', atas nama Organisasi Peserta jika Organisasi Peserta ingin melaksanakan Penjualan Singkat Dikawal Selia untuk organisasi itu sendiri atau atas nama setiap Klien jika Organisasi Peserta melaksanakan Penjualan Singkat Terkawal untuk Kliennya ("Akaun RSS").
- (2) Organisasi Peserta mesti melaksanakan Penjualan Singkat Dikawal Selia dan transaksi yang dibenarkan di bawah Kaedah 8.25(5) sahaja dalam Akaun RSS.
- (3) Organisasi Peserta yang berhasrat hendak melaksanakan Penjualan Singkat Dikawal Selia dalam Akaun Penjelasan mesti membuka Akaun Penjelasan berasingan untuk tujuan tersebut dan menamakan Akaun tersebut sebagai 'RSS' bersama dengan kehendak-kehendak penetapan sebagaimana yang ditetapkan oleh Bursa. Apa-apa rujukan dalam Kaedah-kaedah ini kepada 'Akaun RSS' perlu dibaca untuk merangkumi Akaun Penjelasan yang dibuka bagi melaksanakan Penjualan Singkat Dikawal Selia.
- (4) Organisasi Peserta mesti, sebelum membuka Akaun RSS:
 - (a) mendapatkan pengesahan secara bertulis daripada Klien bahawa Klien mempunyai Perjanjian SBL atau Perjanjian ISSBNT; dan
 - (b) memberitahu Klien bahawa satu salinan Perjanjian SBL atau Perjanjian ISSBNT mesti diberikan apabila diminta oleh Bursa dan bahawa jika gagal berbuat demikian, Bursa boleh mengambil tindakan yang sesuai termasuk mengarahkan Organisasi Peserta menggantung perdagangan untuk Klien; atau
 - (c) jika Akaun RSS dibuka atas nama Organisasi Peserta, melaksanakan Perjanjian SBL atau Perjanjian ISSBNT.
- (5) Organisasi Peserta boleh melaksanakan pembelian atau menggunakan pembelian sekuriti dalam Akaun RSS hanya untuk tujuan yang berikut:
 - (a) untuk membuat kontra sepenuhnya atau sebahagiannya mana-mana Penjualan Singkat Dikawal Selia bagi suatu Sekuriti yang Diluluskan yang dilaksanakan dalam Akaun RSS;
 - (b) untuk penyerahan semula di bawah Perjanjian SBL atau Perjanjian ISSBNT ("Sekuriti yang Diluluskan untuk Penyerahan Semula"); atau
 - (c) untuk menggunakan Sekuriti yang Diluluskan untuk Penyerahan Semula:
 - (i) bagi melaksanakan Penjualan Singkat Dikawal Selia yang lain; atau
 - (ii) bagi peminjaman di bawah Perjanjian SBL atau jualan di bawah Perjanjian ISSBNT.

[Rujuk Arahan No. 8-002]

- (6) Organisasi Peserta mesti membuka Akaun Sekuriti berasingan bagi setiap akaun perdagangan yang dibuka menurut Kaedah 8.25(1) dan Kaedah 8.25(3). Akaun Sekuriti ini mesti ditetapkan mengikut Kaedah-kaedah Depositori atau mana-mana arahan yang dikeluarkan oleh Depositori. Organisasi Peserta hanya boleh menggunakan Akaun Sekuriti ini untuk tujuan yang berikut:
 - (a) untuk penyelesaian Penjualan Singkat Dikawal Selia;

- (b) untuk penyelesaian pembelian sebagaimana yang dibenarkan di bawah Kaedah 8.25(5);
 - (c) untuk memegang sekuriti untuk penyerahan semula di bawah Perjanjian SBL atau Perjanjian ISSBNT; atau
 - (d) untuk memegang Sekuriti Diluluskan bagi melaksanakan Penjualan Singkat Dikawal Selia, jika Akaun Sekuriti disenggarakan atas nama Organisasi Peserta, dalam kapasitinya sebagai Penama Diberi Kuasa atau Penama Diberi Kuasa Terkecuali, dengan syarat bahawa Kaedah 7.22(2) atau 7.38(2) dipatuhi.
- (7) Jika Organisasi Peserta melaksanakan pembelian sekuriti dalam Akaun RSS selain untuk tujuan yang dinyatakan dalam Kaedah 8.25(5) disebabkan kesilapan, Organisasi Peserta boleh menjual sekuriti tersebut yang telah dibeli tetapi Ketua Niaga mesti:
- (a) melaporkan jualan yang dibuat kepada Bursa tidak lewat daripada penghujung Hari Pasaran yang berikutnya dari tarikh jualan; dan
 - (b) menyediakan penjelasan dalam laporan tentang perkara yang menyebabkan kesilapan.
- (8) Walaupun Organisasi Peserta boleh menjual sekuriti yang dibeli secara tidak sengaja sebagaimana yang dinyatakan di bawah Kaedah 8.25(7), hal ini tidak menjejaskan hak Bursa untuk mengambil tindakan terhadap Organisasi Peserta bagi pelanggaran Kaedah 8.25(5).
- (9) Bursa berhak mengambil tindakan terhadap Organisasi Peserta bagi pelanggaran Kaedah 8.25(5) jika:
- (a) Bursa tidak berpuas hati bahawa pembelian sekuriti sebagaimana yang dinyatakan dalam Kaedah 8.25(7) timbul daripada kesilapan yang dibuat oleh Organisasi Peserta; atau
 - (b) kesilapan tersebut disebabkan oleh pelanggaran garis panduan dalaman untuk penjualan singkat sebagaimana yang perlu ditetapkan di bawah Kaedah 8.23(a).

8.26 Pelaksanaan

- (1) Organisasi Peserta mesti memastikan syarat yang berikut dipenuhi sebelum memasukkan pesanan untuk Penjualan Singkat Dikawal Selia sama ada untuk organisasi itu sendiri atau untuk Klien:
- (a) Sekuriti yang Diluluskan yang akan dijual singkat telah dipinjam menerusi SBL atau dibeli menerusi ISSBNT, mengikut mana-mana yang berkenaan; atau
 - (b) pengesahan telah diperoleh daripada Peserta SBL Dibenarkan atau Peserta ISSBNT Dibenarkan, mengikut mana-mana yang berkenaan, bahawa Sekuriti yang Diluluskan yang akan dijual singkat tersedia untuk penyelesaian jualan;
 - (c) *[Dipotong]*
 - (d) harga pesanan bagi Sekuriti yang Diluluskan yang hendak dimasukkan ke dalam ATS mematuhi semua syarat sebagaimana yang ditetapkan oleh Bursa; dan
 - (e) pesanan dimasukkan ke dalam ATS menerusi saringan yang ditetapkan dalam ATS untuk Penjualan Singkat Dikawal Selia.
- (2) *[Dipotong]*

- (3) Organisasi Peserta mesti melaksanakan semua pesanan untuk Penjualan Singkat Dikawal Selia dalam Akaun Penjelasan pada Hari Pasaran yang sama yang diarahkan oleh Klien untuk pesanan tersebut dilaksanakan, dan tidak boleh dibawa ke hadapan apa-apa pesanan ke Hari Pasaran berikutnya walaupun pesanan kekal tidak dilaksanakan, sama ada sepenuhnya atau sebahagiannya.
- (4) Organisasi Peserta mesti menyimpan dokumen berhubung dengan kehendak-kehendak bagi Kaedah-kaedah 8.26(1)(a), (b) dan (d) selama sekurang-kurangnya tujuh (7) tahun. Dokumen tersebut mestilah sama ada dalam bentuk bertulis, pita rakaman atau bentuk elektronik.
- (5) Ketua Niaga bertanggungjawab memastikan tidak ada Penjualan Singkat Dikawal Selia dilaksanakan dalam ATS menerusi saringan lain selain yang ditetapkan dalam ATS untuk Penjualan Singkat Dikawal Selia. Jika apa-apa Penjualan Singkat Dikawal Selia dilaksanakan menerusi saringan yang tidak ditetapkan dalam ATS untuk Penjualan Singkat Dikawal Selia, Ketua Niaga mesti melaporkan perkara tersebut kepada Bursa pada Hari Pasaran berikutnya.
- (6) Tiada Penjualan Singkat Dikawal Selia boleh dilaksanakan oleh Organisasi Peserta semasa tempoh apabila Sekuriti yang Diluluskan telah diisytiharkan sebagai Sekuriti Bertanda di bawah Kaedah 7.14 apabila diarahkan dengan jelas oleh Bursa.

8.27 Nota Kontrak untuk Penjualan Singkat Dikawal Selia

Organisasi Peserta mesti apabila melaksanakan Penjualan Singkat Dikawal Selia, menyatakan dalam Nota Kontrak yang dikeluarkan oleh Organisasi Peserta kepada Klien, bahawa penjualan tersebut ialah Penjualan Singkat Dikawal Selia.

8.28 Larangan terhadap pindaan Kontrak

- (1) Tanpa mengambil kira Kaedah 8.09, Organisasi Peserta tidak boleh melaksanakan apa-apa pindaan ke atas Kontrak, daripada akaun perdagangan atau Akaun Sekuriti yang dibuka bukan untuk pelaksanaan Penjualan Singkat Dikawal Selia, hingga kepada Akaun Perdagangan atau Akaun Sekuriti, yang dibuka di bawah Kaedah 8.25 untuk pelaksanaan Penjualan Singkat Dikawal Selia.
- (2) Ketua Niaga bertanggungjawab memastikan bahawa terdapat sistem dan prosedur yang betul untuk penyemakan semula dan pemantauan, bagi memastikan bahawa semua pindaan Kontrak yang dibuat menurut Kaedah 8.09 adalah tidak melanggar Kaedah 8.28(1).

8.29 Penyerahan dan penyelesaian

Kaedah-kaedah yang berhubung dengan penyerahan dan penyelesaian di bawah Bab 9 terpakai bagi Penjualan Singkat Dikawal Selia mengikut cara yang sama sebagaimana kaedah-kaedah tersebut terpakai bagi jualan biasa.

8.30 Pelaporan oleh Organisasi Peserta

Organisasi Peserta mesti melaporkan kepada Bursa setiap hari atau dalam apa-apa kekerapan lain sebagaimana yang boleh ditentukan oleh Bursa, dalam format yang ditetapkan oleh Bursa, Kedudukan Singkat Bersih dan apa-apa maklumat lain berhubung dengan Kedudukan Singkat Bersih sebagaimana yang dikehendaki oleh Bursa dari semasa ke semasa.

[Rujuk Arahan No. 8-002]

8.31 Penggantungan Penjualan Singkat Dikawal Selia

Tanpa menjejaskan Kaedah 8.32, Bursa boleh menggantung apa-apa masukan pesanan ke dalam buku pesanan dalam ATS untuk apa-apa Penjualan Singkat Dikawal Selia selanjutnya

bagi Sekuriti yang Diluluskan, jika kuantiti bagi jumlah kedudukan singkat Sekuriti yang Diluluskan mencetuskan ambang sedemikian sebagaimana yang ditetapkan oleh Bursa.

[Rujuk Arahan No. 8-002]

(2) *[Dipotong]*

(3) *[Dipotong]*

(4) *[Dipotong]*

(5) *[Dipotong]*

8.32 Tindakan oleh Bursa

- (1) Bursa boleh terus mengambil mana-mana tindakan yang dinyatakan satu persatu di bawah Kaedah 8.32(2) terhadap mana-mana atau semua Organisasi Peserta atau Orang Berdaftar atau berhubung dengan mana-mana atau semua Sekuriti Yang Diluluskan jika:
 - (a) berlaku pelanggaran atau terdapat kemungkinan berlakunya pelanggaran mana-mana peruntukan dalam Bahagian C Bab 8; atau
 - (b) pelaksanaan Penjualan Singkat Dikawal Selia boleh membawa kepada atau berkemungkinan membawa kepada berlakunya apa-apa kesalahan di bawah Akta Perkhidmatan dan Pasaran Modal.
- (2) Menurut Kaedah 8.32(1) tindakan yang berikut boleh diambil oleh Bursa terhadap mana-mana atau semua Organisasi Peserta atau Orang Berdaftar atau berhubung dengan mana-mana atau semua Sekuriti yang Diluluskan:
 - (a) mengarahkan Penjualan Singkat Dikawal Selia selanjutnya oleh Organisasi Peserta atau Orang Berdaftar sama ada untuk Organisasi Peserta atau mana-mana atau semua Kliennya, digantung atau dihentikan;
 - (b) mengenakan had ke atas Kedudukan Singkat Bersih atau jumlah kedudukan singkat yang boleh dipegang oleh Organisasi Peserta atau Orang Berdaftar sama ada untuk Organisasi Peserta atau mana-mana atau semua Kliennya; atau
 - (c) mengenakan sekatan atau syarat ke atas Penjualan Singkat Dikawal Selia yang dijalankan oleh Organisasi Peserta atau Orang Berdaftar sama ada untuk Organisasi Peserta atau mana-mana atau semua Kliennya.

[Baki halaman ini sengaja dibiarkan kosong]

BAHAGIAN D PENJUALAN SINGKAT INTRAHARI

8.33 Takrif

Bagi tujuan Bahagian D Bab 8 ini, perkataan 'Klien' merangkumi Organisasi Peserta jika Organisasi Peserta tersebut melaksanakan Penjualan Singkat Intrahari untuk organisasi itu sendiri.

8.34 Penjualan Singkat Intrahari

- (1) Organisasi Peserta boleh melaksanakan penjualan singkat dengan andaian akan menutup kedudukan singkat dalam hari yang sama, jika penjualan singkat dijalankan menurut Bahagian D Bab 8 ini.
- (2) Organisasi Peserta tidak boleh membenarkan Klien melaksanakan Penjualan Singkat Intrahari melainkan berpuas hati bahawa Klien telah memenuhi semua syarat yang ditetapkan oleh Bursa untuk melaksanakan Penjualan Singkat Intrahari.

[Rujuk Arahan No. 8-003]

- (3) Penjualan Singkat Intrahari hanya boleh dijalankan untuk Sekuriti yang Diluluskan dengan cara Transaksi Atas Pasaran sahaja.
- (4) Penjualan singkat Sekuriti yang Diluluskan hanya boleh dijalankan di bawah Bahagian D dan mesti ditutup dengan kedudukan membeli pada hari yang sama sebagaimana penjualan dengan cara Transaksi Atas Pasaran sahaja.
- (5) *[Dipotong]*

8.35 Permulaan Penjualan Singkat Intrahari

Organisasi Peserta hanya boleh memulakan aktiviti Penjualan Singkat Intrahari jika:

- (a) telah mengadakan dasar dan garis panduan dalaman bertulis yang memadai dan berkesan untuk Penjualan Singkat Intrahari sebagaimana yang dikehendaki oleh Bursa;

[Rujuk Arahan No. 5-001]

- (b) telah mengadakan sistem dan prasarana termasuk sistem pejabat hadapan dan belakang yang beroperasi dan mempunyai semua fungsi, keperluan dan kawalan untuk menjalankan Penjualan Singkat Intrahari; dan
- (c) menyerahkan perisytiharan bertulis dalam bentuk sebagaimana yang ditetapkan oleh Bursa tentang pematuhannya terhadap Kaedah-kaedah 8.35(a) dan 8.5(b) sekurang-kurangnya dua (2) Hari Pasaran sebelum memulakan aktiviti Penjualan Singkat Intrahari.

[Rujuk Arahan No. 8-003]

[Baki halaman ini sengaja dibiarkan kosong]

8.36 Pelaksanaan

- (1) Organisasi Peserta mesti melaksanakan semua pesanan bagi Penjualan Singkat Intrahari pada Hari Pasaran yang sama yang diarahkan oleh Klien untuk pesanan tersebut dilaksanakan dan tidak boleh dibawa ke hadapan apa-apa pesanan ke Hari Pasaran berikutnya walaupun pesanan kekal tidak dilaksanakan, sama ada sepenuhnya atau sebahagiannya.
- (2) Tiada Penjualan Singkat Intrahari boleh dilaksanakan oleh Organisasi Peserta semasa tempoh apabila Sekuriti Diluluskan telah diisytiharkan sebagai Sekuriti Bertanda di bawah Kaedah 7.14 apabila diarahkan dengan jelas oleh Bursa.
- (3) Organisasi Peserta tidak boleh melaksanakan apa-apa Penjualan Singkat Intrahari menerusi Akaun Margin Klien.

8.37 Penggantungan Penjualan Singkat Intrahari

- (1) Tanpa menjejaskan Kaedah 8.41, Bursa boleh menggantung apa-apa masukan pesanan ke dalam buku pesanan dalam ATS untuk apa-apa Penjualan Singkat Intrahari selanjutnya bagi Sekuriti yang Diluluskan, jika penggantungan dikenakan ke atas pelaksanaan Penjualan Singkat Dikawal Selia bagi Sekuriti yang Diluluskan menurut Bahagian C Bab 8.

[Rujuk Arahan No. 8-002]

- (2) Melainkan jika diarahkan sebaliknya oleh Bursa, penggantungan yang dikenakan ke atas Penjualan Singkat Intrahari menurut Kaedah 8.37(1) hanya boleh dihentikan apabila penggantungan yang dikenakan terhadap pelaksanaan Penjualan Singkat Dikawal Selia ditarik balik.

8.38 Penggantungan berikutan Kejatuhan Harga

Bursa boleh menggantung Penjualan Singkat Intrahari bagi mana-mana Sekuriti yang Diluluskan untuk Hari Pasaran selebihnya dari masa penggantungan dimulakan pada Hari Pasaran, jika Harga Terakhir bagi Sekuriti yang Diluluskan mengalami penurunan yang ketara mengikut apa-apa cara sebagaimana yang ditetapkan oleh Bursa.

8.39 Penyerahan dan Penyelesaian

Kaedah-kaedah berhubung dengan penyerahan dan penyelesaian di bawah Bab 9 terpakai bagi Penjualan Singkat Intrahari mengikut cara yang sama sebagaimana kaedah-kaedah itu terpakai bagi jualan biasa.

8.40 Pelaporan oleh Organisasi Peserta

Dengan merujuk Kaedah-kaedah 8.34(3) dan 8.34(4), Organisasi Peserta mesti melaporkan kepada Bursa kedudukan jualan bersih yang belum ditutup pada hari T dan apa-apa kedudukan yang dibawa untuk sekuriti yang bukan Sekuriti yang Diluluskan, mengikut kekerapan dan cara sedemikian sebagaimana yang ditetapkan oleh Bursa.

[Rujuk Arahan No. 8-003]

[Baki halaman ini sengaja dibiarkan kosong]

8.41 Tindakan oleh Bursa

- (1) Bursa boleh terus mengambil mana-mana tindakan yang dinyatakan satu persatu di bawah Kaedah 8.41(2) terhadap mana-mana atau semua Organisasi Peserta atau Orang Berdaftar atau berhubung dengan mana-mana atau semua Sekuriti Yang Diluluskan jika:
 - (a) berlaku pelanggaran atau terdapat kemungkinan berlakunya pelanggaran mana-mana peruntukan dalam Bahagian D Bab 8; atau
 - (b) Penjualan Singkat Intrahari boleh membawa kepada atau berkemungkinan membawa kepada berlakunya apa-apa kesalahan di bawah Akta Perkhidmatan dan Pasaran Modal.
- (2) Menurut Kaedah 8.41(1) tindakan yang berikut boleh diambil oleh Bursa terhadap mana-mana atau semua Organisasi Peserta atau Orang Berdaftar atau berhubung dengan mana-mana atau semua Sekuriti yang Diluluskan:
 - (a) mengarahkan Penjualan Singkat Intrahari selanjutnya oleh Organisasi Peserta atau Orang Berdaftar sama ada untuk Organisasi Peserta atau mana-mana atau semua Kliennya, digantung atau dihentikan;
 - (b) mengenakan had ke atas jumlah kedudukan singkat yang boleh dipegang oleh Organisasi Peserta atau Orang Berdaftar sama ada untuk Organisasi Peserta atau mana-mana atau semua Kliennya; atau
 - (c) mengenakan sekatan atau syarat ke atas Penjualan Singkat Intrahari yang dijalankan oleh Organisasi Peserta atau Orang Berdaftar sama ada untuk Organisasi Peserta atau mana-mana atau semua Kliennya.

[Baki halaman ini sengaja dibiarkan kosong]

BAHAGIAN E PENGANTUNGAN PERDAGANGAN

8.42 Pengantungan perdagangan

Bursa boleh mengantung perdagangan semua atau mana-mana sekuriti yang disebut di pasaran saham Bursa jika:

- (a) berlaku penurunan yang ketara dalam penanda aras indeks komposit Bursa; atau
- (b) pengantungan daripada perdagangan dikenakan menurut Kaedah-kaedah ini atau Kehendak-kehendak Penyenaraian.

[Bab Tamat]

BAB 9 PENYERAHAN DAN PENYELESAIAN

BAHAGIAN A AM

9.01 Skop

Peruntukan dalam Bab ini terpakai bagi Transaksi Atas Pasaran.

9.02 Pusat Penjelasan

- (1) Bursa boleh, dari semasa ke semasa, apabila mendapat kelulusan Suruhanjaya, melantik mana-mana pusat penjelasan untuk penjelasan dan penyelesaian transaksi dalam sekuriti yang disenaraikan di pasaran saham yang disenggarakan oleh Bursa, serta dilaksanakan melalui kemudahan dagangan yang dibangunkan oleh Bursa atau selainnya.
- (2) Bursa akan memberitahu semua Organisasi Peserta tentang pelantikan pusat penjelasan menurut Kaedah 9.02(1) tidak kurang daripada 14 hari dari tarikh pusat penjelasan yang ditentukan tersebut akan menjelaskan dan menyelesaikan transaksi.

[Baki halaman ini sengaja dibiarkan kosong]

BAHAGIAN B PENYERAHAN SEKURITI

9.03 Kontrak Asas Sedia Ada

- (1) Jika suatu Organisasi Peserta ialah penjual dalam Kontrak, Organisasi Peserta tersebut mesti mempunyai kuantiti sekuriti yang dijual dalam Kontrak sebagai Baki Boleh Dagang dalam Akaun Sekuriti yang digunakan untuk jualan, tidak lewat daripada hari dan masa yang ditetapkan dalam Jadual 2.
- (2) Jika Organisasi Peserta ialah pembeli dalam Kontrak, sekuriti dalam Kontrak akan diserahkan oleh Pusat Penjelasan pada hari dan masa yang ditetapkan dalam Jadual 2 tetapi hanya jika Organisasi Peserta tersebut, yang merupakan penjual dalam Kontrak mematuhi kehendak-kehendak Kaedah-kaedah Pusat Penjelasan berhubung dengan penyerahan dan penyelesaian Kontrak.
- (3) Organisasi Peserta boleh membuat penyerahan sebahagian sekuriti, tetapi cuma yang berkaitan dengan jualan Lot Dagangan sahaja. Dalam hal ini, obligasi penyerahan Organisasi Peserta dipenuhi hanya setakat bilangan sekuriti yang sebenarnya diserahkan.

[Rujuk Arahan No. 9-001]

9.04 Sekuriti dengan Pelbagai Sebut Harga

Organisasi Peserta tidak dibenarkan untuk melakukan penyerahan silang sekuriti bagi sekuriti dengan sebut harga yang berasingan.

[Baki halaman ini sengaja dibiarkan kosong]

BAHAGIAN C KONTRAK GAGAL BAGI LOT DAGANGAN

9.05 Belian Paksa Tanpa Notis

- (1) Jika Organisasi Peserta gagal menyerahkan sekuriti yang didagangkan dalam Lot Dagangan menurut Kaedah 9.03(1), Bursa akan memulakan belian paksa terhadap Organisasi Peserta pada tarikh dan masa sebagaimana yang diarahkan oleh Pusat Penjelasan, tanpa memberikan apa-apa notis kepada Organisasi Peserta. Bursa akan melakukan belian paksa menurut prosedur yang ditetapkan dalam Kaedah 9.06 dan harga bidaan bagi belian paksa tersebut adalah sebagaimana yang diarahkan oleh Pusat Penjelasan.
- (2) Bagi mengelakkan keraguan, pembeli dalam Kontrak yang gagal tidak dilarang menjual sekuriti dan mana-mana orang yang selepas itu membeli sekuriti yang sama, juga tidak dilarang daripada menjual sekuriti tersebut, tertakluk kepada Kaedah 9.07(1) dan Kaedah 9.08.
- (3) Bursa hanya boleh menarik balik atau menggantung apa-apa belian paksa jika diarahkan oleh Pusat Penjelasan.
- (4) Jika belian paksa ditarik balik di bawah Kaedah 9.05(3), obligasi penyelesaian bagi Organisasi Peserta yang ingkar adalah sebagaimana yang ditetapkan dalam Kaedah-kaedah Pusat Penjelasan.

9.06 Prosedur Belian Paksa

- (1) Bursa akan mengumumkan nama, kuantiti, dan harga bidaan sekuriti untuk belian paksa dalam ATS sebelum bermulanya belian paksa.
- (2) *[Dipotong]*
- (3) Organisasi Peserta hanya boleh memasukkan pesanan untuk menjual kepada belian paksa jika sekuriti yang berkaitan ditentukan sebagai "sekuriti bebas" dalam Akaun Sekuriti penjual.
- (4) Bursa akan memadamkan pesanan yang dimasukkan dalam ATS untuk menjual kepada belian paksa atas dasar "yang dahulu didahulukan".
- (5) Bursa boleh meneruskan belian paksa walaupun jika penggantungan dagangan dikenakan ke atas sekuriti Penerbit tersenarai menurut Kaedah-kaedah ini atau Kehendak-kehendak Penyenaian.
- (6) Organisasi Peserta yang menjual dalam Kontrak belian paksa mesti memastikan bahawa Klien yang menjual dalam Kontrak belian paksa dibayar untuk sekuriti yang dijual tidak lewat daripada 12:30 tengah hari, pada Hari Pasaran yang berikutnya, selepas tarikh Kontrak belian paksa.
- (7) Sekuriti yang diperoleh menurut belian paksa akan diserahkan kepada Akaun Sekuriti berikut pada tarikh belian paksa itu:
 - (a) pembeli dalam Kontrak yang gagal; atau
 - (b) pembeli akhir sekuriti, jika pembeli dalam Kontrak belian yang gagal telah menjual sekuriti itu.
- (8) Sekuriti yang dijual oleh penjual kepada mana-mana belian paksa antara tempoh sekuriti itu didagangkan atas asas "tanpa kelayakan" sehingga Tarikh Tutup Buku (termasuk tarikh tutup), akan dibuat atas asas "dengan kelayakan".

- (9) Organisasi Peserta yang ingkar, yang terhadapnya belian paksa dijalankan, tidak boleh mengenakan komisen bagi belian paksa itu, ke atas Klien yang menjual dalam Kontrak yang gagal.
- (10) Klien yang menjual dalam Kontrak yang gagal mesti membuat pembayaran bagi belian paksa sebagaimana yang ditentukan oleh Pusat Penjelasan, kepada Organisasi Peserta yang ingkar, yang terhadapnya belian paksa dijalankan, tidak lewat daripada 12:30 tengah hari, pada Hari Pasaran yang berikutnya, selepas tarikh belian paksa Kontrak.
- (11) *[Dipotong]*

9.07 Penyelesaian Tunai

- (1) Jika belian paksa tidak berjaya dalam T+2 atau dalam apa-apa tempoh sebagaimana yang boleh ditetapkan oleh Pusat Penjelasan, belian paksa akan ditarik balik jika diarahkan oleh Pusat Penjelasan. Kontrak tersebut kemudiannya akan diselesaikan melalui pembayaran tunai bagi kuantiti yang tidak diselesaikan menerusi belian paksa, menurut Kaedah-kaedah Pusat Penjelasan, kepada orang berikut, berdasarkan jumlah penyelesaian tunai sebagaimana yang boleh ditentukan oleh Pusat Penjelasan:
 - (a) pembeli dalam Kontrak yang gagal; atau
 - (b) pembeli akhir sekuriti, jika pembeli dalam Kontrak yang gagal telah terus menjual sekuriti tersebut selepas pembelian.
- (2) Bagi memudahkan penyelesaian tunai kepada pembeli sebagaimana yang dinyatakan dalam Kaedah 9.07(1), Organisasi Peserta yang melakukan pembelian boleh diarahkan oleh Pusat Penjelasan agar tidak terus menjual sekuriti tersebut dan Organisasi Peserta mesti memastikan bahawa arahan tersebut dilaksanakan.

[Baki halaman ini sengaja dibiarkan kosong]

BAHAGIAN D KONTRAK GAGAL LOT GANJIL

9.08 Penyelesaian tunai

- (1) Jika Organisasi Peserta gagal menyerahkan sekuriti yang didagangkan dalam Lot Ganjil menurut Kaedah-kaedah Pusat Penjelasan, Kontrak akan diselesaikan melalui pembayaran tunai kepada orang di bawah berdasarkan jumlah penyelesaian tunai sebagaimana yang ditentukan oleh Pusat Penjelasan:
 - (a) pembeli dalam Kontrak gagal; atau
 - (b) pembeli sekuriti akhir, jika pembeli dalam Kontrak gagal telah terus menjual sekuriti selepas pembelian.
- (2) Bagi memudahkan penyelesaian tunai kepada pembeli sebagaimana yang dinyatakan dalam Kaedah 9.08(1) Organisasi Peserta yang membeli boleh diarahkan oleh Pusat Penjelasan agar tidak terus menjual sekuriti tersebut dan Organisasi Peserta mesti memastikan bahawa arahan tersebut dilaksanakan.

[Baki halaman ini sengaja dibiarkan kosong]

BAHAGIAN E PENYELESAIAN PEMBAYARAN

9.09 Penyelesaian antara Organisasi Peserta dengan Klien

- (1) Jika Organisasi Peserta ialah penjual dalam Kontrak, Organisasi Peserta mesti membayar Klien yang menjual bagi sekuriti yang dijual pada hari tersebut dan tidak lewat daripada masa yang ditetapkan dalam Jadual 2.

[Rujuk Arahan No. 9-001 dan 9.09(1)-001]

- (2) Jika Organisasi Peserta ialah pembeli dalam Kontrak, Klien yang membeli mesti membayar Organisasi Peserta pada hari dan tidak lewat daripada masa yang ditetapkan dalam Jadual 2.
- (3) Tanpa mengambil kira Kaedah 9.09(2), Klien yang membeli boleh menjual sekuriti yang belum dibayarnya, pada bila-bila masa sebelum pukul 2:00 petang pada Hari Pasaran ke-2 selepas Tarikh Kontrak (T+2) dan jualan sedemikian akan disifatkan sebagai jualan untuk menutup kedudukan pembelian Klien yang membeli berkaitan dengan sekuriti tersebut dan penutupan sedemikian dirujuk sebagai “kontra”.

9.10 Kontra

- (1) Organisasi Peserta boleh membenarkan Klien untuk “kontra” Kontrak beliannya jika:
 - (a) Organisasi Peserta mempunyai garis panduan untuk “kontra”;
 - (b) Organisasi Peserta memberitahu Klien akan garis panduan tersebut sebelum melakukan “kontra”;
 - (c) apabila membenarkan Klien untuk kontra, Organisasi Peserta mengambil kira keupayaan kewangan Klien untuk membayar kerugian (jika ada) yang timbul daripada kontra; dan
 - (d) kontra dikuatkuasakan tidak lewat daripada masa dan tarikh yang ditetapkan di bawah Kaedah 9.09(3);
- (2) Apa-apa jualan sekuriti yang dibuat menurut jualan keluar di bawah Bahagian F tidak dianggap sebagai “kontra”.
- (3) Organisasi Peserta boleh mengenakan caj ke atas Klien untuk “kontra”.
- (4) Apa-apa perbezaan yang terhasil daripada “kontra” mesti diselesaikan antara Organisasi Peserta dengan Klien tidak lewat daripada Hari Pasaran ke-5 selepas tarikh “kontra” tersebut.

9.11 Tolak selesai

Selain “kontra”, sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Kaedah 9.10, Organisasi Peserta yang menjual tidak boleh menolak selesai bayaran yang kena dibayar kepada Klien yang menjual, yang timbul daripada suatu jualan Kontrak terhadap kedudukan pembelian Klien yang belum lunas, sama ada yang genap masa untuk dibayar atau tidak, melainkan Klien telah bersetuju secara bertulis dengan Organisasi Peserta untuk membenarkan tolak selesai sedemikian dilakukan.

[Baki halaman ini sengaja dibiarkan kosong]

BAHAGIAN F JUALAN KELUAR

9.12 Ingkar dalam pembayaran

- (1) Organisasi Peserta mesti memulakan jualan keluar mengikut hari dan masa yang ditetapkan dalam Jadual 2 terhadap Klien yang gagal membayar bagi pembelian Klien tersebut pada masa sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual 2.
- (2) Organisasi Peserta masih boleh menerima pembayaran daripada Klien yang gagal untuk membayar bagi pembelian Klien tersebut pada bila-bila masa sebelum jualan keluar dijalankan.

9.13 Notis tidak diperlukan

Organisasi Peserta tidak perlu memberikan notis terlebih dahulu tentang penjualan keluar kepada Klien yang ingkar.

[Baki halaman ini sengaja dibiarkan kosong]

BAHAGIAN G TUNTUTAN DAN KELAYAKAN YANG TIMBUL DARIPADA KEGAGALAN PENYERAHAN

9.14 Sekuriti diurusniagakan atas asas “Dengan Kelayakan”

- (1) Organisasi Peserta yang membeli boleh menuntut hak yang timbul daripada pembelian sekuriti menurut Kaedah-kaedah Pusat Penjelasan jika:
 - (a) sekuriti dibeli "dengan kelayakan" oleh pembeli;
 - (b) Baki Boleh Dagang tidak mencukupi atau tiada Baki Boleh Dagang bagi sekuriti tersebut dalam Akaun Sekuriti penjual pada mana-mana masa dan hari sebagaimana yang ditetapkan dalam Kaedah 9.03(1); dan
 - (c) akibatnya, pembeli tidak didaftarkan dalam Rekod Pendeposit-pendeposit pada Tarikh Tutup Buku.
- (2) Organisasi Peserta yang membeli mesti memberitahu Klien yang membeli tentang tuntutan hak yang dibenarkan oleh Pusat Penjelasan dan prosedur untuk membuat tuntutan.
- (3) Organisasi Peserta yang membeli mesti menyerahkan apa-apa tuntutan yang diminta oleh Klien mengikut cara dan dalam rangka masa sebagaimana yang ditetapkan oleh Pusat Penjelasan.

9.15 Sekuriti diurusniagakan atas asas “Tanpa Kelayakan”

- (1) Jika Organisasi Peserta yang membeli, yang mengurus niaga atas asas “tanpa kelayakan” mendapat hak, Pusat Penjelasan akan, apabila menerima tuntutan yang dirujuk dalam Kaedah 9.16(3), mengambil tindakan yang sesuai untuk mengembalikan hak itu kepada penjual yang menjual sekuriti atas asas “tanpa kelayakan”.
- (2) Organisasi Peserta yang menjual mesti memberitahu Klien yang membeli tentang tuntutan hakyang dibenarkan oleh Pusat Penjelasan dan prosedur untuk membuat tuntutan.
- (3) Organisasi Peserta yang menjual mesti menyerahkan apa-apa tuntutan yang diminta oleh Klien mengikut cara dan dalam rangka masa sebagaimana yang ditetapkan oleh Pusat Penjelasan.

9.16 Jualan hak

- (1) Tuntutan ke atas hak boleh dibuat oleh Organisasi Peserta yang membeli menurut Kaedah-kaedah Pusat Penjelasan jika:
 - (a) Baki Boleh Dagang tidak mencukupi atau tiada Baki Boleh Dagang bagi hak tersebut dalam Akaun Sekuriti penjual pada mana-mana masa dan hari sebagaimana yang ditetapkan dalam Kaedah 9.03(1);
 - (b) akibatnya, pembeli tidak didaftarkan dalam Rekod Pendeposit-pendeposit pada Tarikh Tutup Buku.
 - (c) hak telah luput.
- (2) Organisasi Peserta yang membeli mesti memberitahu Klien yang membeli tentang tuntutan hak yang dibenarkan oleh Pusat Penjelasan dan prosedur untuk membuat tuntutan.
- (3) Organisasi Peserta yang membeli mesti menyerahkan apa-apa tuntutan yang diminta oleh Klien mengikut cara dan dalam rangka masa sebagaimana yang ditetapkan oleh Pusat Penjelasan.

BAHAGIAN H BELIAN PAKSA ATAS PERMINTAAN

9.17 Belian Paksa atas Permintaan

Selain belian paksa yang dirujuk dalam Kaedah-kaedah 9.05 dan 9.06, Bursa boleh, atas permintaan yang dibuat oleh Organisasi Peserta atau Pusat Penjelasan, melakukan belian paksa berkenaan dengan mana-mana sekuriti di bawah hal keadaan sebagaimana yang ditetapkan oleh Bursa atau Pusat Penjelasan.

[Bab Tamat]

BAB 10 TRANSAKSI URUS NIAGA TERUS

BAHAGIAN A AM

10.01 Am

- (1) Transaksi Urus Niaga Terus dibenarkan jika:
- (a) Transaksi Urus Niaga Terus dilaporkan kepada Bursa menurut Kaedah 10.06;
 - (b) penyerahan dan penyelesaian sekuriti yang timbul daripada Transaksi Urus Niaga Terus dilaksanakan dengan cara catatan buku Akaun Sekuriti menurut kehendak-kehendak Pusat Penjelasan dan berdasarkan FDSS sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual 3 atau apa-apa kehendak lain sebagaimana yang boleh ditentukan oleh Bursa;
 - (c) Transaksi Urus Niaga Terus menyebabkan perubahan pemilik benefisial sekuriti; dan
 - (d) kelulusan daripada Bursa telah diperoleh terlebih dahulu untuk Transaksi Urus Niaga Terus yang memenuhi kriteria yang berikut:
 - (i) kuantiti transaksi kurang daripada 50,000 unit; dan
 - (ii) pada masa pelaporan Transaksi Urus Niaga Terus menurut Kaedah 10.06, harga transaksi mencetuskan obligasi yang dinyatakan dalam Kaedah 10.09(2) dan Kaedah 10.10(2),

kecuali jika transaksi itu dilaksanakan untuk memenuhi suatu pesanan yang tidak boleh diselesaikan menerusi suatu Transaksi Atas Pasaran atau untuk membetulkan suatu Transaksi Atas Pasaran yang disempurnakan secara silap.

[Rujuk Arahan No. 10.01(1)-001]

- (2) Organisasi Peserta mesti memohon untuk mendapatkan kelulusan daripada Bursa terlebih dahulu sebagaimana yang dinyatakan dalam Kaedah 10.01(1)(d) dalam cara yang berikut:
- (a) sekurang-kurangnya tiga (3) hari pasaran sebelum pelaporan Transaksi Urus niaga Terus di bawah Kaedah 10.06; dan
 - (b) dengan memberikan maklumat sebagaimana yang dinyatakan dalam Kaedah 10.09(2)(a) dan dokumen sebagaimana yang dinyatakan dalam Kaedah 10.09(2)(b).
- (3) Jika kelulusan telah diberikan untuk Transaksi Urus Niaga Terus di bawah Kaedah 10.01(1)(d), Organisasi Peserta tidak akan tertakluk kepada kehendak-kehendak dalam Kaedah 10.09(2) melainkan berhubung dengan tempoh penahanan dokumen sebagaimana yang dinyatakan dalam Kaedah 10.09(2)(c).
- (4) Pengiraan VWAP, iaitu VWAP yang dirujuk dalam Bab 10, tidak akan termasuk Transaksi Persetujuan Bersama Atas Pasaran.

10.02 Larangan

Tiada Transaksi Urus Niaga Terus boleh dilaporkan kepada Bursa berhubung dengan sekuriti jika renti dagangan dikenakan menurut pengeluaran pengumuman material

oleh Penerbit di bawah Kehendak-kehendak Penyenaraian (“**renti dagangan**”) atau penggantungan daripada dagangan yang dikenakan menurut Kaedah-kaedah atau Kehendak-kehendak Penyenaraian (“**penggantungan**”).

10.03 Penyerahan dan penyelesaian

- (1) Tanpa mengambil kira apa-apa peruntukan dalam Kaedah-kaedah Pusat Penjelasan, Organisasi Peserta mesti memastikan bahawa Transaksi Urus Niaga Terus yang dilaporkan di bawah Kaedah 10.06 diserahkan dan diselesaikan sepenuhnya berdasarkan hari dan masa yang ditetapkan dalam Kaedah 10.03 ini.
- (2) Jika Organisasi Peserta ialah penjual dalam Transaksi Urus Niaga Terus, Organisasi Peserta mesti menyerahkan sekuriti itu sepenuhnya dengan memastikan kuantiti sekuriti yang dijual dalam Transaksi Urus Niaga Terus sebagai Baki Boleh Dagang dalam Akaun Sekuriti penjual tidak lewat daripada hari dan masa yang ditetapkan dalam Jadual 3.
- (3) Jika Organisasi Peserta ialah pembeli dalam Transaksi Urus Niaga Terus, sekuriti dalam Transaksi Urus Niaga Terus akan diserahkan kepada Akaun Sekuriti pembeli oleh Pusat Penjelasan tidak lewat daripada hari dan masa yang ditetapkan dalam Jadual 3, jika penjualan dan pembelian oleh Organisasi Peserta mematuhi kehendak-kehendak dalam Kaedah Pusat Penjelasan bagi penyerahan dan penyelesaian Transaksi Urus Niaga Terus.
- (4) Jika Organisasi Peserta ialah penjual dalam Transaksi Urus Niaga Terus, Organisasi Peserta mesti menyelesaikan pembayaran yang diterima untuk Transaksi Urus Niaga Terus kepada Klien yang menjual tidak lewat daripada hari dan masa yang ditetapkan dalam Jadual 3.
- (5) Jika Organisasi Peserta ialah pembeli dalam Transaksi Urus Niaga Terus, Organisasi Peserta mesti menerima pembayaran penuh daripada Klien yang membeli tidak lewat daripada hari dan masa yang ditetapkan dalam Jadual 3, jika sekuriti diserahkan menurut Kaedah 10.03(2).
- (6) Obligasi Organisasi Peserta untuk menyerahkan dan menyelesaikan sepenuhnya sebagaimana yang ditetapkan dalam Kaedah 10.03(2) dan Kaedah 10.03(5) tidak diketepikan walaupun jika Pusat Penjelasan tidak menjelaskan dan menyelesaikan sepenuhnya Transaksi Urus Niaga Terus.

10.04 Jualan Keluar

- (1) Jika Klien yang membeli gagal membayar kepada Organisasi Peserta menurut Kaedah 10.03, Organisasi Peserta mesti memulakan jualan keluar terhadap Klien mengikut hari dan masa yang ditetapkan dalam Jadual 3.
- (2) Organisasi Peserta masih boleh menerima pembayaran daripada Klien yang gagal membayar pembelian Klien pada bila-bila masa sebelum jualan keluar dijalankan.

[Baki halaman ini sengaja dibiarkan kosong]

BAHAGIAN B CARA TRANSAKSI URUS NIAGA TERUS

10.05 Perjalanan Transaksi Urus Niaga Terus

Organisasi Peserta disifatkan bertindak sebagai prinsipal berhubung dengan Transaksi Urus Niaga Terus yang dilaporkan kepada Bursa dan Bursa tidak mengiktiraf kepentingan mana-mana pihak ketiga.

10.06 Pelaporan Transaksi Urus Niaga Terus

- (1) Organisasi yang merupakan pihak kepada Transaksi Urus Niaga Terus mesti memasukkan butiran Transaksi Urus Niaga Terus ke dalam ATS sebagaimana yang dikehendaki oleh Bursa.
- (2) Pelaporan Transaksi Urus Niaga Terus kepada Bursa tidak akan diterima jika satu Organisasi Peserta gagal memasukkan maklumat sepadan yang tepat bagi Transaksi Urus Niaga Terus.
- (3) Pelaporan Transaksi Urus Niaga Terus kepada Bursa akan disahkan pada ATS sebaik sahaja Organisasi Peserta kedua memasukkan maklumat sepadan bagi Transaksi Urus Niaga Terus ke dalam ATS dalam rangka masa yang ditetapkan oleh Bursa.

10.07 Ketepatan pelaporan

Organisasi Peserta bertanggungjawab terhadap ketepatan dan kebenaran semua maklumat tentang Transaksi Urus Niaga Terus yang dilaporkan kepada Bursa.

10.08 Hari perdagangan, sesi perdagangan dan waktu perdagangan

Pelaporan semua Transaksi Urus Niaga Terus oleh Organisasi Peserta kepada Bursa adalah dari pukul 8:30 pagi hingga 5:15 petang pada setiap Hari Pasaran..

10.09 Harga Sekuriti

- (1) Transaksi Urus Niaga Terus boleh didagangkan pada apa-apa harga sebagaimana yang dipersetujui antara pihak-pihak.
- (2) Jika harga Transaksi Urus Niaga Terus yang dilaporkan kepada Bursa termasuk dalam harga yang ditetapkan dalam Jadual 4, Organisasi Peserta mesti mematuhi perkara yang berikut:
 - (a) menyerahkan maklumat berikut kepada Bursa secara bertulis tidak lewat daripada pukul 12:30 tengah hari pada Hari Pasaran berikutnya selepas Transaksi Urus Niaga Terus dilaporkan kepada Bursa:
 - (i) butiran pembeli dan penjual;
 - (ii) bilangan sekuriti yang terlibat dan harga;
 - (iii) asas bagi harga Transaksi Urus Niaga Terus yang dipersetujui; dan
 - (iv) sebab bagi Transaksi Urus Niaga Terus;
 - (b) memastikan bahawa Klien menyempurnakan perisytiharan dalam bentuk sebagaimana yang ditetapkan oleh Bursa; dan

[Rujuk Arahan No. 10.01(1)-001]

- (c) menyenggara dokumen berikut selama sekurang-kurangnya tujuh (7) tahun:
 - (i) perisytiharan yang disempurnakan oleh Klien dalam bentuk sebagaimana yang ditetapkan oleh Bursa;
 - (ii) perjanjian bertulis yang membuktikan Transaksi Urus Niaga Terus; dan
 - (iii) apa-apa dokumen berkaitan yang lain berhubung dengan maklumat yang dirujuk dalam Kaedah 10.09(2)(a).

[Baki halaman ini sengaja dibiarkan kosong]

BAHAGIAN C HARI PERTAMA PERDAGANGAN BAGI SEKURITI YANG DIKELUARKAN DARIPADA PEMBERHENTIAN ATAU PENGGANTUNGAN PERDAGANGAN, PENYENARAIAAN DAN PENYEBUTAN PERDAGANGAN SERTA PERDAGANGAN TANPA KELAYAKAN ATAU SELEPAS TINDAKAN KORPORAT

10.10 Pelaporan Transaksi Urus Niaga Terus

- (1) Tiada Transaksi Urus Niaga Terus yang boleh dilaporkan di bawah Kaedah 10.06 semasa jam pertama pada hari pertama perdagangan atau penyenaraian sekuriti yang berikut:
 - (a) sekuriti yang baru sahaja dikeluarkan daripada renti dagangan atau penggantungan dagangan;
 - (b) sekuriti yang baru sahaja disenaraikan dan disebutkan di Bursa, termasuklah sekuriti yang disebut menurut tindakan korporat; dan
 - (c) sekuriti yang disebut berdasarkan tiada kelayakan.
- (2) Organisasi Peserta mesti mematuhi obligasi dalam Kaedah 10.09(2) bagi suatu Transaksi Urus Niaga Terus yang diurusniagakan untuk sekuriti yang disebut dalam Kaedah 10.10(1) jika Transaksi Urus Niaga Terus didagangkan pada harga yang ditetapkan dalam Jadual 5.
- (3) Berhubung dengan Transaksi Urus Niaga Terus yang melibatkan sekuriti yang dikenakan renti dagangan, pelaporan di bawah Kaedah 10.06 dan VWAP mesti digunakan untuk melepaskan obligasi yang disebut dalam Kaedah 10.10(2) sebagaimana yang dinyatakan dalam jadual berikut:

	Masa Pelepasan Pengumuman Material	Tempoh Renti Dagangan	Bilakah Transaksi Urus Niaga Terus boleh dilaporkan di bawah Kaedah 10.06	VWAP mesti digunakan untuk melepaskan obligasi di bawah Kaedah 10.10(2)
(1)	Sebelum bermulanya perdagangan pada pukul 9:00 pagi	9:00 hingga 10:00 pagi	Selepas pukul 11:00 pagi	VWAP untuk sesi Perdagangan Atas Pasaran ("OMT") dari pukul 10:00 pagi hingga 11:00 pagi
(2)	9:00 pagi hingga 10:30 pagi	1 jam dari masa pengumuman material dikeluarkan	1 jam selepas sesi OMT bermula	VWAP selama 1 jam untuk Sesi OMT
(3)	10:31 pagi hingga 11:00 pagi	1 jam dari masa pengumuman material dikeluarkan	} Selepas pukul 3:30 petang	} VWAP untuk sesi OMT dari pukul 2:30 petang hingga 3:30 petang
(4)	11:01 pagi dan sebelum pukul 12:30 tengah hari	Dari masa pengumuman material dikeluarkan hingga pukul 12:30 tengah hari.		
(5)	12:30 tengah hari hingga 1:30 tengah hari	Tiada renti dagangan dikenakan		

(6)	1:31 tengah hari hingga 2:30 petang	2:30 petang hingga 3:30 petang	Selepas pukul 4:30 petang	VWAP untuk sesi OMT dari pukul 3:30 petang hingga 4:30 petang
(7)	2:31 petang hingga 3:00 petang	1 jam dari masa pengumuman material dikeluarkan	1 jam selepas sesi OMT bermula	VWAP untuk sesi OMT selama 1 jam
(8)	3:01 petang hingga 3:30 petang	1 jam dari masa pengumuman material dikeluarkan	} Hari Pasaran Berikutnya selepas 1 jam sesi OMT bermula	} VWAP Hari Pasaran Berikutnya untuk sesi OMT dari pukul 9:00 pagi hingga 10:00 pagi
(9)	3:31 petang dan sebelum pukul 5:00 petang	Dari masa pengumuman material dikeluarkan hingga pukul 5:00 petang		

(4) Organisasi Peserta mesti memastikan bahawa organisasi tersebut mematuhi obligasi dalam Kaedah 10.09(2) untuk Transaksi Urus Niaga Terus yang melibatkan sekuriti yang disebut dalam Kaedah 10.10(3), dalam keadaan berikut:

- (a) jika Transaksi Urus Niaga Terus diurusniagakan pada harga sama ada 15% atau lebih di atas VWAP atau 15% atau lebih di bawah VWAP yang dirujuk dalam Kaedah 10.10(3) (“OMT VWAP”); atau
- (b) jika Transaksi Urus Niaga Terus diurusniagakan pada harga sama ada 15% atau lebih di atas Harga Rujukan atau 15% atau lebih di bawah Harga Rujukan, jika tiada OMT VWAP.

[Baki halaman ini sengaja dibiarkan kosong]

BAHAGIAN D PINDAAN DAN PEMBATALAN TRANSAKSI URUS NIAGA TERUS

10.11 Pindaan dan Pembatalan

- (1) Transaksi Urus Niaga Terus yang dilaporkan kepada Bursa menurut Kaedah 10.06(1) merupakan kontrak yang kukuh dan tidak boleh dibatalkan.
- (2) Organisasi Peserta hanya boleh meminda butiran Transaksi Urus Niaga Terus yang dilaporkan kepada Bursa menurut Kaedah 10.06(1) jika pindaan itu:
 - (a) berpunca daripada kesilapan memasukkan data oleh Organisasi Peserta; dan
 - (b) dilakukan tidak lewat daripada pukul 5:15 petang pada hari Transaksi Urus Niaga Terus dilaporkan.
- (3) Organisasi Peserta mesti menyerahkan laporan bagi pindaan yang dilakukan di bawah Kaedah 10.11(2) kepada Bursa sebelum bermulanya perdagangan pada Hari Pasaran yang berikutnya.

[Baki halaman ini sengaja dibiarkan kosong]

**BAHAGIAN E KEGAGALAN UNTUK MENYERAHKAN ATAU MEMBUAT
PEMBAYARAN BAGI TRANSAKSI URUS NIAGA TERUS**

10.12 Tindakan oleh Bursa

- (1) Walaupun jika Pusat Penjelasan membenarkan penyerahan dan penyelesaian sebahagian daripada Transaksi Urus Niaga Terus, hal ini tidak menjejaskan hak Bursa untuk mengambil Tindakan terhadap Organisasi Peserta yang menjual kerana apa-apa kegagalan untuk menyerahkan sekuriti sepenuhnya menurut Kaedah 10.03(2).
- (2) Bursa boleh mengambil tindakan terhadap Organisasi Peserta yang membeli kerana apa-apa kegagalan untuk menyelesaikan amaun yang kena dibayar untuk Transaksi Urus Niaga Terus menurut Kaedah-kaedah Pusat Penjelasan.

[Baki halaman ini sengaja dibiarkan kosong]

BAHAGIAN F LEVI SURUHANJAYA SEKURITI

10.13 Tuntutan

Organisasi Peserta mesti membayar kepada, atau menuntut daripada, Suruhanjaya perbezaan bagi levi yang dikenakan oleh Suruhanjaya akibat daripada kegagalan Organisasi Peserta yang membeli atau Organisasi Peserta yang menjual menurut Bahagian E Bab 10.

[Bab Tamat]

BAB 11 KOMISEN DAN FI DAN CAJ LAIN

BAHAGIAN A TAKRIF

11.01 Takrif

Dalam Bab ini, melainkan konteksnya menghendaki makna yang lain:

- | | |
|---------------|---|
| Nilai Kontrak | <ul style="list-style-type: none"> (a) Jumlah nilai sekuriti bagi kaunter yang sama yang dibeli atau dijual oleh Klien dalam satu Hari Pasaran; atau (b) jika Klien mengarahkan transaksi yang dihuraikan dalam perenggan (a) di atas diturunkan dalam lebih daripada satu Kontrak, nilai sekuriti bagi setiap Kontrak. |
|---------------|---|

Nilai sekuriti ditentukan dengan merujuk harga apabila sekuriti dibeli atau dijual.

- | | |
|---------------------|---|
| Dagangan Intra Hari | Pembelian dan penjualan seterusnya (sama ada atau tidak keseluruhan jumlah dibeli) sekuriti bagi kaunter yang sama dalam satu Hari Pasaran yang sama. |
|---------------------|---|

- | | |
|-----------------|--|
| Dagangan Runcit | Dagangan atau transaksi yang lain daripada dagangan atau transaksi oleh atau bagi pihak: |
|-----------------|--|

- (a) syarikat insurans hayat;
- (b) syarikat insurans am;
- (c) persaraan atau kumpulan wang simpanan pekerja;
- (d) bank, termasuk bank pelaburan yang juga bukan Organisasi Peserta dan bank koperasi yang ditubuhkan atau dilesenkan untuk beroperasi di Malaysia di bawah undang-undang Malaysia atau di tempat lain atau di bawah undang-undang bidang kuasa yang berkenaan;
- (e) subsidiari milik penuh institusi di bawah perenggan (d) di atas;
- (f) *[dipotong]*;
- (g) syarikat pengurusan aset dan syarikat pengurusan unit amanah;
- (h) syarikat atau institusi amanah;
- (i) koperasi yang ditubuhkan di bawah statut;
- (j) dana pusat, negeri, atau milik kerajaan tempatan, atau berkait dana;
- (k) ahli atau syarikat ahli bagi bursa saham diiktiraf;

- (l) peniaga sekuriti yang bukan ahli bagi Bursa saham yang diiktiraf sedemikian tetapi yang diberi kuasa untuk menjalankan urusan berniaga dalam sekuriti oleh pihak berkuasa yang relevan dalam bidang kuasa bursa saham yang diiktiraf; dan
- (m) mana-mana institusi lain atau jenis syarikat sebagaimana yang ditentukan dari semasa ke semasa oleh Bursa.

Skim Derma Sekuriti atau SDS

Skim derma yang diuruskan oleh Yayasan Bursa Malaysia yang membenarkan Klien mendermakan sekuriti atau hasil daripada jualan sekuriti kepada Yayasan Bursa Malaysia untuk tujuan amal mengikut cara yang ditentukan oleh Yayasan Bursa Malaysia.

[Baki halaman ini sengaja dibiarkan kosong]

BAHAGIAN B KOMISEN

11.02 Kadar

- (1) Organisasi Peserta mesti mengenakan komisen ke atas Klien Organisasi Peserta bagi setiap urus niaga pembelian dan penjualan yang dilaksanakan untuk Klien di pasaran saham Bursa, pada kadar sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual 6.
- (2) Jika Organisasi Peserta bertindak bagi pihak penjual dan pembeli dalam satu transaksi, Organisasi Peserta tersebut mesti mengenakan komisen ke atas penjual dan pembeli pada kadar sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual 6.
- (3) Organisasi Peserta tidak boleh berkongsi apa-apa komisen yang diterimanya berhubung dengan dagangan yang dilaksanakan untuk Klien dengan mana-mana orang melainkan Wakil Peniaga, Wakil Perdagangan, Wakil Pemasaran atau mana-mana orang lain sebagaimana yang dibenarkan di bawah Garis Panduan untuk Wakil Pemasaran.
- (3A) Wakil Peniaga tidak sepatutnya berkongsi apa-apa komisen yang diterima oleh Wakil Peniaga berhubung dengan dagangan yang dilaksanakan oleh Klien dengan mana-mana orang melainkan Wakil Peniaga bagi Organisasi Peserta atau mana-mana Wakil Peniaga, Wakil Perdagangan, Wakil Pemasaran bagi Organisasi Peserta atau mana-mana orang lain sebagaimana yang dibenarkan di bawah Garis Panduan untuk Wakil Pemasaran.
- (3B) Organisasi Peserta dan Wakil Peniaganya tidak sepatutnya memberikan apa-apa rebat ke atas komisen yang menyebabkan Klien membayar kurang daripada komisen minimum yang ditetapkan dalam Jadual 6.
- (4) Organisasi Peserta mesti mengenakan komisen ke atas dagangan yang dilaksanakan untuk Klien dalam Bursa Saham yang Diiktiraf pada kadar yang dinyatakan dalam Jadual 6 atau pada kadar yang digunakan oleh Bursa Saham yang Diiktiraf, mengikut mana-mana yang lebih tinggi.
- (5) Organisasi Peserta dibenarkan untuk memberikan diskaun ke atas komisen yang kena dibayar di bawah Kaedah 11.02 kepada pekerja mereka, Wakil Peniaga dan Wakil Perdagangan, dengan syarat bahawa, amaun komisen selepas diskaun adalah tidak kurang daripada komisen minimum yang ditetapkan dalam Jadual 6.

11.03 Larangan kontrak bersih

Organisasi Peserta tidak sepatutnya menolak selesai Kontrak Pembelian Klien dengan Kontrak Penjualan Klien yang sama atau sebaliknya untuk tujuan pengiraan Nilai Kontrak yang ditetapkan dalam Jadual 6.

[Baki halaman ini sengaja dibiarkan kosong]

BAHAGIAN C FI DAN CAJ LAIN

11.04 Levi oleh Suruhanjaya

- (1) Dalam Kaedah 11.04 ini, suatu “Transaksi” ertinya pembelian atau penjualan:
 - (a) sekuriti yang direkodkan di Bursa; atau
 - (b) sekuriti yang diberitahu kepada Bursa menurut Kaedah-kaedah ini.
- (2) Menurut Perintah Suruhanjaya Sekuriti (Levi ke atas Transaksi Sekuriti) 1995, setiap Organisasi Peserta yang menjual dan Organisasi Peserta yang membeli mesti membayar kepada Bursa, bagi akaun Suruhanjaya, suatu levi ke atas Transaksi sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual 7.
- (3) Bagi mengelakkan keraguan, kehendak dalam Kaedah 11.04(2) tidak terpakai untuk Transaksi ISSBNT.

11.05 Fi penjelasan

Organisasi Peserta mesti membayar kepada Pusat Penjelasan, fi penjelasan sebagaimana yang ditentukan oleh Pusat Penjelasan.

[Bab Tamat]

**BAB 12 KEHENDAK-KEHENDAK PERAKAUNAN, AUDIT DAN
PELAPORAN KEWANGAN**

BAHAGIAN A AKAUN DAN PELAPORAN KEWANGAN

12.01 Akaun

Organisasi Peserta mesti sentiasa mengemas kini rekod perakaunan serta buku dan rekod lain. Perakaunan dan buku dan rekod lain mesti:

- (a) mematuhi kehendak-kehendak Bursa; dan
- (b) disimpan untuk tempoh yang tidak kurang dari 7 tahun dari tarikh rekod mula disediakan.

[Rujuk Arahan No. 12-002]

12.02 Penyata Kewangan

Organisasi Peserta mesti menyerahkan kepada Bursa semua penyata-penyata kewangan yang ditentukan oleh Bursa dalam tempoh yang ditetapkan. Penyata-penyata kewangan tersebut mesti mematuhi kehendak Bursa.

[Rujuk Arahan No. 12-002]

[Baki halaman ini sengaja dibiarkan kosong]

BAHAGIAN B AUDIT BERKANUN

12.03 Audit Tahunan Berkanun

- (1) Organisasi Peserta mesti menyerahkan kepada Bursa akaun teraudit oleh juruaudit berkanun secara tahunan (“Akaun Tahunan Teraudit”) dalam masa 3 bulan selepas penutupan tahun kewangan tersebut.
- (2) *[Dipotong]*
- (3) Organisasi Peserta mesti, dalam masa 2 bulan dari masa bermulanya perniagaan sebagai Organisasi Peserta memberitahu Bursa akan:
 - (a) tarikh hujung tahun kewangan Organisasi Peserta; dan
 - (b) nama juruaudit berkanun yang akan memberikan Akaun Tahunan Teraudit.
- (4) Organisasi Peserta mesti memberitahu Bursa secara bertulis terlebih dahulu akan apa-apa perubahan kepada hujung tahun kewangan atau juruaudit berkanun bagi Organisasi Peserta.

[Baki halaman ini sengaja dibiarkan kosong]

BAHAGIAN C PENGANTUNGAN FAEDAH DAN PERUNTUKAN HUTANG LAPUK DAN RAGU

12.04 Arahan-arahan

Organisasi Peserta mesti mematuhi Arahan-arahan Bursa yang menetapkan kehendak-kehendak minimum bagi:

- (a) pengendalian faedah yang dikenakan oleh Organisasi Peserta kepada Klien; dan
- (b) pelemahan peruntukan bagi hutang lapuk dan ragu tanpa mengira sama ada hutang sedemikian telah teruntuk atau tidak.

[Rujuk Arahan No. 12-001 dan Amalan Terbaik No. 12.04-001 dan 12.04-002]

12.05 [Dipotong]

[Baki halaman ini sengaja dibiarkan kosong]

BAHAGIAN D TRANSAKSI LUAR KUNCI KIRA-KIRA

12.06 Bank Pelaburan

Semua peruntukan dalam Bahagian D Bab 12 ini tidak terpakai bagi Organisasi Peserta yang merupakan Bank Pelaburan.

12.07 Rekod Transaksi Luar Kunci Kira-Kira

Organisasi Peserta mesti menyenggarakan Rekod yang mencukupi untuk menerangkan transaksi Luar Kunci Kira-kira yang dimasuki oleh Organisasi Peserta.

[Rujuk Arahan No. 12-003]

12.08 Pelaporan Transaksi Luar Kunci Kira-Kira

Organisasi Peserta mesti mengemukakan kepada Bursa Saham laporan bulanan dalam bentuk sebagaimana yang ditetapkan oleh Bursa.

[Rujuk Arahan No. 12-003]

[Bab Tamat]

BAB 13 KEHENDAK MODAL

BAHAGIAN A AM

13.01 Bank Pelaburan

Bank Pelaburan mestilah mematuhi keperluan kecukupan modal yang ditetapkan oleh Bank Pusat. Berkaitan dengan kehendak modal yang ditetapkan dalam Bab 13, hanya Kaedah-kaedah 13.03 dan 13.05 adalah terpakai kepada Bank Pelaburan.

13.02 Takrif

Istilah yang berikut mempunyai maksud yang berikut dalam Bab ini melainkan konteksnya menghendaki yang selainnya.

Terma	Maksud
Nisbah Kecukupan Modal	Nisbah yang mengaitkan Modal Cair Organisasi Peserta kepada jumlah risiko yang dihadapi, dikira seperti yang berikut: <div style="text-align: center;"> Modal Cair ----- Kehendak Risiko Keseluruhan </div>
Modal Teras	Aras sumber kewangan atau modal disenggarakan dalam bentuk yang sedia ditunaikan bagi memenuhi Kehendak Risiko Operasi Organisasi Peserta yang dikira dalam cara yang ditentukan oleh Bursa.
Risiko Kaunterparti	Risiko Kaunterparti melanggar obligasi kewangan Kaunterparti terhadap Organisasi Peserta.
Kehendak Risiko Kaunterparti atau CRR	Jumlah yang diperlukan yang mencukupi untuk aras yang diberikan bagi Risiko Kaunterparti Organisasi Peserta, yang dikira dalam cara yang ditentukan oleh Bursa.
Sekuriti Hutang	Debentur, saham pinjaman atau instrumen lain yang serupa yang mewakili atau membuktikan keterhutangan, sama ada yang dijamin atau tidak dijamin, sama ada yang boleh ditukar atau tidak dan termasuklah Sekuriti FI.
Derivatif Dagangan Bursa	Satu instrumen yang membuktikan hak, niaga hadapan atau Opsyen, Sekuriti Hutang atau sekuriti yang merupakan Dagangan Bursa dengan nilai instrumen adalah bergantung pada jumlah pelaburan sandaran.
Sekuriti Ekuiti	Sekuriti selain daripada Sekuriti Hutang.
Dagangan Bursa	Didagangkan atau disenaraikan di Bursa Saham Yang Diiktiraf.
Sekuriti FI	Sekuriti pendapatan tetap termasuklah Sekuriti Kerajaan Malaysia, Bil Perbendaharaan Malaysia, Terbitan Pelaburan Kerajaan, instrumen Cagamas, surat perdagangan, nota bertempoh sederhana dan sekuriti hutang peribadi tetapi tidak termasuk Sekuriti Hutang yang disenaraikan di Bursa .
Sekuriti Kacukan	Gabungan sekuriti konvensional dan derivatif terangkum yang boleh terdiri daripada apa-apa sahaja gabungan 2 atau lebih blok binaan instrumen kewangan. Contohnya, bon atau nota, swap, hadapan, atau Opsyen.

<p>Sekuriti ISSBNT yang Dibeli atau Sekuriti ISSBNT yang Dijual</p>	<p>Apa-apa sekuriti yang dibeli atau sekuriti yang dijual di bawah ISSBNT. Jika sekuriti yang dibeli atau sekuriti yang dijual terdiri daripada sekuriti yang telah dibahagikan atau digabungkan atau dijadikan subjek terbitan bonus atau suatu peristiwa yang serupa dengan mana-mana peristiwa yang disebutkan, ungkapan Sekuriti ISSBNT yang Dibeli atau Sekuriti ISSBNT yang Dijual bermaksud:</p> <ul style="list-style-type: none"> (a) bagi kes pembahagian atau penggabungan, sekuriti yang dalamnya sekuriti yang dibeli atau sekuriti yang dijual telah terpecah atau tergabung; (b) bagi kes pengeluaran bonus, sekuriti yang dibeli atau sekuriti yang dijual (mengikut mana-mana yang berkaitan) bersama-sama dengan sekuriti yang diperuntukkan dengan cara pengeluaran bonus; dan (c) bagi kes apa-apa peristiwa yang serupa dengan mana-mana peristiwa yang disebutkan, sekuriti yang dibeli atau sekuriti yang dijual, bersama-sama dengan atau digantikan dengan sejumlah wang atau sekuriti (atau kedua-duanya) yang setara dengan nilai atau jumlah yang timbul atau yang genap masa untuk dibayar yang berkaitan dengan sekuriti yang dibeli atau sekuriti yang dijual yang terhasil daripada peristiwa sedemikian.
<p>Risiko Pendedahan Besar</p>	<p>Risiko apabila Organisasi Peserta terdedah kepada, daripada pendedahan yang besar perkadarannya kepada:</p> <ul style="list-style-type: none"> (a) Klien atau Kaunterparti tertentu; (b) Penerbit tunggal bagi Sekuriti Hutang; (c) ekuiti tunggal.
<p>Kehendak Risiko Pendedahan Besar</p>	<p>Jumlah yang diperlukan untuk menampung aras yang diberikan bagi Risiko Pendedahan Besar Organisasi Peserta, yang dikira dalam cara yang ditentukan oleh Bursa.</p>
<p>Modal Cair</p>	<p>Sumber kewangan atau modal cair Organisasi Peserta yang disenggarakan dalam bentuk boleh tunai yang tersedia bagi memenuhi Kehendak Jumlah Risiko Keseluruhan Organisasi Peserta, dikira dalam cara yang ditentukan oleh Bursa.</p>
<p>Margin Cair</p>	<p>Jumlah lebih Modal Cair Organisasi Peserta setelah menolak Kehendak Jumlah Risiko Keseluruhan.</p>
<p>Kemudahan Pembiayaan Margin atau MFF</p>	<p>Kemudahan yang disediakan oleh Organisasi Peserta kepada Klien di bawah .30.</p>
<p>Pembiayaan Margin Risiko Dicagarkan</p>	<p>Risiko yang terdedah kepada Organisasi Peserta daripada Cagaran MFF Lanjut.</p>
<p>Nilai pada Pasaran Semasa</p>	<p>Berhubung dengan sekuriti, untuk menilai sekuriti tersebut berdasarkan harga tutup sekuriti pada satu Hari Pasaran.</p>
<p>Kehendak Risiko Operasi Minimum</p>	<p>Jumlah paling minimum yang diperlukan untuk menampung Risiko Operasi Organisasi Peserta yang ditetapkan dalam Kaedah 13.10.</p>
<p>Sekuriti Margin Peminjaman Lanjut</p>	<p>Sekuriti Margin yang dipinjamkan selanjutnya oleh Organisasi Peserta kepada pihak ketiga di bawah Pinjaman dan Peminjaman Sekuriti.</p>

Kolateral MFF Cagaran Lanjut	Sekuriti yang dipegang oleh Organisasi Peserta sebagai cagaran di bawah Kemudahan Pembiayaan Margin yang dicagarkan selanjutnya oleh Organisasi Peserta kepada pihak ketiga sebagai sekuriti bagi hutang Organisasi Peserta kepada pihak ketiga.
Risiko Operasi	Risiko apabila Organisasi Peserta terdedah kepada, daripada pengurusan risiko operasi yang tidak mencukupi dan termasuklah risiko bagi fraud, kegagalan operasi atau penyelesaian dan kekurangan sumber cair.
Kehendak Risiko Operasi	Jumlah yang diperlukan untuk menampung aras yang diberikan bagi Risiko Operasi Organisasi Peserta, yang ditetapkan dalam Kaedah 13.09(1).
Risiko Kedudukan	Risiko yang Organisasi Peserta terdedah kepada, daripada sekuriti yang dipegang oleh Organisasi Peserta sebagai prinsipal dan termasuklah Risiko pada Cagaran Pembiayaan Margin.
Kehendak Risiko Kedudukan atau PRR	Jumlah yang diperlukan untuk menampung aras yang diberikan bagi Risiko Kedudukan Organisasi Peserta, yang dikira dalam cara yang ditentukan oleh Bursa.
Orang yang Berhubungan atau Bersekutu	<p>(a) Perbadanan Berhubungan Organisasi Peserta;</p> <p>(b) Perbadanan Bersekutu Organisasi Peserta; dan</p> <p>(c) pengarah bagi Organisasi Peserta atau orang yang dianggap berkaitan dengan pengarah di bawah Seksyen 197 Akta Syarikat.</p>
Nisbah Modal Berwajaran Risiko	Maksud yang sama sebagaimana yang terdapat dalam garis panduan Bank Pelaburan yang dikeluarkan oleh Bank Negara dan Suruhanjaya Sekuriti.
Sekuriti yang Dipinjam atau Sekuriti yang Diberi Pinjam	<p>Apa-apa sekuriti yang dipinjam atau sekuriti yang diberi pinjam di bawah Sekuriti Pinjaman dan Peminjaman. Jika sekuriti yang dipinjam atau sekuriti yang diberi pinjam terdiri daripada sekuriti yang telah dipecahkan atau digabungkan atau dijadikan terbitan bonus atau suatu peristiwa yang serupa dengan mana-mana peristiwa yang disebutkan, ungkapan Sekuriti yang Dipinjam atau Sekuriti yang Diberi Pinjam bermaksud:</p> <p>(a) bagi kes yang terpecah atau tergabung, sekuriti yang dalamnya sekuriti yang dipinjam atau sekuriti yang diberi pinjam telah terpecah atau tergabung;</p> <p>(b) bagi kes pengeluaran bonus, sekuriti yang dipinjam atau sekuriti yang diberi pinjam (mengikut mana-mana yang berkaitan) bersama-sama dengan sekuriti yang diperuntukkan dengan cara pengeluaran bonus; dan</p> <p>(c) bagi kes apa-apa peristiwa yang serupa dengan mana-mana peristiwa yang disebutkan, sekuriti yang dipinjam atau sekuriti yang diberi pinjam, bersama-sama dengan atau digantikan dengan sejumlah wang atau sekuriti (atau kedua-duanya) setara dengan nilai atau jumlah yang timbul atau yang genap masa untuk dibayar yang berkaitan dengan sekuriti yang dipinjam atau sekuriti yang diberi pinjam yang terhasil daripada peristiwa sedemikian.</p>

Kehendak Risiko Keseluruhan	Jumlah Organisasi Peserta: (a) Kehendak Risiko Operasi; (b) Kehendak Risiko Kedudukan; (c) Kehendak Risiko Kaunterparti; (d) Kehendak Risiko Pendedahan Besar; dan (e) Kehendak Risiko Penajajaminan.
Risiko Penajajaminan	Risiko apabila Organisasi Peserta terdedah kepada, daripada komitmen mengikat luar jangka Organisasi Peserta untuk memperoleh sekuriti pada harga dan masa tertentu.
Kehendak Risiko Penajajaminan atau URR	Jumlah yang diperlukan untuk menampung aras yang diberikan bagi Risiko Penajajaminan Organisasi Peserta, yang dikira dalam cara yang ditentukan oleh Bursa.

[Baki halaman ini sengaja dibiarkan kosong]

BAHAGIAN B KEPERLUAN MODAL

13.03 Modal berbayar minimum dan dana pemegang syer minimum yang tidak terjejas oleh kerugian

Organisasi Peserta hendaklah mengekalkan modal berbayar dan dana pemegang saham tidak terjejas oleh kerugian, pada aras yang tidak kurang daripada jumlah minimum yang ditetapkan di bawah:

- (a) bagi Bank Pelaburan, sebagaimana yang boleh ditentukan oleh Bank Negara dan Suruhanjaya Sekuriti;
- (b) bagi Broker Sejagat, RM100,000,000; dan
- (c) bagi mana-mana Organisasi Peserta lain, RM20,000,000.

[Baki halaman ini sengaja dibiarkan kosong]

BAHAGIAN C KEHENDAK KECUKUPAN MODAL

13.04 Obligasi Organisasi Peserta

- (1) Organisasi Peserta hendaklah memastikan bahawa Nisbah Kecukupan Modal hendaklah lebih daripada 1.2 pada bila-bila masa.
- (2) Organisasi Peserta hendaklah memastikan bahawa Modal Teras hendaklah lebih daripada Kehendak Risiko Operasi pada bila-bila masa.
- (3) Jika Organisasi Peserta tidak mematuhi Kaedah 13.04(1) atau (2), Organisasi Peserta hendaklah:
 - (a) dengan serta-merta memberitahu Bursa;
 - (b) dengan serta-merta memikirkan dan mengambil langkah pembaikan untuk meningkatkan Nisbah Kecukupan Modal Organisasi Peserta kepada lebih daripada 1.2;
 - (c) sebaik sahaja boleh dilaksanakan dengan munasabah atau dengan serta-merta atas permintaan Bursa, memberitahu Bursa akan langkah pembaikan yang diniatkan hendak diambil atau yang telah diambil; dan
 - (d) memberitahu Bursa dengan serta-merta selepas semua langkah pembaikan telah diambil.
- (4) Organisasi Peserta hendaklah:
 - (a) mengira dan memantau Nisbah Kecukupan Modal Organisasi Peserta setiap hari; dan
 - (b) menyerahkan kepada Bursa maklumat dan rekod yang relevan yang berkaitan dengan Nisbah Kecukupan Modal Organisasi Peserta menurut kehendak Bursa.

[Rujuk Arahan-arahan No. 13-001 dan 13.04(4)-001]

- (5) Organisasi Peserta hendaklah menyerahkan kembali kepada Bursa, Modal Cair Organisasi Peserta, Kehendak Jumlah Risiko Keseluruhan, Margin Cair dan Nisbah Kecukupan Modal dalam bentuk yang dikehendaki oleh Bursa.

[Rujuk Arahan No. 13-001]

13.05 Obligasi Bank Pelaburan

- (1) Bank Pelaburan hendaklah memastikan bahawa Nisbah Modal Berwajaran Risiko adalah pada bila-bila masa lebih daripada aras minimum sebagaimana yang boleh ditentukan oleh Bank Negara.
- (2) Bank Pelaburan hendaklah mengira dan memantau Nisbah Modal Berwajaran Risiko menurut ketetapan oleh Bank Negara.
- (3) Jika Bank Pelaburan tidak mematuhi Kaedah 13.05(1) Bank Pelaburan hendaklah:
 - (a) dengan serta-merta memberitahu Bursa;
 - (b) memikirkan dan mengambil langkah pembaikan dengan serta-merta untuk meningkatkan Nisbah Kecukupan Modal Bank Pelaburan melebihi aras minimum;
 - (c) sebaik sahaja boleh dilaksanakan dengan munasabah atau dengan serta-merta atas permintaan Bursa, memberitahu Bursa akan langkah pembaikan yang diniatkan hendak diambil atau yang telah diambil; dan
 - (d) memberitahu Bursa dengan serta-merta selepas semua langkah pembaikan telah diambil.

[Baki halaman ini sengaja dibiarkan kosong]

BAHAGIAN D MODAL CAIR

13.06 Prinsip Umum

Organisasi Peserta hendaklah menolak semua aset tetap atau aset bukan cair apabila mengira Modal Cair Organisasi Peserta. Dalam Kaedah ini:

- (a) "aset cair" bermaksud sekuriti atau aset semasa lain dengan pasaran tersedia, atau yang berupaya ditunaikan dalam masa 30 hari;
- (b) yang berkaitan dengan suatu aset, "pasaran tersedia" bermaksud pasaran dengan aset yang boleh ditunaikan tanpa menjejaskan dengan banyaknya dan memudaratkan nilai aset.

13.07 Pengiraan Modal cair

Organisasi Peserta hendaklah mengira Modal Cair Organisasi Peserta dalam cara yang ditentukan oleh Bursa.

[Rujuk Arahan No. 13-001]

[Baki halaman ini sengaja dibiarkan kosong]

BAHAGIAN E RISIKO OPERASI

13.08 Prinsip Umum

Organisasi Peserta hendaklah memastikan bahawa Kehendak Risiko Operasi adalah kurang daripada Modal Teras Organisasi Peserta.

13.09 Pengiraan Kehendak Risiko Operasi

- (1) Kehendak Risiko Operasi Organisasi Peserta hendaklah lebih besar daripada:
 - (a) Kehendak Risiko Operasi Minimum yang terpakai; atau
 - (b) 25% daripada kehendak perbelanjaan tahunan Organisasi Peserta adalah berdasarkan laporan juruaudit terakhir yang dikemukakan dengan Bursa bagi 12 bulan yang sebelumnya.

[Rujuk Arahan No. 13-001]

- (2) Bursa mungkin menghendaki Organisasi Peserta untuk meningkatkan Kehendak Risiko Operasi jika Bursa tidak berpuas hati bahawa kawalan dalaman Organisasi Peserta adalah mencukupi.

13.10 Kehendak Risiko Operasi Minimum

- (1) Broker Sejagat hendaklah mengekalkan Kehendak Risiko Operasi Minimum sebanyak RM10,000,000.00.
- (2) Bukan-Broker Sejagat hendaklah mengekalkan Kehendak Risiko Operasi Minimum sebanyak RM5,000,000.00.

13.11 Kehendak Perbelanjaan Tahunan

Organisasi Peserta hendaklah mengira kehendak perbelanjaan tahunan Organisasi Peserta dalam cara yang ditentukan oleh Bursa.

[Rujuk Arahan No. 13-001]

13.12 Pelarasan

Bursa mungkin menghendaki Organisasi Peserta untuk melaraskan kehendak perbelanjaan tahunan jika:

- (a) terdapat perubahan ketara dalam keadaan atau aktiviti Organisasi Peserta; atau
- (b) suatu bahagian perbelanjaan yang besar ditanggung atau terakru oleh pihak ketiga dengan perbelanjaan sedemikian diketahui oleh Organisasi Peserta tetapi tidak dicajkan sepenuhnya ke atas Organisasi Peserta.

[Rujuk Arahan No. 13-001]

BAHAGIAN F KEDUDUKAN RISIKO

13.13 Prinsip Umum

Organisasi Peserta hendaklah mengira Kehendak Risiko Kedudukan bagi sekuriti yang disenaraikan di bawah:

- (a) sekuriti yang dipegang oleh Organisasi Peserta sebagai prinsipal, termasuklah yang dipegang menurut aktiviti intrahari;
- (b) Sekuriti yang Dipinjam atau Sekuriti yang Diberi Pinjam dan Sekuriti ISSBNT yang Dibeli atau Sekuriti ISSBNT yang Dijual bagi Organisasi Peserta sebagai prinsipal;
- (c) sekuriti selain daripada Sekuriti Margin yang dipegang oleh Organisasi Peserta yang telah diberi pinjam selanjutnya oleh Organisasi Peserta sebagai prinsipal untuk tujuan Sekuriti Pinjaman dan Peminjaman atau dijual selanjutnya untuk tujuan ISSBNT;
- (d) Cagaran MFF Lanjut; dan
- (e) Sekuriti Margin Peminjaman Lanjut.

[Rujuk Arahan No. 13-001]

13.14 Kehendak Risiko Kedudukan bagi ekuiti dan instrumen Derivatif Dagangan Bursa

Organisasi Peserta hendaklah mengira Kehendak Risiko Kedudukan bagi ekuitinya dan kedudukan Derivatif Dagangan Bursa dalam cara yang ditentukan oleh Bursa.

[Rujuk Arahan No. 13-001]

13.15 Kehendak Risiko Kedudukan bagi Sekuriti Hutang

Organisasi Peserta hendaklah mengira Kehendak Risiko Kedudukan bagi Sekuriti Hutang dalam cara yang ditentukan oleh Bursa.

[Rujuk Arahan No. 13-001]

13.16 Kehendak Risiko Kedudukan bagi instrumen lain

- (1) Organisasi Peserta yang berhasrat untuk mengambil kedudukan dalam suatu instrumen yang tiada perlakuan ditetapkan di bawah Bab ini hendaklah, mendapatkan arahan Bursa bagi pengiraan yang boleh dipakai untuk instrumen ini sekurang-kurangnya 15 Hari Pasaran sebelum pelaksanaan atau berkuat kuasanya tarikh instrumen.
- (2) Organisasi Peserta hendaklah, bagi instrumen tersebut, menggunakan Kehendak Risiko Kedudukan sebanyak 100% daripada Nilai pada Pasaran Semasa bagi instrumen sehinggalah pengiraan yang sesuai ditentukan oleh Bursa.

[Rujuk Arahan No. 13-001]

[Baki halaman ini sengaja dibiarkan kosong]

BAHAGIAN G RISIKO KAUNTERPARTI

13.17 Prinsip Umum

Organisasi Peserta hendaklah mengira Kehendak Risiko Kaunterparti bagi semua pendedahan Kaunterparti yang timbul daripada:

- (a) agensi yang belum diselesaikan (termasuklah yang di bawah Akaun DF);
- (b) hutang, kerugian kontra dan jumlah lain yang genap masa untuk dibayar;
- (c) penghantaran percuma;
- (d) Sekuriti Pinjaman dan Peminjaman atau transaksi ISSBNT;
- (e) transaksi derivatif;
- (f) pengaturan sub-penajajaminan;
- (g) Kemudahan Pembiayaan Margin; dan
- (h) pendedahan lain yang ditentukan oleh Bursa.

[Rujuk Arahan No. 13-001]

13.18 Pengiraan Kehendak Risiko Kaunterparti

Organisasi Peserta hendaklah mengira Kehendak Risiko Kaunterparti dalam cara yang ditentukan oleh Bursa.

[Rujuk Arahan No. 13-001]

13.19 Instrumen Luar Biasa

- (1) Organisasi Peserta hendaklah mendapatkan arahan Bursa bagi pengiraan yang boleh dipakai untuk suatu item atau produk, sekurang-kurangnya 15 Hari Pasaran sebelum tarikh kuat kuasa item atau produk tersebut jika Organisasi Peserta:
 - (a) tidak boleh mengelaskan atau ragu-ragu akan pengelasan suatu item atau produk di bawah mana-mana item dalam Kaedah 13.17; atau
 - (b) berpandangan bahawa item atau produk tersebut bukan dalam bentuk yang standard.
- (2) Tertakluk pada arahan Bursa, Organisasi Peserta hendaklah, bagi item atau produk tersebut, menggunakan sebanyak 100% Kehendak Risiko Kaunterparti bagi Nilai pada Pasaran Semasa untuk item atau produk bersih daripada apa-apa cagaran yang dipegang.
- (3) Organisasi Peserta hendaklah memastikan bahawa cagaran yang dipegang oleh Organisasi Peserta memenuhi syarat yang ditetapkan oleh Bursa dan menolak diskaun yang terpakai.

13.20 Cagaran

- (1) Organisasi Peserta boleh menggunakan cagaran atau sekuriti termasuklah cagaran yang diletakkan oleh Wakil Peniaga Berkomisen Organisasi Peserta untuk mengurangkan pendedahan Organisasi Peserta Kaunterparti dalam cara yang ditentukan oleh Bursa.
- (2) Organisasi Peserta hendaklah memberikan diskaun bagi nilai cagaran yang dipegang dalam bentuk yang berikut dalam cara yang ditentukan oleh Bursa:
 - (a) bentuk selain daripada deposit tunai RM; dan

- (b) bentuk Sekuriti Hutang.
- (3) Organisasi Peserta hendaklah menyelesaikan semua cagaran yang dipegang oleh Organisasi Peserta sekurang-kurangnya sekali setiap bulan.

[Rujuk Arahan No. 13-001]

13.21 Perlindungan Nilai

- (1) Organisasi Peserta boleh melindungi nilai Kehendak Risiko Kaunterparti bagi suatu kedudukan ekuiti terhadap kedudukan derivatif sebagaimana yang ditentukan oleh Bursa.
- (2) Perlindungan nilai hanya boleh digunakan sehingga ke tahap apabila nilai ekuiti yang menjadi asas kedudukan derivatif sepadan dengan nilai kedudukan ekuiti.
- (3) Kehendak Risiko Kaunterparti bagi kedudukan lindung nilai hendaklah, sekiranya berkenaan, ditentukan dalam cara yang ditetapkan oleh Bursa.

13.22 Kehendak Risiko Kaunterparti Tambahan

- (1) Bursa mungkin menghendaki Organisasi Peserta untuk menyediakan bukti yang boleh diterima bagi komitmen Klien untuk memenuhi Obligasi Klien pada tarikh yang ditetapkan bagi komitmen tersebut jika Bursa berpandangan bahawa Organisasi Peserta mungkin terdedah kepada kerugian material yang berpotensi berhubung dengan transaksi yang tidak diselesaikan.
- (2) Bukti yang boleh diterima bagi komitmen Klien untuk memenuhi Obligasi Klien pada tarikh yang ditetapkan boleh dalam bentuk pengesahan dokumen bagi transaksi yang berkenaan yang disokong oleh:
 - (a) bukti yang boleh diterima mengenai kedudukan kewangan;
 - (b) peruntukan sekuriti yang memadai; atau
 - (c) peruntukan jaminan yang boleh diterima.
- (3) Dengan ketiadaan bukti yang boleh diterima, Bursa boleh, antara lain, menghendaki Organisasi Peserta untuk meningkatkan Kehendak Risiko Kaunterparti Organisasi Peserta dengan satu jumlah yang tidak melebihi pendedahan terhadap kerugian. Pendedahan Organisasi Peserta terhadap kerugian adalah perbezaan antara jumlah obligasi Klien dengan jumlah apa-apa aset yang tersedia bagi memenuhi obligasi tersebut.

[Baki halaman ini sengaja dibiarkan kosong]

BAHAGIAN H RISIKO PENDEDAHAN BESAR

13.23 Prinsip Umum

- (1) Organisasi Peserta hendaklah mengira Kehendak Risiko Pendedahan Besar Organisasi Peserta bagi:
 - (a) pendedahan terhadap Klien tunggal atau Kaunterparti;
 - (b) pendedahan langsung terhadap Sekuriti Hutang; dan
 - (c) pendedahan langsung terhadap ekuiti tunggal,

bagi semua jumlah yang timbul dalam urusan biasa perdagangan dalam Sekuriti Ekuiti, Sekuriti Hutang atau Derivatif Dagangan Bursa menurut peruntukan yang ditetapkan di bawah Kaedah 13.23 ini.
- (2) Organisasi Peserta hendaklah mengira Risiko Pendedahan Besar terhadap Sekuriti Kacukan atau instrumen lain yang tiada pedoman ditetapkan di bawah Kaedah 13.23 ini dalam cara yang ditentukan oleh Bursa.

[Rujuk Arahan No. 13-001]

13.24 Pendedahan terhadap Klien tunggal atau Kaunterparti

- (1) Organisasi Peserta mempunyai Risiko Pendedahan Besar berhubung dengan Klien tunggal atau Kaunterparti jika jumlah pendedahan Kaunterparti Organisasi Peserta terhadap Klien atau Kaunterparti yang dikira dalam cara yang ditentukan oleh Bursa melebihi 10% daripada Dana Pemegang Syer Efektif Organisasi Peserta.
- (2) Kehendak Risiko Pendedahan Besar Organisasi Peserta terhadap Klien tunggal atau Kaunterparti adalah sama dengan jumlah dikira yang menjadi Kehendak Risiko Kaunterparti bagi Klien atau Kaunterparti tersebut.
- (3) Kehendak Risiko Pendedahan Besar Organisasi Peserta terhadap Klien tunggal sebagaimana aktiviti Organisasi Peserta dalam Sekuriti Hutang hendaklah dikira dalam cara yang ditentukan oleh Bursa.
- (4) Organisasi Peserta tidak seharusnya menanggung Risiko Pendedahan Besar terhadap mana-mana Klien atau Kaunterparti tertentu yang lebih daripada 30% daripada Dana Pemegang Saham Efektif Organisasi Peserta.
- (5) Organisasi Peserta hendaklah melaporkan kepada Bursa dengan serta-merta semua Risiko Pendedahan Besar Organisasi Peserta yang berkaitan dengan Klien atau Kaunterparti.
- (6) Dalam Kaedah 13.24 ini:
 - (a) "Klien tunggal atau Kaunterparti" termasuklah:
 - (i) jika Klien tunggal atau Kaunterparti ialah seorang individu, individu tersebut, pasangan bagi individu tersebut, perkongsian dengan individu tersebut ialah rakan kongsi, mana-mana rakan kongsi individu tersebut, pasangan bagi rakan kongsi dan semua syarikat atau perbadanan dengan individu tersebut melaksanakan kawalannya; dan
 - (ii) jika Klien tunggal atau Kaunterparti ialah sebuah perbadanan, perbadanan tersebut dan Perbadanan yang Berhubungan dan Perbadanan Bersekutu bagi perbadanan tersebut.
 - (b) seorang individu yang melaksanakan "kawalan" ke atas sebuah syarikat atau perbadanan jika individu atau pasangan individu tersebut, secara berasingan atau bersama:

- (i) memegang, secara langsung atau tak langsung, lebih daripada 50% modal saham perbadanan yang diterbitkan,
- (ii) mempunyai kuasa untuk melantik, atau menyebabkan dilantik, kebanyakan pengarah syarikat atau perbadanan; atau
- (iii) mempunyai kuasa untuk membuat, menyebabkan dibuat, keputusan yang berkaitan dengan perniagaan atau pentadbiran syarikat atau perbadanan, dan melaksanakan dengan berkesan keputusan sedemikian, atau menyebabkan mereka melaksanakan dengan kesan keputusan sedemikian.

13.25 Pendedahan langsung terhadap Sekuriti Hutang

- (1) Organisasi Peserta mempunyai Risiko Pendedahan Besar terhadap Penerbit bagi Sekuriti Hutang jika jumlah keseluruhan Sekuriti Hutang yang dipegang terhadap Penerbit melebihi 15% daripada Dana Pemegang Saham Efektif Organisasi Peserta.
- (2) Kehendak Risiko Pendedahan Besar Organisasi Peserta bagi pendedahan terhadap Sekuriti Hutang adalah setara dengan Kehendak Risiko Kedudukan bagi Sekuriti Hutang dikira dalam cara yang ditentukan oleh Bursa.
- (3) Organisasi Peserta hendaklah tidak menanggung Risiko Pendedahan Besar terhadap Sekuriti Hutang yang lebih daripada 30% daripada Dana Pemegang Saham Efektif Organisasi Peserta.

[Rujuk Arahan No. 13-001]

- (4) Organisasi Peserta hendaklah melaporkan kepada Bursa dengan serta-merta semua Risiko Pendedahan Besar Organisasi Peserta yang berkaitan dengan Sekuriti Hutang.

13.26 Pendedahan kepada ekuiti tunggal

- (1) Organisasi Peserta mempunyai Risiko Pendedahan Besar terhadap ekuiti tunggal jika Organisasi Peserta mempunyai:
 - (a) kedudukan bersih atau pendedahan (sama ada panjang atau pendek) yang melebihi 10% daripada jumlah terbitan ekuiti tersebut; atau
 - (b) kedudukan bersih atau pendedahan yang melebihi 15% daripada Dana Pemegang Saham Efektif Organisasi Peserta.
- (2) Organisasi Peserta hendaklah mengira kedudukan bersih atau pendedahan Organisasi Peserta terhadap ekuiti tunggal dalam cara yang ditentukan oleh Bursa.
- (3) Organisasi Peserta hendaklah mengelompokkan pendedahan terhadap ekuiti tunggal Organisasi Peserta yang dirujuk dalam Kaedah 13.26(5). Risiko Pendedahan Besar Organisasi Peserta yang dikelompokkan kepada ekuiti tunggal tidak boleh melebihi 250% daripada Dana Pemegang Saham Efektif Organisasi Peserta.
- (4) Organisasi Peserta hendaklah melaporkan kepada Bursa dengan serta-merta semua Risiko Pendedahan Besar Organisasi Peserta yang berkaitan dengan ekuiti tunggal.
- (5) Dalam Kaedah 13.26, "ekuiti tunggal" termasuklah:
 - (a) 30% daripada nilai cagaran yang disandarkan oleh pemiutang atau Akaun Margin (termasuk faedah) jika cagaran digunakan untuk menjamin pendedahan;
 - (b) 30% daripada nilai cagaran yang menjadi asas pinjaman dan pendahuluan jika cagaran digunakan untuk menjamin pendedahan;
 - (c) pelaburan dalam akaun saham atau kedudukan persendirian;

- (d) nilai kontrak pembelian bersih bagi ekuiti tunggal yang dikelompokkan daripada akaun Klien yang timbul daripada transaksi di bawah Kontrak Siap Sedia atau Kontrak Sertamerta, jika transaksi belum dibayar; dan
- (e) nilai kontrak pembelian bersih bagi ekuiti tunggal yang menjadi asas akaun Klien yang timbul daripada transaksi di bawah Akaun DF jika transaksi belum dibayar.

[Rujuk Arahan No. 13-001]

[Baki halaman ini sengaja dibiarkan kosong]

BAHAGIAN I RISIKO PENAJAJAMINAN

13.27 Prinsip Umum

Organisasi Peserta mempunyai Risiko Penajajaminan jika Organisasi Peserta memasuki komitmen yang mengikat untuk mengambil sekuriti pada harga dan masa yang telah ditentukan.

[Rujuk Arahan No. 13-001]

13.28 Pengiraan

Organisasi Peserta hendaklah mengira Kehendak Risiko Penajajaminan dalam cara yang ditentukan oleh Bursa.

[Rujuk Arahan No. 13-001]

13.29 Daftar komitmen penajajaminan

Organisasi Peserta hendaklah menyenggara daftar bagi semua komitmen penajajaminan Organisasi Peserta. Daftar tersebut hendaklah mengandungi maklumat yang berikut:

- (a) perincian sekuriti;
- (b) kuantiti dan harga komitmen penajajaminan Organisasi Peserta;
- (c) kuantiti dan harga komitmen penajajaminan Organisasi Peserta yang telah di-subtajajamin; dan
- (d) tarikh komitmen penajajaminan dilepaskan.

[Baki halaman ini sengaja dibiarkan kosong]

BAHAGIAN J NISBAH PENGGEARAN

13.30 Takrif

Terma yang berikut mempunyai maksud yang berikut dalam Bahagian J melainkan konteksnya menghendaki yang selainnya.

Terma	Maksud
Nisbah Penggearingan	Nisbah yang mengaitkan Tahap Penggunaan Organisasi Peserta dan Dana Pemegang Saham Efektif Organisasi Peserta, dikira seperti yang berikut: $\frac{\text{Takat Penggunaan}}{\text{Dana Pemegang Saham Efektif}}$
Hutang Bawahan	Hutang bawahan yang diluluskan yang memenuhi kehendak yang ditentukan oleh Bursa.
Takat Penggunaan	Jumlah pinjaman terkumpul yang telah digunakan oleh Organisasi Peserta.

13.31 Nisbah Penggearingan

- (1) Organisasi Peserta hendaklah memastikan Nisbah Penggearingan tidak melebihi 2.5 kali.
- (2) Hutang Bawahan Organisasi Peserta tidak dimasukkan dalam Nisbah Penggearingan jika Hutang Bawahan tidak melebihi 50% modal berbayar Organisasi Peserta yang tidak terjejas oleh kerugian.
- (3) Nisbah Penggearingan yang ditetapkan di atas tidak terpakai bagi:
 - (a) Broker Sejagat jika Broker Sejagat mengekalkan pada bila-bila masa Modal Teras yang tidak kurang daripada RM500,000,000.00; dan
 - (b) Bank Pelaburan jika Bank Pelaburan mengekalkan pada bila-bila masa dana modal minimum Bank Pelaburan yang tidak terjejas oleh kerugian yang tidak kurang daripada RM2,000,000,000.00 atas asas kumpulan perbankan atau, bagi Bank Pelaburan yang tidak membentuk sebahagian kumpulan perbankan, dana modal minimum sebanyak RM500,000,000.00, sebagaimana yang dirujuk dalam Garis Panduan Bank Pelaburan.

[Baki halaman ini sengaja dibiarkan kosong]

BAHAGIAN K RISIKO PENCAIRAN

13.32 Pematuhan

- (1) Organisasi Peserta hendaklah pada bila-bila masa mengekalkan lebih aset cair bersih terkumpul sekurang-kurangnya pada aras minimum sebagaimana yang ditetapkan oleh Bursa (“Kehendak Lebihan Bersih”).
- (2) Dalam Kaedah 13.32, “aset cair” mempunyai makna yang sama sebagaimana yang diberikan kepada ungkapan tersebut dalam Kaedah 13.06(a).

[Rujuk Arahan No. 13.32-001 dan Amalan Terbaik No. 13.32-001]

13.33 Bank Pelaburan

Kehendak risiko pencairan dalam Kaedah 13.32 tidak terpakai bagi Bank Pelaburan.

[Bab Tamat]

BAB 14 PEMERIKSAAN DAN PENYIASATAN

BAHAGIAN A TAKRIF

14.01 Takrif

[Dipotong]

[Baki halaman ini sengaja dibiarkan kosong]

PART B PEMERIKSAAN

14.02 Hak Bursa untuk memeriksa

- (1) Bursa boleh menjalankan pemeriksaan ke atas Organisasi Peserta atau Orang Berdaftar pada bila-bila masa tentang apa-apa perkara yang berhubung dengan Kaedah-kaedah Depositori, Kaedah-kaedah Pusat Penjelasan, Kaedah-kaedah ini, dasar dan tatacara dalaman Organisasi Peserta dan apa-apa kaedah dan peraturan lain yang berkaitan dengan perniagaannya yang mengendalikan sekuriti.
- (2) *[Dipotong]*
- (3) Organisasi Peserta dan Orang yang Relevan mesti:
 - (a) tidak menghalang atau menyekat Bursa semasa pemeriksaan;
 - (b) memberikan kepada Bursa semua bantuan yang dikehendaki oleh Bursa secara munasabah untuk menjalankan pemeriksaan; dan
 - (c) menyediakan maklumat relevan yang sedemikian untuk pemeriksaan, mematuhi dan memberi kesan kepada apa-apa Arahan-arahan yang dikeluarkan oleh Bursa menurut Kaedah 2.01(2)(k).

14.03 *[Dipotong]*

14.04 Pelaporan

- (1) Bursa akan memberitahu Organisasi Peserta dapatan daripada pemeriksaan oleh Bursa .
- (2) Organisasi Peserta hendaklah membentangkan dapatan Bursa kepada Lembaga Pengarah Organisasi Peserta secepat mungkin.
- (3) Organisasi Peserta hendaklah, dalam masa tertentu sebagaimana yang boleh ditentukan oleh Bursa:
 - (a) mengambil langkah pembaikan untuk menangani dapatan Bursa; dan
 - (b) memberitahu Bursa akan cara tindakan dan langkah pembetulan yang diputuskan untuk diambil oleh Lembaga Pengarah Organisasi Peserta (jika ada) untuk menangani dapatan Bursa.

14.05 *[Dipotong]*

[Baki halaman ini sengaja dibiarkan kosong]

BAHAGIAN C PENYIASATAN

14.06 Kuasa untuk menyiasat

- (1) Bursa boleh melakukan penyiasatan ke atas Organisasi Peserta atau Orang Berdaftar pada bila-bila masa tentang apa-apa perkara yang berkaitan dengan Kaedah-kaedah Depositori, Kaedah-kaedah Pusat Penjelasan, Kaedah-kaedah ini, dasar dan tatacara dalaman Organisasi Peserta dan apa-apa Kaedah dan peraturan lain yang berkaitan dengan berniaga dalam sekuriti.
- (2) *[Dipotong]*
- (3) Organisasi Peserta dan Orang Yang Berkaitan hendaklah:
 - (a) tidak menghalang atau menyekat Bursa semasa penyiasatan;
 - (b) memberikan kepada Bursa semua bantuan yang semunasabahnya dikehendaki oleh Bursa untuk melakukan penyiasatan; dan
 - (c) menyediakan maklumat yang berkaitan untuk penyiasatan, mematuhi dan memberi kesan kepada apa-apa Arahan-arahan yang dikeluarkan oleh Bursa menurut Kaedah 2.01(2)(k).

14.07 *[Dipotong]*

[Baki halaman ini sengaja dibiarkan kosong]

BAHAGIAN D KERAHSIAAN

14.08 Kerahsiaan dapatan

[Dipotong]

[Bab Tamat]

BAB 15 TINDAKAN DISIPLIN

BAHAGIAN A KUASA DISIPLIN

15.01 Am

- (1) Dalam Bab ini,
- (a) “Peserta” termasuklah Organisasi Peserta dan Orang Berdaftar bagi Organisasi Peserta, Penggerak Pasaran dan Pakar Derivatif;
 - (b) “prosiding disiplin”, sekiranya konteksnya membenarkan termasuklah rayuan prosiding di bawah Bahagian E Bab 15; dan
- (2) Sekiranya tindakan atau peninggalan oleh Orang Berdaftar, kakitangan atau ejen Peserta, Penggerak Pasaran atau Pakar Derivatif akan tertakluk pada Kaedah-kaedah ini apabila tindakan atau peninggalan sedemikian telah dilakukan oleh Organisasi Peserta, Penggerak Pasaran atau Pakar Derivatif, mengikut mana-mana yang berkenaan, maka tindakan atau peninggalan sedemikian disifatkan telah dilakukan oleh Organisasi Peserta, Penggerak Pasaran atau Pakar Derivatif, mengikut mana-mana yang berkaitan, dan tindakan disiplin boleh diambil terhadapnya.

15.02 Kuasa Disiplin

Bursa boleh melaksanakan kuasa disiplin di bawah Bahagian A Bab 15 ini terhadap Peserta jika Peserta didapati telah melanggar mana-mana Kaedah-kaedah dan Arahan-arahan ini. Kuasa disiplin Bursa termasuklah dengan mengambil satu atau lebih langkah yang berikut:

- (a) menegur (secara awam atau secara peribadi) Peserta;
- (b) mengenakan denda yang tidak melebihi RM1 juta ke atas Peserta;
- (c) menggantung (keahlian) Peserta menurut terma yang ditetapkan oleh Bursa;
- (d) mengeluarkan Peserta daripada Daftar dengan Peserta secara serta-merta tidak lagi boleh menikmati keistimewaan menjadi Peserta;
- (e) mengenakan apa-apa sekatan atau syarat yang berkaitan dengan pelanggaran yang dilakukan atau ke atas aktiviti yang dijalankan oleh Peserta;
- (f) mengenakan satu atau lebih syarat untuk pematuhan termasuklah mengeluarkan arahan bagi langkah sedemikian untuk membetulkan atau meringankan pelanggaran, selain daripada arahan untuk pemulihan;
- (g) mengarahkan Peserta untuk mengambil tindakan yang betul terhadap mana-mana kakitangan atau ejen Peserta jika orang sedemikian menyebabkan Peserta melakukan pelanggaran;
- (h) menyarankan pendidikan, latihan atau jenis program lain yang boleh ditentukan oleh Bursa untuk diambil atau diterapkan oleh Peserta bagi kakitangannya;
- (i) *[Dipotong]*
- (j) apa-apa tindakan Bursa yang lain yang dianggap sesuai, tertakluk pada perundingan dengan Suruhanjaya; atau
- (k) berkaitan dengan pelanggaran Kaedah-kaedah ini yang berkenaan dengan fungsi yang telah disumberluarkan, mengenakan apa-apa sekatan atau syarat yang

berhubung dengan pelanggaran yang dilakukan atau ke atas aktiviti yang dijalankan oleh Peserta.

15.03 Prosedur

- (1) Bursa akan menetapkan prosedur yang boleh dipakai ke atas apa-apa prosiding disiplin yang diambil di bawah Bab ini. Prosedur sedemikian boleh berubah untuk disesuaikan dengan keadaan mana-mana kes tertentu.
- (2) Bursa tidak terikat dengan Kaedah undang-undang bagi pembuktian dan tatacara dalam mana-mana prosiding disiplin di bawah Bab ini.

15.04 Penyelesaian yang dipersetujui

- (1) Peserta boleh, pada bila-bila masa sebelum Bursa membuat keputusan di bawah Kaedah 15.12, mencadangkan penyelesaian bagi tindakan disiplin melalui persetujuan dengan satu set fakta, liabiliti atau penalti dengan Bursa.
- (2) Bursa boleh menolak, menerima atau mengubah cadangan penyelesaian berdasarkan terma yang disifatkan sesuai oleh Bursa.
- (3) Sekiranya Bursa menerima penyelesaian yang dicadangkan, penyelesaian yang dipersetujui akan direkodkan sebagai keputusan Bursa.
- (4) Jika Bursa tidak bersetuju dengan penyelesaian yang dicadangkan, prosiding di bawah Bahagian C Bab 15 ini akan terpakai.

15.05 Permohonan bagi representasi lisan

- (1) Peserta boleh memohon representasi lisan untuk membuat penghujahan atau mendapatkan kehadiran saksi atau representasi undang-undang dalam representasi lisan sedemikian bagi prosiding yang dimulakan terhadap Peserta. Apa-apa permohonan sedemikian hendaklah dikemukakan dengan Respons yang diberikan di bawah Kaedah 15.11 atau Notis Rayuan yang dinyatakan dalam Kaedah 15.17.
- (2) Bursa boleh, atas budi bicara mutlaknyanya, membenarkan atau tidak membenarkan apa-apa permohonan dibuat menurut Kaedah 15.05(1), berdasarkan terma dan syarat sedemikian sebagaimana yang dianggap sesuai oleh Bursa.

15.06 Standard pembuktian

Bursa tidak akan mendapati sesuatu pendakwaan terbukti melainkan Bursa berpuas hati bahawa pendakwaan dibuktikan berasaskan imbangkan kebarangkalian.

15.07 Tindakan kumulatif atau penalti

[Dipotong]

15.08 Hak lain

Pelaksanaan kuasa dalam Kaedah 15.02 tidak akan, dalam apa-apa cara pun menjejaskan hak lain Bursaterhadap Peserta, atau mana-mana orang lain yang kepadanya Kaedah ini ditujukan.

BAHAGIAN B PELANGGARAN

15.09 Kesalahan Peserta

Mana-mana Peserta ("Peserta Mungkir") yang, dalam apa-apa keadaan, secara langsung atau tak langsung:

- (a) melakukan pelanggaran atau kesalahan mana-mana Kaedah ini;
- (b) gagal mematuhi mana-mana keputusan, arahan-arahan, perintah atau garis panduan Bursa (selain daripada garis panduan yang dinyatakan sebagai tidak mengikat) yang dibuat di bawah Kaedah ini dan/atau oleh Bursa;
- (c) melanggar apa-apa peruntukan Kaedah Pusat Penjelasan atau Kaedah Depositori;
- (d) didapati oleh Bursa bersalah dari segi salah laku;
- (e) gagal membayar, apabila genap masanya, apa-apa hutang yang ditanggung ke atas Peserta lain yang berkaitan dengan apa-apa urusan berniaga dalam sekuriti;
- (f) menjadi tidak solven
- (g) gagal melaksanakan tugas dengan berkesan, jujur atau adil;
- (h) sebagai Organisasi Peserta:
 - (i) selepas menyedari akan apa-apa ketidakmampuan di pihaknya untuk mematuhi kehendak kewangan minimum sebagaimana yang terkandung dalam Kaedah ini, gagal memberitahu Bursa akan ketakupayaan sedemikian;
 - (ii) gagal menyerahkan penyata pelaporan kewangan atau akaun teraudit sebagaimana yang dikehendaki oleh Kaedah ini dalam masa yang ditetapkan untuk penyerahan;
 - (iii) memberikan representasi palsu kepada Bursa dan/atau meninggalkan untuk memberikan apa-apa maklumat material kepada Bursa;
- (i) sebagai Wakil Peniaga:
 - (i) tanpa menjejaskan keluasan makna yang disebutkan sebelum ini:
 - (aa) secara palsu mengisytiharkan ketulenan permohonan pembukaan akaun; atau
 - (bb) tanpa kebenaran yang sah, menggunakan butir akaun orang lain;
 - (ii) memalsukan butiran akaun;
 - (iii) memalsukan tandatangan Klien atau apa-apa bentuk kebenaran Klien yang lain;
 - (iv) melakukan transaksi yang salah di sisi undang-undang ke atas akaun orang lain;
 - (v) melakukan apa-apa tindakan dalam pelanggaran akan kedudukan fidusiari yang berkaitan dengan perkara-perkara yang disebutkan sebelum ini;
 - (vi) mendelegasikan kuasa secara salah di sisi undang-undang atau memberikan tugas yang diamanahkan dengan betul kepadanya kepada orang yang tidak dibenarkan; atau

- (vii) menggunakan apa-apa jumlah yang dibayar atau sekuriti yang didepositkan oleh Klien kepada mana-mana orang yang tidak berhak atau bagi pembayaran yang lain daripada yang dinyatakan dalam akaun dagangan Klien;

adalah melakukan pelanggaran Kaedah-kaedah ini dan akan ditangani menurut peruntukan Kaedah ini yang berkaitan dengan prosiding disiplin.

[Baki halaman ini sengaja dibiarkan kosong]

BAHAGIAN C PROSIDING DISIPLIN

15.10 Notis yang Diperlukan

Bursa akan menyampaikan kepada Peserta Mungkir yang terhadapnya Tindakan Disiplin dicadangkan hendak diambil, satu notis bertulis yang menyatakan sifat dan butiran pelanggaran Peserta Mungkir yang didakwa telah dilakukan ("**Notis Mohon**").

15.11 Gerak balas terhadap Notis Mohon

Peserta Mungkir boleh mengemukakan kepada Bursa gerak balas bertulis terhadap Notis Mohon ("**Gerak Balas**") dalam masa yang ditetapkan dalam Notis Mohon tersebut.

15.12 Pemberitahuan keputusan

Selepas tamat prosiding disiplin, Bursa akan memberitahu Peserta Mungkir akan keputusan termasuklah penalti yang dikenakan (jika ada).

[Baki halaman ini sengaja dibiarkan kosong]

BAHAGIAN D PROSIDING SEGERA

15.13 Skop

Bursa boleh memulakan prosiding segera di bawah Kaedah 15.13 ke atas Peserta Mungkir yang terhadapnya tindakan disiplin dicadangkan hendak diambil dan bukannya prosiding di bawah Bahagian C Bab 15 ini dalam keadaan yang disifatkan sesuai oleh Bursa, seperti yang berkaitan dengan pelanggaran Kaedah yang lazimnya tidak membawa kepada penalti melebihi:

- (a) teguran;
- (b) denda sebanyak RM10,000.00; atau
- (c) kedua-dua yang di atas.

15.14 Prosedur

- (1) Bursa akan memberitahu Peserta Mungkir bahawa perkara tersebut akan diteruskan dengan cara prosiding segera. Notis tersebut akan memperincikan pelanggaran dan penalti yang dikenakan ke atas pelanggaran tersebut ("**Penentuan**").
- (2) Peserta Mungkir hendaklah, dalam masa yang ditetapkan dalam Penentuan, memberitahu Bursa sama ada atau tidak Peserta Mungkir bersetuju dengan Penentuan tersebut. Peserta Mungkir dianggap telah bersetuju dengan Penentuan tersebut jika Peserta Mungkir tidak memberikan maklum balas dalam masa yang ditetapkan.
- (3) Jika Peserta Mungkir bersetuju atau disifatkan telah bersetuju dengan Penentuan tersebut, Tindakan Disiplin akan direkodkan sebagai telah diambil terhadap Peserta Mungkir pada tarikh persetujuan Peserta Mungkir atau apabila tamat tempoh masa yang ditetapkan.
- (4) Jika Peserta Mungkir bersetuju atau disifatkan telah bersetuju dengan Penentuan tersebut, apa-apa denda yang dikenakan sebagai penalti terhadap pelanggaran hendaklah dibayar:
 - (a) apabila Peserta Mungkir memberitahu Bursa secara bertulis akan perjanjiannya dengan Penentuan; atau
 - (b) dalam masa yang ditetapkan dalam Penentuan;mengikut mana-mana yang berkaitan.
- (5) Jika Peserta Mungkir tidak bersetuju dengan Penentuan tersebut, perkara tersebut akan diteruskan di bawah Bahagian C Bab 15. Peserta Mungkir boleh, dalam masa yang ditetapkan dalam Penentuan, menyerahkan respons bertulis kepada Penentuan seolah-olah Penentuan ialah Notis Mohon di bawah Kaedah 15.10. Dalam menimbangkan perkara tersebut di bawah Bahagian C Bab 15 ini, Bursa tidak terikat dengan Penentuan dan boleh mengenakan penalti yang lebih tinggi berdasarkan fakta atau bukti yang diberikan semasa prosiding di bawah Bahagian C Bab 15 ini.

15.15 Tiada had

Tiada apa-apa dalam Bahagian D Bab 15 ini yang menghalang Bursa daripada meneruskan prosiding disiplin di bawah Bahagian C Bab 15 bagi apa-apa pelanggaran Kaedah.

BAHAGIAN E RAYUAN

15.16 Hak rayuan

- (1) Dalam penghuraian Kaedah 2.05, mana-mana pihak dalam prosiding disiplin yang diambil di bawah Bahagian C Bab 15 dan Kaedah 15.14(5) yang tidak berpuas hati dengan keputusan yang terhasil daripada prosiding disiplin, boleh membuat rayuan terhadap keputusan sedemikian dalam cara yang ditetapkan dalam Kaedah 15.17 melainkan keputusan telah direkodkan menurut penyelesaian yang dipersetujui di bawah Kaedah 15.04(3) (“**Perayu**”).
- (2) Bursa boleh menggantung penguatkuasaan apa-apa tindakan yang diambil di bawah Kaedah 15.02 yang menjadi subjek rayuan sehinggalah pelepasan rayuan.

15.17 Notis rayuan

Perayu hendaklah, dalam masa yang dinyatakan dalam pemberitahuan keputusan di bawah Kaedah 15.12, memberikan kepada Bursa suatu notis (“Notis Rayuan”) yang:

- (a) mengenal pasti keputusan terhadap rayuan yang dibuat; dan
- (b) menetapkan asas rayuan bersama-sama dengan representasi yang mewajarkan asas yang menjadi sandaran.

15.18 Pertimbangan rayuan

- (1) Perayu boleh mengemukakan bukti yang tidak dikemukakan semasa prosiding disiplin yang awal jika:
 - (a) bukti tersebut tidak tersedia semasa prosiding disiplin awal; dan
 - (b) bukti tersebut berkemungkinan besar mempunyai pengaruh dalam menentukan rayuan.
- (2) Perayu hendaklah mengemukakan bukti baharu sebagaimana yang dinyatakan dalam Kaedah 15.18(1) semasa menyerahkan Notis Rayuan.
- (3) Bursa boleh melaksanakan kuasanya di bawah Bahagian C Bab 14 dan menghasilkan bukti baharu yang timbul daripada Notis Rayuan yang diserahkan oleh Peserta Mungkir.
- (4) Bursa boleh memperaku, mengubah atau mengetepikan keputusan rayuan.

15.19 Pemberitahuan keputusan rayuan

Selepas keputusan rayuan, Bursa akan memberitahu Peserta Mungkir tentang keputusan rayuan dan keputusan sedemikian adalah muktamad.

[Baki halaman ini sengaja dibiarkan kosong]

BAHAGIAN F KESAN TINDAKAN DISIPLIN

15.20 Umum

- (1) Peserta Mungkir hendaklah melaksanakan dengan berkesan keputusan yang diberikan di bawah Bahagian C atau Bahagian D Bab 15 ini atau keputusan yang diperakukan atau diubah di bawah Bahagian E Bab 15 ini dalam masa yang ditetapkan oleh Bursa.
- (2) Jika Peserta Mungkir gagal melaksanakan dengan berkesan keputusan yang dibuat sedemikian, yang diperakukan atau diubah dalam masa yang ditetapkan, Peserta Mungkir disifatkan telah melakukan pelanggaran Kaedah ini dan Bursa boleh mengambil tindakan selanjutnya sebagaimana yang dinyatakan di bawah Kaedah 15.02.

15.21 Tempoh pembayaran dan kesan tidak membayar denda

- (1) Tanpa menjejaskan Kaedah 15.20(2), denda yang dikenakan oleh Bursa hendaklah dibayar oleh Peserta Mungkir dalam masa yang ditetapkan dalam notis di bawah Kaedah 15.12 atau Kaedah 15.19
- (2) Menurut Kaedah 15.21(1) dan Kaedah 15.14(4), Peserta Mungkir yang gagal membuat pembayaran dalam rangka masa yang ditetapkan akan digantung daripada perdagangan selanjutnya atau daripada fungsi dan aktivitinya dengan serta-merta, mengikut mana-mana yang berkaitan.
- (3) Sekiranya denda tetap tidak berbayar dalam masa 7 hari selepas penggantungan di bawah Kaedah 15.21(2), Bursa boleh, pada bila-bila masa selepas itu, dengan segera mengeluarkan Peserta Mungkir daripada Daftar.
- (4) Suatu denda atau mana-mana bahagian daripada suatu denda yang terus tidak dibayar oleh Peserta Mungkir ialah hutang yang terutang oleh Peserta Mungkir kepada Bursa.

15.22 Penguatkuasaan penggantungan

- (1) Penggantungan yang dikenakan oleh Bursa ke atas Peserta Mungkir:
 - (a) berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan dalam notis di bawah Kaedah 15.12 atau Kaedah 15.19 ("**notis tersebut**"); dan
 - (b) kekal untuk tempoh sedemikian sebagaimana ditetapkan dalam notis tetapi tempoh tersebut boleh dilanjutkan oleh Bursa ke tempoh tertentu sebagaimana yang dianggap sesuai.
- (2) Peserta Mungkir dengan capaian kepada perdagangan di atau menerusi pasaran saham Bursa, yang telah digantung atas apa-apa sebab sekalipun hendaklah dengan serta-merta berhenti berdagang di Bursa tetapi tidak ada apa-apa pun yang boleh ditafsirkan sebagai membebaskan atau melepaskan Peserta Mungkir sedemikian daripada kekal dipertanggungjawabkan terhadap semua perkara bagi memenuhi semua obligasinya menurut atau di bawah Kaedah ini.

[Bab Tamat]

BAB 16 PASARAN LEAP

BAHAGIAN A AM

16.01 Pengenalan

Organisasi Peserta dan Orang Berdaftar mesti mematuhi Bab ini sebagai tambahan kepada peruntukan lain Kaedah-kaedah ini yang berhubung dengan perdagangan di Pasaran LEAP.

[Baki halaman ini sengaja dibiarkan kosong]

BAHAGIAN B KEHENDAK-KEHENDAK PASARAN LEAP

16.02 Pelabur Mahir

- (1) Pasaran LEAP adalah untuk perdagangan oleh Pelabur Mahir sahaja, melainkan sebagaimana yang ditentukan dalam Kaedah 16.02(2)(b) dan 16.02(3).
- (2) Organisasi Peserta tidak seharusnya membenarkan Klien untuk berdagang atau melakukan transaksi di Pasaran LEAP melainkan jika Organisasi Peserta berpuas hati bahawa Klien adalah sama ada —
 - (a) layak sebagai Pelabur Mahir; atau
 - (b) tidak layak sebagai Pelabur Mahir tetapi merupakan pemegang sekuriti semasa bagi sebuah perbadanan yang disenaraikan di Pasaran LEAP dan perdagangan tersebut adalah semata-mata untuk penjualan sekuriti sedia ada Klien dalam perbadanan tersebut.
- (3) Organisasi Peserta hanya boleh melakukan perdagangan proprietari dalam sekuriti yang disenaraikan di Pasaran LEAP, dalam keadaan sebagaimana yang ditentukan oleh Bursa.

16.03 Pernyataan pendedahan risiko

Organisasi Peserta hanya boleh melaksanakan arahan pertama Pelabur Mahir untuk menjalankan perdagangan atau transaksi di Pasaran LEAP selepas menerima pernyataan pendedahan risiko yang dikuatkuasakan sewajarnya dalam bentuk yang ditentukan oleh Organisasi Peserta.

16.04 Pembiayaan

Organisasi Peserta tidak dibenarkan untuk memberikan pembiayaan margin menurut Kaedah 7.30 untuk tujuan langganan kepada atau pembelian sekuriti Pasaran LEAP.

16.05 Transaksi Urusniaga Terus

Organisasi Peserta tidak perlu memohon kepada Bursa untuk mendapatkan kelulusan awal yang berhubung dengan Transaksi Urusniaga Terus yang dilakukan di Pasaran LEAP, walaupun Transaksi Urusniaga Terus memenuhi kriteria yang ditetapkan dalam Kaedah 10.01(1)(d).

[Bab Tamat]

LAMPIRAN 1 - PERNYATAAN PENDEDAHAN RISIKO BAGI PINJAMAN SEKURITI

[Dipotong]

LAMPIRAN 2

[Dipotong]

**LAMPIRAN 3
[KAEDAH 7.30(21)]**

**PULANGAN BULANAN BAGI KEMUDAHAN KREDIT
DIBERIKAN BERKAITAN DENGAN AKAUN MARGIN**

[Dipotong]

**LAMPIRAN 4 – PERISYTIHARAN PEMATUHAN BAGI JUALAN SINGKAT DIKAWAL SELIA DAN
PINJAMAN DAN PEMINJAMAN SEKURITI
[Kaedah 8.23(c) dan 7.20(c)]**

[Dipotong]

LAMPIRAN 5 – PEMBERITAHUAN YANG DIKEHENDAKI UNTUK MENJALANKAN PEMBUATAN PASARAN DAN JUALAN SINGKAT YANG DIBENARKAN DAN PERISYTIHARAN YANG DIKEHENDAKI UNTUK JUALAN SINGKAT YANG DIBENARKAN

[Dipotong]

**LAMPIRAN 6 – PERISYTIHARAN BAGI TRANSAKSI URUSNIAGA TERUS
[KAEDAH 10.09(2)(b)]**

[Dipotong]

JADUAL 1
[Kaedah 3.48]

SKOP AKTIVITI WAKIL PENIAGA

	Aktiviti
(a) Wakil Peniaga Berkomisen	<ul style="list-style-type: none">▪ Wakil Peniaga Berkomisen boleh berdagang bagi pihak Klien sahaja dan tidak boleh melaksanakan perdagangan proprietari untuk Wakil Peniaga Berkomisen Organisasi Peserta.▪ Wakil Peniaga Berkomisen boleh melaksanakan apa-apa aktiviti perdagangan lain yang dibenarkan oleh Suruhanjaya.
(b) Wakil Peniaga Bergaji	<ul style="list-style-type: none">▪ Wakil Peniaga Bergaji boleh melaksanakan perdagangan proprietari untuk Wakil Peniaga Bergaji Organisasi Peserta (hanya jika tidak berdagang bagi pihak Klien atau klien bagi pemegang Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal untuk urus niaga dalam derivatif) termasuklah perdagangan yang dilaksanakan untuk Perbadanan Berkaitan Organisasi Peserta yang dirujuk dalam Kaedah 7.04.▪ Jika Wakil Peniaga Bergaji berdagang bagi pihak Klien atau klien bagi pemegang Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal untuk urus niaga dalam derivatif, Wakil Peniaga Bergaji hanya boleh berbuat demikian jika tidak melaksanakan perdagangan proprietari untuk Wakil Peniaga Bergaji Organisasi Peserta atau Perbadanan Berkaitannya.▪ Wakil Peniaga Bergaji boleh melaksanakan apa-apa aktiviti perdagangan lain yang dibenarkan oleh Suruhanjaya.
(c) <i>[Dipotong]</i>	<ul style="list-style-type: none">▪ <i>[Dipotong]</i>▪ <i>[Dipotong]</i>▪ <i>[Dipotong]</i>▪ <i>[Dipotong]</i>

[Jadual Tamat]

JADUAL 2
[Bab 7 & 9]

MASA PENYERAHAN DAN PENYELESAIAN BAGI TRANSAKSI ATAS PASARAN

Jenis Kontrak	Baki boleh dagang dalam akaun penjual (Kaedah 9.03(1))	Pembayaran kepada Klien yang menjual (Kaedah 9.09(1))	Penyerahan kepada Pembeli (Kaedah 9.03(2))	Pembayaran oleh Klien yang membeli (Kaedah 9.09(2))	Jualan Keluar (Kaedah 9.12(1))
Siap Sedia	<p>Bagi kelompok pertama penyelesaian-dijalankan: T+1 menjelang pukul 4.30 petang</p> <p>Bagi kelompok kedua penyelesaian-dijalankan: T+2 menjelang pukul 11.30 pagi*</p>	T+2, tidak lewat dari pukul 2.00 petang	<p>Bagi kelompok pertama penyelesaian-dijalankan: T+2, tidak lewat dari pukul 10.00 pagi</p> <p>Bagi kelompok kedua penyelesaian-dijalankan: T+2, tidak lewat dari pukul 2.00 petang</p>	T+2, tidak lewat dari pukul 2.00 petang	T+2 dari pukul 2.00 petang hingga T+3
Asas Serta-merta	<i>[Dipotong]</i>	<i>[Dipotong]</i>	<i>[Dipotong]</i>	<i>[[Dipotong]</i>	<i>[Dipotong]</i>

* Bursa hanya akan memulakan belian paksa tanpa notis di bawah Kaedah 9.05(1) jika Organisasi Peserta gagal menyebabkan kuantiti sekuriti yang dijual dalam Kontrak sebagai Baki Boleh Dagang dalam Akaun Sekuriti yang digunakan untuk jualan tersebut menjelang masa yang ditetapkan untuk kelompok kedua penyelesaian-dijalankan.

[Jadual Tamat]

JADUAL 3
[Kaedah 10.03]

MASA PENYERAHAN DAN PENYELESAIAN BAGI TRANSAKSI URUSNIAGA TERUS

Jenis Kontrak	Baki Boleh Dagang dalam akaun penjual	Pembayaran kepada Klien yang menjual	Penyerahan kepada pembeli	Pembayaran oleh Klien yang membeli	Jualan Keluar
Siap Sedia	<p>Bagi kelompok pertama penyelesaian-dijalankan: T+1 menjelang pukul 4.30 petang</p> <p>Bagi kelompok kedua penyelesaian-dijalankan: T+2 menjelang pukul 11.30 pagi</p>	T+2, tidak lewat dari pukul 2.30 petang	<p>Bagi kelompok pertama penyelesaian-dijalankan: T+2, tidak lewat dari pukul 11.00 pagi</p> <p>Bagi kelompok kedua penyelesaian-dijalankan: T+2, tidak lewat dari pukul 3.00 petang</p>	T+2, tidak lewat dari pukul 2.00 petang	T+2 dari pukul 2.00 petang hingga T+3
Asas Serta-merta	<i>[Dipotong]</i>	<i>[Dipotong]</i>	<i>[Dipotong]</i>	<i>[Dipotong]</i>	<i>[Dipotong]</i>

[Jadual Tamat]

JADUAL 4
[Kaedah 10.09(2)]

HARGA SEKURITI YANG DITRANSAKSIKAN DALAM TRANSAKSI URUSNIAGA TERUS

Harga sekuriti	Harga transaksi
RM1 atau lebih	15% atau lebih di atas PVWAP ATAU 15% atau lebih di bawah PVWAP
kurang daripada RM1	15 sen atau lebih di atas PVWAP ATAU 15 sen atau lebih di bawah PVWAP

* PVWAP bermaksud VWAP bagi sekuriti pada Hari Pasaran yang sebelumnya atau, jika tiada dagangan yang berkaitan dengan sekuriti dilaksanakan pada Hari Pasaran yang sebelumnya, VWAP bagi sekuriti pada hari terakhir Hari Pasaran apabila dagangan dilaksanakan.

[Jadual tamat]

JADUAL 5
[KAEDAH 10.10(2)]

HARGA SEKURITI YANG DITRANSAKSIKAN DALAM TRANSAKSI URUSNIAGA TERUS BAGI HARI PERTAMA PERDAGANGAN SEKURITI APABILA DIKELUARKAN DARIPADA PEMBERHENTIAN ATAU PENGGANTUNGAN DAGANGAN, DISENARAIKAN DAN DISEBUTKAN, DAN DARIPADA DAGANGAN TANPA KELAYAKAN ATAU SELEPAS TINDAKAN KORPORAT

Harga Transaksi			
Apabila berlaku dagangan-dagangan dalam sesi perdagangan pertama		Apabila tidak berlaku dagangan-dagangan dalam sesi perdagangan pertama	
RM 1 atau lebih	15% atau lebih di atas VWAP bagi sesi perdagangan pertama ATAU 15% atau lebih di bawah VWAP bagi sesi perdagangan pertama	RM 1 atau lebih	15% atau lebih di atas Harga Rujukan ATAU 15% atau lebih di bawah Harga Rujukan
Kurang daripada RM 1	15 sen atau lebih di atas VWAP bagi sesi perdagangan pertama ATAU 15 sen atau lebih di bawah VWAP bagi sesi perdagangan pertama	Kurang daripada RM 1	15 sen atau lebih di atas Harga Rujukan ATAU 15 sen atau lebih di bawah Harga Rujukan

[Jadual Tamat]

JADUAL 6
[Kaedah 11.02 & 11.03]

KADAR KOMISEN*

	Jenis Dagangan	Asas penentuan komisen	Komisen Minimum	Komisen Maksimum
(a)	Dagangan Terhala Dalam Talian	Boleh dirunding sepenuhnya	Tidak berkaitan	Tidak berkaitan
(b)	Dagangan yang Dibayar Tunai Terlebih Dahulu	Boleh dirunding sepenuhnya	Tidak berkaitan	Tidak berkaitan
(c)	Transaksi Urus Niaga Terus	Boleh dirunding sepenuhnya	Tidak berkaitan	Tidak berkaitan
(d)	Semua dagangan dalam sekuriti yang dilaksanakan dalam Lot Dagangan melainkan bagi dagangan yang disebut secara khusus dalam item lain jadual ini dan dagangan dalam sekuriti yang diperuntukkan dalam item (d)(i), (d)(ii), (d)(iii) dan d(iv) di bawah	Boleh dirunding tertakluk kepada komisen minimum dan maksimum, mengikut mana-mana yang lebih tinggi	Komisen Tetap Minimum	0.7% daripada Nilai Kontrak
	(i) Dagangan ABFMY1 (termasuk Dagangan Intrahari ABFMY1)	Boleh dirunding tertakluk kepada komisen minimum dan maksimum, mengikut mana-mana yang lebih tinggi	RM12.00	0.3% daripada Nilai Kontrak
	(ii) Dagangan ETB (termasuk Dagangan Intrahari ETB)	Boleh dirunding tertakluk kepada komisen minimum dan maksimum	Tidak berkaitan	0.3% daripada Nilai Kontrak
	(iii) Dagangan dalam sekuriti dalam Pasaran LEAP	Boleh dirunding sepenuhnya	Tidak berkaitan	Tidak berkaitan
	(iv) Apa-apa jualan sekuriti yang dilaksanakan menurut sumbangan yang diberikan oleh Klien di bawah Skim Derma Sekuriti	Boleh dirunding sepenuhnya	Tidak berkaitan	Tidak berkaitan

	Jenis Dagangan	Asas penentuan komisen	Komisen Minimum	Komisen Maksimum
(e)	Semua dagangan dalam sekuriti yang dilaksanakan dalam bilangan yang kurang daripada satu Lot Dagangan melainkan bagi dagangan yang disebut secara khusus dalam item lain dalam jadual ini	Boleh dirunding sepenuhnya	Tidak berkaitan	Tidak berkaitan
(f)	Dagangan ISSBNT	Boleh dirunding sepenuhnya	Tidak berkaitan	Tidak berkaitan

* Nota:

- (1) Bagi transaksi dalam mata wang asing, kadar komisen akan ditetapkan oleh Bursa dalam Arahan.
- (2) Pembayaran Tunai Terlebih Dahulu merujuk pembayaran penuh yang dibuat oleh Klien yang membeli kepada Organisasi Peserta Klien yang membeli bagi pembelian sekuriti sebelum kemasukan pesanan untuk membeli ke dalam ATS. Bagi tujuan Jadual ini, "pembayaran penuh" dalam takrif untuk Pembayaran Tunai Terlebih Dahulu mestilah dalam bentuk tunai atau apa-apa mod pembayaran lain dengan kelulusan atau pengesahan kesepadanan diberikan untuk mod pembayaran tersebut sebelum kemasukan pesanan.
- (3) Dagangan Terhala Dalam Talian merujuk dagangan yang timbul daripada suatu pesanan yang dihalakan oleh Klien kepada Organisasi Peserta menerusi sistem penghalaan pesanan elektronik untuk dimasukkan ke dalam ATS dan termasuk pesanan yang dihalakan melalui Akses Pasaran Terus.
- (4) Komisen Tetap Minimum ertinya:
 - (a) bagi dagangan yang lain daripada Dagangan Runcit
 - (i) RM2.00 bagi transaksi dalam instrument pinjaman; dan
 - (ii) RM40.00 bagi mana-mana transaksi lain.
 - (b) bagi Dagangan Runcit:
 - (i) jika Nilai Kontrak ialah RM100,000 atau kurang, komisen minimum yang perlu dibayar akan dikira pada kadar 0.6% daripada Nilai Kontrak atau amaun yang ditetapkan di bawah perenggan 4(a) di atas, mengikut mana-mana yang lebih tinggi;
 - (ii) jika Nilai Kontrak melebihi RM100,000, komisen minimum yang perlu dibayar akan dikira pada kadar 0.3% daripada Nilai Kontrak atau amaun yang ditetapkan di bawah perenggan 4(a) di atas, mengikut mana-mana yang lebih tinggi; dan
 - (iii) jika dagangan adalah pada Dagangan Intrahari, komisen minimum yang perlu dibayar akan dikira pada kadar 0.15% daripada Nilai Kontrak atau amaun yang ditetapkan di bawah perenggan 4(a) di atas, mengikut mana-mana yang lebih tinggi .

- (c) Tanpa mengambil kira perenggan 4(b) di atas, bagi transaksi oleh pekerja, Wakil Peniaga dan Wakil Perdagangan, komisen minimum yang perlu dibayar adalah amaun yang ditetapkan di bawah perenggan 4(a) di atas.

[Jadual Tamat]

JADUAL 7
[Kaedah 11.04]

Levi SC

		Levi SC dibayar daripada atau oleh:	Perkadaran
(a)	Jika kedua-dua komisen dan fi penjelasan adalah kena dibayar bagi Transaksi:	Fi penjelasan kena dibayar kepada Pusat Penjelasan di bawah Kaedah-kaedah Pusat Penjelasan	Separuh daripada Levi SC sebanyak 0.0075% daripada harga Transaksi*
		Komisen kena dibayar oleh pembeli atau penjual kepada Organisasi Peserta pembeli atau penjual	Separuh daripada Levi SC sebanyak 0.0075% daripada harga Transaksi
(b)	Jika hanya komisen adalah kena dibayar bagi Transaksi:	Komisen kena dibayar oleh pembeli atau penjual kepada Organisasi Peserta pembeli atau penjual	Keseluruhan Levi SC sebanyak 0.015% daripada harga Transaksi
(c)	Jika hanya fi penjelasan adalah kena dibayar bagi Transaksi:	Fi penjelasan kena dibayar kepada Pusat Penjelasan di bawah Kaedah-kaedah Pusat Penjelasan	Separuh daripada Levi SC sebanyak 0.0075% daripada harga Transaksi *
		Organisasi Peserta pembeli atau penjual	Separuh daripada Levi SC sebanyak 0.0075% daripada harga Transaksi
(d)	Jika komisen dan fi penjelasan tidak kena dibayar bagi Transaksi:	Organisasi Peserta pembeli atau penjual	Keseluruhan Levi SC sebanyak 0.015% daripada harga Transaksi

*Jika fi penjelasan adalah tertakluk pada suatu nilai bumbung, akan terdapat nilai bumbung yang sejajar bagi Levi SC yang kena dibayar daripada fi penjelasan sebagaimana yang ditetapkan dalam Perintah 1995 (Levi bagi Transaksi Sekuriti) Suruhanjaya Sekuriti.

[Jadual tamat]